

**PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH* DALAM MAJALAH *THE MUSLIM READER*: SATU ANALISIS KANDUNGAN**

**ZAHIDAH BINTE OSMAN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH* DALAM MAJALAH *THE MUSLIM READER*: SATU ANALISIS KANDUNGAN**

**ZAHIDAH BINTE OSMAN**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ZAHIDAH BINTI OSMAN

No. Pendaftaran/Matrik: IGB 110048

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Diktat/Teks ("Hasil Kerja Inti"):

PENDEKATAN DAKWAH BI AL-HIKMAH DALAM  
MAJALAH THE MUSLIM READER: SATU ANALISIS KANDUNGAN

Bidang Penyelidikan: DAKWAH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

- (1) Saya adalah satu-safunya pengarang/penulis Hasil Kerja Inti;
- (2) Hasil Kerja Inti adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa perikanan, ekstrak, rujukan atau pengelijuran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan seukur-pun dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Inti;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau pentu semuriasabehnya bahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Inti melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan Inti menyertahkan kesemuanya dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja Inti kepada Universiti Malaysia ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah milik punya, kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja Inti dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekali-pun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya cedera sepenuhnya sokongan dalam mencegah penghasilan Hasil Kerja Inti saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dilakukan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 3/9/2018

Diperbuat dan sesungguhnya diajudi di hadapan,

Tandatangan Sa

Tarikh 3/9/2018

Nama:  
Jawatan:

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
Universiti Malaya

J SIREN

## **PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH* DALAM MAJALAH THE MUSLIM READER: SATU ANALISIS KANDUNGAN**

### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan pendekatan dakwah *bi al-Hikmah* dalam majalah The Muslim Reader. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam penulisan majalah agama, di samping mengetahui sejarah perkembangan majalah agama di Singapura dan menganalisis mesej dakwah dan pendekatan dakwah secara hikmah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Readers*. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Metode induktif, deduktif dan komparatif juga digunakan ketika analisis dilakukan untuk mengetahui bentuk-bentuk mesej dakwah dan mengenal pasti bentuk pembujukan *al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*. Hasil kajian mendapati mesej dakwah dalam majalah *The Muslim Reader* terbahagi kepada empat aspek utama iaitu, isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa. Manakala pembujukan dakwah *bi al-hikmah* dibahagikan dalam dua bentuk, iaitu pendekatan dakwah secara lembut dan juga pendekatan secara keras. Pendekatan dakwah secara lembut ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah galakan dan kaedah ajakan. Manakala pendekatan dakwah secara keras pula menggunakan dua kaedah iaitu kaedah secara ancaman dan kaedah secara arahan. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji akan datang untuk terus menjalankan kajian mereka terhadap sejarah perkembangan majalah agama di Singapura.

**PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH* DALAM MAJALAH THE MUSLIM  
READER: SATU ANALISIS KANDUNGAN**

**ABSTRACT**

This study discussed the approach of da'wah *bi al-Hikmah* in The Muslim Reader magazine. It aims to identify the approach of da'wah *bi al-hikmah* in the writing of religious magazines, as well as to explore the history of the development of religious magazines in Singapore and to analyze the message of da'wah and da'wah *bi al-Hikmah* contained in The Muslim Reader magazine. The method used in this research are library and field. Inductive, deductive and comparative methods were also used when analysis was conducted to determine the forms of da'wah messages and to identify the form of *al-hikmah* in The Muslim Reader. The findings of the study found that the message of da'wah in The Muslim Reader magazine was divided into four main aspects namely the issue of *aqidah*, *syariah*, *akhlaq* and current issues. While the propagation of the da'wah *bi al-hikmah* was divided into two forms, namely the gentle approach of da'wah and its hard approach. The gentle approach of da'wah uses two methods of encouragement and invitation methods. While the hard approach uses two methods of threats and command. This research hopes to help future researchers to continue their study on the history of the development of religious magazines in Singapore.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, sesungguhnya segala puji dan syukur hanya bagi Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izin Nya, kajian ilmiah ini telah berjaya disiapkan bagi memenuhi sebahagian dari syarat pengijazahan Sarjana Usuluddin dalam bidang pengajian Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Dr Norrodzoh Hj.Siren, selaku penyelia yang bertungkus lumus dan sabar memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, dorongan serta keprihatinan sehingga terhasilnya disertasi penyelidikan ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan dan pengorbanan Ustazah dengan sebanyak kebaikan di dunia dan akhirat. Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan buat pensyarah-pensyarah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan serta pentadbiran Universiti Malaya di atas segala bimbingan dan panduan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan penulisan ini.

Begitu juga kepada Darul Arqam Singapura dan Cik Aishah Hussein selaku editor majalah *The Muslim Reader* atas kerjasama yang diberi dalam kajian ini. Kerjasama yang baik dari Darul Arqam Singapura amat dihargai. Semoga Allah SWT melimpahkan kerahmatan dan keberkatan pada semua.

Jutaan kalungan kasih juga ditujukan buat MWTI (Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah) selaku sekolah pertama yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, didikkan dan ilmu pengetahuan yang sangat berharga. Buat guru-guru dan asatizah yang dihormati, terima kasih atas segala tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan.

Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta, terutamanya untuk ibu tersayang, Som Sumadi, abah yang banyak berkorban, Osman Abdul Halim, kakak yang tersayang, Nadia Hezryn dan anggota keluarga yang lain kerana tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal dan mental sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Segala pengorbanan dan kasih sayang keluarga amat dihargai dan menjadi tonggak kekuatan diri.

Rasa syukur, penghargaan dan terima kasih tidak lupa juga saya pahatkan buat sahabat tercinta Siti Aishah Shukor, di atas segala sokongan dan semangat yang dihulurkan sehingga beroleh kekuatan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa, jutaan terima kasih khas buat insan yang saya hargai, Ustaz Muhammad atas doa yang tidak pernah putus yang diberikan. Semoga Allah membala segala kebaikan kalian dengan sebaik ganjaran. Buat teman-teman seperjuangan, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala bantuan dan sokongan sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, semoga penulisan ini memberi manfaat kepada yang menatapnya.

Sekian, terima kasih.

ZAHIDAH BINTE OSMAN  
JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2018

SINGAPURA

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI KEPENDEKAN	xi
SENARAI TRANSLITERASI	xii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	1
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar belakang Masalah	2
1.3    Persoalan Kajian	4
1.4    Objektif Kajian	5
1.5    Kepentingan Kajian	5
1.6    Batasan Kajian	7
1.7    Metodologi Kajian	8
1.8    Pengertian Tajuk	17
1.9    Sorotan Kajian	20
1.10   Kesimpulan	29

<b>BAB 2: PENDEKATAN DAKWAH MELALUI MAJALAH</b>	30
2.1    Pendahuluan	30
2.2    Pengertian Dakwah	31
2.3    Hukum Dakwah	34
2.4    Dakwah Melalui Majalah	38
2.4.1 Konsep Majalah	40
2.4.2 Elemen Majalah	43
2.5    Mesej Dakwah	56
2.5.1 Isu Akidah	59
2.5.2 Isu Syariah	61
2.5.3 Isu Akhlak	62
2.5.4 Isu Semasa	64
2.6    Uslub Al-Da'wah	66
2.6.1 Gaya secara al-Hikmah	68
a) Kaedah Lembut	71
b) Kaedah Keras	75
2.7    Kesimpulan	81
<b>BAB 3: SEJARAH PERKEMBANGAN MAJALAH ISLAM DI SINGAPURA</b>	82
3.1    Pendahuluan	82
3.2    Sejarah penerbitan Majalah Islam di Singapura sebelum Perang	83
3.3    Sejarah Penerbitan Majalah Islam di Singapura selepas Perang	97
3.4    Sejarah Majalah <i>The Muslim Reader</i>	112
3.5    Kesimpulan	117

<b>BAB 4 : PENDEKATAN DAKWAH MELALUI MAJALAH THE MUSLIM READER</b>	<b>118</b>
4.1 Pendahuluan	118
4.2 Mesej Dakwah dalam majalah <i>The Muslim Reader</i>	119
4.2.1 Isu Akidah	121
4.2.2 Isu Syariah	134
4.2.3 Isu Akhlak	150
4.2.4 Isu Semasa	159
4.2.5 Perbandingan Mesej Dakwah	161
4.3 Pendekatan Dakwah Bi al-Hikmah	169
4.3.1 Kaedah Lembut	170
4.3.2 Kaedah Keras	184
4.3.3 Perbandingan Uslub Dakwah Bi al-Hikmah	189
4.4 Kesimpulan	195
<b>BAB5: KESIMPULAN</b>	<b>196</b>
5.1 Pendahuluan	196
5.2 Rumusan	196
5.3 Saranan	203
5.4 Kesimpulan	206
<b>Bibliografi</b>	<b>207</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 : Analisis Mesej Dakwah dan Aspek Pembujukan Dakwah.

Jadual 2.5 : Isu dalam Mesej Dakwah.

Jadual 3.2 : Senarai majalah Agama yang terbit di Singapura sebelum Perang Dunia Kedua

Jadual 3.3 : Senarai majalah Agama yang terbit di Singapura selepas Perang Dunia Kedua.

Jadual 4.2 : Mesej Dakwah dalam majalah *The Muslim Reader*.

Jadual 4.2.5 : Perbandingan Mesej Dakwah dalam Majalah *The Muslim Reader* 2010-2015.

Jadual 4.3.1 : Kaedah Pembujukan al-Hikmah dalam majalah *The Muslim Reader*.

Jadual 4.3.1(c) : Perbandingan Uslub Dakwah Bil-Hikmah dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2010-2015.

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.4.2 : Elemen Penulisan Dakwah.

Rajah 2.5.2 (a) : Model Pembujukan al-Hikmah secara Lembut.

Rajah 2.5.2 (b) : Model Pembujukan al-Hikmah secara Keras.

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.28. Isu 1, 2010	214
Lampiran B: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.28&29. Isu 1, 2010-2011	215
Lampiran C: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.30. Isu 1, 2012	216
Lampiran D: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.31. Isu 1, 2013	217
Lampiran E: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.32. Isu 1, 2014	218
Lampiran F: Kulit Hadapan Majalah <i>TMR</i> Vol.33. Isu 1, 2015/2016	219
Lampiran G: Skrip Soalan Temubual	220

## **SENARAI KEPENDEKAN**

- TMR : The Muslim Reader
- MUIS : Majlis Ugama Islam Singapura
- PERGAS : Persatuan Ulamaa dan Guru-Guru Agama Islam
- ASAS 50 : Angkatan Sasterawan '50
- et.al : Lain-lain pengarang bersama
- ed : Edisi
- Vol. : Volume
- SWT : Subhanallahu wa Ta' ala
- s.a.w : Sallah 'alaihi wa Sallam
- t.t : Tanpa tahun
- t.tp : Tanpa tempat terbit
- Ibid : Ibidem

## PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini berdasarkan sistem ejaan baca Bahasa Melayu di dalam mengeja perkataan Arab kepada ejaan Rumi, kaedah Transliterasi digunakan.

Senarai pedoman adalah seperti berikut:<sup>1</sup>

### 1. Konsonan

Huruf Arab	Nama Transkripsi
ء , إ	a, (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d

ء , إ	a, (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d

<sup>1</sup> Lihat Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Pedoman Transliterasi Arab Ke Huruf Rumi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992). Buku Panduan Penulisan Tesis Disertasi Ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008).

ط	t
ظ	z
ع	'
خ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

## 2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi
(fathah)	A
(dammah)	U
(kasrah)	I

Vokal Panjang	Transliterasi
ا, ی	Ā
ي	Ī
و	Ū

### 3. Diftong

Diftong	Transliterasi
و ~	Aw
ي ~	Ay
ؤ ~	Uww
ي ~	iy/i

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَيَةِ وَجَنِيدُهُمْ بِالِّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۝ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۝ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ 

An-Nahl: 125

Terjemahan: Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk.

Sesungguhnya dakwah merupakan tuntutan bagi setiap Muslim. Tuntutan dakwah ini dianggap penting kerana ia merupakan suatu keperluan bagi manusia seluruhnya. Keperluan dakwah ini adalah untuk kepentingan hidup di dunia dan akhirat. Maka, dakwah dilihat sebagai sebuah aktiviti yang sangat dekat dengan kehidupan manusia. Tuntutan ini diibaratkan seperti sebuah program yang lengkap bertujuan menyeru manusia ke arah kebaikan dan menolak kebatilan.

Memandangkan tugas menyampaikan dakwah merupakan tugas yang berat, maka pelaksanaannya memerlukan cara dan pendekatan yang bersesuaian agar dapat diterima dengan baik oleh kelompok yang disasarkan. Justeru, pendekatan dakwah yang bersesuaian adalah pendekatan secara hikmah, *Maw'izah Hasanah* dan *Mujadalah* seperti mana firman Allah dalam surah an-Nahl yang telah dinyatakan di atas. Ketiga-tiga pendekatan tersebut adalah asas utama dalam metodologi dakwah.

Selain daripada isi kandungan dan usul yang penting dalam dakwah, pemilihan saluran atau media juga memainkan peranan yang sama besar dalam memastikan keberhasilan dan kejayaan dakwah mencapai sasarannya. Antara saluran media yang digunakan dalam penyampaian dakwah ialah majalah. Pendekatan dakwah melalui majalah ini mencakupi pelbagai bidang ilmu seperti akidah, syariah, akhlak dan juga isu semasa. Melalui penulisan serta pendekatan dakwah yang bersesuaian, sasaran dakwah dapat dicapai.

Oleh itu, adalah menjadi keperluan bagi pendakwah untuk memanfaatkan setiap saluran media yang ada demi mencapai matlamat dan tujuan dakwah. Penggunaan majalah sebagai medium dakwah adalah salah satu daripada usaha untuk mencapai sasaran dakwah.

## **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH**

Singapura adalah sebuah negara yang meliputi masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang menganut berbagai-bagai agama yang berbeza. Penganut agama Islam merupakan kelompok minoriti di negara ini. Demi memenuhi keperluan kerohanian dan keagamaan masyarakat Islam di Singapura, pelbagai usaha telah dijalankan oleh badan-badan Islam dalam menyampaikan dakwah. Antara pendekatan dakwah yang digunakan adalah menerusi penyampaian program dakwah, ceramah dan penulisan. Selaras dengan matlamat dan tujuan dakwah yang menyeru manusia ke arah jalan yang benar seperti yang diperintahkan Allah, maka pendekatan dakwah perlu disampaikan melalui pelbagai saluran dan media yang ada.

Namun begitu, pendekatan dakwah di Singapura dilihat lebih bertumpu pada kuliah-kuliah agama, ceramah, kelas-kelas fardhu ain dan tafsir yang dianjurkan oleh masjid-masjid juga badan-badan Islam di negara ini. Pendekatan dakwah seperti ini lebih mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Islam Singapura. Justeru, tidak banyak majalah

agama yang berada di pasaran kerana gerak kerja dakwah lebih bertumpu pada medium lisan seperti kuliah dan pengajian. Kekurangan penerbitan majalah agama di Singapura ini menjadikan pilihan bahan bacaan seperti majalah yang berbentuk keagamaan agak terbatas. Tidak banyak majalah agama yang diterbitkan di Singapura.

Kedaaan ini berbeza dengan keadaan Singapura ketika sebelum merdeka. Sejarah memperlihatkan bahawa pada suatu ketika dahulu, Singapura pernah menjadi pusat penerbitan majalah dan akhbar Melayu yang ulung. Justeru segala bidang permajalah, persuratkhabaran dan kewartawanan Melayu berpusat di Singapura sebelum berpindah ke Kuala Lumpur selepas kemerdekaan.<sup>2</sup> Ketika Singapura menjadi nadi dan pusat penerbitan Melayu ini, maka terlahirlah beberapa majalah Agama yang diterbitkan. Majalah Al-Imam adalah majalah Islam pertama di Asia tenggara. Selepas itu, terdapat beberapa majalah yang Agama lain yang berjaya diterbitkan, antaranya majalah Al-Imam, Majalah Al-Islam, Kehidupan Dunia dan Akhirat, Dunia Akhirat, Medan Laki-Laki dan Medan Al-Islam dan sebagainya.<sup>3</sup> Namun begitu, sebaik sahaja selepas kemerdekaan dan berpindahnya pusat penerbitan Melayu ke Kuala Lumpur, maka penerbitan Melayu di Singapura tidak seaktif dan serancak dahulu. Sehingga kini, tidak banyak majalah agama yang diterbitkan di Singapura, melainkan majalah yang diterbitkan oleh badan-badan Islam Singapura. Salah satu daripandanya ialah majalah *The Muslim Reader* yang sehingga kini masih diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura.

Justeru, pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ke atas pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader* memandangkan metode ini masih belum dikaji. Penulis merasakan perlunya menjalankan kajian ke atas sejarah perkembangan

---

<sup>2</sup> Hamed M. Adnan. 2006. The profile of Malay magazines before the Second World War, 1900-1941. *Jurnal Sejarah* 14 (2006):59.

<sup>3</sup> Hamed M. Adnan. 2011. Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan. *Jurnal Sejarah* 18 (2010): 94.

majalah agama di Singapura serta pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ke atas majalah *The Muslim Reader* kerana ia merupakan majalah agama berbahasa Inggeris yang terdapat di Singapura, malah penerbitan majalah tersebut juga telah bertahan dalam tempoh yang lama. Sehingga kini, majalah *The Muslim Reader* masih diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura, sebagai sebuah majalah tahunan yang padat dengan isi dan mesej dakwah. Tujuan majalah ini diterbitkan adalah untuk menyampaikan dakwah kepada pembaca terutamanya golongan mualaf.

Isu penting dalam permasalahan ini ialah mengenai sejarah perkembangan majalah agama di Singapura sebelum dan selepas perang, perkembangannya selepas merdeka serta masa depannya. Isu kedua ialah, pendekatan dakwah *bi al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*, majalah agama berbahasa Inggeris di Singapura yang telah bertahan dalam tempoh yang lama sejak tahun 1979. Hasil daripada analisis kajian ini dikemukakan cadangan-cadangan tertentu yang diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam mempergiat usaha menggunakan pendekatan dakwah melalui majalah serta diharap dapat membantu para penyelidik yang berminat dengan kajian majalah agama di Singapura.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Pengkaji melakukan analisis terhadap kandungan majalah yang dikaji, yang akan membawa kepada permasalahan pokok yang menjadi tumpuan dalam kajian ini iaitu pendekatan dakwah *bi al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*.

Demi menjalankan kajian ini dengan lebih teliti, pengkaji telah menggariskan beberapa persoalan kajian, antaranya;

- i. Apakah pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam penulisan majalah agama?

- ii. Bagaimanakah sejarah perkembangan majalah agama di Singapura?
- iii. Apakah mesej dakwah dan pendekatan dakwah *bi al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Readers*?

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah untuk menjawab persoalan kajian yang telah digariskan pengkaji. Bagi mencapai objektif tersebut pengkaji memperincikan kajian dan analisis agar segala butiran dapat disampaikan dengan sempurna. Antara objektif kajian ini ialah:

- i. Mengkaji pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam penulisan majalah agama.
- ii. Mengetahui sejarah perkembangan majalah agama di Singapura.
- iii. Menganalisis mesej dakwah dan pendekatan dakwah secara hikmah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Readers*.

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan atas dasar kepentingan berikut:

1. Kajian ini menjelaskan sejarah perkembangan majalah agama di Singapura sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Sejarah pernah menyaksikan Singapura muncul sebagai pusat percetakan dan penerbitan majalah Melayu. Ketika ini, terdapat banyak majalah agama yang telah diterbitkan. Namun begitu, sebaik sahaja pusat penerbitan Majalah Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, dominasi Singapura dalam dunia penerbitan Melayu kian merosot. Lantas, tidak banyak majalah agama yang diterbitkan selepas itu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menyoroti sejarah perkembangan majalah agama di Singapura bermula dari zaman kegemilangannya sehingga ke kemerosotannya.

2. Melalui hasil kajian ini juga, sejarah penerbitan majalah *The Muslim Reader* yang menjadi kajian utama dalam kajian ini turut dijelaskan. Majalah *The Muslim Reader* (TMR) ini telah berada di pasaran sebagai bahan bacaan selama lebih dari 36 tahun, di mana ianya awal diterbitkan pada tahun 1980 . Majalah yang telah berusia 36 tahun ini awalnya dikenali sebagai bahan surat berita (*newsletter*) yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah majalah
3. Selain itu, hasil kajian juga akan menjelaskan isu dalam mesej dakwah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010 hingga 2015. Isu dalam mesej dakwah ini terbahagi kepada isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa. Kesesuaian isi dan mesej dakwah ini adalah bersesuaian dengan sasarannya yang terdiri dari mereka yang baru memeluk Islam atau mereka yang ingin mendalamai Islam.
4. Selain daripada isu dalam mesej dakwah yang dijelaskan, kajian ini turut menjelaskan pembujukan dakwah secara hikmah yang digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010 hingga 2015. Pembujukan dakwah secara hikmah ini dibahagikan kepada dua kaedah iaitu kaedah lembut dan kaedah keras. Pembujukan *al-Hikmah* secara lembut pula terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk ajakan dan bentuk galakan. Manakala pembujukan *al-Hikmah* secara keras terbahagi kepada dua bentuk iaitu secara amaran dan secara arahan.
5. Di samping itu, ianya juga dapat membantu pihak penerbit serta pendakwah dalam meningkatkan usaha kegiatan dakwah dalam bidang penulisan.

6. Kajian ini turut membantu pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji sejarah perkembangan dan penerbitan majalah agama di Singapura.
7. Malah, ia turut membantu pengkaji akan datang yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap perbandingan penerbitan majalah *The Muslim Reader* tahun 1980 hingga 2018.
8. Selain daripada itu, ianya membantu pengkaji akan datang mengkaji pendekatan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* dan *al-mujadalah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini mengenai pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*, maka pengkaji akan meletakkan batasan kajian dengan jelas bagi mengelakkan kemungkinan kekeliruan yang akan berlaku. Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Pengkaji menjalankan kajian ke atas majalah *The Muslim Reader*, majalah terbitan Darul Arqam Singapura atau dikenali sebagai “*The Muslim Converts' Association of Singapore*”.
2. Sampel yang dipilih ialah koleksi majalah *The Muslim Reader*, mulai tahun 2010 hingga 2015. Pengkaji memilih tempoh tersebut untuk melihat kepada perkembangan majalah *The Muslim Reader* dekad 2010-an hingga kepada keluaran 2015, di mana Saudari Aishah Hussein yang ditemubual bagi mendapatkan sejarah perkembangan majalah *The Muslim Reader* merupakan editor bagi keluaran tersebut.

3. Edisi pertama majalah yang terbitkan dalam tahun 2010 hingga 2015 dipilih untuk dikaji.
4. Kajian ini dijalankan terhadap pendekatan dakwah *bi al-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*, daripada sudut mesej dakwah dan uslub dakwah *al-hikmah*.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>4</sup> Kaedah penyelidikan merujuk kepada cara kita memperolehi maklumat bagi mencapai objektif dan matlamat penyelidikan.<sup>5</sup> Justeru, metodologi merupakan elemen yang penting dalam kajian ilmiah bagi memahami lebih mendalam kajian khusus yang dijalankan penyelidik serta bagi mendapatkan data-data dan maklumat penting yang berkaitan tajuk kajian yang dijalankan. Bagi menjalankan kajian ini, beberapa metodologi telah digunakan pengkaji. Metodologi yang digunakan dalam kajian merangkumi tiga kaedah utama iaitu, kaedah pengumpulan data, kaedah kajian teks dan kaedah analisis data.

### 1.7.1 Pengumpulan Data

Data ialah segala maklumat dalam pelbagai bentuk yang dikumpul untuk dianalisis. Antaranya dalam bentuk fakta, keterangan, pendapat, reaksi, ekspresi emosi dan sentimen, sikap, bilangan, pecahan, peratusan dan sebagainya.<sup>6</sup> Maka, pengumpulan data ialah kaedah untuk mendapatkan maklumat yang memberi gambaran tentang sesuatu kejadian atau persoalan secara menyeluruh. Data yang diperoleh dapat membantu penyelidikan

<sup>4</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 1030, entri "metodologi".

<sup>5</sup> Mohammad Abdul Halim Bin Mohammad Nor, "Peranan Madrasah di Singapura dalam dakwah selepas Kemerdekaan dan Masalahnya" (Disertasi bagi peringkat sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), x.

<sup>6</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajaran Islam*, Sri Elila Resources, Rawang, Selangor, 67.

menjawab persoalan yang dibangkitkan dan membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah kajian.<sup>7</sup> Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah berikut:

### i. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan ialah kaedah yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan data, maklumat serta bukti kajian melalui pengamatan ke atas kajian berbentuk dokumen.<sup>8</sup> Segala bahan bercetak dikumpul untuk membantu pengkaji memahami masalah kajian, mengesan kajian lepas dan membina landasan teori bagi kajian ini. Kaedah ini menggunakan sepenuhnya data sekunder bagi melihat kajian-kajian lepas dan bahan-bahan cetak yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Maka, metode ini secara tidak langsung akan menjelaskan teori kajian, dan permasalahan kajian serta menghuraikan kajian yang lalu.<sup>9</sup>

Pengumpulan bahan dokumentasi dilakukan secara sistematik dan penilaian data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Justeru, kaedah ini penting dalam kajian demi menghuraikan secara mendalam peristiwa lampau secara saintifik, apa, mengapa dan bagaimanakah perkara tersebut berlaku.<sup>10</sup>

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan bagi mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan sejarah majalah berbentuk keagaman di Singapura. Maklumat-maklumat mengenai sejarah ini dirujuk pada dokumentasi seperti, buku, jurnal, laman web, kamus, akhbar, kajian ilmiah, tesis penyelidikan dan kertas kerja seminar. Data-data ini membantu penulis memahami kajian yang dijalankan.

<sup>7</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, 7.

<sup>8</sup> Jalani, Hamidah (2013) *Yusof Rawa dan Majalah Al-Islah : Kajian terhadap idea-idea pembaharuan*, Masters thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, 27

<sup>9</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 7

<sup>10</sup> *Ibid.*

## **ii. Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi ialah kaedah yang digunakan bagi mengumpul data dengan cara mengkaji dokumen yang berkaitan dengan skop kajian bagi menghasilkan kajian yang dikehendaki.<sup>11</sup> Dengan menggunakan metode ini dalam kajian, pengkaji mengumpulkan data-data dan maklumat penting yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan bersumberkan dokumen sedia ada bagi mendapatkan gambaran dan catatan berkaitan kajian seperti sejarah perkembangan majalah bercorak keagamaan di Singapura, sejarah Darul Arqam selaku penerbit majalah *The Muslim Reader* dan sejarah penerbitan majalah *The Muslim Reader*.

## **iii. Kajian Lapangan**

Kajian lapangan merupakan strategi penyelidikan yang paling sesuai untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar satu-satu kumpulan atau isu tertentu. Kajian ini merupakan strategi yang membolehkan pengkaji menyelidik permasalahan penyelidikan dengan bebas dan terbuka dalam masa yang sama mengambil penekanan pada aspek yang dianggap penting.<sup>12</sup> Melalui kajian lapangan ini, pengkaji telah menggunakan metode temu bual demi mendapatkan maklumat yang diingini.

### **a) Metode temu bual**

Metode temu bual adalah kaedah mengumpul maklumat utama dalam kajian tinjauan. Kaedah ini sama seperti kaedah soal selidik dalam banyak aspek.

Namun, bezanya ialah temu bual dilakukan secara lisan (perbualan), dan

---

<sup>11</sup>Jalani, Hamidah (2013) *Yusof Rawa dan Majalah Al-Islah : Kajian terhadap idea-idea pembaharuan*, Masters thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, 7

<sup>12</sup> Mohammad Abdul Halim Bin Mohammad Nor, “Peranan Madrasah di Singapura dalam dakwah selepas Kemerdekaan dan Masalahnya” (Disertasi bagi peringkat sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), xiii

jawapan dirakam oleh pengkaji secara bertulis melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain.<sup>13</sup> Temu bual ialah perbualan dua hala yang bertujuan bagi mengumpul maklumat kajian. Ini ialah interaksi bersemuka antara penemu bual dan responden.<sup>14</sup> Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data latar belakang majalah yang dikaji, iaitu majalah *The Muslim Reader*. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual Aishah Hussein selaku editor majalah *The Muslim Reader*.

### 1.7.2 Analisis Data

Kaedah utama kajian ini ialah analisis kandungan.

**Analisis Kandungan:** Kajian ini membuat analisis kandungan secara triangulasi iaitu kaedah yang melihat teks daripada pelbagai perspektif dan sudut pandangan.<sup>15</sup>

Kajian bentuk analisis kandungan ini dilakukan untuk menggambarkan aliran dalam isi kandungan, menghubungkan ciri-ciri sumber yang diperoleh dengan perutusan yang dihasilkan, memeriksa isi kandungan yang bertentangan, menganalisis teknik, menganalisis gaya dan mengaitkan ciri-ciri pandangan yang diketahui dengan perutusan yang dihasilkan dalam menghuraikan pola-pola perhubungan.<sup>16</sup>

Analisis kandungan juga merupakan teknik penyelidikan untuk melakukan penyalinan semula dan membuat taakulan secara sah daripada teks yang dikaji.

Proses taakulan pula amat penting dilakukan semasa menganalisis isi kandungan majalah bagi mengesan dan membezakan bentuk-bentuk mesej dakwah yang

<sup>13</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, Mc Graw Hill,Malaysia,2006, 113.

<sup>14</sup> *Ibid*, 114.

<sup>15</sup> *Ibid*.

<sup>16</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 8.

dikemukakan. Setelah taakulan dilakukan terhadap isi kandungan majalah, maka petikan daripada isi tersebut diambil dan dicatat semula sebagai pembuktian.<sup>17</sup>

Kajian kualitatif digunakan untuk menginterpretasi makna dan mentafsir isi kandungan majalah yang dikaji. Kajian menjurus kepada proses kognitif yang menekankan usaha menyampaikan seruan dakwah Islamiah kepada khalayaknya. Penumpuan kajian interpretasi ini menjurus kepada perkara yang disampaikan atau mesej dakwah dan pendekatan *al-hikmah* yang terdapat dalam majalah yang dikaji.

Metode ini dilakukan dengan membuat pembacaan secara menyeluruh terhadap kandungan yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* dengan memberi tumpuan terhadap pengesahan isu-isu dakwah daripada satu rencana kepada rencana yang lain. Kemudian, pembahagian dilakukan berdasarkan isu-isu yang sudah dimodelkan iaitu model karya dakwah (*wasilah al-da'wah*) yang terbahagi kepada mesej dakwah (*mawdu' al-da'wah*) dan pembujukan dakwah secara *al-hikmah*. Mesej dakwah pula dibahagikan kepada tiga iaitu akidah, syariah, akhlak dan isu semasa.

Untuk mengesan pembujukan dakwah secara hikmah pula, fokus kajian ialah melihat aspek pembujukan dakwah atau bentuk pembujukan yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*. Kaedah pengesahan dilakukan melalui pembacaan dari satu perenggan ke satu perenggan dalam setiap rencana dalam majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010 hingga 2015. Pengkaji memilih sampel majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010 hingga 2015 bagi melihat pendekatan dakwah bi al-Hikmah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* pada dekad 2010-an bagi mendekati sasaran majalah yang terdiri daripada masyarakat Islam dan golongan muallaf. Kesemua sampel yang dijadikan bahan kajian adalah di bawah

---

<sup>17</sup> *Ibid.*

tanggungjawab Saudari Aishah Hussein selaku editor majalah tersebut. Pembujukan secara *al-hikmah* terbahagi kepada dua cara iaitu sama ada secara lembut atau keras. Kaedah lembut dilakukan dengan menggunakan kaedah ajakan dan galakan. Manakala kaedah keras pula dilakukan dengan menggunakan kaedah berbentuk amaran dan arahan. Kesimpulan dilakukan untuk membentuk pembahagian umum terhadap bentuk isu-isu mesej dakwah dan pembujukan secara *al-hikmah* yang terdapat dalam majalah tersebut.

Bentuk analisis dilakukan dengan membuat ringkasan serta membuat analisis pada mesej yang terdapat dalam kandungan majalah *The Muslim Reader*. Pemecahan kategori yang jelas dilakukan semasa menganalisis mesej tersebut adalah berdasarkan teori kajian agar analisis yang dilakukan lebih sistematik dan jelas.

Bentuk aliran analisis mesej dakwah yang terdapat dalam kandungan majalah *The Muslim Reader* adalah mengikut tahun penerbitan. Aliran ini adalah untuk memudahkan proses pengesanan isu-isu dakwah yang dikemukakan pada tahun penulisan serta membanding persamaan dan perbezaan tema dan isi kandungan yang terdapat dalam satu keluaran majalah dengan majalah yang lain.

Semasa menganalisis aspek pembujukan secara *al-hikmah* pula, pemecahan kategori yang jelas dilakukan dengan menganalisis kandungan dalam majalah tersebut berdasarkan teori kajian yang dikemukakan agar analisis yang dilakukan lebih sistematik dan jelas.

Bentuk aliran analisis aspek pembujukan secara *al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* ialah mengikut setiap perenggan dalam setiap rencana dan tahun penerbitan sesebuah rencana agar bentuk-bentuk pembujukan secara *al-hikmah* dapat dikesan dengan lebih teratur dan sistematik serta

memastikan persamaan dan perbezaan bentuk pembujukan secara *al-hikmah* dalam setiap majalah yang dikaji.

Proses taakulan pula dilakukan semasa menganalisis pendekatan dakwah *bil-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader* bagi mengesan dan membezakan bentuk-bentuk pembujukan secara *al-hikmah* yang dikemukakan. Setelah taakulan dilakukan terhadap kandungan majalah *The Muslim Reader*, maka petikan daripada kandungan diambil dan dicatat semula sebagai pembuktian. Semasa proses ini, satu jadual digunakan bagi memetik aspek pembujukan dakwah mengikut pembahagian yang sudah ditetapkan. Secara kesimpulan, analisis dilakukan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu:

**i. Metode Induktif**

Metode induktif ialah metode yang mana kesimpulan dibuat daripada pandangan yang khusus. Penulis menggunakan metode induktif untuk menganalisis data-data yang bersifat khusus lalu membuat kesimpulan yang bersifat umum. Metode iduktif banyak digunakan ketika analisis dilakukan terhadap catatan yang dibuat untuk mengetahui mesej dakwah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* dan juga ketika analisis dilakukan dalam mengenal pasti bentuk pendekatan dakwah yang digunakan dalam majalah *The Muslim Reader*.

**ii. Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah salah satu cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan lebih terperinci. Data-data yang bersifat umum akan dihuraikan dan dijelaskan secara khusus. Metode ini digunakan pengkaji dalam menganalisis data-data yang bersifat umum untuk membuat kesimpulan khusus. Kenyataan atau teori umum

akan dianalisis untuk diaplikasikan dalam kajian ini dan membuat kesimpulan yang lebih menjurus.

### **iii. Metode Komparatif**

Metode komparatif ialah kaedah membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara data yang diperoleh. Daripada data tersebut, kesimpulan dan dalil<sup>18</sup> akan dibuat. Pengkaji menggunakan metode komparatif yang membabitkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan ini adalah untuk memperoleh faktor persamaan dan perbezaan dalam pendekatan dakwah yang digunakan dalam setiap majalah yang diterbitkan dengan mengambil sampel tiap-tiap satu keluaran penerbitan awal pada setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2015. Melalui kaedah ini, perbezaan dari sudut mesej dakwah dan pendekatan dakwah yang digunakan bagi setiap terbitan majalah *The Muslim Reader* dapat dilihat dengan jelas.

Bagi menyempurnakan metode ini, kerangka dalam Jadual 1.1 berikut digunakan:

---

<sup>18</sup> Mohammad Abdul Halim Bin Mohammad Nor, “Peranan Madrasah di Singapura dalam dakwah selepas Kemerdekaan dan Masalahnya” (Disertasi bagi peringkat sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), xv.

<b>KAEDAH</b>	<b>FASA</b>
PEMBACAAN 1&2	FASA 1: Memahami rencana setiap majalah yang dianalisis.
PEMBACAAN 3	FASA 2: Mengesan mesej dakwah dalam majalah yang dikaji, iaitu; <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Isu akidah</li> <li>b. Isu syariah</li> <li>c. Isu akhlak</li> <li>d. Isu semasa</li> </ul>
PEMBACAAN 4	FASA 3: Mengesan teknik pembujukan dakwah <i>bi al-hikmah</i> dari satu perenggan ke satu perenggan dan dari satu rencana ke satu rencana dalam majalah yang dikaji berpanduan teori yang telah ditetapkan dalam bab 2.
ANALISIS KUALITATIF 1	FASA 4: Catatan dibuat dengan membuat analisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Pembahagian secara umum dilakukan untuk memecahkan bentuk-bentuk mesej dakwah yang terdapat dalam majalah. Analisis komparatif pula dilakukan antara majalah yang terbit pada tahun 2010-2015 bagi melihat perbezaan dan persamaan isu yang dibincangkan
ANALISIS KUALITATIF 2	Analisis dilakukan dalam mengenal pasti bentuk pembujukan <i>al-hikmah</i> yang digunakan secara induktif, deduktif dan komparatif bagi melihat perbandingan setiap majalah yang dikaji
LAPORAN	Laporan analisis dilakukan

**Jadual 1.1: Analisis Mesej Dakwah dan Aspek Pembujukan Dakwah.**

## 1.8 PENGERTIAN TAJUK

Pengunaan istilah dalam kajian perlu dijelaskan dengan mendalam dan jelas agar maksud yang dikehendaki oleh pengkaji dalam kajian dapat difahami tanpa ada kekeliruan dan salah faham dalam kajian. Untuk itu, penulis cuba memberi pengertian kepada tajuk kajian iaitu “Pendekatan Dakwah *bi al-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*: Satu Analisis Kandungan”.

Perkataan “Pendekatan” berasal dari perkataan dekat. Pendekatan membawa maksud kaedah, iaitu cara dan langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas.<sup>19</sup>

Manakala perkataan dakwah pula bererti seruan, panggilan dan ajakan.<sup>20</sup> Terdapat beberapa perkataan lain yang sama erti dengan dakwah yang disebut dalam al-Quran iaitu *al-Irsyad* yang membawa maksud memberi petunjuk kepada manusia, *al-Wa’z* iaitu memberi nasihat, *al-Tazkir* bermaksud memberi galakan dan *al-Tabligh* iaitu menyampaikan ajaran Islam.<sup>21</sup>

Syaikh al-Qardhawi menjelaskan maksud dakwah ialah mengajak manusia kepada Islam, mengikuti petunjukNya, mengukuhkan manhajNya di muka bumi, beribadah kepadaNya, memohon pertolongan dan taat hanya kepadaNya, melepaskan diri daripada semua ketaatan kepada selainNya, membenarkan apa yang dibenarkan olehNya, menyalahkan apa yang disalahkanNya, mencegah kemungkaran dan berjihad di jalan Allah iaitu berdakwah kepada Islam secara khusus dan sepenuhnya tanpa balasan dan imbalan.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 328, entri "pendekatan".

<sup>20</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 20.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Syaikh Akram Kassab, *Al-Manhaj Ad-Da’wah ‘inda Al-Qaradhawi: Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*, terj. Muhyidin Mas Rida, Lc (Jakarta : Pustaka Al-kautsar, 2010), 2.

Muhammad Ahmad Kan'an seterusnya menjelaskan bahawa dakwah ialah menyeru manusia agar beriman dan taat hanya kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.<sup>23</sup>

Adam 'Abd Allah al-Aluri pula menjelaskan bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berasaskan akidah, kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir-hampir mereka terjerumus ke dalamnya.<sup>24</sup>

Manakala Muhammad Abu al-Fath al-Bayyanuni mendefinisikan dakwah sebagai menyampaikan serta mengajarkan Islam kepada manusia dan mengaplikasikan ajaran Islam tersebut dalam kehidupan mereka.<sup>25</sup> Dalam konteks kajian ini pengertian dakwah yang digunakan ialah usaha mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran demi mendapatkan keredhaan Allah SWT melalui penulisan majalah agama.

Perkataan hikmah pula bererti bijaksana. Bijaksana pula bererti sesuatu yang sesuai.<sup>26</sup> Sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Bayanuni, hikmah dalam dakwah ialah suatu uslub yang sesuai dengan keadaan sasaran.<sup>27</sup>

Menurut Ab.Aziz Mohd Zin, perkataan hikmah ini mempunyai pengertian yang sangat luas. Pengertian tersebut termasuklah segala macam usaha dan cara. Hikmah ialah suatu tindakan yang sesuai dan bijaksana berdasarkan kesesuaian sasaran untuk mempengaruhinya.<sup>28</sup> Dalam konteks kajian ini hikmah terbahagi kepada dua cara iaitu secara lembut dan secara keras. Kaedah secara lembut dalam membujuk sasaran dilakukan

<sup>23</sup> Muhammad Ahmad Kan'an, *Sabil al-Nahdah Manhaj wa Hadaf*, Bayrut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, 1991, h.11.

<sup>24</sup> Al-Aluri Adam 'Abd Allah, *Tarikh al-Da'wah al-Islamiyyah Bayn al-Ams ila al-Yawm*, c2. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah, 1979, h.17.

<sup>25</sup> Muhammad Abu al-Fath al-Bayyanuni, *al-Madkhil ila 'Ilm al-Da'wah*, c.2. Bayrut: Muassasah al-Risalah, 1993, h.17.

<sup>26</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001, 8.

<sup>27</sup> Muhammad Abu al-Fath al-Bayyanuni, *al-Madkhil ila 'Ilm al-Da'wah*, c.2. Bayrut: Muassasah al-Risalah, 1993, h.245.

<sup>28</sup> *Ibid.*.10.

dalam bentuk galakan dan ajakan. Manakala kaedah secara keras dilakukan dalam bentuk amaran dan arahan.

Perkataan majalah pula ialah sebuah terbitan berkala yang mengandungi makalah, fiksyen, gambar foto dan lain-lain lagi.<sup>29</sup> Perkataan majalah dikenali sebagai *magazine* dalam Bahasa Inggeris. Menurut kamus Inggeris *Collins Cobuild Advanced Learner's English*, perkataan *magazine* membawa maksud "*a publication with a paper which regularly, usually every week or every month, and which contains articles, stories, photograph and advertisement*".<sup>30</sup> Oleh itu, majalah merupakan sebuah penerbitan berkala, sama ada dwi mingguan, bulanan, dwi bulanan, dwi tahunan dan sebagainya, yang berisi bermacam-macam rencana dengan subjek yang pelbagai. Majalah biasanya memiliki artikel mengenai topik popular yang ditujukan kepada masyarakat umum dan ditulis dengan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Penerbitan akademik yang ditulis dalam bentuk artikel yang padat dengan ilmu dikenali sebagai penerbitan ilmiah atau jurnal. Pada kebiasaannya, majalah dicetak berwarna dan menggunakan kertas yang lebih bermutu. Majalah secara umumnya boleh didapati di toko-toko buku, gerai majalah, pusat beli-belah, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan sebagainya. Majalah juga diterbitkan secara dalam talian (*online*) di internet. Bahkan sesetengah majalah mempunyai kedua-dua versi cetak dan elektronik sekaligus. Terdapat juga majalah yang hanya mempunyai salah satu sama ada dalam versi cetak ataupun elektronik sahaja.<sup>31</sup> Majalah yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah penerbitan berkala, dwi tahunan yang diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura bagi memenuhi keperluan bahan bacaan masyarakat Islam dan mereka yang

<sup>29</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 978, entri "majalah".

<sup>30</sup> (2006), *Collins Cobuild Advanced Learner's English Dictionary* (fifth edition). Harpercollins Publishers, 865.

<sup>31</sup> Pengertian "Majalah", laman sesawang wikipedia, dicapai pada 14 March 2013, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Majalah>

memeluk Islam dan ingin mengetahui lebih mendalam mengenai Islam dengan pelbagai isu dan mesej keagamaan yang diketengahkan dalam majalah *The Muslim Reader*.

## 1.9 SOROTAN KAJIAN

### a) Sejarah Majalah Agama Singapura

Secara umumnya, kajian ilmiah mengenai pendekatan dakwah melalui majalah di Singapura tidak banyak dijalankan. Ini termasuklah kajian mengenai sejarah perkembangan majalah agama di Singapura sebelum dan selepas perang. Kajian mengenainya masih kurang dan terbatas. Kebanyakan penulisan lebih bersifat umum, berkisar perkembangan Majalah Melayu di Singapura.

Maka, tidak banyak kajian ilmiah yang ditemui membincangkan mengenai majalah agama di Singapura. Dalam artikel penulisan **Hamedи Bin Mohd Adnan**<sup>32</sup>, beliau membincangkan tentang penerbitan majalah agama sebelum Perang Dunia Kedua dari sudut tanggungjawab sosial dan perniagaan. Dalam penulisan ini, beliau telah menyorot kembali sejarah perkembangan majalah Melayu yang bermula di Singapura. Singapura pernah menjadi pusat penerbitan dan percetakan majalah Melayu sebelum berpindah ke Kuala Lumpur. Ketika zaman kegemilangan penerbitan majalah Melayu di Singapura, terdapat banyak majalah Melayu yang diterbitkan, ini termasuk penerbitan majalah agama. Justeru, dalam penulisan tersebut, Hamedи Mohd Adnan membahaskan mengenai penerbitan majalah ini dari aspek tanggungjawab dan perniagaan.

---

<sup>32</sup> Hamedи M. Adnan, "Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan," *Jurnal Sejarah* 18 (2010), 87-110.

Penulisan yang sama juga terdapat dalam sebuah penulisan artikel yang ditulis oleh **Hamedi Bin Mohd Adnan**.<sup>33</sup> Dalam penulisan ini, beliau membincangkan mengenai profil majalah melayu sebelum perang (1900-1941). Penulisan ilmiah ini membicarakan secara khusus mengenai sejarah perkembangan majalah Melayu Sebelum perang yang bermula di Singapura. Dalam tempoh tersebut, terdapat beberapa majalah agama yang awalnya diterbitkan di Singapura, antaranya majalah Al-Islam. Oleh itu, menerusi penulisan ini, sejarah perkembangan majalah agama yang pada awalnya diterbitkan di Singapura ada dibincangkan.

Manakala dalam penulisan ilmiah **Hamedi Mohd Adnan dan Deddy Mulyana**<sup>34</sup>, kajian dijalankan terhadap hutang dan koleksi dalam perniagaan majalah melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Kajian ini membincangkan keadaan penerbitan majalah melayu dan masalah hutang yang dihadapi ketika itu serta langkah-langkah yang diambil oleh penerbit untuk mengumpul hutang daripada peniaga.

Dalam artikel **Che Mahzan Ahmad**<sup>35</sup> pula membincangkan isu-isu dalam media cetak dalam masyarakat Islam yang dijajah, kes kajian ke atas Dunia Melayu. Artikel ini membincangkan mengenai beberapa isu media cetak, terutama akhbar-akhbar dan majalah, mengenai aktiviti dalam dunia Melayu dalam tempoh penjajahan Barat sekitar tahun 1600-1957. Dalam artikel ini, sejarah perkembangan awal majalah yang diterbitkan iaitu majalah Al-Imam dan Islah dibincangkan. Majalah Al-Imam merupakan majalah terawal yang diterbitkan di Singapura. Namun begitu, majalah tersebut hanya bertahan untuk tempoh yang singkat.

<sup>33</sup> Hamedi Mohd Adnan, "The profile of Malay magazines before the Second World War, 1900-1941," *Jurnal Sejarah* 14 (2006), 59-76.

<sup>34</sup> Hamedi Mohd Adnan, Deddy Mulyana, "Debt and its Collection in Malay Magazine Business Before World War II," *Medwell Journals* 10 (3)(2016), 248-254.

<sup>35</sup> Mohd Yusof Hussain, *Media and Muslim Society*, IIUM Press, International Islamic University, Kuala Lumpur, Malaysia, 2008, 93-143.

Selain itu, artikel penulisan seterusnya oleh **Hamedи Bin Mohd Adnan**<sup>36</sup> telah membincangkan tentang populariti kesusasteraan majalah melayu selepas Perang Dunia Kedua. Penulisan ilmiah ini menjelaskan mengenai kepelbagaian genre dalam kesusasteraan moden yang boleh didapati dalam majalah melayu awal. Malah dalam majalah bukan sastera, unsur-unsur adalah norma, sama ada dalam asal atau dalam bentuk terjemahan. Elemen-elemen telah digunakan sebagai bacaan tambahan untuk menyampaikan mesej secara tidak langsung atau untuk memberikan pembaca beberapa jenis hiburan dan memudahkan pembacaan bahan hiburan. 21 majalah sastera telah diterbitkan selepas Perang Dunia Kedua sehingga kemerdekaan pada tahun 1957. Dengan menggunakan dua salinan pertama majalah ini, kandungan kajian menganalisis unsur karya sastera termasuk puisi, cerpen, cerita humor, anekdot dan novel bersiri. Kajian antara lain mendapati majalah sastera memainkan peranan dominan untuk menaikkan semangat nasionalisme selain digunakan sebagai platform untuk memperkaya karya sastera Melayu. Di samping itu, profil majalah sastera melayu selepas Perang Dunia Kedua ada dibincangkan dalam artikel ini.

**Hamedи Mohd Adnan**<sup>37</sup> turut membincangkan sirkulasi dan pengedaran majalah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Bagi majalah untuk bertahan di pasaran, tiga elemen perlu dikukuhkan iaitu kandungan editor, peredaran atau pengedaran, dan pendapatan dari iklan. Kandungan editorial bertanggungjawab untuk menarik pembaca dan dengan itu akan meningkatkan peredaran. Peningkatan peredaran juga sering mengakibatkan peningkatan pendapatan daripada pengiklanan. Oleh itu, ketiga-tiga elemen ini iaitu editorial, peredaran, dan pengiklanan sangat penting untuk

<sup>36</sup> Hamedи M.A et al, "Popularity of Literary Malay Magazine after the Second World War," *Mediterranean Journal of Social Sciences Vol.6* (September 2015), 560-568.

<sup>37</sup> Hamedи M. Adnan, Sirkulasi dan pengedaran majalah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, *Journal of the Department of History* 23(2) (2014): 25-33.

kelangsungan hidup majalah. Edaran merujuk kepada bilangan salinan yang dijual kepada pembaca. Peredaran majalah yang baik bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan teknik pemasaran, serta kecekapan sistem pengedaran yang digunakan oleh penerbit untuk menyampaikan majalah kepada pembaca. Penerbit majalah Melayu selepas Perang Dunia Kedua sepenuhnya bergantung kepada edaran majalah untuk menampung perbelanjaan dan mengharapkan keuntungan. Dalam makalah ini, ia membincangkan amalan peredaran dan pengedaran majalah Melayu yang diterbitkan sebelum perang dan impaknya terhadap majalah di pasaran.

Seterusnya, dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh **Hamedи Bin Mohd Adnan**, beliau membincarakan mengenai sejarah perkembangan majalah Melayu selepas merdeka sehingga tahun 1999. Kajian ini memperlihatkan dengan jelas perkembangan majalah Melayu selepas merdeka dan perubahan-perubahan yang berlaku ekoran peredaran zaman. Ini termasuklah perkembangan penerbitan majalah agama di Singapura yang kian merosot. Hamedи menjelaskan sebaik sahaja pusat penerbitan dan percetakan majalah Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, maka peranan Singapura sebagai pusat penerbitan majalah Melayu kian terhakis.<sup>38</sup>

**Suratman Markasan** telah mengkaji dan membentangkan kertas kerta yang membincangkan mengenai sejarah penerbitan majalah Melayu di Singapura selepas Perang Dunia Kedua dari sudut sebab kemunculannya, penutupan dan masa depan penerbitan majalah Melayu di Singapura.<sup>39</sup> Kertas kerja ini menjelaskan perkembangan penerbitan majalah Melayu di Singapura yang kurang memberangsangkan selepas

<sup>38</sup>Hamedи Mohd.Adnan, 2003, *Perkembangan Majalah Melayu Selepas Merdeka Sehingga 1999, Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dun ia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>39</sup>Suratman Markasan (2003), *Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya*. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dun ia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

peperangan. Sebab utama penutupan majalah-majalah ini ada dibincangkan oleh Suratman Markasan yang turut sama membicarakan tentang masa depan penerbitan majalah Melayu di Singapura. Ini termasuklah majalah agama yang pada suatu ketika dahulu banyak diterbitkan di Singapura. Namun, kini sudah tidak banyak majalah agama yang diterbitkan di negara tersebut.

**Abdul Aziz Hussain** juga telah menjalankan kajiannya mengenai penerbitan buku dan majalah Melayu di Singapura pada tahun 1945 hingga tahun 1958.<sup>40</sup> Menerusi kajian sarjana muda ini, perkembangan penerbitan buku dan majalah Melayu di Singapura dalam tempoh 13 tahun dari tahun 1945 telah dibincangkan dan dikupas.

Selain daripada itu, **A Rahman Tang Abdullah dan Abdul Rashid Saleh** telah menjalankan kajian mengenai akhbar Melayu dan isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an. Makalah tersebut membincangkan persoalan mengenai isu ekonomi yang merupakan aspek yang paling hampir dengan permasalahan kemunduran masyarakat Melayu ketika itu. Secara umum, kesemua akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan pada dekad 1920-an dan 1930-an memberikan tumpuan utama kepada permasalahan umum yang dikaitkan dengan masyarakat Melayu. Tema utama yang sering diutarakan ialah isu kemunduran masyarakat Melayu dalam aspek sosial dan ekonomi di samping isu agama dan politik. Akhbar-akhbar Melayu pada ketika itu juga mengetengahkan padangan pengarang dan pembaca berkenaan hal-ehwal yang berkaitan dengan kehidupan harian awan di tanah Melayu. Oleh itu, makalah ini membincangkan permasalahan kemunduran masyarakat Melayu.<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> Abdul Aziz Hussain, 1959, *Penerbitan buku-buku dan majalah-majalah Melayu di Singapura diantara bulan September 1945-September 1958*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia.

<sup>41</sup> A Rahman Tang Abdullah & Abdul Rashid Saleh, "Akhbar Melayu dan Isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an , " *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas* (2015).

**John A.Lent** pula mengkaji media massa bahasa kebangsaan Malaysia dari sudut sejarah dan status semasa. Berbanding dengan akhbar dan majalah berbahasa Inggeris dan Cina, bahasa kebangsaan Malaysia masih dianggap muda. Akhbar pertama yang diiktiraf dalam bahasa Melayu (juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia) muncul pada tahun 1876, tujuh dekad selepas Gazette Kerajaan diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan 61 tahun kemudian daripada majalah bulanan Cina. Walau bagaimanapun, apabila dibangunkan, akhbar Melayu menjadi sangat penting dan berpengaruh di semenanjung, terutamanya dalam usaha untuk menyatukan orang Melayu dengan semangat kesedaran nasional. Antara 1876 dan 1941, sekurang-kurangnya 162 akhbar, majalah dan jurnal bahasa Melayu diterbitkan, ditambah lapan penerbitan lain dalam bahasa Inggeris yang direka oleh atau untuk orang Melayu dan tiga dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekurang-kurangnya 27 lagi diterbitkan sejak 1941, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 200. Daripada 173 pra-Perang Dunia II berkala, 104 ditubuhkan di Negeri-negeri Selat Singapura dan Pulau Pinang, di mana kedua-dua bandar ini mempunyai populasi penduduk Melayu yang besar. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajiannya mengenai media massa bahasa Melayu dari sudut sejarah dan status semasa.

42

#### b) (Majalah Dakwah)

Jika penulisan ilmiah tentang perkembangan sejarah agama di Singapura tidak banyak ditemui, berbeza pula situasinya dengan penulisan mengenai majalah dakwah yang banyak dibincangkan dan dikaji.

---

<sup>42</sup> John A.Lent, "Malaysia's National Language Mass Media: History and Present Status," *South East Asian Studies* 15(4) (March 1978), 598-612.

**Shahrul Nazmi Sannusi** mengkaji cabaran dan potensi majalah dakwah berbahasa Melayu di Malaysia terhadap pola perolehan perbelanjaan iklan (ADEX). Kajian ini membahaskan cabaran-cabaran dan potensi terhadap majalah dakwah yang diterbitkan di Malaysia.<sup>43</sup> Meskipun kajian ini dijalankan ke atas majalah dakwah di Malaysia, namun dapatannya tetap membantu penulis dalam kajian mengenai cabaran dan potensi majalah agama.

Manakala penulisan **Yazilwati Yaacob**<sup>44</sup> mengkaji cabaran majalah Pengasuh sebagai medium dakwah. Penulisan ini membincangkan tentang cabaran yang dihadapi majalah dakwah dengan menjadikan majalah Pengasuh sebagai kajian utama. Pada akhir kajian pula, segala aspek kekuatan dan kelemahan majalah Pengasuh diketengahkan dalam kajian dan beberapa cadangan diselitkan bagi meningkatkan lagi kualiti majalah pengasuh sebagai medium dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat

Berbeza dengan kajian yang dijalankan **Mohammad Saari**.<sup>45</sup> Beliau menjalankan kajian khusus tentang penerbitan media cetak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kajian ini membincangkan peranan media cetak dalam dakwah dan membincangkan usaha-usaha yang telah dijalankan JAKIM dalam bidang ini, menggarap aspek-aspek kualiti dan kuantiti terbitannya serta mencungkil setiap kekuatan dan kelemahan dalam setiap urusan yang berkait dengan pelaksanaan aktiviti tersebut. Kajian ini diakhiri dengan beberapa saranan ke arah memartabatkan usaha dakwah melalui media cetak.

<sup>43</sup> Shahrul Nazmi Sannusi, "Cabaran dan Potensi Majalah Dakwah Berbahasa Melayu di Malaysia Terhadap Trend Perolehan Perbelanjaan Iklan (ADEX)," *Jurnal Al-Hikmah* 6(2)(2014), 12-28.

<sup>44</sup> Yazilmiwati Yaacob, "Cabaran Majalah Pengasuh Sebagai Medium Dakwah," *Sunway Academic Journal* 1 (2004), 51-64.

<sup>45</sup> Mohammad Saari, 1998, *Peranan Media Cetak dalam Dakwah di Malaysia:Kajian Khusus tentang Penerbitan Media Cetak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, Kajian Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.

**Ahmad Zaini** pula mengkaji dakwah melalui media cetak. Kajian ini membincangkan mengenai media cetak yang merupakan saluran komunikasi yang mana mesejnya berbentuk verbal (bertulis) mahupun dalam bentuk gambar seperti karikatur dan komik yang dilakukan dalam bentuk tercetak. Seterusnya cetakan ini dapat dijadikan sebagai salah satu medium dakwah. Kelebihan media cetak sebagai medium dakwah ialah keselesaan membacanya tanpa terhad pada waktu dan tempat. Selain daripada itu, media cetak seperti surat khabar dan majalah juga bersifat relatif dan mampu membawakan bahan yang panjang dengan masalah yang lebih kompleks. Kompleksiti dan kepanjangan bahan dapat ditambah pula dengan variasi yang tidak terbatas, sangat berpengaruh pada penerimaan pembaca terhadap bahan yang disampaikan.<sup>46</sup>

**Azyumardi Azra** pula membahaskan proses transmisi gagasan pembaharuan Islam dalam *al-Manar*, jurnal pembaharuan Islam di Timur Tengah, ke dalam gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Melayu-Nusantara. Dalam konteks ini, pembahasan selanjutnya diarahkan pada wacana yang berkembang dalam dua jurnal utama yang menjadi suara pembaharuan Islam di Melayu-Nusantara, iaini *al-Imam* yang diterbitkan di Singapura pada 1906 dan *al-Munir* yang diterbitkan di Padang, Sumatra Barat pada 1911.<sup>47</sup>

Akhir sekali, **Ahmad Faisal Mohd Fiah** membincangkan peranan al-Imam dalam transformasi Melayu sehingga tahun 1941. Di Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Malaya atau Persekutuan Negeri-negeri Melayu sebelum 1963, orang Melayu boleh dianggap sebagai asli. Tanah Melayu telah dijajah lebih dari 400 tahun sejak

<sup>46</sup>Ahmad Zaini, "Dakwah Melalui Media Cetak," *AT-TABSYI STAIN Kudus*, 2(2)(Juli-Disember 2014), 59-75.

<sup>47</sup> Azyumardi Azra, "*The Transmission of al-Manar's Reformism to the Malay-Indonesian World: The case of al-Imam and al-Munir*," *Studia Islamika Indonesian Journal for Islamic Studies*, 6(3)(1999), 75-100.

penjajahan Portugis pada tahun 1511. Malah, pada satu masa, sesetengah cendekiawan terutamanya penjajah menggambarkan masyarakat Melayu sebagai orang yang malas atau tidak progresif. Namun segalanya berubah setelah Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan pencapaian itu dikaitkan dengan nasionalisme. Selain daripada nasionalisme, transformasi masyarakat Melayu adalah salah satu faktor utama yang membawa kepada kemerdekaan Malaya pada tahun 1957. Oleh itu dalam makalah ini, penyelidik mengkaji proses awal transformasi yang berlaku kepada masyarakat Melayu sehingga tahun 1941. Pada masa yang sama, makalah ini menemui kepentingan akhbar utama terutama Al-Imam yang diterbitkan dari 1906 hingga 1908 dalam mengalihkan paradigma rakyat ke arah transformasi Melayu.<sup>48</sup>

---

<sup>48</sup> Ahmad Faisal Mohd Fiah, "Role of Al-Imam in Malay Transformation until 1941," *International Conference On Social Science and Humanity IPEDR* 5 (2011), 408-412.

## **1.10 KESIMPULAN**

Sejarah membuktikan Singapura pernah menjadi pusat percetakan dan penerbitan Melayu. Ketika Singapura melalui zaman kegemilangannya dalam dunia penerbitan Melayu, terbit beberapa buah majalah bercorak keagamaan namun penerbitannya hanya bertahan seketika sahaja. Sebaik sahaja penerbitan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, penerbitan Melayu di Singapura kian terjejas, ini termasuk penerbitan majalah bercorak keagamaan. Sehingga kini, tidak ada majalah bercorak keagamaan yang diterbitkan di Singapura dalam tempoh yang lama. Majalah *The Muslim Reader* merupakan satu-satu majalah Inggeris bercorak keagamaan yang diterbitkan oleh badan Darul Arqam Singapura yang telah bertahan dalam tempoh yang lama sejak tahun 1979. Justeru, pengkaji menjalankan kajiannya mengenai "Pendekatan dakwah *bi al-Hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*: Satu kajian kandungan". Kajian ini dijalankan bagi menjawab objektif utama kajian iaitu memahami pendekatan dakwah bil-hikmah, mengetahui sejarah perkembangan majalah Agama di Singapura dan majalah *The Muslim Reader* serta menganalisa mesej dakwah dan pendekatan dakwah *bi al-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*. Oleh itu, kajian ini hanya terbatas kepada majalah *The Muslim Reader* yang diterbitkan pada tahun 2010 hingga 2015.

## BAB 2

### PENDEKATAN DAKWAH MELALUI MAJALAH

#### 2.1 PENDAHULUAN

Dakwah ialah sebuah aktiviti yang sangat dekat dengan kehidupan manusia kerana rata-ratanya, hampir kesemua manusia secara tidak langsung dilihat berkait dengan aktiviti dakwah, tidak kira sebagai penyampai dakwah iaitu *dai* mahupun penerima iaitu masyarakat secara umum. Seperti yang dinyatakan oleh Jum'ah Abdul Aziz, dakwah merupakan aktiviti yang begitu dekat dengan kehidupan kaum muslimin. Begitu dekat, sehingga hampir seluruh lapisan masyarakat terlibat dengannya.<sup>49</sup>

Justeru, dakwah tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia kerana dakwah secara tidak langsung adalah sebahagian daripada kehidupan manusia di dunia. Kehidupan tanpa dakwah dilihat seperti tidak lengkap, kerana manusia rata-ratanya hidup bermasyarakat dan saling memerlukan antara satu sama lain untuk memahami dan mencapai tujuan kehidupan itu sendiri. Dakwah membawa manusia mencapai matlamat dan tujuan hidup iaitu beribadat kepada Allah dan mentauhidkanNya. Firman Allah SWT;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Adz-Dzariyat:56

Terjemahan: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa kewujudan manusia pada alam ini mempunyai

<sup>49</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Ad-Da'wah, Qawa'id wa Ushul: Fiqih Dakwah Prinsip dan Kaidah Asasi Dakwah Islam*, terj. Abdus Salam Masykur (Pajang, Solo: Intermedia, 2008), v.

matlamat yang tertentu. Matlamat tersebut akan dapat dicapai dengan melakukan tugas-tugas yang telah ditetapkan. Tugas tersebut ialah mempersembahkan diri kepada Allah, iaitu selama mana ada hamba (makhluk ciptaan) dan Tuhan (pencipta), maka hamba hendaklah menyembah Tuhan dan Tuhan hendaklah disembah.<sup>50</sup>

Menurut Ab.Aziz Mohd Zin, antara tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam ialah dakwah. Tuntutan ini disebabkan oleh dakwah itu merupakan satu keperluan bagi manusia seluruhnya. Keperluan ini atas kepentingan hidup di dunia dan akhirat.<sup>51</sup>

Oleh itu, dakwah dan kehidupan tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya merupakan satu tuntutan dan keperluan dalam kehidupan manusia dan juga merupakan usaha murni yang harus digarap dengan baik agar dapat mencapai sasaran dakwah sekaligus mencapai matlamat dakwah.

## 2.2 PENGERTIAN DAKWAH

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang mempunyai beberapa pengertian. Antara pengertian dakwah yang paling menonjol ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.<sup>52</sup>

Menurut Jum'ah Abdul Aziz dakwah ialah usaha berupa perbuatan untuk mengajak manusia kepada suatu aliran atau agama tertentu. Malah ia juga membawa erti memohon dan meminta.<sup>53</sup>

---

<sup>50</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, 30.

<sup>51</sup> *Ibid.*,7.

<sup>52</sup> *Ibid.*,1.

<sup>53</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, 25.

Daripada sudut istilah pula terdapat beberapa pengertian yang diberikan para ulama. Pertama, dakwah bermaksud usaha<sup>54</sup> yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah. SWT.<sup>55</sup>

Ibn Taymiyyah mentakrifkan dakwah sebagai sebuah ajakan yang mengajak manusia untuk beriman kepada Allah dan RasulNya, serta mempercayai apa yang disampaikan oleh RasulNya dan mentaati apa yang diperintahkan.<sup>56</sup>

Ali Mahfuz menjelaskan maksud dakwah sebagai usaha menyeru manusia kepada kebaikan dan petunjuk serta melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar* agar mereka semua mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>57</sup>

Muhammad al-Ghazali pula memberi definasi dakwah sebagai satu program yang lengkap, yang setiap peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.<sup>58</sup>

Al-Bahi al-Khuli menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain.<sup>59</sup>

Yusuf Al-Qaradawi seterusnya menjelaskan dakwah sebagai usaha untuk membawa manusia kepada agama Islam serta mengikut petunjuk agama Islam, melaksanakan segala ketetapannya di muka bumi, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan

<sup>54</sup> usaha di sini bermaksud menyampai, menyebar dan menggesa manusia agar beriman kepada Allah SWT serta patuh kepada-Nya, dengan cara melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

<sup>55</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 2.

<sup>56</sup> Syaikh Akram Kassab, *Al-Manhaj Ad-Da'wah 'inda Al-Qaradhawi: Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*, terj.Muhyidin Mas Rida, Lc (Jakarta : Pustaka Al-kautsar, 2010),1.

<sup>57</sup> Ali Mahfuz, *Hidayah Al-Murshidin ila Turuq al-Wa'z wa al-Khitabah*, c.4. Al-Qahirah: Dar al-I'tisam, 1979, h.14.

<sup>58</sup> Muhammad al-Ghazali, *Ma'a Allah*, c.5. Al-Qahirah: Matba'ah Hassan, 1981, h.17.

<sup>59</sup> Al-Bahi al-Khuli, *Tazkirah al-Du'ah*. Al-Qahirah: Maktabah Dar al-Thurath, 1987, h.30.

daripada Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad di jalanNya.<sup>60</sup>

Ra'uf Shalabi pula menerangkan bahawa dakwah Islamiah ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat manusia daripada keadaan kufur kepada keadaan iman, daripada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan akhirat.<sup>61</sup>

Jum'ah Amin Abdul Aziz pula menjelaskan dakwah yang dimaksudkan ialah membangun masyarakat Islam, sebagaimana para Rasul Allah, yang memulakan dakwahnya dalam kalangan masyarakat jahiliah. Mereka mengajak manusia untuk memeluk agama Allah, menyampaikan wahyu dan menjauhkan diri daripada syirik selain membentuk dan membangun masyarakat ideal demi mencapai keredhaan Allah dengan mengikuti segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Perkataan ini juga bermaksud melakukan kebaikan pada masyarakat Islam yang terkena musibah seperti penyimpangan dan berbagai kemungkaran, serta pengabaian masyarakat tersebut terhadap segenap kewajipan. Dalam maksud lain, dakwah ialah memelihara kelangsungan dakwah dalam kalangan masyarakat yang telah berpegang pada kebenaran, melalui pengajaran secara terus-menerus, pengingatan, penyucian jiwa, dan pendidikan<sup>62</sup>

Ahmad Ghalush seterusnya menjelaskan maksud dakwah Islamiah, pertamanya ia adalah tunduk dan patuh kepada Allah SWT dengan mematuhi segala ajaran-Nya. Kedua, merupakan satu agama yang direndai oleh Allah SWT untuk sekelian alam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W serta terpelihara di dalam al-Quran dan dijelaskan oleh Sunnah. Ketiga, ia sebagai satu peraturan umum dan undang-undang lengkap serta manhaj

<sup>60</sup> Al-Qaradawi Yusuf, *Thaqafah al-Da'iyyah*. Bayrut: Muassasah al-Risalah, 2001, h.5.

<sup>61</sup> Ra'uf Shalabi, *Saykulugiyah al-Ra'y wa al-Da'wah*, c.3.T.T.P.: Matba'ah al-Fajr al-Jadid, h.49.

<sup>62</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah* , 29.

tingkah laku untuk manusia dan kaitannya dengan dengan dosa atau pahala di akhirat, yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W yang menerima perintah daripada Allah SWT agar menyampaikannya kepada manusia.<sup>63</sup>

Secara kesimpulan, dakwah merupakan suatu usaha menyeru dan mengajak manusia kepada Allah SWT iaitu seruan kepada AgamaNya, tidak lain dan tidak bukan, agama Islam. Gerak kerja dakwah merupakan suatu usaha yang dijalankan bagi mengajak manusia melakukan kebaikan dan mendapatkan keredhaan Allah.

### **2.3 HUKUM DAKWAH**

Dakwah merupakan suatu keperluan dalam dalam kehidupan seharian, namun begitu hukum dakwah masih menjadi persoalan lantas tidak ada keterangan yang jelas tentang hukum dakwah.<sup>64</sup> Maka, terdapat pelbagai pendapat daripada ulama mengenainya. Terdapat dua golongan yang memberi pendapat. Pendapat pertama memperkatakan hukum dakwah ialah merupakan *fardhu ain*, manakala pendapat kedua mengatakan hukumnya *fardhu kifayah*.

Abdul Karim Zaidan menghujahkan bahawa dakwah wajib dilaksanakan oleh orang Islam lelaki mahupun wanita yang boleh dilaksanakan secara individu atau secara berjemaah.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup> Ahmad Ghalush (t.t), *al-Da'wah al-Islamiyyah Usuluha wa Wasailuhu*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misr, h.12-13.

<sup>64</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 17.

<sup>65</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, terj. 'Solehan bin Ayub' (Kuala Lumpur:Pustaka Salam, 2002), 347.

Firman Allah SWT;

﴿ يَأَيُّهَا أَرْسُولُنَا مَا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ مِنْ رِزْقٍ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا يَلْفَغُ رِسَالَتُهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ

اللَّهَ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴾٢٧﴾

Al-Ma'idah: 67

Terjemahan: Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka (bermakna) tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum kafir.

Begitu juga firman Allah SWT:

﴿ وَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنْ إِيمَانِكَ اللَّهُ بَعْدَ إِذْ أَنْزَلْتُ إِلَيْكَ وَآدَعْتُ إِلَيْكَ وَلَا تَكُونَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴾٢٨﴾

AL-Qasas(28):87

Terjemahan: Dan serulah manusia kepada (agama) Tuhanmu; dan janganlah engkau menjadi dari golongan yang menyertai orang-orang musyrik.

Berdasarkan dua ayat di atas, Nabi Muhammad SAW diperintahkan secara khusus supaya berdakwah. Maka orang Islam juga diperintahkan supaya melaksanakan tanggungjawab tersebut, kerana ia tidak termasuk ke dalam perkara yang khusus bagi Nabi Muhammad SAW sahaja.

Menurut kaedah, setiap taklif ke atas Rasulullah SAW juga menjadi taklif ke atas umat baginda selagimana tiada sesuatu keterangan yang mengkhususkannya bagi Nabi Muhammad SAW sahaja.<sup>66</sup>

Oleh itu, menurut sesetengah ulama, mereka berpendapat bahawa hukum dakwah ialah *fardhu ain*. Tugas menyampaikan dakwah dan mengajak manusia ke arah kebenaran dan kebaikan ini merupakan satu tuntutan dalam Islam. Makanya, setiap individu memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah dan mengajak manusia ke arah kebenaran dan kebaikan.

Antara pandangan para ulama tentang kewajipan dakwah ialah Abu Bakar al-Jassas, beliau berkata:<sup>67</sup>

اکد اللہ علی فرض الامر ولنہ ہی عن الظکر و بعینہ لرسول صلی اللہ علیہ وسلم فی اخبار نبی و مثیرۃ حجۃ فیہ ، واجم ع  
اللہیف و فقہاء الامان رفعی وجوب

Maksudnya: Menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar merupakan suatu kefarduan yang ditetapkan oleh Allah SWT dan dijelaskan oleh Nabi SAW melalui hadis yang mutawatir serta disepakati oleh para ulama

Ibn Hazm pula berkata:<sup>68</sup>

نَهْقَتِ الْأَمْرَ الْأَكْلِيَّا نَحْنُ وَجْوَبُ الْأَمْرِ بِالْمَعْرُوفِ وَلَنْ ہی عن الظکر بلا خلاف من احد

Maksudnya: Menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar merupakan suatu kefarduan yang disepakati.

<sup>66</sup> Al-Sharah Yusuf Hasan, "Mada Dukhul al-Ummah fi' al-Khitab al-Muwajjah ila al-Nabi", Journal of Faculty of Sharia, Law and Islamic Studies, Bil.20. Qatar University, h.122.

<sup>67</sup> Al-Jassas Abu Bakr Ahmad ibn 'Ali al-Razi (t.t), *Ahkam al-Quran*, j. 2.T.T.P.: al-Matba'ah al-Bahiyyah, h.59.

<sup>68</sup> Ibn Hazm al-Andalusi Abu Muhammad 'Ali ibn Ahmad ibn Sa'id (t.t), *al-Fasl fi' al-milal wa al-Nihal*, j.4.T.T.P.: Dar al-Fikr, h.171.

Manakala, hukum dakwah dikatakan oleh ulama lain sebagai *fardhu kifayah* berdasarkan firman Allah SWT;

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Ali-'Imran: 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh (berbuat) yang makruf dan mencegah dari yang munkar.

Bagi sekelompok ini, mereka melihat kepada kalimah "*antara kamu*" dalam ayat tersebut ini merujuk kepada sebahagian daripada orang Islam sahaja. Ayat tersebut difahamkan oleh al-Qurtubi bahawa tugas makruf dan mencegah kemungkaran itu *fardhu kifayah*. Al-Shawkani juga turut mengutarakan pendapat yang sama dengan berpandangan perintah tersebut dikhkususkan kepada cendekiawan dan ilmuwan yang mengetahui dengan mendalam tentang apa yang disuruh, diperintah dan apa yang ditegah.<sup>69</sup>

Justeru, tugas dakwah dalam menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran ialah fardu kifayah yang mana jika ada sebahagian daripada kalangan umat Islam telah melakukannya, yang lain gugur kewajibannya, sebagaimana ada sebahagian kaum Muslimin yang tidak mampu berdakwah dan tidak wajib melakukan amar makruf nahi mungkar seperti wanita, orang sakit dan orang-orang yang tidak berdaya. Bahkan, pekerjaan menyampaikan dakwah ini tidak dapat dijalankan setiap orang melainkan dia mempunyai pengetahuan mengenai kebaikan dan kemungkaran. Jika seseorang itu tidak mempunyai asas ilmu pengetahuan yang cukup, maka ditakuti dia mampu membawa

<sup>69</sup>Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 18.

kepada kebatilan dan kemungkaran pada sasaran dakwah. Justeru, kewajipan dakwah hukumnya ialah *fardhu kifayah*.<sup>70</sup>

Meskipun terdapat perbezaan pendapat antara kedua-dua golongan mengenai hukum dakwah, namun dapat disimpulkan bahawa tanggungjawab dakwah adalah terlalu besar. Menurut Ab Aiz Mohd Zin, dakwah bukan setakat fardu ain ke atas setiap orang Islam, malah juga fardu kifayah ke atas seluruh orang Islam, mengikut kemampuan masing-masing. Dakwah juga bukan setakat ceramah agama, tetapi usaha-usaha yang disusun dengan baik untuk mengubah fikiran, sikap dan tabiat manusia supaya selaras dengan kehendak Allah dan rasul-Nya.<sup>71</sup>

Oleh itu, setiap individu memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah kepada manusia. Secara jemaah, tugasan dakwah juga merupakan suatu kewajiban yang harus dilaksanakan demi mendapatkan keredhaan Allah.

## 2.4 DAKWAH MELALUI MAJALAH

Antara media yang mempunyai kesan dan pengaruh kepada pembaca ialah media cetak dan majalah merupakan antara media cetak yang mempunyai pengaruh dalam menyebarkan maklumat dan informasi yang berguna kepada pembaca.

Umumnya, **majalah** ialah sebuah bahan penerbitan yang dicetak melebihi lapan muka surat dalam saiz tertentu, yang mempunyai kandungan tertentu, khalayak yang tersendiri atau umum dan bertujuan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk hiburan mahupun pengetahuan umum.<sup>72</sup>

<sup>70</sup> Taufik Al-Wa'iy, *Da'wah Ilallah: Dakwah ke Jalan Allah; Muatan, Sarana dan Tujuan*, terj. Muhibh M.Ishaq, M.Ag. (Batuampar, Jakarta: Robbani Press, 2010), 78.

<sup>71</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 28.

<sup>72</sup> Amulky A/P Muniandy, "Penerbitan Majalah Utusan Melayu (M) BHD: Tumpuan Kepada Mastika" (Disertasi bagi peringkat sarjana pengajian penerbitan, Universiti Malaya,Kuala Lumpur,2008, 2.

Majalah adalah antara wadah yang boleh digunakan dalam penyampaian dakwah dan amat berkesan sekali kerana maklumat beritanya mampu bertahan lebih lama berbanding surat khabar. Tambahan pula, bahan-bahan dalam majalah lebih bersifat analitis dan sesuai untuk khalayak yang khusus.<sup>73</sup> Penerbitan majalah ini bukan setakat menjadi bahan bacaan untuk mengisi masa lapang, namun majalah juga mampu memancarkan tahap pemikiran dan kemajuan masyarakat. Maka, sama seperti penerbitan buku, penerbitan majalah juga mencerminkan tahap pembangunan intelektual masyarakat.<sup>74</sup> Oleh itu, akhbar dan majalah merupakan antara wadah yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah. Kedua-dua media ini menjadi saluran dalam mencapai matlamat dakwah untuk mendekati sasarannya. Syaikh Akram Kassab menjelaskan, antara media yang giat digunakan oleh masyarakat selama dua abad kebelakangan ini ialah akhbar dan majalah. Para *dai* telah menggunakan media ini sebagai media dakwah untuk menyampaikan syariat Islam dan menjelaskan nilai-nilai kebaikan yang dikandungnya.<sup>75</sup>

Ulama tersohor seperti Syaikh Yusuf Al-Qaradhawi juga tidak melepaskan peluang menggunakan majalah sebagai medium dalam menyampaikan ilmu agama dan dakwah kepada masyarakat sedunia. Beliau berpendapat bahawa media ini merupakan mimbar baru yang tidak boleh dibiarkan bagi musuh Allah untuk merebut pengaruh dan simpati orang Muslim, melainkan harus dijadikan media untuk melawan orang yang menentang Islam atau mengherdik orang yang mengherdik Islam dan kaum muslimin.<sup>76</sup>

Menurut Sohirin M. Solihin, akhbar dan majalah ialah cara yang penting untuk menyampaikan mesej dakwah. Semua pendakwah boleh menggunakan media ini untuk

---

<sup>73</sup> *Ibid.*, 5.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>75</sup> Syaikh Akram Kassab, *Al-Manhaj Ad-Da'wah 'inda Al-Qaradhawi: Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*, terj. Muhyidin Mas Rida, Lc (Jakarta : Pustaka Al-kautsar, 2010), 211.

<sup>76</sup> *Ibid.*

berkomunikasi dengan sasaran dakwah.<sup>77</sup> Bahkan, untuk menjadikan dakwah lebih berkesan, majalah dan akhbar boleh dibuat dalam kategori yang berbeza-beza seperti kanak-kanak, remaja dan dewasa. Di samping itu, majalah dewasa juga boleh dirancang untuk pelbagai peringkat seperti masyarakat umum, ahli intelek dan ahli sains. Dalam hal ini, para *dai* perlu dilatih untuk membentangkan idea mereka melalui penulisan dan penerbitan. Isu-isu yang berbeza boleh dikemukakan mengikut keperluan berdasarkan topik semasa yang menarik. Memandangkan kerja-kerja dakwah ditujukan kepada orang ramai dan tulisan itu akan mencapai orang yang berbeza dalam masyarakat, maka reka bentuk seni, tutup dan kandungan perlu dilakukan secara profesional untuk menarik pembaca.<sup>78</sup>

Kesimpulannya, majalah merupakan antara media cetak yang tertua dan mempunyai pengaruh dan penggemarnya. Majalah merupakan salah satu medium dalam menyebarkan dakwah tanpa wujudnya sekatan. Pelbagai maklumat dan pengetahuan Islam dapat disampaikan menerusi artikel-artikel dalam majalah dan ini secara tidak langsung membawa kesan dan pengaruh yang baik kepada pembaca. Justeru, setiap pendakwah wajar menggunakan peluang yang ada untuk memperluaskan jaringan dakwah dengan lebih berkesan agar dapat mencapai sasaran dakwah mereka.

#### **2.4.1 KONSEP MAJALAH DAKWAH**

Majalah dakwah sering dikaitkan dengan konsep penulisan Islam. Hal ini kerana tujuan majalah dakwah diterbitkan adalah untuk membimbing manusia ke arah kebaikan dan menjauhi keburukan menerusi penulisan rencana yang terdapat dalam sesebuah majalah dakwah, kerana matlamat tersebut merupakan tujuan utama dakwah.

---

<sup>77</sup>Sohirin M.Solihin,*Islamic Da'wah Theory and Practice*, IIUM Press, International Islamic University Malaysia,Kuala Lumpur, Malaysia, 2008, 215.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 215-216.

Jum'ah Amin Abdul Aziz menjelaskan tujuan dakwah adalah untuk membangun masyarakat Islam, sebagaimana para rasul Allah, yang memulakan dakwahnya dalam kalangan masyarakat jahiliah. Mereka mengajak manusia untuk memeluk agama Allah SWT, menyampaikan wahyu kepada kaumnya dan memperingatkan mereka supaya menjauhi syirik. Di samping itu, dakwah juga bertujuan untuk melakukan penambahbaikan pada masyarakat Islam yang terkena musibah. Musibah yang dimaksudkan termasuklah penyimpangan dan berbagai-bagi kemungkaran serta pengabaian masyarakat tersebut daripada segenap kewajipan dan juga untuk memelihara kelangsungan dakwah dalam kalangan masyarakat yang telah berpegang pada kebenaran, melalui pengajaran secara terus-menerus, peringatan, penyucian jiwa dan pendidikan.<sup>79</sup>

Dalam kata lain, gerakan dakwah bertujuan untuk membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada keimanan, kegelapan kepada cahaya dan keadaan sempit kepada kelapangan, di dunia dan di akhirat.<sup>80</sup>

Matlamat ini selaras dengan fungsi penulisan rencana untuk tujuan dakwah yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan penulisan rencana biasa. Fungsi utama penulisan dakwah ialah mengajak manusia mendekatkan diri kepada Allah dan melakukan amalan kebaikan serta meninggalkan kemaksiatan. Oleh itu, formula penulisan rencana dakwah tidak terikat dengan formula rencana antarabangsa. Perkara penting dalam pembinaan format rencana dakwah adalah mampu mewujudkan kesan dan rasa kehambaan pembaca terhadap kebesaran Allah SWT.<sup>81</sup>

Menurut Nor Raudah Siren, kedudukan penulisan Islam ini begitu mempengaruhi kehidupan manusia sehingga mampu menyembuhkan manusia daripada penyakit rohaniah.

---

<sup>79</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, 29.

<sup>80</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, 28.

<sup>81</sup> *Ibid*, 34.

Ini merupakan cahaya yang boleh menerangi rohani untuk berhubung dengan alam yang dicerap oleh enam pancaindera bagi memudahkan hubungan manusia dengan Tuhan.<sup>82</sup>

Oleh kerana tujuan penulisan rencana dakwah adalah untuk membawa manusia mendekatkan diri kepada Allah dan seterusnya melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan, maka isi dan mesej dakwah mencakupi pelbagai ilmu pengetahuan berkaitan Islam. Secara umunya, mesej dakwah Islamiah dibahagikan kepada empat aspek utama iaitu, isu akidah, syariah dan akhlak termasuklah isu semasa.

Malah, mesej dan isi dalam penulisan juga harus bersandarkan dalil-dalil yang kuat dan benar iaitu al-Qur'an, sunnah dan *ijma' ulama'*. Menurut Abdul Karim Zaidan, sumber metodologi dakwah ini datangnya daripada Al-Quran, *sunnah nabawiyah*, sejarah hidup *salafussaleh*, analisis ulama dan pengalaman.<sup>83</sup> Namun begitu, sumber utama yang menjadi sandaran dan rujukan metode dakwah ialah al-Quran, al-Sunnah dan pengalaman berdasarkan keadaan sasaran.<sup>84</sup> Dengan berpandukan dalil-dalil yang kuat dan benar, maka penulisan dakwah dapat terselamat daripada jalan yang tersasar dan penulisan yang tidak jelas tujuannya.

Menurut Nor Raudah Siren, memandangkan tujuan penulisan dakwah adalah untuk membangunkan akidah, ibadah, akhlak dan kemahiran hidup yang berlandaskan syariah Islam. Maka, segala aspek pengisian dalam karya penulisan amat dititikberatkan supaya dapat membangunkan nilai-nilai kemanusiaan sama ada daripada aspek mental, rohani mahupun sahsiah umat Islam.<sup>85</sup>

Justeru, seorang penulis Muslim perlu menguasai ilmu Islam untuk mewujudkan ilham yang bernilai keislaman. Di samping itu, estetika yang menghayati keindahan ciptaan

---

<sup>82</sup> *Ibid*, 42.

<sup>83</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, terj. 'Solehan bin Ayub' (Kuala Lumpur:Pustaka Salam, 2002), 463.

<sup>84</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 78.

<sup>85</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 43.

Allah perlu digarap dalam karya untuk membawa utusan kepada khalayak manusia iaitu pembaca.<sup>86</sup>

#### **2.4.2 ELEMEN MAJALAH DAKWAH**

Umum, majalah ialah bahan penerbitan yang dicetak melebihi 8 muka surat dalam saiz tertentu, yang mempunyai kandungan tertentu,khalayak yang tersendiri atau umum dan bertujuan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk hiburan atau pengetahuan umum.<sup>87</sup>

Dalam erti kata lain, majalah ialah sebuah penerbitan berkala yang mengandungi pelbagai artikel jenis diskriptif dan kritikal,esei dan fiksyen, yang disasarkan kepada khalayak umum.<sup>88</sup> Bagi Hamedi Mohd Adnan, majalah juga difahami sebagai bahan bercetak yang diterbitkan mengikut jangka masa tertentu iaitu secara priodikal yang didalamnya terdapat pelbagai bahan tulisan, grafik, iklan, editorial dan kulit (cover).<sup>89</sup>

Ringkasannya majalah adalah terbitan berkala yg isinya meliputi berbagai liputan jurnalistik, pandangan tentang topik aktual yang patut diketahui pembaca, dan menurut waktu penerbitannya dibedakan atas majalah bulanan, tengah bulanan, mingguan, dan sebagainya dan menurut pengkhususan isinya dibedakan atas majalah berita, wanita, remaja, olahraga, sastra, ilmu pengetahuan tertentu dan sebagainya.<sup>90</sup>

Meskipun begitu, majalah dakwah dilihat berbeza daripada majalah-majalah lain kerana majalah ini membawa konsep penulisan Islam. Majalah dakwah bertujuan untuk

---

<sup>86</sup> *Ibid*, 30.

<sup>87</sup> Amulky A/P Muniandy, “Penerbitan Majalah Utusan Melayu (M) BHD: Tumpuan Kepada Mastika” (Disertasi bagi peringkat sarjana pengajian penerbitan, Universiti Malaya,Kuala Lumpur,2008,h.2

<sup>88</sup> *Ibid*.

<sup>89</sup> Hamedi Mohd Adnan (1998), Majalah-majalah Agama Sebelum Perang dan Ekonomi Penerbitannya dalam Pengajian Sastera dan Sosiso Budaya Melayu:Memasuki Alaf Baru, Hashim Awang AR, Zahir Ahmad (ed.), (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,1998) ,140.


<sup>90</sup> Pengertian Perkataan “Majalah”, laman sesawang artikata, dicapai pada 14 March 2013,  
<http://www.artikata.com/arti-339346-majalah.html>

membimbing masyarakat ke arah kebaikan. Oleh itu, elemen utama yang perlu ada ialah penulis sebagai dai, karya dan pembaca sebagai *mad'u* serta bagaimana elemen tersebut mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Penulisan dakwah melibatkan hubungan antara manusia dengan Allah dan hubungan antara manusia dengan manusia. Hubungan komunikasi yang dijalankan ini sekaligus menjurus ke arah mendapatkan keredaan Allah sama ada bagi penulis (dai), pengisian karya (*wasilah al-da'wah*) atau kesannya kepada pembaca (*mad'u*).<sup>91</sup>

Penulis merupakan penyampai yang berusaha menyampaikan maklumat Islam melalui karya yang dicipta iaitu hasil penulisan. Karya yang ditulis oleh penulis memberi tumpuan kepada mesej dakwah (*mawdu' al-da'wah*) dan gaya penyampaian (*uslub al-da'wah*) agar mampu memberi manfaat yang terbaik kepada khalayaknya atau *mad'u* dengan konsep yang menekankan tentang peranan penulis dalam menjalankan kerja dai; menyeru kepada kebaikan dan melarang kebatilan yang diamanahkan oleh Allah SWT. *Mad'u* atau penerima mesej akan menterjemahkan maklumat yang diterima. Karya yang baik dan berlandaskan ajaran Islam akan menghasilkan *mad'u* yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.<sup>92</sup> Maka, seorang pendakwah memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan dakwah kepada sasarannya menerusi sebuah penulisan yang baik dan menarik. Hal ini kerana sebuah penulisan yang baik mampu meninggalkan kesan yang baik ke dalam hati pembaca. Bagi melengkapkan hubungkait ini, elemen utama dalam majalah dakwah boleh dibahagikan kepada tiga perkara utama iaitu penulis (dai), karya (*wasilah al-da'wah*) dan pembaca (*mad'u*) sebagaimana dalam Rajah 2.4.2.

<sup>91</sup>Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 34.

<sup>92</sup>Ibid., 35.



**Rajah 2.4.2 Elemen Penulisan Dakwah**

**Penulis sebagai pendakwah (dai):** Islam amat menekankan keperibadian seseorang penulis atau pendakwah. Ini kerana pendakwah menggalas tanggungjawab dan amanah mengajak manusia kepada risalah Allah SWT.

Oleh itu, H.M Tuah Iskandar (1997) telah menggariskan empat unsur penting yang perlu ada pada diri seorang penulis iaitu memiliki sifat kehambaan kepada Allah, menjadi pemerhati dan pemikir terhadap kehidupan persekitarannya, mempunyai jiwa pendakwah yang cintakan kepada kebenaran serta menjadi penyuluhan diri dan suasana daripada perbuatan keji dan mungkar.<sup>93</sup>

Seorang pendakwah juga perlu mempersiapkan diri dengan ilmu yang luas dan akhlak yang mulia. Menurut Abdul Karim Zaidan, pendakwah memerlukan beberapa persediaan yang mantap seperti kefahaman yang mendalam, keimanan yang mantap dan

<sup>93</sup> Ibid.

hubungan yang erat dengan Allah. Kesemua ini merupakan persediaan utama bagi pendakwah.<sup>94</sup>

Jum'ah Amin Abdul Aziz menegaskan para dai haruslah seorang yang *mukhlis*, giat dan dinamis. Sifat-sifat ini diperlukan kerana seorang dai ialah pendidik dan pembangun generasi. Mereka berupaya menumbuhkan generasi yang mempunyai sifat-sifat dan akhlak mulia sebagaimana yang digariskan oleh al-Qur'an dan diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya.<sup>95</sup> Oleh itu, seorang pendakwah harus mempunyai sifat-sifat yang mulia dan meninggalkan segala kemaksiatan dan keburukan kerana mereka akan menjadi contoh kepada sasaran. Sepertimana yang ditegaskan oleh Fathi Yakan, seseorang pendakwah perlu mensucikan hatinya daripada perbuatan menipu, sifat dengki dan permusuhan serta meninggalkan segala kemaksiatan dari sudut zahir, batin atau hati. Ciri-ciri ini bermakna penulis dakwah perlu membangunkan hati dan jiwanya ke arah jiwa dan hati yang bersih daripada sebarang prasangka dan penipuan bagi mendapatkan data dan kenyataan.<sup>96</sup>

Maka, seorang penulis Islam harus mempersiapkan dirinya sebagai penulis dakwah agar penulisannya mampu memberi kesan yang baik kepada pembaca. Sebagaimana yang dijelaskan Nor Raudah Siren, seorang penulis perlu membina dirinya untuk menjadi penulis dakwah yang bersandarkan keredaan Allah untuk menulis karyanya. Pembinaan diri yang mantap sebagai seorang pendakwah akan mampu menjadikan dirinya seorang penulis dakwah yang baik dan berketerampilan dalam penulisannya serta membina etika keperibadian sesuai dengan etika penulis Islam.<sup>97</sup>

---

<sup>94</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 365.

<sup>95</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, 66.

<sup>96</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 36.

<sup>97</sup> *Ibid*, 36-37.

Selain mempersiapkan diri sebagai penulis dakwah, penulis juga harus mempunyai keikhlasan hati dalam melaksanakan tugas agar mereka dapat menghasilkan sebuah penulisan yang jujur dan ikhlas daripada hati. Ini sekaligus dapat menyentuh hati pembaca. Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqir menjelaskan seorang pendakwah haruslah menjadikan keikhlasan dan kesucian hati sebagai tunggaknya, baik dalam perkataan maupun perbuatan. Baik dalam keadaan sembunyi maupun terang-terangan, seorang pendakwah hendaklah berdakwah dengan kebijaksanaan, nasihat yang baik serta dialog yang beradab. Semua ini perlu kerana pendakwah ialah pengembang risalah dakwah. Pada dirinya ada tanggungjawab yang sangat besar, yang dengan itulah Allah memuliakannya. Oleh sebab itu selayaknya dia menjadikan penyelamatan umat sebagai tujuan utamanya dengan agama ini menjadi hidupnya.<sup>98</sup> Oleh itu, seorang pendakwah harus mempunyai sifat-sifat terpuji, keperibadian yang mulia, ikhlas dalam segala yang dilakukan yang mana segalanya dilakukan kerana Allah SWT. Malah, seorang pendakwah juga harus mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap ilmu yang disampaikan.

Menurut Abdul Karim Zaidan, seorang pendakwah perlu memiliki ilmu mengenai syariat Allah, halal dan haram, apa yang diharuskan dan apa yang tidak, perkara yang dibenarkan berijtihad dan perkara yang tidak dibenarkan berijtihad, perkara yang mempunyai dua kemungkinan atau lebih dan perkara yang tidak ada kemungkinan lain. Bahkan, pendakwah juga perlu tahu mengenai dalil-dalil syarak daripada al-Quran atau sunnah atau dalil-dalil syarak yang lain. Selain daripada itu, seorang pendakwah juga perlu sentiasa menambah pengetahuannya mengenai ilmu syarak supaya dia mengetahui asas dakwahnya dan supaya dia dapat melaksanakan dakwah berdasarkan ilmu yang dimiliki.<sup>99</sup>

<sup>98</sup> Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqir, *Dalil Ad-Daa'iyyah Ila Allah: Bimbingan Dakwah Di Jalan Allah*, terj. Dugeng Haytanto (Johor Bahru: Jahabersa, 2011), 7.

<sup>99</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 537.

Selain daripada kefahaman yang mendalam terhadap ilmu yang ingin disampaikan, seorang pendakwah juga perlu memanfaatkan pengalaman dalam berdakwah sebagai satu metode bagi mendekati sasaran menerusi karya.

Ab. Aziz Mohd Zin menjelaskan pengalaman yang dilalui oleh seseorang semasa berdakwah berdasarkan keadaan sasaran yang pelbagai ragam boleh dijadikan sumber kepada pembentukan metode dakwah. Ini bererti pengalaman-pengalaman terdahulu dengan bermacam-macam metode yang digunakan untuk disesuaikan dengan sasaran yang berbeza boleh dijadikan khazanah dan rujukan untuk orang yang kebelakangan.<sup>100</sup> Oleh itu, pendakwah boleh menggunakan dan memanfaatkan pengalaman untuk diselitkan dalam karya. Mempunyai akhlak yang mulia, ikhlas, jujur, memiliki kefahaman mendalam terhadap ilmu agama serta pengalaman yang luas antara ciri yang perlu ada pada seorang penulis Islam supaya dapat menghasilkan penulisan yang baik dan memberi kesan mendalam kepada pembaca. Penulisan dakwah yang baik ialah cerminan kepada keperibadian seorang penulis. Maka, seorang penulis Islam harus mempunyai keikhlasan yang tinggi dalam tugasannya dan melakukannya kerana Allah SWT di samping berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah serta berakhhlak mulia. Ini kerana keperibadian seorang penulis secara tidak langsung akan memberi kesan kepada penulisan.

**Pembaca sebagai sasaran yang menerima dakwah (*mad'u*):** Islam amat menitik beratkan keberkesanan dakwah terhadap sasaran dakwah kerana ini merupakan asas yang penting dalam dakwah. Abdul Karim Zaidan menjelaskan sasaran dakwah merupakan asas

---

<sup>100</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 80.

ketiga terpenting dalam dakwah, yang mana dakwah terdiri daripada empat asas utama iaitu topik dakwah, pendakwah, sasaran dakwah dan kaedah berdakwah.<sup>101</sup>

Setiap manusia walaupun siapa sahaja ialah sasaran dakwah kerana Islam ialah risalah Allah yang kekal. Allah telah mengutuskan Nabi Muhamamad SAW kepada seluruh manusia.<sup>102</sup> Sebagaimana firman Allah SWT;

قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ حَمِيعًا لَّذِي لَهُ مُلْكٌ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ<sup>103</sup>

Al-A'raf:158

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): 'Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya'.

Justeru, seorang pendakwah memikul tanggungjawab dan amanah dalam menyampaikan dakwah kepada seluruh manusia. Tanggungjawab ini tidak bertumpu kepada satu kaum atau bangsa. Bahkan seorang pendakwah juga harus mengenali dan memahami keadaan sasaran dakwah terlebih dahulu supaya dapat menyampaikan dakwah mengikut kesesuaian dan taraf sasaran. Abdul Karim Zaidan menjelaskan bahawa seorang pendakwah itu harus berjaya mengenalpasti penyakit yang dialami sasaran dakwah di samping mengetahui ubat yang diperlukan sasaran serta memastikan ubat tersebut adalah betul.<sup>103</sup>

Menurut Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqir, antara adab memberi nasihat ialah mengetahui keadaan masyarakat, memperhatikan keadaan dan kedudukan mereka. Iaitu seorang dai harus memiliki pengetahuan yang meyakinkan tentang keadaan sasarannya.

<sup>101</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 8.

<sup>102</sup> *Ibid*, 420.

<sup>103</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 471.

Informasi ini berguna untuk memungkinkan dia untuk memberikan perlakuan sesuai dengan keadaan sasarannya, dari segi keadaan dan kedudukannya.<sup>104</sup>

Keperluan memahami sasaran ini turut dijelaskan oleh Al-Qahtani (1994:104), pendakwah yang bijak ialah pendakwah yang mempelajari tentang kedudukan sasaran, untuk disesuaikan dakwah dengan taraf dan paras mereka dari semua sudut.<sup>105</sup>

Fathi Yakan (1977:21) juga menjelaskan dakwah itu untuk manusia dan ditujukan kepada manusia yang bermacam-macam keadaan dan bermacam-macam perbezaan, sama ada dari sudut umur, lapisan, pengetahuan, status, keadaan masyarakat, kecenderungan dan aliran pemikiran. Dengan itu, pendakwah harus bijak dan matang dalam memahami sasarannya, supaya apa yang dikemukakan itu bersesuaian dengan keadaan sasaran. Pendakwah yang berjaya ialah yang memberi sesuatu berdasarkan keperluan sasaran, dengan cuba memuaskan hati sasaran untuk mempengaruhi mereka.<sup>106</sup>

Menurut Ab.Aziz Mohd Zin isi dan kandungan dakwah sangat luas. Ini mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri, yang terdapat di dalamnya bermacam-macam bahagian dan sudut, sama ada yang berhubung kait dengan akidah, syariat dan akhlak. Sasaran dakwah juga mempunyai bermacam-macam keadaan. Maka, isi dengan sasaran dakwah perlu disesuaikan. Ini bererti pendakwah harus memilih isi-isi tertentu yang sesuai dengan sasaran.<sup>107</sup>

Al-Sayyid al-Wakil (1994:133) menjelaskan pendakwah hendaklah memilih tajuk-tajuk (isi kandungan) yang sesuai yang membolehkannya menangani masalah yang dihadapi sasaran dengan menggunakan cara penyelesaian yang bersesuaian, sehingga

<sup>104</sup> Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqir, *Dalil Ad-Daa'iyyah Ila Allah: Bimbingan Dakwah Di Jalan Allah*, terj. Dugeng Haytanto (Johor Bahru: Jahabersa, 2011), 67.

<sup>105</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001, 6.

<sup>106</sup> *Ibid.*

<sup>107</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 83.

sasaran mempunyai kesedaran bahawa dakwah memberi sumbangan yang besar kepada kehidupan mereka, malah mereka tidak akan mencari lagi penyelesaian yang lain.<sup>108</sup>

Maka, penting bagi seorang pendakwah untuk menyampaikan isi dakwah yang bersesuaian dengan sasaran. Nor Raudah Siren menjelaskan kesesuaian gaya dan isi kandungan dakwah dengan sasaran akan mempengaruhi pemikiran dan penghayatan mereka kerana keistimewaan yang ditonjolkan iaitu Islam menekankan aspek sosial masyarakat yang merangkumi kekeluargaan, perundangan, pendidikan, ekonomi, hubungan antara manusia, kepimpinan, budaya dan isu yang sesuai dengan kehendak sasaran.<sup>109</sup> Maka, tujuan penulisan dakwah adalah untuk membimbing dan membangun masyarakat dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu, Islam amat menitikberatkan penyampaian dakwah dilakukan dengan cara yang terbaik.

Kesimpulannya, penulisan yang baik ialah penulisan yang mampu mempengaruhi pembaca menerusi penulisan yang padat dengan isi dan mesej dakwah. Oleh itu, seorang penulis Islam harus bijak menghasilkan penulisan dakwah yang menarik dan berkesan kerana tujuan penulisan dakwah adalah untuk mendidik manusia, membangun masyarakat dan membimbing ke arah kebaikan dan menjauhi keburukan.

### **Karya Penulisan sebagai saluran dakwah (*Wasilah al-da'wah*)**

Dari sudut bahasa perkataan wasilah bermakna pendekatan dan alat yang dipergunakan untuk mendekati orang lain. Manakala secara istilah, Al-Qurthubi menjelaskan wasilah merupakan pendekatan yang diperlukan untuk mewujudkan tujuan.<sup>110</sup>

Al-Sayyid Nawfal pula menjelaskan wasilah sebagai jalan yang sesuai untuk isi dakwah sampai kepada sasaran,misalnya melalui masjid, sekolah, buku, lawatan,

---

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 41.

<sup>110</sup> Syaikh Akram Kassab , *Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*, 170.

perkelahan dan lain-lain.<sup>111</sup> Oleh itu *wasilah al-da'wah* merupakan alat (media) untuk menyampaikan isi atau mesej dakwah (*mawdu' al-da'wah*) kepada sasaran dengan dipersembahkan dalam bentuk yang bermacam-macam dan dilihat dari sudut uslub tertentu (*uslub al-da'wah*).<sup>112</sup>

Untuk mencapai tujuan dakwah, ia memerlukan metode dan saluran yang bersesuaian yang mampu menarik perhatian manusia. Keberkesanannya dakwah Islamiah ini bergantung kepada banyak gagasan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Ab.Aziz Mohd Zin, media untuk menyampaikan dakwah kepada sasaran boleh menentukan keberkesanannya. Kalau sesuatu dakwah itu tidak disalurkan melalui sesuatu media yang sesuai dengan sasaran, maka keberkesanannya tiada atau terlalu sedikit.<sup>113</sup> Maka, *wasilah al-da'wah* memainkan peranan yang penting dalam dakwah demi memastikan usaha tersebut dapat sampai kepada sasaran dan diterima baik. Antara *wasilah al-da'wah* yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah adalah melalui penulisan.

Penulisan merupakan wacana (*discourse*) komunikasi yang melibatkan penulis, pembaca, mesej dan bahasa serta melibatkan kegiatan memikir, mengkaji, memilih, merakam dan menulis sekumpulan pengalaman diri daripada hasil pemerhatian, pengalaman dan pemikiran seorang pengkarya.<sup>114</sup> Justeru, penulisan merupakan salah satu wadah dalam menyampaikan maklumat sekaligus berperanan dalam menyampaikan dakwah kerana hasil penulisan mampu mempengaruhi para pembaca.

Abdul Karim Zaidan menjelaskan penulisan boleh dilakukan dengan pelbagai cara antaranya dengan menulis surat ataupun dengan cara menulis buku, jurnal atau artikel dalam majalah atau sebagainya. Kesemua cara ini mendatangkan manfaat dan kebaikan

---

<sup>111</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 92.

<sup>112</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 44.

<sup>113</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 92.

<sup>114</sup> *Ibid.*,29.

untuk dakwah. Bahkan Rasulullah juga pernah menyuruh sahabatnya menulis surat kepada pemerintah negara bukan Islam untuk mengajak mereka supaya menyembah Allah dan memeluk agama Islam. Ini sekaligus membuktikan bahawa penulisan juga merupakan salah satu metode yang dapat digunakan dalam dakwah.<sup>115</sup> Tambahan pula, penulisan buku mengenai ajaran Islam, jurnal, artikel atau surat merupakan cara yang amat berguna untuk dakwah terutama apabila bahan-bahan ini diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa bangsa tertentu yang ingin diajak kepada Islam. Melalui cara ini, Islam dapat disampaikan kepada berjuta-juta manusia yang ingin mengenal Islam dengan lebih dekat. Maka, penulisan tersebut haruslah dapat difahami oleh pembaca.<sup>116</sup>

Sulaiman Masri dan Razali Ayob menerangkan secara umum, penulisan rencana didefinisikan sebagai perkara benar yang menonjolkan sikap dan pandangan penulis. Dalam penulisan rencana, penulis mempunyai banyak ruang untuk mengolah idea dan bermain dengan kata-kata untuk menarik minat pembaca.<sup>117</sup> Maka, seorang pendakwah harus bijak menghasilkan penulisan dakwah yang berkesan. Penulisan yang baik mampu menarik minat dan perhatian pembaca. Dalam penulisan, mesej dan isi memainkan peranan yang penting. Penulisan yang baik bergantung kepada mesej dan isi yang ingin disampaikan.

Menurut M.Natsir mesej dakwah disampaikan untuk tujuan mencapai matlamat utama iaitu membina kesempurnaan hubungan antara manusia (*khalqi*) dengan penciptanya (*khaliq*) serta mengatur keseimbangan antara dua hubungan tersebut (*tawazun*). Hubungan ini melibatkan semua aspek kehidupan seharian umat Islam dan tidak terlepas dari ruang lingkup al-Quran dan hadis.<sup>118</sup>

---

<sup>115</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 537.

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> Sulaiman Masri & Razali Ayob, *Komunikasi Kewartawanan*, Utusan Publications & Distributors,Kuala Lumpur,2002, 207.

<sup>118</sup>Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 45.

Penyampaian isu memerlukan kemantapan penulis dalam memikirkan idea penulisannya yang juga disebut sebagai proses mereka cipta. Idea merupakan intipati dalam penulisan. Kejayaan seseorang mengolah dan menganalisis masalah bergantung pada idea utama sesebuah penulisan. Idea yang baik ialah idea yang tepat, bernalas, kreatif, baru, kritikal dan sebagainya selaras dengan makna yang tersirat dalam pemikiran seseorang penulis.<sup>119</sup>

Nor Raudah Siren menjelaskan bahawa pemikiran atau idea utama dalam penulisan dakwah merujuk kepada mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Itulah sebabnya mesej dan pemikiran diletakkan berhampiran kerana keadaannya yang memerlukan sensitiviti penulis dengan isu semasa dan mencari maklumat berlandaskan kebenaran dengan menemukan sumber yang dipercayai. Kandungan penulisan yang difikirkan pula mestilah ke arah menyeru manusia kepada kebaikan dan menghindarkan fitnah.<sup>120</sup>

Oleh itu, Islam amat menitikberatkan pemilihan isi, mesej dan usul yang bersesuaian dengan sasaran dakwah agar ianya dapat diterima tanpa halangan. Ab.Aziz Mohd Zin menjelaskan, dakwah hendaklah dikemukakan kepada sasaran dengan keadaan yang bersesuaian dengan tahap pemikiran sasaran dari semua golongan dan lapisan.<sup>121</sup> Dalam kata lain, dakwah itu hendaklah dilakukan mengikut persediaan pemikiran sasaran, kerana kalau tidak, mesejnya tidak dapat difahami oleh sasaran. Dengan demikian, tahap kefahaman dan pemikiran sasaran hendaklah diambil kira dalam sesuatu dakwah, supaya dakwah membawa kesan.<sup>122</sup>

Ab.Aziz Mohd Zin mejelaskan selain kesesuaian dengan keadaan sasaran, sebuah dakwah juga harus dipersembahkan kepada sasaran dalam bentuk yang cantik, sama ada

---

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> *Ibid.*

<sup>121</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 18.

<sup>122</sup> *Ibid.*

dari sudut lahir atau batin.<sup>123</sup> Maka, segala pengajaran dan mesej yang hendak disampaikan kepada sasaran perlu dalam bentuk yang jelas, sehingga tidak membawa kepada kekaburuan dan silap faham.<sup>124</sup> Justeru, pemilihan kata-kata memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan karya dan penulisan yang baik dan sekaligus memberi kesan kepada pembaca.

Kata-kata ialah alat yang kita pilih untuk menulis dan menulis semula, sewaktu menganyam maklumat menjadi hasil yang difahami dan digunakan dengan cara yang sopan.<sup>125</sup> Keupayaan memilih perkataan yang tepat atau hampir tepat akan dapat membezakan tulisan yang bertaraf intan atau kaca.<sup>126</sup>

Justeru, penulisan dakwah itu haruslah mempunyai ciri-ciri penulisan yang jelas dan terang agar mudah difahami oleh sasaran menerusi pembacaan. Keperluan cara dalam dakwah lebih jelas jika dilihat pada kedudukan Islam yang hendak disampaikan kepada sasaran. Islam ialah satu agama yang agung dan mulia. Agama ini didatangkan oleh Allah Ta'ala. Kedudukannya terlalu indah dan suci. Ajarannya telah disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada masyarakatnya dalam keadaan yang jelas dan terang, kerana itu merupakan tugas Rasulullah dalam dakwahnya.<sup>127</sup>

Sebagaimana firman Allah SWT;

وَمَا عَلِّيْنَا إِلَّا أَبْلَغُ الْمُبِينُ  


Yaasiin:17

Terjemahan: Dan kewajiban kami tidak lain hanyalah menyampaikan (pengajaran) dengan jelas.

<sup>123</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 9.

<sup>124</sup> *Ibid.*,81.

<sup>125</sup>Chamil Wariya, *Penulisan Berkesan, Media Cetak, Elektronik Dan Web*, 18

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 76.

Zain al'Abidin al-Rikabi menjelaskan bahawa satu daripada syarat penyampaian dalam dakwah ialah jelas dan terang. Hal ini bererti bahawa Islam itu hendaklah disampaikan kepada sasaran dengan keadaan seelok-elok cara, sebaik-baik media yang digunakan dan sejelas-jelas penerangan.<sup>128</sup> Oleh itu, sebuah penulisan itu haruslah bersifat jelas dan mudah difahami oleh pembaca.

Kesimpulannya, penulisan merupakan antara saluran yang boleh digunakan dalam penyampaian dakwah. Penulisan dakwah yang baik disampaikan dalam bentuk yang jelas dan mudah difahami pembaca. Oleh itu, pendakwah harus bijak menghasilkan penulisan yang menarik dan jelas agar dapat diterima oleh sasaran.

## 2.5 MESEJ DAKWAH

Mesej ialah sebuah pesanan, berita dan kata-kata singkat yang hendak disampaikan kepada seseorang.<sup>129</sup> Mesej merupakan elemen yang penting dalam penyampaian dakwah. Abdul Karim Zaidan menjelaskan mesej dakwah atau mawdu' merupakan asas utama dalam dakwah. Mesej yang ditetapkan menjadi pokok utama yang penting dalam mencapai matlamat dakwah.<sup>130</sup>

Nor.Raudah Siren menerangkan mesej sebagai elemen yang penting dalam penyampaian dakwah, yang mana setiap pesanan dakwah yang disampaikan memerlukan maklumat dan fakta tertentu yang menjadi tumpuan pendakwah kerana fungsinya untuk membaiki akhlak dan pemikiran manusia serta membawa manusia mempercayai kebesaran Allah SWT.<sup>131</sup>

---

<sup>128</sup> *Ibid.*, 77.

<sup>129</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 1026, entri "mesej".

<sup>130</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, terj.Solehan bin Ayub (Batu Caves: Pustaka Salam,2002), 8.

<sup>131</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 56.

Mohd Yusof Hussain menjelaskan isi kandungan dakwah atau 'mawdu' diambil daripada al-Quran dan juga sunnah (iaitu kata-kata dan contoh daripada Nabi Muhammad SAW). Kandungan dakwah pula adalah dalam bentuk mesej (risalah), arahan, larangan dan maklumat yang berkaitan dengan Islam.<sup>132</sup> Mesej atau risalah yang dimaksudkan di sini ialah intipati kenyataan yang mengandungi kebenaran agama yang dihantar oleh dai untuk individu, kumpulan atau masyarakat umum. Intipati mesej dakwah Islam ialah tauhid (keesaan atau kesatuan Allah). Ketauhidan kepada Allah sentiasa menjadi kepercayaan dan pegangan Ibrahim, mengiktiraf Allah semata-mata sebagai pencipta, tanpa rakan-rakan atau teman. Allah yang memberi hidup dan mati dan Allah ialah Tuhan yang menciptakan, yang berkuasa, yang memberi, Hakim yang adil dan yang Maha Pengampun. Maka, segala bentuk semua ibadah, ketaatan, pujian dan pengabdian milik eksklusif kepada Allah dan tidak untuk dikongsi bersama dengan seorang nabi atau wali.<sup>133</sup> Selaras dengan firman Allah SWT;

وَمَا حَلَقْتُ آجِنَّ وَأَلْأَنَسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ 

Adz-Dzariyaat: 56

Terjemahan : Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaKu.

Maka, mesej dakwah di sini adalah sebuah kebenaran yang disampaikan oleh satu sumber yang dipercayai dengan tujuan mengajak manusia kepada kebenaran dan kebaikan.

Menurut Zaydan pula, mesej adalah ajaran Islam itu sendiri yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang terkandung di dalam al-Quran dan al-

---

<sup>132</sup>Mohd.Yusof Hussain, *Readings in Islamic Da'wah*, IIUM PRESS, International Islamic Univeristy Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, 21.

<sup>133</sup>*Ibid.*

Sunnah.<sup>134</sup> Manakala menurut al-Rumi, mesej dakwah ialah isi atau kandungan dakwah<sup>135</sup> yang dikemukakan oleh pendakwah kepada sasaran dakwah agar dia mengetahuinya dan beramal dengannya.<sup>136</sup> Justeru, isi kandungan dakwah sangat luas kerana mencakupi keseluruhan Islam yang ada dalamnya terkandung pelbagai sudut sama ada berhubung kait dengan akidah, syariah atau akhlak.<sup>137</sup> Selain daripada isu akidah, syariah dan akhlak yang dibincangkan, isu semasa juga antara yang terkandung dalam mesej dakwah. Ahmad Kamal Abdulullah menjelaskan penulis perlu memberi respons pada isu semasa dan kontemporari yang bersangkut-paut dengan masalah pembelaan terhadap ketidakadilan, mengajak kembali pada ajaran Islam, serta menilai iltizam pemeluk Islam terhadap tanggungjawab kepada agama, bangsa dan ibadahnya. Isu semasa juga boleh menyebarluaskan makna keindahan atau estetika yang melambangkan ciri-ciri ketuhanan yang bersifat *al-jamal*, *al-kamal* dan *al-jalal* (indah, sempurna dan perkasa).<sup>138</sup>

Menurut Nor Raudah Siren, persoalan kehidupan manusia ini yang sentiasa menjadi tumpuan dan penekanan dalam tema-tema penyampaian dakwah. Persoalan dikemukakan akan dapat mententeramkan hati, menguatkan fakulti akal dan memperteguh keyakinan dan kepercayaan khalayak terhadap agama Islam yang dianuti.<sup>139</sup> Oleh itu, usaha penyampaian mesej dakwah memerlukan kemantapan penulis sebagai pendakwah dalam memikirkan idea penulisannya bagi menggarap persoalan masyarakat. Menyentuh pemikiran atau idea utama dalam penulisan dakwah, mesej dan pemikiran diletakkan berhampiran kerana saling berkaitan. Menentukan idea dalam penulisan dakwah memerlukan sensitiviti penulis

<sup>134</sup> 'Abd al-Karim Zaydan (1991), *Usul al-Da'wah*, c.4. Baghdad: Maktabah al-Quds,h.7.

<sup>135</sup> Isi atau kandungan dakwah: Perkara-perkara yang hendak disampaikan kepada sasaran. Perkara-perkara yang hendak disampaikan melalui dakwah.

<sup>136</sup> Al-Rumi Muhammad ibn Ibrahim ibn Sulayman (2008), *Fiqh al-Da'wah fi Sahih al-Imam al-Bukhari*. Al-Riyad: Dar Kunuz Ishbiliya, h.273.

<sup>137</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 83.

<sup>138</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 56.

<sup>139</sup> *Ibid.*

dengan isu semasa dan mencari maklumat berlandaskan kebenaran dan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan.<sup>140</sup>

Secara umumnya, mesej dakwah terbahagi kepada empat aspek utama iaitu, isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa. Oleh itu, secara umumnya, perbincangan berkaitan dengan mesej dakwah dapat dilihat berdasarkan Jadual 2.5.1 berikut;

ISU AKIDAH	ISU SYARIAH	ISU AKHLAK	ISU SEMASA
Ketuhanan Malaikat Kerasulan Kitabullah Hari Kiamat Qadak dan Qadar	<i>Mu'amalah</i> Munakahat Kewangan Islam	Peribadi Muslim Pembangunan Ummah	Isu tempatan Isu Global

**Jadual 2.5 : Isu dalam Mesej Dakwah**

### 2.5.1 ISU AKIDAH

Antara asas ajaran Islam ialah persoalan akidah selain syariah (iaitu berkaitan hukum dan amalan dan mualamat). Akidah menjadi asas utama dalam kehidupan masyarakat Islam yang berteraskan kepercayaan dan keyakinan teguh kepada Allah SWT yang wajib diimani setiap muslim.

Akidah berasal dari perkataan Arab iaitu '*Aqada*'. Dari segi bahasa akidah bermaksud kepercayaan, keyakinan, ikatan atau simpulan. Manakala dari sudut istilah akidah bermaksud kepercayaan atau keimanan kepada hakikat-hakikat yang mutlak, yang tetap dan kekal, yang pasti dan hakiki lagi qudus dan suci seperti yang diwajibkan oleh

---

<sup>140</sup> *Ibid.*

Islam iaitu kepercayaan yang terikat erat serta tersimpul kuat di dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai dan tercerai lagi walau apa keadaan pun.<sup>141</sup>

Ibn Taymiyyah mentakrifkan akidah sebagai perkara yang dibenarkan oleh jiwa, hati menjadi tenang kepadaNya, beroleh keyakinan dalam kalangan ahlinya serta tidak bercampur dengan sebarang keraguan.<sup>142</sup> Aspek terpenting ini merupakan amalan hati yang berbentuk keyakinan.

Abu Bakar Al-Jazairy menjelaskan bahawa akidah itu ialah suatu kumpulan masalah kebenaran yang jelas dan diterima oleh akal fikiran, pendengaran dan fitrah semula jadi, di mana hati manusia bertaut kepadaNya, dan keyakinannya mengakui kebenaranNya, memegang teguh tentang wujud dan tegasnya, dan yang bertentangan denganNya tidak mungkin diterima sebagai suatu kebenaran untuk selama-lamanya.<sup>143</sup> Sebagai contoh iktikad kepercayaan manusia adalah tentang wujudnya Allah sebagai pencipta yang menciptakan manusia dan semesta alam, tentang kekuasaan Allah, tentang bertemunya dia dengan Tuhaninya selepas mati dan selepas akhir hayatnya, juga tentang balasan dan ganjaran atas setiap perbuatannya di dunia di samping mentaati segala perintah Allah ke atasnya dan menjauhi segala larangan yang dinyatakan dalam al-Quran.<sup>144</sup>

Oleh demikian, akidah merupakan kepercayaan dan keyakinan di dalam jiwa dengan bersandarkan kepada sumber yang diyakini dan diakui. Keyakinan ini mencakupi kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT dan keimanan kepada Rasul, malaikat, kitab, hari akhirat serta Qadak dan Qadar .

Menurut Abul A'la al-Mawdudi, isu akidah disampaikan dalam penyampaian mesej dakwah bertujuan meneguhkan kepercayaan umat dan memberi kepastian kepada umat

<sup>141</sup> Mohd Sabri bin Ismail, *Isu-Isu Kotemporari Akidah & Dakwah*, Batu Pahat: Penerbit KUiTTHO:2004, 72.

<sup>142</sup> Abd.Latif Muda & Rosmawati Ali, *Pengantar Ilmu Tauhid*, Prospecta Printers, Batu Caves, Kuala Lumpur, 19.

<sup>143</sup> Abu Bakr Jabir Al-Jazairi, *Aqidah Mu'min*,: *Aqidah Mukmin jilid 1*, terj. H.Salahuddin Abdullah (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1997), 21.

<sup>144</sup> *Ibid.*

tentang kekuasaan Allah SWT.<sup>145</sup> Dalam erti kata lain, isu akidah dijadikan asas utama dalam mesej dakwah agar dapat dihayati dan diterapkan dalam kehidupan manusia supaya melalui kehidupan dengan berlandaskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah sebagai pencipta yang menciptakan manusia, jin, binatang dan semesta alam.

Oleh itu, persoalan akidah memberi penerangan yang mendalam mengenai persoalan yang bersangkutan dengan keimanan dalam jiwa, keyakinan dan kepercayaan tanpa keraguan. Akidah secara langsung menjurus kepada soal pegangan hidup.

## 2.5.2 ISU SYARIAH

Syariah Islam merupakan kumpulan dan sejumlah hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah untuk sekalian umat manusia menerusi perantaraan baginda Rasulullah SAW yang termaktub di dalam al-Quran dan hadis. Secara umum, syariah merupakan segala hukum yang ditetapkan oleh Allah terhadap hamba-hambanya menerusi perantaraan rasul supaya mereka mengikuti serta beramal dengannya. Hukum hakam tersebut sama ada berkaitan dengan praktikal, amalan dan hukum furu' yang mana daripadanya terbentuk ilmu *fiqh*.<sup>146</sup>

Menurut Mohd.Yusof Hussain, perkataan “Syariah” berasal daripada perkataan *Sh’ir* yang bererti “jalan”.<sup>147</sup> Lantas, syariah ialah sebuah jalan yang harus dilalui dan diikuti setiap Muslim dalam kehidupan demi mendapat keselamatan di akhirat.<sup>148</sup> Syariah mencakupi pelbagai perkara dan sudut. Ini termasuklah ibadah, iaitu perkara yang berkaitan dengan penyembahan diri dan mualamat sekaligus perkara yang bersangkutan dengan urus

<sup>145</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 57.

<sup>146</sup> Abd.Latif Muda, *Pengantar Syariah Dan Teori Fiqh*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur,2003, 11.

<sup>147</sup> Mohd.Yusof Hussain, *Readings in Islamic Da’wah*, 33.

<sup>148</sup> *Ibid.*

niaga.<sup>149</sup> Maka, syariah ini terbahagi kepada lima kategori, iaitu amalan yang wajib, amalan yang disyorkan atau digalakkan yang dikenali sebagai *mandub*, amalan yang tidak mendatangkan apa-apa jika melakukan mahupun meninggalkannya iaitu *mubah*, amalan yang dibenci iaitu makruh dan juga amalan yang ditegah iaitu haram.<sup>150</sup> Manakala asas kepada syariah ini pula bersumberkan dalil daripada al-Quran, hadis, *ijma'* dan *qiyas*.<sup>151</sup>

Abu Bakr Jabir Al-Jaza'iri membahagikan persoalan syariah ini kepada aspek ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah seeperti lima rukun Islam, iaitu syahadah, solat, puasa, zakat, menunaikan haji serta sedekah. Ibadah umum pula mengaitkan amalan manusia dan hubungan manusia dengan manusia di dunia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.<sup>152</sup> Manakala persoalan *mu'amalah* pula menurut Abdul Karim Zaydan meliputi persoalan munakahat (kekeluargaan) dan persoalan undang-undang syariah.<sup>153</sup> Oleh itu, perbincangan isu syariah akan menyentuh persoalan berkaitan dengan rukun Islam dan persoalan berkaitan *mu'amalah*, munakahat, jenayah dan undang-undang syariah.

### 2.5.3 ISU AKHLAK

Akhlik merupakan sesuatu yang sangat penting malah salah satu cabang ilmu ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Abdul Karim Zaidan menjelaskan akhlak amat penting dan pengaruhnya sangat besar dalam membentuk perbuatan manusia dan apa sahaja yang lahir daripada manusia itu sendiri. Bahkan dikatakan semua macam tindak-

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> *Ibid.*

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 58.

<sup>153</sup> *Ibid.*

tanduk manusia sesuai dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwanya.<sup>154</sup> Maka Islam berperanan dalam memperbaiki manusia dan membentuk akhlak agar beroleh kehidupan yang baik. Islam memperbaiki manusia dengan terlebih dahulu memperbaiki jiwanya, membersihkan serta menanamkan sifat-sifat yang terpuji padanya. Maka, Islam berperanan membawa manusia ke arah kebahagiaan, kelapangan dan ketenteraman.<sup>155</sup> Oleh itu, sebarang bentuk akhlak yang buruk hanya akan mendatangkan kerosakan dan keburukan dalam kehidupan.

Abdul Ghafar Don (1998), telah menggariskan tiga aspek utama dalam usaha membangun masyarakat iaitu pembangunan dari sudut kerohanian, mental dan fizikal. Pembangunan kerohanian berkait dengan pelaksanaan terhadap suruhan Allah SWT dan menjauhkan perbuatan keji dan bersabar. Pembangunan mental pula berkait dengan mempertajam mental agar mempunyai wawasan dan pandangan yang jauh dalam menghadapi persoalan hidup. Pembangunan fizikal pula berkait dengan pembangunan material bagi memperkuuh kedudukan dan imej umat Islam.<sup>156</sup>

Menurut Jum'ah Amin Abdul Aziz, antara sasaran dakwah ialah *Ishllal An-Nafs* iaitu perbaikan jiwa, sehingga menjadi seorang muslim yang mempunyai kekuatan dari sudut fizikal, akhlak yang baik, luas pemikiran, mampu bekerja, bersih akidahnya, benar ibadahnya, semangat melawan nafsu, menjaga masanya dan mempunyai kehidupan yang teratur selain mendatangkan manfaat kepada orang lain. Maka dengan ini akan terbentuk sebuah anggota masyarakat yang menjaga hubungan dengan Allah SWT dan bermakrifat kepadaNya, sehingga terbina makna *ubudiyah* kepada Allah di samping membangun dengan pendidikan Islam dan mempunyai kekuatan minda, fizikal dan kerohanian,

<sup>154</sup> Abdul Karem Zaidan, *Dasar-Dasar Ilmu Da'wah*, terj. H.M Asywadi Syukur Lc. (Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2007), 99.

<sup>155</sup> *Ibid.*

<sup>156</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 59.

sehingga terkesan dan terlahir satu perwatakan yang mulia iaitu *Ahsan Taqwim*; sebaik-baik manusia.<sup>157</sup> Oleh itu, tujuan isu akhlak dibincangkan dalam mesej dakwah adalah untuk membina masyarakat yang mempunyai adab dan akhlak sebagai seorang Islam di dunia agar mendapatkan keredhaan Allah SWT .

#### 2.5.4 ISU SEMASA

Isu semasa yang dinyatakan dalam mesej dakwah mendorong manusia untuk melihat pergolakan yang terjadi dalam kehidupan arus ini serta isu-isu yang timbul akibat peredaran zaman dan keadaan.

Isu semasa turut membantu manusia supaya berfikir secara kritis dan matang dalam menangani masalah yang timbul. Nor Raudah Siren menjelaskan bahawa melalui isu semasa yang diketengahkan dalam mesej dakwah ini, manusia mampu menangani persoalan semasa yang berlaku secara Islamik seperti persoalan kebudayaan, kesenian, kesusteraan, globalisasi, komunikasi, perpaduan, sains dan teknologi, kesihatan, pendidikan dan ketenteraan. Pendedahan terhadap isu-isu semasa dalam perbincangan mesej dakwah memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk mendepani segala persoalan yang lebih mencabar. Persoalan semasa ini juga membantu masyarakat membina kekuatan spiritual, intelektual, dan material, serta mampu berdikari dan berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional dan praktikal.<sup>158</sup>

Badhlihisham Mohd Nasir dalam Zulkiple Abd Ghani dan rakan-rakannya menyebut tentang kepentingan pendakwah mempersiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan ilmu seperti kebudayaan, masyarakat, etnik, kaunseling, psikologi, geografi,

<sup>157</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, Intermedia, 58.

<sup>158</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 59.

kepimpinan, komunikasi dan sebagainya untuk memahami dengan lebih mendalam tentang latar belakang budaya sesebuah masyarakat. Ilmu-ilmu tersebut memberi sumbangan yang amat luas dalam pembentukan dan pengukuhan dakwah sebagai disiplin ilmu yang tersendiri.<sup>159</sup> Justeru, isu-isu semasa harus bijak ditangani oleh pendakwah. Seorang dai harus mempersiapkan diri dari sudut ilmu pengetahuan, fizikal dan mental dalam berdepan dengan pelbagai isu-isu semasa yang timbul.

Isu-isu semasa dan pengaruh barat yang ditimbulkan melalui teori yang bertentangan dengan al-Quran perlu diatasi dengan kebijaksanaan. Contoh teori dan hipotesis yang menyalahi wahyu dan perlu ditapis adalah seperti teori evolusi Darwin dan teori mekanis Descartes berkenaan kejadian semesta alam.<sup>160</sup> Selain itu, antara contoh lain adalah dari sudut ilmu kemasyarakatan yang datang dari Barat (ilmu sosial) yang juga turut mempunyai banyak masalah yang timbul. Ini kerana terdapat banyak teori sekular Barat moden yang bercanggah dengan ilmu wahyu. Ini disebabkan pendirian dan prinsip serta asas pemikiran Barat yang menyatakan Pencipta tidak wujud.<sup>161</sup> Hal ini membimbangkan, justeru harus ditangani dengan kebijaksanaan dan rasional. Bahkan, terdapat banyak lagi isu semasa yang harus dititik beratkan dan dipandang serius, seperti kebudayaan, kesenian, gaya hidup dan sebagainya. Oleh itu, pendakwah harus bersiap sedia untuk menangani isu-isu semasa yang wujud.

Ab.Aziz Mohd Zin menegaskan isu-isu semasa yang mempunyai unsur dakwah atau bercorak keagamaan berkaitan dengan pelbagai perkara. Ini mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri, dengan pelbagai bahagian dan sudut. Perkara yang diutamakan ialah antara isi dengan sasaran dakwah mestilah disesuaikan.<sup>162</sup> Oleh itu, seorang pendakwah haruslah

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> Sulaiman Noordin, *Sejarah pemikiran 1*, Sumber Ilmu, Perbincangan Ideologi, Dan Orde Baru Dunia, Jahanbersa, Johor Bahru,Malaysia, 2010, 10.

<sup>161</sup> *Ibid.*

<sup>162</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 83.

bijak memilih isi kandungan yang bersesuaian dengan keadaan sasaran. Kejayaan dan keberhasilan dakwah pula bergantung kepada keupayaan pendakwah mengenal pasti penyakit yang dialami oleh sasarannya lantas mengetahui cara untuk mengubatinya.

## 2.6 USLUB AL-DA'WAH (Gaya penyampaian)

Ab.Aziz Mohd Zin menjelaskan uslub ialah perkataan Arab yang bererti jalan atau cara. Mengikut peristilahan dakwah, uslub dakwah ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.<sup>163</sup>

Uslub dakwah ialah elemen yang penting dalam dakwah, kerana aspek ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan dan keberhasilan dakwah bagi mendekati sasaran sekaligus mencapai matlamatnya. Malah Islam sendiri menganjurkan hambaNya supaya mengeluarkan kata-kata yang baik dalam komunikasi. Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT;

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا أَلّاَتِي هِيَ أَحَسْنُ إِنَّ الْشَّيْطَنَ يَنْرَغُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَنَ كَارِكَ لِلْإِنْسَنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿١٦﴾

Al-Israa' : 53

Terjemahan: Dan katakanlah kepada hamba-hambaKu: "Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang baik.

Oleh itu, seorang dai haruslah mempunyai kesenian dalam menyampaikan mesaj dakwah demi menarik minat dan perhatian sasaran kepada apa yang ingin disampaikan dan dikongsikanya.

---

<sup>163</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 75.

Jum'ah Amin Abdul Aziz menegaskan bahawa setiap *dai* wajib menitikberatkan soal kaedah menyampaikah dakwah. Ini kerana dakwah menyeru manusia untuk memeluk agama Allah. Tidak cukup seorang *dai* hanya tahu beribadat saja. Selain aktif beribadat yang menjadi suatu tuntutan dan kewajiban, *dai* juga harus memiliki pemahaman yang mendalam dan kepekaan yang tajam, sehingga dia dapat berdakwah atas dasar pengetahuan yang nyata. Tanpa memahami selok-belok dakwah, kemungkinan seseorang *dai* akan membahayakan dan tidak berguna. Malah, dia ditakuti boleh membuatkan sasaran dakwah menjauhkan diri daripada dakwah atau menyebabkan perbalahan dan perpecahan umat.<sup>164</sup>

Menurut Nor Raudah Siren, gaya persembahan yang baik dan menarik dalam penulisan membantu keberkesanan penyampaian mesej.<sup>165</sup> Keberkesanan proses komunikasi tersebut dilihat melalui usul asas dakwah yang disebut di dalam al-Quran. Allah SWT berfirman;

أَدْعُ إِلَي سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِيلُهُمْ بِالْأَيْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ

سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

An-Nahl:125

Terjemahan: Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhan kamu dengan hikmah kebijaksanaan (al-hikmah) dan nasihat yang baik (maw'izah al-hasanah) dan berbahaslah (al-mujadalah) dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih Mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih Mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.

<sup>164</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz, *Fiqih Dakwah*, 144.

<sup>165</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 60.

Merujuk kepada surah tersebut, terdapat tiga uslub dakwah yang utama bagi tujuan mengajak manusia kepada kebenaran, iaitu dengan cara *al-hikmah*, *maw'izah al-hasana* dan secara *al-mujadalah*.

### 2.6.1 GAYA SECARA *AL-HIKMAH*

Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl;

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِيلُهُمْ بِالْتِقَى هِيَ أَحْسَنُ

An-Nahl:125

Terjemahan: "Serulah ke jalan Tuhanmu dengan cara hikmah, nasihat yang baik dan berbincanglah dengan bijaksana....."

Sayyid Qutub menjelaskan bahawa hikmah yang disebutkan dalam ayat tersebut adalah dengan melihat kepada keadaan dan suasana sasaran dakwah, kadar yang diperlukan agar tidak memberatkan dan menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia. Ini juga termasuk cara penjelasan dan kepelbagaiannya mengikut keperluan dan bukan atas dasar semangat yang boleh terkeluar daripada hikmah.<sup>166</sup>

Ab.Aziz Mohd Zin menjelaskan, memang satu yang sukar untuk menentukan makna hikmah secara teori. Secara mudah, hikmah bererti bijaksana. Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu hikmah bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak hikmah bagi orang

---

<sup>166</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 89.

lain atau masa yang lain. Maka hikmah berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan kesesuaian cara.<sup>167</sup> Oleh itu, hikmah dilakukan dalam bermacam-macam bentuk dan gaya demi menyesuaikannya dengan keadaan dan masa. Ada ketikanya dakwah disampaikan dengan cara lembut dan ada masanya keadaan memerlukan dakwah itu disampaikan dalam keadaan keras dan tegas. Maka, hikmah itu boleh jadi lembut dan juga keras.

Ini dijelaskan oleh Ali Al-Murshid, *al-hikmah* bererti lembut, rahmat, kasih sayang, perkataan yang baik dan tenang, juga mengandungi perkataan tegas dan keras yang bertujuan untuk memujuk dan mempengaruhi khalayaknya. *Uslub al-hikmah* tersebut merujuk kepada kesesuaian sesuatu isu dengan sesuatu masa.<sup>168</sup>

Keperluan memilih bentuk dan jenis yang bersesuaian dengan keadaan, masa dan sasaran amat penting dalam penyampaian dakwah. Sebagaimana yang dijelaskan oleh M.Natsir, hikmah ialah kemampuan memilih, bentuk yang tepat dan mempergunakannya secara tepat. Beliau menambah bahawa hikmah bergantung pada mubahilah atau pendakwah untuk memilih jenis bentuk yang tepat dan sesuai untuk dipergunakan, memilih masa, keadaan dan suasana, serta mempertimbangkan cara dan sifat setiap golongan yang menjadi sasaran dakwah.<sup>169</sup> Ini kerana setiap golongan mempunyai latar belakang yang berbeza, maka cara mendekati mereka juga turut berbeza. Justeru, Abdul Karim Zaidan telah membahagikan sasaran dakwah kepada empat golongan iaitu golongan pembesar, golongan awam, golongan munafik dan golongan pesalah yang mempunyai iman yang lemah.<sup>170</sup> Setiap golongan yang didekati ini mempunyai cara dan pendekatan yang bersesuaian agar dakwah dapat diterima oleh mereka, dan setiap yang disampaikan itu bertepatan dengan

<sup>167</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 8.

<sup>168</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 62.

<sup>169</sup> Mohammad Natsir, *Fiqhud Da'wah*, Yayasan Capita Selecta Jakarta dan Media Da'wah, Jakarta,2008, 183.

<sup>170</sup> Abdul Karim Zaidan, *Usul Da'wah (Islam dan Dakwah)*, 426.

kadar latar belakang mereka. Pendekatan yang kurang sesuai dan tepat boleh membuatkan sasaran dakwah ini menjauhkan diri daripada dakwah.

Muhammad 'Abduh pula membahagikan sasaran dakwah kepada tiga golongan utama. Pertama, sekumpulan cendekiawan atau ilmuan yang mencintai kebenaran, berfikir secara kritis, dan mempunyai pemahaman terhadap sesuatu isu yang diketengahkan atau dibincangkan. Maka, pendekatan dakwah yang paling sesuai kepada mereka adalah menerusi logikal dan perbahasan yang rasional bersama bukti yang kukuh dan nyata agar pada pengakhirannya, dakwah dapat menyeru dan menarik mereka kepada jalan yang benar. Golongan kedua pula ialah sekumpulan manusia yang terdiri daripada masyarakat awam yang tidak mempunyai pemikiran yang kritis. Maka pendekatan yang paling sesuai ialah menerusi pembangunan kerohanian. Golongan ketiga pula ialah sekumpulan manusia yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman mengenai Islam namun begitu masih dalam keadaan kekeliruan dan tidak mantap, maka pendekatan yang sesuai ialah menerusi perbahasan dan perbincangan yang menggalakkan mereka berfikir untuk mencari kebenaran.<sup>171</sup> Maka, seorang pendakwah harus bijak menyampaikan dakwah mengikut kesesuaian dan keadaan sasaran yang mempunyai latar belakang yang berbeza.

Menurut M.Natsir, seorang pendakwah harus menguasai isi dakwah yang hendak disampaikan serta inti sari dan maksud-maksud yang terkandung di dalamnya; harus dapat menilai corak orang atau golongan yang dihadapi; harus biasa merasakan keadaan dan suasana, ruang dan waktu, di mana dia menyampaikan dakwah; harus boleh memilih cara dan kata yang tepat, setelah memahaminya.<sup>172</sup>

Wan Hussein Azmi, membuat rumusan tentang penyampaian dakwah secara *al-hikmah* berkaitan dengan tiga kaedah apabila berhadapan dengan mereka yang berjiwa kuat

<sup>171</sup> Sohirin M.Solihin, *Islamic Da'wah Theory and Practice*, 39.

<sup>172</sup> M.Natsir, *Fiqhud Da'wah*, 180.

dan berkehendak kepada kebenaran iaitu kaedah yang terang, kuat dan tegas digunakan. Namun apabila berhadapan dengan mereka yang jiwa lemah, susunan kata yang memuaskan hati mereka akan digunakan. Manakala apabila berhadapan dengan mereka yang degil dan berpegang dengan yang batil, sebaik-baik cara ialah berbahasa atau cara bertukar-tukar fikiran dilakukan dengan penuh lemah lembut.<sup>173</sup> Oleh itu, gaya secara *al-hikmah* ini terbahagi kepada dua cara iaitu secara lembut atau secara keras.

### a) Kaedah Lembut

Lembut: Kelembutan ketika berkomunikasi merupakan kaedah dakwah yang boleh menawan hati sasaran. Hanya dengan kelembutan, manusia akan tertarik kepada isi dakwah yang hendak disampaikan lantas membuat mereka mudah menerima nasihat yang diberi. Ini turut dinyatakan oleh Nor Raudah Siren, kelembutan merupakan kaedah dakwah yang mampu meredah jiwa manusia secara bijaksana terutama dalam menggambarkan agama Allah serta menyebarkan akidah tauhid yang benar.<sup>174</sup>

Ab.Aziz Mohd Zin menjelaskan antara bentuk penyampaian yang baik ialah dengan cara yang lembut, kerana lembut itu biasanya boleh melenyapkan kekerasan, kesombongan dan juga boleh membuka pintu hati sasaran.<sup>175</sup>

Makanya, hanya dengan pendekatan hikmah dan lembut serta penggunaan pujuk rayu sahaja yang dapat memenangi hati sasaran. Manakala kekerasan hanya akan menjauhkan sasaran daripada didekati. Sepertimana yang dijelaskan oleh Mohd Yusoff

<sup>173</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 62.

<sup>174</sup> *Ibid.*

<sup>175</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 90.

Hussain, a *da'i* should use gentle persuasion to get people more attracted and committed to Islam. Harsh Words and strong- handed tactics will only drive people away.<sup>176</sup>

Abdul Karim Zaidan menjelaskan seorang pendakwah itu harus bercakap dengan sopan. Dia perlu menggunakan bahasa yang boleh mendorong sasaran dakwah untuk mendengar ucapannya malah mereka terdorong untuk mengetahui dan tidak terlintas untuk menjauhkan diri. Banyak ayat al-Quran yang mengetengahkan sifat sopan ini.<sup>177</sup> Antaranya firman Allah SWT yang mencertiakan kisah Nabi Hud AS;

﴿ وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَقُولُمْ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴾

Al-A'raaf: 65

Terjemahan: Dan kepada Aad, (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Hud. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain dairpadanya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertaqwa kepadaNya?".


Nabi Hud. AS memanggil mereka dengan ucapan: "wahai kaumku." Ini kerana panggilan ini akan mendorong mereka untuk menerima perkara yang dibawanya. Bahkan, panggilan ini juga akan membuatkan mereka merasakan bahawa orang yang bercakap ialah satu bangsa dengan mereka dan hanya mahukan kebaikan untuk mereka.<sup>178</sup>

Meskipun ayat tersebut menunjukkan ketegasan dalam menyatakan kebenaran, namun masih dapat disampaikan dengan penuh hikmah dan lembut. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya penggunaan kata-kata sopan dan lembut dalam penyampaian dakwah dalam mendekati sasaran. Sebagaimana dikemukakan dalam Rajah 2.6.1 (a) berikut;

<sup>176</sup> Mohd.Yusof Hussain, *Readings in Islamic Da'wah*, IIUM PRESS, International Islamic Univeristy Malaysia, Kuala Lumpur, 2009, 65.

<sup>177</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 526.

<sup>178</sup> *Ibid.*, 527.



**Rajah 2.6.1 (a): Model Pembujukan *al-Hikmah* secara Lembut.**

Oleh itu, penyampaian dakwah haruslah disampaikan melalui pendekatan yang lembut supaya sasaran dakwah dapat didekati dan dibimbing. Pembujukan dakwah secara hikmah ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk **ajakan** dan **galakan**.

Ajakan berasal daripada kata dasar "ajak" yang bermaksud ajak iaitu mengajak, menjemput (mempelawa) seseorang supaya turut pergi atau datang ke sesuatu tempat (menghadiri sesuatu) atau turut melakukan sesuatu, menyaraskan kepada (untuk berbuat sesuatu), menganjurkan dan menjemput. Ajakan pula ialah pelawaan atau jemputan untuk turut serta melakukan sesuatu (pergi atau datang ke sesuatu tempat), saranan dan pelawaan (baik berupa jemputan atau cabaran).<sup>179</sup>

Ab.Aziz Mohd Zin mengatakan Islam datang untuk menghidupkan tabiat manusia berfikir secara bebas tanpa kongkongan adat budaya dan peninggalan warisan. Maka, antara cara persembahan isi dakwah ialah mengajak sasaran supaya memikirkan tentang kehidupan ini, terutamanya yang berkaitan dengan pegangan dan kepercayaan.<sup>180</sup>

Al-Quran juga mengajar pendakwah mengajak sasarnya supaya memikirkan sesuatu dalam suasana yang lembut dari hati ke hati. Ayat-ayat al-Quran banyak menyatakan kaedah ini terutama menyuruh umatnya memikirkan tentang kejadian alam sebagai nikmat yang paling besar untuk dirasai oleh umatnya. Oleh itu, sebagai tanda

<sup>179</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 20, entri "ajakan".

<sup>180</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 138.

kesyukuran ke atas nikmat tersebut, maka peribadatan yang dilakukan hanyalah untukNya.<sup>181</sup>

Abdul Karim Zaydan menjelaskan bahawa kaedah ajakan ini akan menghasilkan kesan yang lebih baik apabila pendakwah menjadikan diri mereka sebahagian daripada sasaran dakwah dan mengajak mereka untuk sama-sama melakukan kebaikan. Kaedah ajakan boleh menggunakan kaedah permintaan atau tuntutan, iaitu uslub dakwah yang menggunakan kata-kata lembut ketika membujuk khalayaknya.<sup>182</sup>

Kaedah lembut ini juga dilakukan dengan menggunakan kaedah galakan, dorongan, ganjaran, dan harapan. Abdul Karim Zaydan menjelaskan, galakan boleh merangsang sasaran dakwah untuk menerima dan berpegang teguh pada kebenaran. Para pendakwah perlu menggalakkan manusia supaya memperoleh keredaan Allah disamping mengharapkan rahmat dan ganjaran di akhirat.<sup>183</sup> Oleh itu, penggunaan kaedah galakan ini adalah antara kaedah yang sangat digalakkan dalam kerja dakwah, kerana mampu mendorong dan merangsang sasaran untuk menerima mesej dakwah yang membawa kepada kebenaran.

Menurut Ab.Aziz Mohd Zin, kaedah dorongan boleh digunakan untuk menggalakkan manusia melakukan kebaikan dan mencegah keburukan. Kaedah ini dilakukan kerana apabila seseorang melakukan kesalahan, mereka tidak selesa dilarang atau ditegah secara terus. Maka, cara untuk menegahnya adalah dengan menyuruhnya melakukan kebaikan. Suruhan melakukan kebaikan mengandungi tujuan supaya dapat menegah keburukan yang dilakukan.

---

<sup>181</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 63.

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> *Ibid.*

Oleh itu, kaedah dorongan ini akan membangkitkan emosi sasaran untuk melakukan kebaikan apabila dijelaskan balasan baik ke atas perbuatan baik yang dilakukan.<sup>184</sup>

Mohd Yusoff Husaain menjelaskan penggunaan ganjaran dan rayuan (*tanzih*) antara kaedah yang boleh digunakan dalam penyampaian dakwah. Ini kerana menerusi ganjaran ini secara tidak langsung galakan dapat diberikan kepada sasaran dakwah untuk sama-sama melakukan kebaikan dan kebajikan. Malah, penggunaan seperti rayuan dan ganjaran (*tanzih*) ini digalakkan. Antaranya seperti memberitahu penonton janji Allah dengan keampunan dan pahala kepada mereka yang menerima Islam dan mengikut ketat dengan ajaran Islam dengan memetik ayat-ayat yang berkaitan daripada Al-Quran.<sup>185</sup> Maka, para pendakwah digalakan supaya dapat menyampaikan dakwah dengan cara yang lembut seperti dengan menggunakan kaedah ajakan, galakan dan ganjaran kerana ianya mampu melembutkan hati sasaran untuk menerima kebenaran.

### b) Kaedah Keras

Namun begitu, tidak semua dakwah disampaikan melalui kaedah lembut. Adakalanya, dakwah juga perlu disampaikan melalui kaedah keras.

Ali al-Murshid (1989:1489-149) menjelaskan, hikmah tidak selamanya mengandungi pengertian lembut, rahmat, kasih sayang serta perkataan yang dianggap baik dan tenang. Dakwah juga membawa maksud lembut dan kuat, kasih sayang dan perang. Memiliki pelbagai kekuatan yang boleh mempengaruhi sasaran juga termasuk ke dalam hikmah.<sup>186</sup>


<sup>184</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 171.

<sup>185</sup> Mohd Yusof Hussain, *Readings in Islamic Da'wah* ,66.

<sup>186</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 9.

Nabi Muhammad SAW merupakan contoh terbaik dalam kerja dakwah. Ada ketika Nabi SAW menyampaikan dakwah dengan cara yang lembut, namun ada ketikanya juga, nabi melayan para sahabatnya dengan kasar. Sikap demikian dapat dilihat ketika baginda SAW berhadapan dengan tiga orang sahabatnya yang tidak ikut serta dalam Perang Tabuk. Mereka bertiga ialah Kaab ibn Malik, Mirarah ibn Rabi' dan Hilal ibn Umaiyyah. Nabi SAW dan para sahabat yang lain, termasuk juga isteri-isteri mereka bertiga melakukan boikot sehingga sampai tidak menjawab ucapan salam mereka bertiga selama beberapa ketika. Begitu juga dengan sesetengah golongan orang kafir dan orang-orang munafik yang terdapat arahan supaya mereka dilayan dengan kasar.<sup>187</sup>

Oleh itu, hikmah tidak selamanya dilakukan dengan cara lembut. Adakah hikmah memerlukan kekerasan dan ketegasan dalam menegakkan kebenaran. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nor. Raudah Siren, tindakan hikmah tidak semestinya beriringan dengan tindakan lemah-lembut dan mengalah semata-mata, kerana dalam keadaan tertentu, tindakan keras dan mengancam diperlukan.<sup>188</sup> Kaedah *al-hikmah* secara keras ini digunakan untuk golongan yang ingkar, degil dan melampaui batas agar kembali ke jalan yang benar.<sup>189</sup> Oleh itu, penggunaan kaedah keras dalam menyampaikan dakwah dalam kajian ini dapat dilihat melalui Rajah 2.6.1 (b).



**Rajah 2.6.1 (b): Model Pembujukan *al-Hikmah* secara Keras.**

<sup>187</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>188</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 491.

<sup>189</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 64.

Kaedah *al-hikmah* yang dilakukan secara keras ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu secara amaran dan arahan. Abdul Karim Zaydan menjelaskan amaran digunakan untuk menimbulkan perasaan takut pada diri sasaran dakwah jika mereka tidak menerima atau tidak berpegang teguh dengan kebenaran. Amaran seumpama ini juga ditujukan kepada orang beriman agar mengikut arahan daripada Allah dan menjauhkan diri daripada kemurkaan dan azab Allah di akhirat.<sup>190</sup> Arahann pula menurut Ali- Al-Jarim dan Mustafa Amin merupakan perintah atau amar dalam ilmu balaghah yang mengandungi kalimat yang menuntut supaya melakukan sesuatu dengan tuntutan yang bersifat tekanan dan keharusan. Pada kebiasaananya pihak yang menuntut mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada pihak yang diperintah untuk mengerjakan sesuatu perbuatan. Walau bagaimana pun, perintah (amar) tidak semestinya digunakan untuk maksud tuntutan tetapi boleh juga untuk tujuan *irsyad* (bimbingan), doa (permohonan), *iltimas* (menyamakan), *ta'jid* (melemahkan orang yang berbicara), *takhayir* (pemilihan), *taswiyah* (menyamakan), *taj'id* (melemahkan orang yang berbicara), *tahdid* (ancaman) dan *ibahah* (kebolehan).<sup>191</sup>

Hakikatnya, perkataan hikmah ini membawa pengertian yang sangat luas dan gaya penyampaian dakwah secara hikmah ini boleh dilakukan dengan kaedah lembut dan keras. Abdul Karim Zaidan menjelaskan pada dasarnya pendakwah akan memberi galakan kepada manusia supaya mereka mendapatkan keredaan Allah dan mengharapkan rahmat dan ganjaran yang melimpah ruah di akhirat. Namun pada masa yang sama memberi amaran supaya mereka menjauhkan diri daripada kemurkaan dan azab Allah di akhirat. Inilah pendekatan yang dilakukan oleh para utusan Allah sepihama yang diceritakan oleh al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.<sup>192</sup>

---

<sup>190</sup> *Ibid.*

<sup>191</sup> *Ibid.*, 65.

<sup>192</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 491.

Menurut Syeikh Al-Muhaddith, kaedah *targhib* dan *tarhib* adalah antara metode dan pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan dakwah. *Targhib* atau maknanya galakan sering digunakan Rasulullah dalam mendekati sasaran dakwah. Baginda mengalakkan umat melakukan perkara yang baik, dengan cara menyebut ganjarannya dan mengingatkan tentang manfaatnya. Demikian juga baginda menakutkan umat daripada melakukan perkara yang tidak baik dengan menyebut akan balasannya dan memperingatkan mereka akan keburukannya.<sup>193</sup>

Taufik Al-Waiy menjelaskan bahawa *targhib wa tarhib* adalah antara metode dalam penyampain isi dakwah. Perkataan *at-Targhib* berasal daripada kata dasar *raghbab*, bererti menginginkan sesuatu yang dikatakan. Manakala dari sudut istilah *syar'i* ini adalah segala sesuatu yang membangkitkan selera (rasa senang) *mad'u* untuk menerima dakwah, menerima kebenaran, dan bertahan di sana.<sup>194</sup> Perkataan *tarhib* yang berasal daripada perkataan *ar-rahbab* menurut bahasa bermakna rasa takut yang panjang dan berkelanjutan dan dari sudut istilah, perkataan ini bermaksud segala sesuatu yang menakutkan dan menakut-nakuti *mad'u* ketika tidak menerima dakwah, tidak menerima kebenaran, dan tidak tetap teguh dalam kebenaran.<sup>195</sup> Justeru, *targhib wa tarhib* dalam konteks ini ialah menimbulkan rasa senang dalam jiwa manusia kepada balasan Allah dan syurga.<sup>196</sup> Malah, penggunaan metode *targhib wa tarhib* ini digunakan selaras dengan situasi, keadaan dan jiwa setiap manusia, sebagai terapi dan proteksi, datang dalam bentuk gembira dan ancaman.<sup>197</sup>

<sup>193</sup> Al-'Allamah Syeikh Al-Muhaddith Al-Faqih Abdul Fattah Ab Ghuddah Al-Halabi Al-Suri, *40 Teknik Rasulullah Mengajar*, diterjemahkan oleh HJ. Shuhadak Mahmud (Kolej Universiti Islam Antarbangsa Selangor, Selangor, Negeri Sembilan Darul Khusus 2011), 245.

<sup>194</sup> Taufik Al-Wa'iy, *Da'wah Ilallah: Dakwah ke Jalan Allah; Muatan, Sarana dan Tujuan*, terj. Muhibh M. Ishaq, M.Ag. (Batuampar, Jakarta: Robbani Press, 2010), 282.

<sup>195</sup> *Ibid.*

<sup>196</sup> *Ibid.*

<sup>197</sup> *Ibid.*

Selain amaran, ancaman juga merupakan kaedah keras yang digunakan untuk menimbulkan rasa gentar di hati pendengar. Ancaman yang keras berupa hukuman daripada Tuhan yang merupakan pemilik kepada sekelian makhluk di bumi ini akan meninggalkan kesan yang mendalam di hati pendengar.<sup>198</sup>

Ancaman dalam bentuk hukuman di akhirat akan mendorong umat Islam untuk tunduk kepada hukum syariat secara sukarela kerana takut dan malu kepada Allah yang tidak akan melepaskan hukuman atas kesalahan yang dilakukan di akhirat kelak.<sup>199</sup> Malah, ancaman juga dilakukan dengan cara melarang sasaran daripada melakukan kesalahan. Tegahan atau larangan bermaksud sesuatu yang tidak dibenarkan atau mencegah, menahan, menghalang daripada melakukan sesuatu.<sup>200</sup>

Tegahan atau nahi mungkar merupakan teknik membujuk bukan Islam kepada Islam atau membujuk orang yang melakukan dosa supaya mentaati Allah dan meninggalkan kesalahannya.<sup>201</sup>

Abdul Karim Zaidan menegaskan, tegahan berfungsi untuk menghapuskan kemungkaran yang menghalang kebaikan atau kebenaran kerana setiap kemungkaran yang dilakukan di muka bumi akan menghancurkan satu atau lebih kebaikan. Oleh itu, langkah menghapuskan kemungkaran ini seolah-olah membuka ruang untuk mewujudkan kebaikan atau kebenaran serta menyempurnakan usaha amar makruf. Walaupun tegasan tersebut keras dan tegas, namun tetap dilakukan dengan bahasa yang sopan.<sup>202</sup>

Arahan dan perintah juga merupakan kaedah keras yang digunakan dalam *uslub al-hikmah*. Menurut Ali- Al-Jarim dan Mustafa Amin, perintah atau amar dalam ilmu balaghah mengandungi kalimat yang menuntut melakukan sesuatu dengan tuntutan yang

<sup>198</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 65.

<sup>199</sup> *Ibid.*

<sup>200</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 53, entri "ancaman".

<sup>201</sup> Abdul Karim Zaidan, *Islam dan Dakwah*, 534.

<sup>202</sup> *Ibid*, h.538.

bersifat tekanan dan keharusan. Pada kebiasannya pihak yang menuntut mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada pihak yang diperintah untuk mengerjakan sesuatu perbuatan. Walau bagaimanapun, perintah (amar) tidak semestinya digunakan untuk maksud tuntutan tetapi boleh juga untuk tujuan *irsyad* (bimbingan), doa (permohonan), *iltimas* (menyamakan), *ta'jid* (melemahkan orang yang berbicara), *takhyir* (pemilihan), *taswiyah* (menyamakan), *taj'id* (melemahkan orang yang berbicara), *tahdid* (ancaman) dan *ibahah* (kebolehan).<sup>203</sup>

Secara kesimpulan, penyampaian dakwah secara *al-hikmah* ini menggunakan keadaan yang lembut dan keras. Penggunaan kaedah lembut dan keras ini bergantung kepada kesesuaian masa, tempat dan keadaan sasaran. Ini bagi memudahkan jalan supaya mesaj dakwah diterima sasaran. Sepertimana yang dijelaskan oleh M.Natsir, hikmah bermaksud kemampuan memilih saat yang tepat untuk melangkah, kemampuan mencari kontak dalam alam pemikiran guna dijadikan titik bertolak serta kemampuan memilih kata dan cara yang tepat, sesuai dengan pokok persoalan, sepadan dengan suasana serta keadaan orang yang sedang dihadapi.<sup>204</sup>

---

<sup>203</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 66.

<sup>204</sup> M.Natsir, *Fiqhud Da'wah*, 256.

## 2.7 KESIMPULAN

Secara kesimpulan majalah merupakan salah satu daripada saluran dan medium dakwah. Medium ini digunakan dalam menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan Islam kepada pembaca. Tujuannya adalah untuk membimbing manusia ke arah kebenaran dan kebaikan. Maka, majalah dakwah dilihat berbeza dengan majalah-majalah yang lain. Penulisannya penuh dengan ciri-ciri Islam dan mencakupi pelbagai mesej dakwah, antaranya akidah, syariah, akhlak dan juga isu semasa. Keberkesanan penyampaian mesej dakwah pula bergantung kepada gaya persembahan yang baik, iaitu uslub dakwah. Antara uslub dakwah yang menjadi asas dalam penulisan dakwah ialah pendekatan *al-hikmah*. *Al-hikmah* membawa maksud kebijaksanaan, iaitu kebijaksanaan menyampaikan dakwah mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Keadah *al-hikmah* ini terbahagi kepada kaedah lembut dan kaedah keras. Kaedah lembut menggunakan cara ajakan dan galakan iaitu mengajak sasaran untuk sama-sama melakukan kebaikan, manakala kaedah keras menggunakan cara amaran dan arahan dalam menegakkan kebenaran dan menolak kebatilan. Oleh itu, seorang pendakwah harus bijak menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan sasaran dakwah

## BAB 3

### SEJARAH PERKEMBANGAN MAJALAH ISLAM DI SINGAPURA

#### 3.1 PENDAHULUAN

Majalah ialah sebuah penerbitan berkala yang mengandungi pelbagai artikel jenis diskriptif dan kritikal, eseai dan fiksyen, yang disasarkan kepada khalayak umum.<sup>205</sup> Majalah merupakan antara media atau saluran yang digunakan dalam penyampaian dakwah. Sohirin M.Solihin menjelaskan bahawa akhbar dan majalah ialah cara yang penting untuk menyampaikan mesej dakwah. Semua pendakwah boleh menggunakan media ini untuk berkomunikasi dengan sasaran dakwah.<sup>206</sup>

Di Singapura, tidak banyak majalah bercorak keagamaan diterbitkan. Namun begitu, sejarah pernah menyaksikan beberapa buah majalah agama awal diterbitkan di Singapura. Ketika Singapura menjadi pusat percetakan dan penerbitan majalah Melayu, beberapa buah majalah agama telah diterbitkan meskipun hanya bertahan untuk tempoh yang singkat. Namun, sebaik sahaja pusat percetakan dan penerbitan majalah Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, maka peranan Singapura sebagai sebuah penerbitan majalah Melayu kian terhakis. Oleh itu, tidak banyak majalah Melayu terutama majalah agama yang diterbitkan di Singapura.

Memandangkan kajian yang dijalankan adalah mengenai pendekatan dakwah *bil-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*, Singapura, maka secara tidak langsung sejarah perkembangan majalah agama di Singapura ini dapat dikaji dan dibincangkan. Oleh itu, dalam bab tiga ini, pengkaji akan membincangkan tentang sejarah penerbitan majalah berunsur agama di Singapura sebelum perang dan selepas perang. Selain itu, sejarah Darul

<sup>205</sup>Amulky A/P Muniandy, “Penerbitan Majalah Utusan Melayu (M) BHD: Tumpuan Kepada Mastika” (Disertasi bagi peringkat sarjana pengajian penerbitan, Universiti Malaya,Kuala Lumpur,2008, 2

<sup>206</sup>Sohirin M.Solihin,*Islamic Da'wah Theory and Practice*, IIUM Press, International Islamic University Malaysia,Kuala Lumpur, Malaysia, 2008, 215.

Arqam Singapura selaku penerbit majalah *The Muslim Reader* dan sejarah penerbitan majalah *The Muslim Reader* itu turut akan dibincangkan dalam bab yang sama.

Secara kesimpulan, melalui bab tiga, latar belakang kajian daripada aspek sejarah akan dijelaskan.

### **3.2 SEJARAH PENERBITAN MAJALAH ISLAM DI SINGAPURA SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA**

Sejarah penerbitan melayu pernah menyaksikan Singapura sebagai pusat penerbitan melayu. Pada ketika itu, Singapura melalui zaman kegemilangannya dalam dunia penerbitan telah menyaksikan banyak akhbar dan majalah Melayu diterbitkan di sana. Disebabkan kedudukan Singapura yang strategik dengan tempat pelabuhan yang sempurna, Singapura menjadi tumpuan dan pusat kepada pelbagai aktiviti termasuklah dunia percetakan dan penerbitan ketika itu.

Abdul Rahman Napiah menjelaskan bahawa letak Singapura yang strategik dengan pelabuhannya yang baik lagi sempurna, maka sejak sebelum Perang Pasifik dahulu lagi, Bandar Singapura menjadi pusat perniagaan, pelajaran, persuratkhabaran, percetakan dan kegiatan-kegiatan lainnya di seluruh Malaya.<sup>207</sup> Malah, pergerakan pembaharuan agama Islam oleh Syed Sheikh al-Hadi dan kawan-kawannya juga dimulakan di Singapura melalui majalah bulanan Al-Imam yang diterbitkan di Singapura mulai Julai 1906.<sup>208</sup>

Ketika itu, Singapura menjadi tempat tumpuan penggerak bahasa dan sastera. Abdul Rashid Melebek dan Ahmad Johari Moain mengatakan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, Bandar Singapura merupakan tempat yang diidam-idamkan bagi

---

<sup>207</sup> Abdul Rahman Napiah (Manu Sikana), *Sastera Singapura Dan Malaysia Diaera Pascamoden*, Persama Enterprise, Singapore , 2003, 10.

<sup>208</sup> *Ibid.*

mengerakkan bahasa dan sastera Melayu.<sup>209</sup> Namun, selepas merdeka, pusat penerbitan Melayu telah berpindah ke Kuala Lumpur. Hamedi Mohd Adnan (2008) menjelaskan, Singapura merupakan pusat permajalah, persuratkhabaran dan kewartawanan Melayu sebelum Merdeka. Namun begitu selepas kemerdekaan, para penerbit yang sebelumnya berpusat di Singapura mula berpindah ke Kuala Lumpur.<sup>210</sup>

Di Singapura, sejarah awal akhbar melayu dan kewartawanan melayu bermula pada tahun 1876 dengan penerbitan pertama akhbar melayu mingguan iaitu Jawi Peranakan, yang mana namanya diberi bersempena dengan nama sebuah masyarakat ketika itu.<sup>211</sup> Selepas penerbitan akhbar Melayu terawal tersebut, muncul beberapa akhbar lain yang diterbitkan di Singapura.<sup>212</sup>

Sepanjang Singapura menjadi pusat penerbitan Melayu, terdapat banyak akhbar dan majalah telah diterbitkan, ini termasuk majalah yang berunsur keagamaan. Persoalan tentang keagamaan merupakan antara tema utama yang menjadi tumpuan dalam penerbitan majalah Melayu. Sejak munculnya majalah Melayu yang pertama pada 1904 sehingga tahun 2010, persoalan agama tidak pernah terkeluar dalam dunia permajalah Melayu. Dalam tempoh masa itu, lebih 200 buah majalah yang memfokuskan persoalan agama Islam telah diterbitkan. Jumlah ini belum termasuk majalah umum lain yang turut menyelitkan unsur keagamaan dalam majalah masing-masing. Hampir kesemua majalah umum yang jumlahnya melebihi 350 buah pada abad ke-20 menyiaran ruangan yang berkaitan dengan agama dalam kandungan masing-masing. Justeru agama merupakan salah

<sup>209</sup> Abdul Rashid Melebek, Ahmad Johari Moain,*Sejarah Bahasa Melayu*, Utusan Publication & Distributors SDN. BHD, Kuala Lumpur,2008, 11.

<sup>210</sup> Hamedi Mohd Adnan. 2006. The profile of Malay magazines before the Second World War, 1900-1941. *Sejarah* 14 (2006):59.

<sup>211</sup> "Jawi Peranakan, The First Malay Newspaper is Published," dicapai pada 30 March 2015, <http://eresources.nlb.gov.sg/history/events/4942ebac-41d6-4eb8-abcb-cdece539bbea> .

<sup>212</sup> Noor Asmah Mohd Taib, Aina Mardia Zakaria, Anis Fitrisya Abdul Aziz, *History of Graphic Communication, Sejarah Akhbar-Akhbar di Malaysia*, Univeriti Teknologi Mara, dicapai pada 30 March 2015, [http://www.academia.edu/8185636/SEJARAH\\_AKHBAR\\_DI\\_MALAYSIA](http://www.academia.edu/8185636/SEJARAH_AKHBAR_DI_MALAYSIA) .

satu resipi yang kerap digunakan untuk menarik perhatian pembaca. Hal ini lebih banyak lagi terkandung dalam majalah Melayu peringkat awal.<sup>213</sup> Maka, perkembangan awal penerbitan majalah Melayu ini banyak dirangsang oleh dua faktor iaitu eksloitasi terhadap agama dan perjuangan bersifat kebangsaan. Persoalan tentang agama merupakan tunjang atau teras dalam dunia permajalah Melayu, setidak-tidaknya sebelum meletusnya perang dunia kedua pada penghujung tahun 1941. Hampir 30 buah majalah menjadikan persoalan agama sebagai ramuan utama dalam kandungannya, namun kecenderungan tersebut mulai berubah pada dekad 30-an apabila penerbit mula menerbitkan majalah yang mengungkapkan persoalan semangat kebangsaan dan kesusasteraan.<sup>214</sup>

Di Singapura, majalah Melayu bercorak keagamaan yang terawal diterbitkan ialah majalah Al-Imam. Majalah Al-Imam merupakan majalah Melayu terawal pada awal abad ke-20 dan diterbitkan di Singapura pada tahun 1906.<sup>215</sup>

### **MAJALAH AL-IMAM:**

Majalah Al-Imam merupakan majalah Melayu bercorak keagamaan terawal di Singapura dan ianya merupakan majalah Islam pertama di Asia Tenggara. Majalah Islam berbahasa Jawiy tersebut terbit di Singapura pada tahun 1906 hingga permulaan 1909.<sup>216</sup>

Penerbitan majalah Al-Imam ini adalah atas inisiatif dan usaha para Ulamaa dalam menangani permasalahan pergolakan politik Umat Islam pada akhir abad ke-19 disebabkan kemunduran berfikir setelah dijajah oleh kuasa Barat.<sup>217</sup>

<sup>213</sup> Hamed M. Adnan. 2011. Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan. *Sejarah* 18 (2010): 87.

<sup>214</sup> Jeniri Amir, Hamed M. Adnan (2003) Profil Majalah Melayu Sebelum Perang,. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

<sup>215</sup> Mohd.Yusof Hussain, *Media and Muslim Society*, IIUM Press, International Islamic University, Kuala Lumpur, Malaysia, 2008, 109

<sup>216</sup> "Al-Imam majalah Islam Pertama di Asia Tenggara", laman sesawang Darul Funun, dicapai 13 Ogos 2018, <http://www.darulfunun.or.id/676/al-imam-majalah-islam-pertama-di-asia-tenggara/>

Maka, majalah Al-Imam yang diasaskan oleh Syeikh Mohd.Tahir Jalaluddin, Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi, Syeikh Mohd.Salim al-Kalali dan Haji Abbas Mohd.Taha ini diterbitkan atas tujuan memberi kesedaran kepada golongan yang leka, khayal, alpa serta mereka yang tersasar dari jalan benar. Malah ia juga bertujuan mengeluarkan masyarakat Melayu dari dunia kemunduran dan kegelapan dengan cara hikmah.<sup>218</sup>

Menurut Hamka, pengasas al-Imam, Syed Mohamad Salim al-Khalali menjelaskan tujuan ia ditubuhkan adalah kerana dirinya merasa terpanggil untuk membangunkan bangsa dan kaumnya dari lena ketiduran dan kemalasan yang telah menyerang sejak bertahun-tahun. Maka, atas asas ini, edisi pertama al-Imam menggariskan tujuannya , iaitu "... bertujuan untuk mengingatkan mereka yang telah lupa, membangkitkan mereka yang sedang tertidur, membimbang mereka yang tersesat dan memberikan suara kepada mereka yang berbicara dengan kebijaksanaan (hikmah)." Atas asas untuk menggerakkan kesedaran umat inilah, maka edisi pertama al-Imam berjaya diterbitkan pada Julai 1906 (Jamadil Akhir 1304), dengan dicetak oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar, Singapura dalam tulisan Jawi.<sup>219</sup>

Penerbitan Al-Imam telah diilhamkan sepenuhnya oleh pemikiran dan idea Jamalauddin Afghan dan Muhammad Abduh tentang Islah (kebangkitan). Dengan mengambil semangat dua penerbitan Egypt iaitu Al-Urawatul Utsqa dan Al-Manar (1898), Al-Imam telah terlibat secara tidak langsung dengan idea mengenai reformasi minda, dan juga keperluan menyucikan ritual serta amalan-amalan dan tingkah laku dalam Islam.

---

<sup>217</sup> Mohd Fadhli Ghani, "Al-Imam: Majalah Islam pertama di Nusantara", laman sesawang HarakahDaily, dicapai 8 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/13-pimpinan/kolumnis/4733-al-imam-majalah-islam-pertama-di-nusantara>.

<sup>218</sup> Mohd Yusof Hussain, *Media and Muslim Society*, IIUM Press, International Islamic University, Kuala Lumpur, Malaysia, 2008, h.109-110.

<sup>219</sup> Mohd Fadhli Ghani, "Al-Imam: Majalah Islam pertama di Nusantara", laman sesawang HarakahDaily, dicapai 8 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/13-pimpinan/kolumnis/4733-al-imam-majalah-islam-pertama-di-nusantara>.

Justeru, majalah Al-Imam ini amat mementingkan ilmu pengetahuan.<sup>220</sup> Namun begitu, majalah Al-Imam telah bertahan penerbitannya sehingga awal 1909, di mana penerbitannya terpaksa diberhentikan atas faktor-faktor kewangan.<sup>221</sup>

Malah, kegagalan Al-Imam ini dikaitkan dengan kenyataan tentang kegagalan majalah tersebut dalam menembusi pemikiran Melayu bagi mendapatkan sokongan. Berkemungkinan Melayu ketika itu lebih cenderung dan bersimpati pada idea yang diketengahkan oleh Utusan Melayu(1907), iaitu saingen yang kuat pada Al-Imam. Mungkin juga sedar akan keadaan situasi ini, kerajaan British juga tidak memandang sirius tentang ancaman politik yang mungkin datang dari Al-Imam. Atau mungkin juga kerana kemunculan Chahaya(h) Pulau Pinang yang diasaskan sejak 1900 di bawah pimpinan Abdul Ghani Mohd.Kassim, mantan editor bagi Jawi Peranakan ini lebih menonjol berbanding Al-Imam. Akhbar yang dibiayai oleh pemilik Cina, Criterion Press menyatakan tujuan utamanya untuk menjadikan Melayu bijak,dengan mengambil segala hikmat. Akhbar tersebut terkenal membuat laporan secara berkala pada isu-isu yang panjang dan berita mengenai kemerosotan empayar Uthmaniyyah di Negara Timur Tengah dan berita-berita menarik yang lain yang diambil dari Akhbar Egypt.<sup>222</sup>

Meskipun majalah Al-Imam ini hanya berada di pasaran untuk tempoh yang singkat, kehadirannya tetap meninggalkan pengaruh kepada masyarakat. Menurut Mohd Fadhl Ghani, majalah Al-Imam telah berjaya menggerakkan kesedaran agama dan politik di kalangan umat Islam di seluruh Nusantara, kerana edarannya yang berkembang di Sumatera, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu. Selepas al-Imam terkubur pada 1909,

<sup>220</sup> Mohd.Yusof Hussain, *Media and Muslim Society*, 109-110.

<sup>221</sup> Mohd Fadhl Ghani, "Al-Imam: Majalah Islam pertama di Nusantara", laman sesawang HarakahDaily, dicapai 8 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/13-pimpinan/kolumnis/4733-al-imam-majalah-islam-pertama-di-nusantara>.

<sup>222</sup> Mohd.Yusof Hussain, *Media and Muslim Society*, 109-110.

muncul pula akhbar-akhbar baru yang mendukung pemikiran reformis seperti al-Munir (1911), al-Akhbar (1913), al-Munir al-Manar (1918) dan lain-lain di Sumatera; sedangkan di Tanah Melayu telah terbit Idaran Zaman (1925), al-Ikhwan (1926), Saudara (1928), Warta Malaya (1931), Majlis (1931) dan lain-lain.<sup>223</sup>

Kesan daripada pemikiran pembaharuan Islam yang dibawa oleh al-Imam bukan sahaja membawa kepada kemunculan majalah-majalah reformis di Tanah Melayu, tetapi telah memunculkan madrasah-madrasah bermula dengan Madrasah al-Iqbal yang ditubuhkan oleh Syed Sheikh al-Hadi di Singapura pada 1908, sebelum ia berkembangan di Melaka, Kelantan dan Pulau Pinang. Dari aspek yang lain, akhbar Saudara pula berjaya menubuhkan kelab pembacanya, Persatuan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM), iaitu pertubuhan separa politik bertaraf nasional yang pertama di Malaya pada 1934. Kemunculan al-Imam pada 1906 bukan sahaja memulakan akhbar Islam di Nusantara, tetapi turut memacu pertumbuhan sistem pendidikan madrasah dan penubuhan organisasi Islam bertaraf nasional.<sup>224</sup>

#### **MAJALAH TERBIT PADA TAHUN 1911-1914:**

Pada tahun 1911, majalah Neraca telah diterbitkan oleh Haji Abbas Muhammad Taha iaitu seorang kadi di Tanjung Pagar Singapura. Difahamkan bahawa Neraca membawa ideologi kaum muda dan meneruskan fahaman akhbar Al-Imam.<sup>225</sup>

Seterusnya pada 30 Januari tahun 1914, majalah Al-Islam diterbitkan oleh Abdul Kadir Yunus bagi pihak sebuah syarikat pencetak, Al-Ikhwan Press di Singapura.

<sup>223</sup> Mohd Fadhl Ghani, "Al-Imam: Majalah Islam pertama di Nusantara", laman sesawang HarakahDaily, dicapai 8 Ogos 2018, <http://www.harakahdaily.net/index.php/13-pimpinan/kolumnis/4733-al-imam-majalah-islam-pertama-di-nusantara>.

<sup>224</sup> *Ibid.*

<sup>225</sup> Noor Asmah Mohd Taib, Aina Mardia Zakaria, Anis Fitrisya Abdul Aziz, *History of Graphic Communication, Sejarah Akhbar-Akhbar di Malaysia*, Univeriti Teknologi Mara, dicapai pada 30 March 2015, [http://www.academia.edu/8185636/SEJARAH\\_AKHBAR\\_DI\\_MALAYSIA](http://www.academia.edu/8185636/SEJARAH_AKHBAR_DI_MALAYSIA) .

Pengarang majalah Al-Islam iaitu K.Anang merupakan kakitangan editorial Tunas Melayu dan beliau juga merupakan pengarang *Islamic Review* edisi Indonesia. Edisi majalah yang sama di Tanah Melayu itu ialah ubahsuai daripada edisi majalah tersebut yang pada asalnya merupakan terjemahan daripada majalah Al-Deen yang diterbitkan di India.<sup>226</sup>

Menurut Rossfa Hashim, penerbitan majalah al-Islam adalah bagi memenuhi kekosongan yang ditinggalkan oleh Al-Imam tetapi gagal kerana bentuknya lebih berupa terjemahan daripada majalah *Islamic Review* yang diterbitkan di London. Selain jumlah cetakannya kecil, cuma kira-kira 500 naskhah, ternyata kandungannya juga tidak memenuhi cita rasa masyarakat tempatan. Maka penerbitannya tidak bertahan lama. Selepas itu, pada tahun 1918 majalah Pengasoh diterbitkan.<sup>227</sup>

### **DUNIA KEGEMILANGAN PERMAJALAHAN MELAYU:**

Bermula dari tahun 1930-an, dunia permajalahan Melayu dilihat berkembang drastik berbanding dekad-dekad sebelumnya. Hal ini timbul antaranya disebabkan oleh meningkatnya sistem pendidikan ketika itu berbanding dengan sebelumnya sehingga kesedaran untuk meluaskan komunikasi bercetak secara lebih meluas semakin bertambah, di samping bertambahnya pertubuhan bercorak pendidikan dan sosial yang menjadikan penerbitan majalah atau akhbar sebagai salah satu daripada aktivitinya.<sup>228</sup>

Penerbitan Melayu ketika itu tertumpu di dua buah negeri Selat, iaitu Singapura dan Pulau Pinang. Sejumlah 74 buah majalah diterbitkan di kedua-dua lokasi dengan 45 buah di

---

<sup>226</sup>Hamed M. Adnan, "Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan," *Jurnal Sejarah* 18 (2010), 97.

<sup>227</sup>Rosfa Hashim, "Majalah Terbitan al-Arqam dalam Penerbitan Majalah Agama di Malaysia," *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid 10 (2008), 34-47.

<sup>228</sup>Jeniri Amir, Hamed M. Adnan (2003) Profil Majalah Melayu Sebelum Perang,. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalahan Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 5.

Singapura dan 29 buah di Pulau Pinang.<sup>229</sup> Terdapat pelbagai faktor mengapa tumpuan penerbitan ketika itu terletak di dua buah kota raya yang besar dan lumayan dengan taburan penduduk yang bukan sahaja Melayu, tetapi juga Cina Baba yang bertutur dan membaca bahasa Melayu, jawi peranakan, dan Arab. Kedua-dua kota itu menyediakan kemudahan mesin cetak di samping kemudahan memperoleh bekalan yang diperlukan untuk menggerakkan mesin-mesin tersebut seperti kertas, dakwat, dan tenaga kerja. Apabila akhbar atau majalah siap dicetak, tersedia sejumlah khalayak pembaca yang walaupun tidaklah besar jumlahnya, tetapi berpusat di sekitar kota itu.<sup>230</sup>

Pada akhir abad ke-19, Singapura menjadi pusat perhubungan dagang dari pulau ke pulau yang meliputi gugusan pulau Melayu dari Kedah dan Aceh hingga ke Sulawesi. Singapura menjadi penghubung antara rantau Nusantara dengan Arab, pengantara penghijrahan orang-orang Indonesia ke Semenanjung dan juga menjadi pusat transit jemaah haji ke Makkah. Para penuntut dari rantau Nusantara yang mahu melanjutkan pelajaran dalam bidang agama ke Makkah atau Mesir akan bertumpu di sini untuk mendalami ilmu-ilmu asas prapengajian daripada guru-guru agama yang berasal dari Hadhramaut. Ciri-ciri tarikan Singapura pada penghujung abad ke-19 ini walaupun tidak bertambah giat, masih berlangsung pada waktu sebelum perang.<sup>231</sup>

Sepanjang tempoh Singapura menjadi pusat perhubungan dagang dan pusat percetakan dan penerbitan Melayu, Singapura giat menerbitkan majalah-majalah Melayu, antaranya ialah majalah bercorak keagamaan. Meskipun majalah Al-Imam hanya bertahan untuk tempoh yang singkat, seterusnya diikuti oleh kemunculan majalah Neraca yang diasaskan oleh mantan editor majalah Al-Imam pada tahun 1911 kemudian kemunculan majalah Al-Islam bagi mengisi kekosongan pada tahun 1914, namun penerbitan majalah

---

<sup>229</sup> *Ibid.*,6.

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> *Ibid.*,7.

Melayu ini terus berkembang dan merupakan sesuatu yang sangat mengagumkan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Roff (1972) sejarah perkembangan dunia permajalah Melayu ialah suatu fenomena yang bukan sahaja menarik, tetapi mengagumkan. Walau bagaimanapun, tidak banyak majalah yang diterbitkan pada waktu itu dapat bertahan lama. Al-Imam yang diterbitkan pada 1906 misalnya hanya mampu bertahan selama dua tahun.<sup>232</sup>

### **MAJALAH TERBIT SEKITAR 1930-AN:**

Pada sekitar tahun 1930-an, terdapat beberapa buah majalah agama yang diterbitkan oleh penerbit swasta dan juga madrasah. Keseluruhannya, terdapat lebih kurang enam buah majalah agama yang telah diterbitkan ketika itu. Antaranya ialah majalah Kehidupan Akhirat, Dunia Akhirat, Medan Laki-Laki, Medan Al-Islam, Temasek dan Bintang Malaya. Hal ini dijelaskan oleh Hamedi Mohd Adnan. Di Singapura, terdapat empat buah majalah agama yang diterbitkan oleh penerbit swasta iaitu Kehidupan Akhirat (1935), Dunia Akhirat (Julai 1936), Medan Laki-Laki (27 Sep 1935) dan Medan Al-Islam (14 Ogos 1936).<sup>233</sup>

Majalah Kehidupan Dunia dan Akhirat diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu pada tahun 1935. Majalah tersebut dicetak oleh Al-Islamiah Press di Singapura bagi keluaran pertamanya pada 17 September 1935 di bawah pimpinan Muhd Ali Abduh. Majalah ini diterbitkan secara bulanan pada tiap-tiap pertengahan bulan setebal 28 halaman dan berukuran 26cm x 38cm. Majalah ini memuatkan penulisan rencana dan sastera yang bersifat keagamaan. Tulisan yang termuat dalam majalah ini berusaha memupuk dan membentuk minda masyarakat Melayu supaya lebih berorientasikan keagamaan, di

<sup>232</sup>Shahrul Nazmi Sannusi.2014. Cabaran Dan Potensi Majalah Dakwah Berbahasa Melayu di Malaysia Terhadap trend perolehan Perbelanjaan Iklan(ADEX). Jurnal Hikmah. Jilid 6 Bil.2.15-28. Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>233</sup> Hamedi M. Adnan. 2011. Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan. Sejarah 18 (2010): 100.

samping mempertingkatkan nilai moral takwa mereka.<sup>234</sup> Dalam ruangan majalah tersebut juga disertakan riwayat dan cermin kehidupan dunia dan akhirat dengan ruangan fatwa, halaman Tok Ki yang mengandungi nasihat agama kepada pembaca, cerita-cerita teladan, alam perempuan dan kisah nabi yang menjadi antara topik yang dibincangkan. Penerbitanya telah menyatakan bahawa majalah kehidupan dunia akhirat ini ‘semata-mata mengkhidmatkan diri kepada kaum bangsa dan agama dengan jalan menyiarkan buah-buah fikiran yang bersangkutan dengan kehidupan di dunia dan kesenangan di akhirat. Tujuan besar bagi majalah ini ialah untuk menerangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan syarat-syarat yang tersebut. Namun begitu, majalah ini tidak dapat bertahan lama dan telah digantikan dengan Seruan Kebajikan (Ogos 1937). Penggantian nama majalah ini ada hubungannya dengan sebuah majalah lagi yang diterbitkan oleh penerbit iaitu Dunia Akhirat yang jelas membayangi majalah yang pertama. Meskipun majalah Kehidupan Dunia Akhirat dan Dunia Akhirat diterbitkan oleh penerbit yang sama, namun pengarangnya ialah orang yang berbeza.<sup>235</sup> Menurut Hamed M. Adnan, tidak banyak yang diketahui mengenai pengarang Mohd Ali Abdou, berbanding pengarang Sulaiman Ahmad bagi majalah Kehidupan Dunia Akhirat.<sup>236</sup> Namun begitu, tujuan dan matlamat kedua-dua majalah ini diterbitkan adalah untuk memberi manfaat kepada pembaca. Majalah Dunia Akhirat misalnya diterbitkan bagi menyebarkan ilmu kepada khalayak pembacanya. Dalam keluaran sulungnya, pengarang menyatakan tujuan majalah ini ialah ‘....semata-mata tujuan hendak memberi manfaat dan faedah yang berkenaan di dunia dan akhirat sebanyak sedikitnya dengan seberapa sahaja daya upaya istimewa kepada kaum Melayu

<sup>234</sup> "Majalah Kehidupan Dunia dan Akhirat", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai 30 March 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kehidupan&d=8>

<sup>235</sup> Hamed M. Adnan. 2011. Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan. Sejarah 18 (2010): 100.

<sup>236</sup> *Ibid.*

khanya dan umat Islam amnya'.<sup>237</sup> Maka, pengarang menekankan tujuannya untuk mendidik pembaca akan pentingnya ilmu untuk memudahkan urusan agama dan hidup mereka. Pengarang menyatakan bahawa: Barang siapa yang berkehendakkan dunia hendaklah dia berilmu dan barang siapa berkehendakkan akhirat hendaklah dia berilmu, dan barang siapa berkehendakkan dunia dan akhirat, hendaklah dia berilmu, iaitu bagaimana yang telah disediakan oleh Rasulullah, demikian bunyinya.<sup>238</sup>

Justeru, kandungan rencana pengarangnya dipenuhi dengan tulisan-tulisan yang tipikal untuk majalah-majalah agama semasa. Pada 10 Ogos 1936 umpamanya, antara judul ruangan yang terdapat dalam majalah ini ialah "Dunia akhirat", "Surat kiriman", "Berlagu-lagu membaca al-Quran", "Pemberi sedekah dan orang yang memintanya", "Pengaruh gambar", "Persaudaraan dalam Islam", "Peringatan", "Syarah surah al-Fatihah", "Halaman perempuan", dan "Halaman kanak-kanak" di samping ruangan-ruangan cerita pendek atau anekdot. Ruangan-ruangan tersebut adalah lazim dan standard sifatnya dalam majalah agama. Cuma yang membezakan satu majalah agama dengan yang lain ialah penulisnya dan bagaimana tulisan-tulisan seperti itu dipersembahkan.<sup>239</sup>

Selain majalah Kehidupan Dunia Akhirat dan Dunia Akhirat, majalah Medan Laki-Laki juga diterbitkan oleh Syed Ahmad Hussein Dahlan Al-Indonisi bagi pihak Royal Press yang kemudiannya turut menerbitkan Medan Al-Islam. Bemotokan "Majalah Mingguan Islam yang Pertama", Medan Laki-Laki tidaklah dikhususkan untuk kaum lelaki, sebaliknya meliputi kaum perempuan. Majalah ini bertujuan untuk memimpin kaumnya ke medan kebahagiaan dan kejayaan mengikut jalan yang dikehendaki oleh agama Islam dan menghapuskan sekalian adat yang karut-karut yang telah menimpa kaumnya beratus-ratus tahun itu. Dua tahun selepas itu, Medan Al-Islam diterbitkan dengan barisan pendukung

<sup>237</sup> *Ibid.*,101.

<sup>238</sup> *Ibid.*

<sup>239</sup> *Ibid.*

yang sama dengan Medan Laki-Laki. Menurut penjelasan Hamedi Mohd Adnan (2011), Majalah medan Al-Islam ini adalah bagi menggantikan majalah yang awal itu, yang namanya mungkin kurang sesuai kerana membataskan potensi pembacanya. Namun, kitaran majalah ini hanyalah 1,000 naskhah berbanding Medan Laki-Laki 1,500 naskhah. Ini menunjukkan bahawa penggantian nama majalah tidak membawa kesan yang positif terhadap survival majalah ini kerana tidak sampai dua tahun kemudiannya, majalah ini terpaksa diberhentikan.<sup>240</sup>

Sebelum keempat-empat majalah ini iaitu majalah Kehidupan Dunia dan Akhirat, Dunia Akhirat, Medan Laki-Laki dan Medan Al-Islam diterbitkan, terlebih dahulu terdapat beberapa buah majalah agama yang diterbitkan oleh Madrasah, antaranya ialah majalah Temasek (1930) oleh Madrasah Al-Junied Al-Islamiah, Singapura dan Bintang Malaya (1939-41) oleh Kuliah Al-Firdaus, Singapura.<sup>241</sup>

Majalah Temasek diterbitkan oleh Regal Press, Haji Lane, Singapura dan disunting oleh Hj. Mohd Kassim Bakry. "Majalah Pelajaran, Pendidikan, Pengetahuan, Rampaian, Perkhabaran dan Cerita-cerita" ini menyiaran tulisan berbentuk pengetahuan umum dengan ruangan yang lazim antaranya seperti sejarah Singapura, pelajaran dan pendidikan, jenaka, rampaian, gurindam, perkhabaran dan penyiasatan, cerita-cerita dan pelajaran ilmu bumi. Majalah ini tidak menyiaran sebarang gambar dan bertujuan '... akan menambahkan surat-suart bacaan yang bersangkut-paut dengan pelajaran hidup bangsa kita'. Majalah ini menjadi suara Madrasah Al-Junied, Singapura yang diasaskan oleh Syed Abdullah Omar pada 1927 dan dikelolakan oleh Fadhullah Suhaimi. Menurut Roff pengarang majalah ini ialah seorang Indonesia yang aktif dalam gerakan nasionalisme di negara tersebut.<sup>242</sup>

---

<sup>240</sup> *Ibid*

<sup>241</sup> *Ibid.*, 91.

<sup>242</sup> *Ibid.*, 93.

Bintang Malaya pula diterbitkan dan disunting oleh Hj. Abdul Hamid Fadzil di Singapura sebelum dipindahkan ke Muar pada Jun 1940. Penerbitannya terhenti pada Oktober 1940, tetapi diterbitkan kembali pada Mei 1941 sehingga terhenti terus akibat perang pada akhir tahun itu. Majalah ini pada umumnya menyarkan tulisan-tulisan berbentuk keagamaan dan pengetahuan umum. Antara ruangan yang lazim disiarkan ialah panduan hidup, gemala hikmat, rencana-rencana umum, tafsir al-Quran, panduan guru, ruangan kaum ibu, puisi, gambar-gambar, halaman cerita, halaman perempuan, dewan belia, dan halaman agama. Bagaimanapun, kebanyakan majalah agama yang diterbitkan oleh Madrasah tidaklah mendapat kedudukan yang istimewa. Pengedarannya terbatas di kawasan atau negerinya sahaja. Yang ketara, setiap madrasah yang ada berusaha untuk menerbitkan majalahnya sendiri supaya nama madrasah akan dikenali umum. Majalah menjadi alat untuk mempromosikan madrasah berkenaan.<sup>243</sup>

Secara kesimpulan, Singapura pernah menjadi pusat permajalah Melayu pada suatu ketika dahulu kerana tempatnya yang strategik dan pusat dagangan yang menjadi tumpuan ramai. Sepanjang tempoh kegemilangan tersebut, terdapat banyak akhbar dan majalah telah diterbitkan, termasuklah majalah yang bercorak keagamaan. Sepanjang tempoh tersebut sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, Singapura telah menyaksikan penerbitan majalah berunsur agama seperti majalah Al-Imam, Neraca, Al-Islam dan majalah Kehidupan Dunia Akhirat. Menurut Hamedi Mohd Adnan (2010), di Singapura, terdapat empat buah majalah agama yang diterbitkan oleh penerbit swasta iaitu Kehidupan Akhirat(1935), Dunia Akhirat (July 1936), Medan Laki-Laki (27 Sep 1935) dan Medan Al-Islam (14 Ogos 1936).<sup>244</sup> Seterusnya Jadual 3.2 menunjukkan senarai beberapa majalah Agama yang terbit di Singapura sebelum Perang Dunia Kedua;

<sup>243</sup> *Ibid.*, 94.

<sup>244</sup> *Ibid.*

Judul Majalah	Isinya	Penerbit	Mula Terbit	Terbitan Akhir
Al-Imam	Agama	Tahir Jalaluddin Al-Azhari	1906	1909
Neraca@al-Mizan	Agama	Haji Abbas Muhammad Taha	1911	1915
Tunas Melayu	Agama	Haji Abbas Muhammad Taha	1913	
Al-Islam	Agama	Al-Ikhwan Press	30 Januari 1914	1915
Temasek	Umum	Regal Press	1930	
Bintang Malaya	Umum	Haji Abdul Hamid Fadzil	1939	Oktober 1940
Kehidupan Akhirat	Agama	Al-Islamiah Press	17 September 1935	1937
Dunia Akhirat	Agama	Al-Islamiah Press	July 1936	
Medan Laki-Laki	Agama	Royal Press	27 September 1935	
Medan Al-Islam	Agama	Royal Press	14 Ogos 1936	

**Jadual 3.2: Senarai majalah Agama yang terbit di Singapura sebelum Perang Dunia Kedua.**

### **3.3 SEJARAH PENERBITAN MAJALAH ISLAM DI SINGAPURA SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA**

#### **Penerbitan Majalah Melayu Islam pada Tahap Awal (1945-1957)**

Selepas Perang Dunia Kedua, Singapura perlahan-lahan terus mengekalkan kedudukannya sebagai pusat perkembangan bahasa dan kesusastraan Melayu.<sup>245</sup> Menurut Suratman Markasan, hal tersebut berlaku kerana beberapa perkara.

Sebab Pertama ialah ketika undang-undang darurat diisytiharkan di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura pada bulan Jun tahun 1948 apabila gerakan komunisme begitu aktif menentang pemerintahan penjajahan Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Ketika itu ramai pemuda dari Tanah Semenanjung berhijrah ke Singapura untuk mencari pekerjaan. Pada tahap pertama, antara pemuda yang berhijrah itu termasuklah mereka yang berusaha untuk bekerja di bahagian persuratkhabaran dan percetakan. Antaranya ialah Kamaludin Muhammad (Keris Mas), Asraf, Usman Awang (Tongkat Warrant), Ahmad Sanusi (Asni), Abu Yazid Abidin (Wijaya Mala), Abdul Wahab Muhammad (Awamil Sarkam), Jaafar Muhammad (Jymy Asmara) dan lain-lain lagi.<sup>246</sup>

Pada tahap kedua pula adalah dalam kalangan mereka yang berusaha untuk menjadi bintang filem. Antara individu yang berhijrah ke Singapura dengan bakat seni yang besar dan kemudian menjadi pujaan seluruh bangsa Melayu ialah P.Ramlee.<sup>247</sup>

Disebabkan Singapura sudah banyak banyak mengalami sejarah dan transisi percetakan yang telah ada sebelum Perang Dunia Kedua lagi, maka syarikat penerbitan seperti Utusan Melayu Press yang menerbitkan suratkhabar harian yang diberi nama Utusan

<sup>245</sup>Suratman Markasan (2003), Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2.

<sup>246</sup>Ibid.,3.

<sup>247</sup>Ibid.

Melayu dan Utusan Zaman yang terbit pada hari minggu. sangat berpengaruh. Pengaruh mereka bukan sahaja terhadap masyarakat Melayu Singapura, bahkan terhadap masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu juga. Selain suratkhabar, Utusan Melayu Press juga menerbitkan majalah bulanan yang lebih cenderung dengan budaya seperti Mastika yang sangat terkenal dengan cerpen dan puisi yang tinggi nilainya. Di samping itu, terdapat banyak majalah dan buku-buku cerita lain yang diterbitkan termasuklah majalah hiburan yang menjadi kegilaan pada zaman itu.<sup>248</sup>

Selain itu, antara faktor Singapura pada ketika itu kekal menjadi pusat perkembangan bahasa dan kesuasteraan Melayu adalah disebabkan oleh kewujudan Universiti Malaya yang dibangunkan di Singapura pada tahun 1949.<sup>249</sup> Justeru, ramai mahasiswa Melayu dari Tanah Melayu yang mengambil pengajian Melayu di Universiti Malaya turut mengembangkan gerakan bahasa dan sastera Melayu di Singapura melalui Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) yang ditubuhkan pada 1953. Menurutnya lagi, disebabkan muncul ramai wartawan dan guru-guru Melayu yang menjadi penulis baik dari Singapura maupun yang datang dari Tanah Melayu, akhirnya tertubuh sebuah persatuan penulis yang diberi nama Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) pada bulan Ogos 1950.<sup>250</sup> Ketika itu, Singapura giat dan aktif menerbitkan majalah-majalah Melayu. Banyak majalah Melayu telah diterbitkan di Singapura selepas Perang Dunia Kedua. Ini turut dinyatakan oleh Hamedi Mohd Adnan, bahawa penerbitan Melayu selepas perang tertumpu di Singapura, sebuah kota yang mempunyai infrastruktur budaya, ekonomi, politik, dan intelektual yang mampu menyuburkan dunia permajalah Melayu.

---

<sup>248</sup> *Ibid.*

<sup>249</sup> *Ibid.*,4.

<sup>250</sup> *Ibid.*

Daripada 145 buah majalah Melayu yang diterbitkan selepas perang, 64 buah atau 44.1 peratus diterbitkan di Singapura.<sup>251</sup>

Menurut Hamedи Mohd Adnan, satu daripada faktor penting yang meletakkan Singapura sebagai pusat penerbitan Melayu selepas perang ialah tertumpunya penerbitan dan pencetakan di kota yang menjadi pusat komunikasi yang maju itu. Banyak pencetak dan penerbit muncul dan terus berkembang, sama ada yang telah lama ditubuhkan sejak sebelum perang ataupun yang baru ditubuhkan selepas perang. Peranan yang dimainkan oleh penerbit dan pencetak menjadi faktor yang membezakan senario penerbitan Melayu di Singapura dengan tempat lain. Sementara di kawasan lain, kebanyakan penerbit terdiri daripada individu tertentu yang berminat dalam persuratkhabaran atau persatuan berbentuk persuratan dan pendidikan, yang kebanyakan penerbitnya di Singapura ialah golongan profesional. Mereka menerbitkan majalah atau akhbar semata-mata untuk mencari keuntungan, bukan lagi semata-mata untuk berkhidmat kepada agama, bangsa, dan negara seperti halnya dalam kebanyakan penerbitan sebelum perang. Atas kesedaran bahawa perniagaan penerbitan mereka akan maju seandainya orang ramai menyukainya, maka majalah atau akhbar dihasilkan dengan sebaik-baiknya. Pengarang yang terbaik diambil dan majalah ditampilkan dengan perekaan dan hiasan yang lebih baik. Justeru, sementara kebanyakan majalah di tempat lain itu pendek jangkat hayatnya dan tidak membawa impak yang mendalam kepada masyarakat pembaca, majalah di Singapura mempunyai jangka hayat yang lebih panjang. Bahkan, majalah tersebut juga cukup berperanan memberikan didikan yang bermakna, membentuk pendapat umum terhadap sesuatu isu, atau sekurang-kurangnya menjadi bahan bacaan hiburan yang disukai pembaca dan menyeronokkan.<sup>252</sup>

---

<sup>251</sup> Hamedи Mohd Adnan, *Majalah Melayu Selepas Perang*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, 50.

<sup>252</sup> *Ibid.*, 51.

Walau bagaimanpun, tidak banyak majalah yang bercorak keagamaan diterbitkan ketika itu. Ini kerana konsep penerbitan majalah mula berubah selepas Perang Dunia Kedua. Majalah hiburan lebih mendapat sambutan berbanding majalah bercorak keagamaan, justeru lebih banyak majalah yang bercorak hiburan diterbitkan kerana mendapat sambutan hangat. Berbeza dengan penerbitan majalah sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua, majalah berunsur agama menjadi keutamaan dalam setiap penerbitan majalah. Namun sebaik selepas Perang Dunia Kedua, lebih banyak majalah berunsur hiburan diterbitkan dan menjadi pilihan pembaca.

Menurut Hamedi Mohd Adnan, penampilan unsur agama merupakan salah satu resipi yang kerap digunakan dalam permajalah Melayu. Dalam tempoh sebelum perang, majoriti majalah Melayu menjadikan soal agama sebagai suatu perkara yang mestilah diselitkan untuk menarik pembaca. Persoalan agama ini dapat ditemui dalam hampir semua jenis majalah, biarpun orientasi sebenar majalah itu adalah lebih kepada hiburan.<sup>253</sup> Namun, kecenderungan pembacaan terhadap unsur-unsur agama tidak mampu bertahan lama. Kegagalan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sama seperti Indonesia di samping kejayaan penajah mengalihkan pandangan rakyat kepada ancaman komunis serta kemudiannya pengaruh Barat yang menerjah kehidupan muda-mudi bandaran, sedikit sebanyak menyebabkan minat pembacaan kepada majalah agama terhakis dan beralih pula kepada hiburan. Justeru didapati majalah agama hanya aktif pada lima tahun terakhir dekad 1940-an dan apabila melangkah ke dekad 1950-an, kepentingannya makin susut sedikit demi sedikit hingga muncul kembali pada saat negara mahu mencapai kemerdekaan.<sup>254</sup>

Antara majalah Melayu yang pertama diterbitkan selepas perang ialah majalah Kesatuan Islam yang diterbitkan pada 13 Disember 1945. Penerbit majalah ini ialah Syed

---

<sup>253</sup>*Ibid.*, 75.

<sup>254</sup>*Ibid.*

Ibrahim Omar Alsagoff, sementara pengarangnya pula ialah Abdulullah Hamid Al-Edrus yang enam tahun kemudiannya menubuhkan Qalam Press Ltd.<sup>255</sup>

Majalah Kesatuan Islam ini menyiaran tulisan yang layak disiarkan untuk majalah agama seperti pendidikan agama, tafsir, kisah nabi dan sahabat, cerita agama dan sebagainya. Majalah mingguan 36 halaman ini bagaimanapun tidak dapat bertahan lama dan terhenti pada April 1946.<sup>256</sup> Menurut Hamedi Mohd Adnan, meskipun jangka hayat majalah Kesatuan Islam ini pendek, namun kemunculannya pada zaman sukar itu menunjukkan adanya usaha yang dilakukan untuk menerbitkan majalah agama sebagai kesinambungan daripada zaman sebelum perang.<sup>257</sup>

Disebabkan kecendurangan pembaca yang ketika itu lebih berminat kepada hiburan. Maka, tidak banyak majalah agama yang diterbitkan.

Merujuk kepada senarai majalah-majalah yang terbit di Singapura selepas Perang Dunia Kedua dari tahun 1946 hingga 1957 yang disenaraikan oleh Suratman Marksan, hanya beberapa sahaja majalah agama yang kelihatan diterbitkan di Singapura, antaranya majalah Tawarikh, Kehidupan dan majalah Qalam.<sup>258</sup>

Menurut Hamedi Mohd Adnan, majalah Tawarikh ini diterbitkan tanpa tarikh yang tetap (melainkan keluaran pertamanya) dan dengan demikian, kandungannya sentiasa segar. Majalah yang disusun oleh Dato' Hj. Muhammad Said Sulaiman ini hanya diterbitkan secara penggal dengan hanya menggunakan bilangan manakala kandungannya pula memaparkan peristiwa yang dialami oleh nabi-nabi serta pengajaran daripadanya. Sebagai contoh, dalam bilangan pertama (Bil. 1), majalah ini menceritakan riwayat Nabi Adam

---

<sup>255</sup> *Ibid.*

<sup>256</sup> *Ibid.*, 76

<sup>257</sup> *Ibid.*

<sup>258</sup> Suratman Markasan (2003), Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 9-10.

hingga Nabi Salleh. Dalam bilangan kedua (Bil.2) pula cerita daripada Nabi Ibrahim sehinggalah Nabi Yusof. Bilangan ketiga (Bil.3) berkisar tauldan daripada Nabi Shuib sehingga Nabi Daud manakala Bil.4 menceritakan riwayat hidup Nabi Sulaiman hingga Nabi Yahya. Keluaran Keenam (Bil. 6) pula memuatkan pantun-pantun mengenai Nabi Muhammad dari waktu Baginda hari lahir hingga wafat. Majalah ini disifatkan berguna kepada sekalian peringkat masyarakat untuk memberi pendedahan dan fikiran yang luas untuk menempuh perjuangan masing-masing. Majalah tersebut dijual yang dijual dengan harga RM 0.30 ini mampu bertahan agak lama di pasaran, iaitu sehingga Mei 1958.<sup>259</sup>

Selepas itu, terbit beberapa majalah berunsur agama yang lain atas inisiatif beberapa individu-individu yang mempunyai fikrah Islam. Antara individu tersebut ialah Rijal Abdullah yang menerbitkan *Al-Islam* (Oktober 1949), M.Karim Ghani yang menerbitkan *Sinaran* (14 Ogos 1950), Abdulullah Hamid Al-Edrus yang memperkenalkan majalah *Qalam* (Julai 1950) dan Kiai Muhd Fadhlullah Suhaimi yang menerbitkan majalah *Kehidupan* (16 Mei 1956).<sup>260</sup> Kesemua mereka berpusat di Singapura dengan Kiai Fadhlullah bernaung di bawah Pustaka H.M. Ali yang ketika itu menerbitkan majalah *Bintang*.<sup>261</sup>

Majalah *Al-Islam* diterbitkan dan dipimpin oleh Rijal Abdullah dan dibantu oleh beberapa orang yang kurang dikenali seperti Zaidan Abdul Samad, Muhammad Rashid, Umar Demas, Ismail Tikan dan Rokiah Hussein. Majalah *Al-Islam* ini mengandungi tulisan bercorak keagamaan, tafsir al-Quran, renungan hikmah, pendidikan, dan sejarah dunia. Matlamat majalah ini adalah untuk menyampaikan dan mengembangkan ajaran yang

<sup>259</sup> Hamedi Mohd Adnan, *Majalah Melayu Selepas Perang*, 50.

<sup>260</sup> *Ibid.*

<sup>261</sup> *Ibid.*

bersangkut-paut dengan agama Islam dan teladan berbentuk moral serta sejarah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam.<sup>262</sup>

Seterusnya pada tahun 1950, majalah Sinaran diterbitkan oleh Muslim Publishing House Ltd. di No.123, Seranggon Road dan didukung oleh barisan pengarang yang cukup berwibawa dalam bidang keagamaan, antaranya seperti M.Karim Ghani, Syed Ahmad Dahlan dan Sardon Jubi yang bertindak sebagai penasihat editorial.<sup>263</sup> Majalah Sinaran ini menggunakan moto "Majalah Mingguan, Pandangan dan Fikiran". Pada umumnya, majalah ini menyiarkan tulisan-tulisan bercorak keagamaan. Antara ruangan tetap dalam majalah tersebut ialah kemanisan iman, hadis, sifat-sifat sabar, sajak-sajak, perkembangan Islam semasa, bahagian perempuan, halaman pujangga, sinaran hadis, ilmu tauhid, politik dan apa ertinya agama.<sup>264</sup>

Majalah Sinaran ini pada awalnya diterbitkan dalam tulisan Rumi namun diubah kepada Jawi mulai Ogos 1951 atas desakan para pembaca. Menurut Hamedi Mohd Adnan (2013), majalah Sinaran dianggap antara majalah agama yang paling berpengaruh pada ketika itu dan kehadirannya dalam alam pembacaan Melayu dapat serba sedikit mengekang serbuan majalah hiburan.<sup>265</sup> Walaubagaimanapun, Sinaran tidak mampu terus bertahan, khususnya apabila Syed Ahmad Dahlan meletakkan jawatan untuk bekerja di Bahagian Melayu, Voice of America di New York dan meninggalkan majalah tersebut terumbang-ambing di tengah kesibukan Karim Ghani mendepani hal-ehwal masyarakat Melayu Singapura pasca tragedi Natrah.<sup>266</sup>

Populariti majalah Sinaran menurut Hamedi Mohd Adnan (2013), mungkin sama dengan majalah Qalam, yang mana majalah tersebut merupakan majalah pertama dan

---

<sup>262</sup> *Ibid.*

<sup>263</sup> *Ibid.*,81.

<sup>264</sup> *Ibid.*

<sup>265</sup> *Ibid.*

<sup>266</sup> *Ibid.*,82.

paling berpengaruh diterbitkan oleh Qalam Press Ltd pada tahun 1950 yang dimiliki oleh Abdulullah Hamid Al-Edrus atau Ahmad Lutfi.<sup>267</sup>

Majalah Qalam yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1950 di Singapura itu telah menjadi bahan bacaan dalam kalangan umat Islam di dunia Melayu sehingga penerbitannya berhenti berikutan kematian pengasasnya, Edrus (Ahmad Lutfi) pada tahun 1969. Artikel dalam Qalam memberikan maklumat yang tidak ternilai mengenai aktiviti dan pemikiran umat Islam yang tinggal di alam Melayu pada 1950-an dan 1960-an. Artikel-artikel dalam Qalam, yang diedarkan bukan sahaja di Singapura tetapi juga di Indonesia, Malaya, Borneo dan selatan Thailand membentangkan sumber penting dalam sejarah moden dunia Melayu.<sup>268</sup>

Menurut keratan akhbar Utusan Melayu yang bertajuk "Kompilasi Khazanah Sejarah", majalah ini merupakan saksi peristiwa-peristiwa besar yang telah mengukir makna diri kebangsaan negara pada sebelum, semasa dan selepas kemerdekaan negara. Sepanjang 228 penerbitannya, majalah Qalam menghimpunkan karangan, laporan, ulasan, gambar dan soal jawab yang diterbitkan sepenuhnya dalam tulisan Rumi, di samping mengekalkan artikel asal tulisan Jawi.<sup>269</sup>

Menurut Muhammad Syukri Rosli, majalah Qalam ini mempunyai pendiriannya yang tersendiri yang mana kadangkala kandungannya dianggap sebagai rakaman pengalaman alternatif sejarah bagi Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kritikan-kritikan pedas yang dilontarkan dalam kolumn Kopi Pahit memperlihatkan pendirian tegas pengarangnya, Cemeti al-Farouk, yang merupakan nama pena bagi Syed Abdullah al-Edrus. Bahkan, Syed Abdullah al-Edrus turut memakai beberapa nama pena yang lain

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> "Qalam Article Database," dicapai pada 15 March 2016, <http://majalahqalam.kyoto.jp/eng/>

<sup>269</sup> Mohd. Shah.Che Ahmad, "Kompilasi Khazanah Sejarah," dicapai pada 15 March 2016, [http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20140912/ba\\_01/Kompilasi-khazanah-sejarah#ixzz42wbPZ7yP](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140912/ba_01/Kompilasi-khazanah-sejarah#ixzz42wbPZ7yP)

dalam karangan majalah Qalam, seperti Ahmad Lutfi, Asyraf Wajidi, Ustazah dan lain-lain lagi. Pada zamannya, majalah Qalam dilihat menjadi pilihan khalayak pembaca yang berpelajaran dan serius kerana yang menjadi antara penyumbang utama karangan-karangan dalam majalah Qalam ialah Mohamad Natsir, Abu Bakar ash-Shiddiquey, Isa Anshari, ‘Abdullah Basmeh, Za‘ba, Hamka, Zulkifli Muhammad, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Mushfa‘ dan Uthman Kalam. Selain gambar-gambar yang lengkap dan jarang dilihat pada zaman sekarang majalah Qalam juga menyuratkan amalan budaya masyarakat yang tidak lagi dilaksanakan secara umum seperti sambutan dan perarakan Maulidurrasul secara besar-besaran yang diadakan di Stadium Jalan Besar, Singapura. Sepanjang penerbitannya, majalah Qalam tidak terlepas menulis laporan tentang sambutan ini.<sup>270</sup>

Majalah Qalam dilihat tidak mempunyai banyak perbezaan dengan majalah yang lain, melainkan kedegilan dan keberanian Ahmad Lutfi selaku pengasas kepada majalah tersebut yang menggunakan benteng agama untuk menyerang sesiapa sahaja yang dirasakannya tidak betul.<sup>271</sup> Namun setelah lama beroperasi di Singapura, Qalam Press berpindah ke Kuala Lumpur. Peristiwa ini dinyatakan dalam keratan akhbar Kosmo bertarikh 14 Mac 2016. Setelah hampir dua abad beroperasi di Singapura, Qalam Press berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1969. Cubaan untuk mengembalikan kegemilangan majalah Qalam di Malaysia tidak mendapat sambutan seperti yang diharapkan.<sup>272</sup> Syed Ahmad Lutfi menjelaskan antara faktor yang menyebabkan Qalam terpaksa dihentikan ialah wartawan-wartawan lama yang sudah berhenti atau meninggal dunia. Selain itu,

<sup>270</sup> Muhamamd Syukri Rosli. 2014. Gerak Kerja Perumian Majalah Qalam: Pengalaman Klasika Media. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Tertutup Pengarkiran Majalah Digital , Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Klasika Media dan CIAS ,Malaysia, 4.

<sup>271</sup> Hamed Mohd Adnan, *Majalah Melayu Selepas Perang*, 82.

<sup>272</sup>"Transformasi Qalam dalam dunia moden," dicapai pada 15 March 2016,  
[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1126&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=u\\_01.htm#ixzz42wguXkzm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1126&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=u_01.htm#ixzz42wguXkzm)

masyarakat pada waktu itu juga tidak dapat menerima isu yang dibawa oleh Qalam kerana terlalu berat dan kritikal.<sup>273</sup>

Di Singapura, selain Royal Press dan Qalam Press yang menerbitkan majalah-majalah yang bercorak keagamaan, terdapat sebuah penerbit majalah hiburan lain di Singapura yang turut cuba menerbitkan majalah agama iaitu Pustaka H.M. Ali yang terletak di 114 & 115, Arab Street. Pustaka H.M Ali ini merupakan kedai buku Melayu terbesar di Singapura pada dekad 1950-an.<sup>274</sup> Antara majalah yang diterbitkan oleh Pustaka H.M. Ali ialah majalah Kehidupan. Majalah Kehidupan menggunakan moto "Malaya's Popular Bi-Monthly Review & Majalah untuk Semua Peringkat" dan antara lembaga pengarangnya selain Kiai Fadhlullah dan Mustafa Suhaimi ialah Saadah Suhaimi, Mohd Kamal, R.Musumi dan Talma. Majalah yang awalnya berharga RM 0.20 (Mei- September 1956) sebelum dinaikkan kepada RM0.30 (Oktober 1956- April 1957) dan RM0.40 (Mei 1957-Oktober 1958) ini pada umumnya menyiaran tulisan-tulisan bercorak pengetahuan, pendidikan, hal-hal agama dan hiburan. Antara ruangan yang lazim disiarkan ialah siasat tanah air dan luar negeri, cerita mata-mata gelap, pengetahuan am, fikiran rakyat, darihal wanita, nasihat daripada pak aji, fikiran rakyat, seni susunan bunga, sajak, teka kata, iklan, mari ketawa, macam-macam darihal wanita, tahukah pembaca, fikiran rakyat, halaman bahasa Arab, tokoh dan politik.<sup>275</sup>

Majalah Kehidupan pada asalnya diterbitkan secara dwi mingguan dengan saiz akhbar, sebelum kemudiannya diubah kepada bulanan dengan saiz 7x10 inci mulai Oktober 1956. Menurut Hamedi Mohd Adnan, majalah Kehidupan ini tidak mempunyai banyak

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> Hamedi Mohd Adnan, *Majalah Melayu Selepas Perang*, 84.

<sup>275</sup> *Ibid.*

perbezaan dengan majalah lain melainkan kesungguhan penggeraknya, Kiai Fadhullah yang menulis kolumnya sendiri dalam majalah tersebut dan sumbangannya lebih besar yang dimainkan oleh adiknya, Mustafa Suhaimi sehingga membolehkan majalah itu bertahan di pasaran sehingga Oktober 1958.<sup>276</sup>

Meskipun selepas Perang Dunia Kedua, Singapura masih menjadi pusat penerbitan dan percetakan Melayu. Namun, tidak banyak majalah berunsur keagamaan diterbitkan di Singapura, disebabkan sambutan yang kurang memberangsangkan. Perubahan minat para pembaca yang lebih cenderung kepada majalah berbentuk hiburan menjadikan penerbitan majalah bercorak keagamaan tidak banyak diterbitkan, tidak seperti sebelum perang, yang mana penerbitan majalah-majalah yang berbentuk kerohanian dan keagamaan menjadi pilihan pembaca.

Ini turut dijelaskan oleh Hamedi Mohd Adnan, terdapat beberapa ciri yang membezakan kecenderungan majalah agama pada periode selepas perang dengan periode sebelum perang. Antaranya adalah semakin terhakisnya bilangan majalah agama dalam persada permajalah Melayu, khususnya selepas berakhirnya dekad 1940-an. Di samping itu, majalah bercorak keagamaan yang sebelum itu menjadi suatu segmen yang menunjangi permajalah Melayu mula reput dan digantikan dengan majalah bercorak hiburan. Sehubungan itu, perubahan minat pertubuhan, baik berbentuk pendidikan atau sosial berubah daripada cenderung kepada majalah agama kepada majalah berbentuk pendidikan serta yang berkait rapat dengan perjuangan dan matlamat pertubuhan tersebut.<sup>277</sup>

---

<sup>276</sup> *Ibid.*, 85.

<sup>277</sup> *Ibid.*, 91-92

## **Penerbitan Majalah Melayu bercorak Keagamaan di Singapura Pada Tahap Kedua (1957 hingga Sekarang)**

Menurut Suratman Markasan, selepas tahun 1957, penulis dan wartawan asal Tanah Melayu berhijrah kembali ke tanah air mereka yang baru merdeka. Dalam masa yang sama Utusan Melayu Press juga dipindahkan ke Kuala Lumpur. Justeru, tidak dapat dipastikan dengan jelas sama ada majalah-majalah Melayu yang diterbitkan sebelum itu masih beroperasi atau tidak. Namun menurutnya, barangkali majalah-majalah berbentuk hiburan seperti majalah yang berkait dengan perfileman sahaja yang masih aktif. Kemudian pada bulan Mei 1958, Bintang Press menerbitkan Alam manakala Royal Press muncul dengan majalah sastera yang diberi judul Medan Sastera.<sup>278</sup>

Ketika era Singapura di Malaysia pada tahun 1963-65, tidak timbul ura-ura daripada orang perseorangan atau penerbit di sini untuk menerbitkan majalah. Mungkin kerana umum beranggapan bahawa Singapura sudah termasuk dalam Persekutuan Malaysia, maka tidak perlu diterbitkan majalah di Singapura. Namun, sebaik sahaja Singapura keluar dari Malaysia, penulis-penulis di Singapura mula merasakan bahawa perlunya mempunyai majalah terbitan sendiri. Justeru, timbul kesedaran bahawa ASAS '50 perlu berusaha menerbitkan sebuah majalah. Namun, kerana kekurangan modal, keinginan dan idea tersebut terbengkalai begitu sahaja. Akan tetapi, individu-individu yang berada di bawah pucuk pimpinan ASAS '50 terus berusaha dengan mengajak ahli anggotanya bersama-sama mengeluarkan modal untuk menerbitkan sebuah majalah, namun tidak mendapat sambutan.<sup>279</sup> Ketika ini, perlahan-lahan peranan Singapura sebagai pusat penerbitan

---

<sup>278</sup> Suratman Markasan (2003), Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2

<sup>279</sup> *Ibid*, 21.

majalah Melayu kian terhakis ditambah lagi dengan perpindahan pusat penerbitan Melayu ke Kuala Lumpur. Tidak banyak majalah yang diterbitkan di Singapura berbanding zaman sebelumnya ketika era kegemilangan penerbitan yang mana Singapura menjadi pusat dan nadi percetakan dan penerbitan Melayu.

Hamedи Mohd Adnan menjelaskan meskipun tidak semua penerbit dan pengarang memindahkan operasinya atau berhijrah ke ibu kota baharu itu, namun peranan Singapura sebagai *the centre of Malay Publishing* semakin terhakis. Dunia penerbitan dan percetakan Melayu di Singapura terkepung oleh penerbitan berbahasa Inggeris dan Cina. Biarpun dunia penerbitan kedua-dua bahasa itu tidak menyaingi penerbitan Melayu, namun perpindahan banyak penerbit ke Kuala Lumpur telah mengubah sama sekali pusat pengedaran majalah ke kota itu. Begitu juga halnya dengan periklanan. Singapura tidak lagi menjadi lombong emas kepada para penerbit Melayu dan dunia penerbitan akhbar atau majalah Melayu harus beralih ke Kuala Lumpur untuk mencari pendapatan iklan bagi membantu menampung kos pengeluaran masing-masing.<sup>280</sup> Justeru, dengan peralihan pusat penerbitan tersebut, dominasi Singapura dalam dunia penerbitan Melayu, suatu penguasaan yang bermula selewat-lewatnya pada tahun 1876 yang menyaksikan akhbar Melayu pertama, Jawi Peranakkan diterbitkan mula berakhir. Namun penguasaan Singapura sebagai pusat permajalah Melayu sebelum merdeka sempat menyaksikan arah aliran penerbitan Melayu yang berubah daripada dorongan spiritual dan sosial kepada dorongan komersial.<sup>281</sup>

Sebaik sahaja Singapura keluar dari Malaysia, penerbitan majalah Melayu semakin berkurangan, begitu juga dengan majalah yang bercorak keagamaan yang tidak lagi rancak diterbitkan seperti sebelumnya. Perlahan-lahan penerbitan majalah Melayu khususnya majalah keagamaan yang diterbitkan di Singapura kian terhakis. Oleh itu, tidak banyak

<sup>280</sup> Hamedи Mohd Adnan, Majalah Melayu Selepas Perang, 2-3.

<sup>281</sup> *Ibid*,..3.

majalah agama yang diterbitkan di Singapura. Jika ada penerbitan majalah Melayu yang diterbitkan, kandungannya lebih kepada pendidikan, bahasa dan sastera. Antaranya ialah majalah Cermin, Bahasa , Medan Sastera, Gelanggang Filem, majalah Sasterawan yang diterbitkan oleh ASAS '50, majalah (tabloid) Arena Filem dan majalah Aneka.<sup>282</sup> Selepas itu, Kementerian Singapura sekali lagi menerbitkan majalah buat kanak-kanak dan pelajar sekolah menengah dengan naskhah Melayunya yang diberi nama Mekar. Sekitar tahun 1988, tabloid Puspaneka diterbitkan oleh Omar Ninggal, dan seperempat awal tahun 1988, majalah Perkahwinan diterbitkan oleh Wisma.<sup>283</sup>

Seterusnya pada seperempat kedua tahun 1989, majalah Khalifah Muda dengan jeda tiga bulan setiap keluaran diterbitkan, dengan kerjasama Persatuan Pelajar-pelajar Dewasa Singapura (PERDAUS) dan Lembaga Pentadbir Masjid Darussalam (LPMD) dengan bantuan daripada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dengan dana sebanyak \$40 000 sebagai modal penerbitan tersebut.<sup>284</sup>

Majalah Khalifah Muda nombor pertama telah dilancarkan pada 28 Mac 1998 di lobi bangunan MUIS oleh Presiden MUIS, saudara Haji Maarof Haji Salleh. Isi majalah Khalifah Muda ini adalah mengenai pengetahuan dan pelajaran yang ada sangkutannya dengan mata pelajaran yang dipelajari pelajar-pelajar yang berada di sekolah rendah dan menengah rendah. Namun majalah tersebut tidak bertahan lama. <sup>285</sup> Pada tahun 1995, majalah Santai yang berunsur budaya diterbitkan dan juga tidak juga bertahan lama. Edaran majalah Santai diberhentikan kerana pengedarnya tidak jujur.<sup>286</sup>

---

<sup>282</sup> Suratman Markasan (2003), Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,.23-25.

<sup>283</sup> *Ibid.*, 25.

<sup>284</sup> *Ibid.*, 28.

<sup>285</sup> *Ibid.*, 28-29.

<sup>286</sup> *Ibid.*,30.

Jika dilihat pada senarai majalah-majalah Melayu yang diterbitkan di Singapura sebaik sahaja Singapura keluar dari Malaysia, kebanyakan penerbitan majalah-majalah tersebut lebih bercorak kepada pendidikan, bahasa dan sastera, hiburan, serta budaya. Majalah agama tidak lagi rancak diterbitkan di Singapura seperti sebelumnya iaitu pada waktu zaman kegemilangannya, yang sejarah sempat menyaksikan penerbitan majalah Al-Imam, Al-Islam, Kehidupan, Qalam, Sinaran dan sebagainya.

Sehingga kini, majalah bercorak keagamaan tidak banyak diterbitkan di Singapura. Jika ada, majalah tersebut hanya diterbitkan oleh badan-badan Islam. Antaranya Majalah NADI yang merupakan majalah suku tahunan yang diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), majalah Risalah yang diterbitkan oleh Persatuan Ulamaa dan Guru-Guru Agama Islam di Singapura (PERGAS) dan *The Muslim Reader* (TMR) yang diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura.

Selain majalah *The Muslim Reader* (TMR), majalah *Teens Crossroads* juga diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura dan diedarkan secara percuma kepada anak-anak muda.<sup>287</sup> Meskipun tidak serancak seperti waktu awal penerbitan majalah Melayu di Singapura sebelum merdeka, kehadiran majalah-majalah yang diterbitkan oleh badan-badan Islam ini diharap dapat terus diteruskan dan sekaligus memberi manfaat kepada pembaca yang terdiri dalam kalangan masyarakat Islam. Seterusnya Jadual 3.3 menunjukkan senarai majalah Agama yang terbit di Singapura selepas Perang Dunia Kedua;

---

<sup>287</sup> "Teens' Crossroads Magazine," laman sesawang Darul-Arqam Singapura, dicapai pada 30 March 2015, <http://www.darul-arkam.org.sg/teens-crossroads-magazine/>

Judul Majalah	Isinya	Penerbit	Mula Terbit	Terbitan Akhir
Kesatuan Islam	Agama	Syed Ibrahim Omar AlSagoff	13 Disember 1945	April 1946
Tawarikh	Agama	Royal Press	Disember 1948	
Al-Islam	Agama	Rijal Abdullah	Oktober 1949	
Sinaran	Agama	Muslim Publishing House	14 Ogos 1950	
Qalam	Agama	Qalam Press	Julai 1950	1969
Kehidupan	Agama	Pustaka HM.Ali	Mei 1956	1958

**Jadual 3.3 : Senarai majalah Agama yang terbit di Singapura selepas Perang Dunia Kedua.**

### 3.4 SEJARAH MAJALAH *THE MUSLIM READER*

Majalah *The Muslim Reader* merupakan majalah utama yang diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura dan diedarkan kepada ahlinya serta masyarakat umum. Selain daripada majalah *The Muslim Reader*, Darul Arqam juga menerbitkan majalah *Teens' Crossroads* yang dikhaskan untuk remaja. Ia membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh remaja pada masa kini.<sup>288</sup> Majalah *The Muslim Reader* yang dahulunya merupakan majalah suku tahunan ini diterbitkan dengan tujuan untuk menyampaikan dakwah.

---

<sup>288</sup> The Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam) Annual Report 2007, h.18.

Menurut laman sesawang Darul Arqam Singapura, golongan mualaf yang baru memeluk Islam dan ingin mengenali dan mengetahui lebih mendalam mengenai ajaran Islam boleh mendapatkan majalah *The Muslim Reader*. Majalah terbitan Darul Arqam Singapura ini merupakan sebuah majalah yang amat sesuai dijadikan bahan bacaan terutama dalam kalangan pembaca yang terdiri daripada mualaf. Segala perkongsian dan makulmat penting mengenai ajaran Islam serta pengalaman berharga yang dikongsikan oleh saudara-saudara baru Islam yang lain turut dikongsikan dalam majalah tersebut. Kisah-kisah ini secara tidak langsung akan memberikan suntikan semangat, sokongan dan dorongan kepada mualaf yang lain. Majalah ini boleh didapatkan di kedai buku agama Inggeris (*English Islamic Bookshop*). Kini, majalah tersebut telah menjadi sebuah terbitan tahunan dengan muka surat setebal 160 penuh warna dan dijual dengan harga \$6.00.<sup>289</sup> Namun, Majalah tersebut boleh didapatkan dalam dalam talian di laman sesawang Darul Arqam Singapura secara percuma. Para pembaca kini boleh menikmati bacaan edisi *The Muslim Reader* dan majalah *Teens 'Crossroad* melalui telefon pintar dan tablet.

Menurut Pegawai Eksekutif, Komunikasi Korporat dan merangkap editor yang bertanggungjawab dalam setiap penerbitan majalah *The Muslim Reader*, Cik Aishah Hussein, majalah *The Muslim Reader* (TMR) telah berada di pasaran selama lebih 36 tahun, yang mana pada awalnya, TMR diterbitkan pada tahun 1980 . Majalah yang telah berusia 36 tahun ini awalnya dikenali sebagai bahan surat berita (*newsletter*). Kemudian penerbitannya berkembang menjadi sebuah majalah. Umumnya ini merupakan sebuah majalah Darul Arqam Singapura bagi memenuhi keperluan saudara baru Islam, terutama dalam kalangan ahli-ahli Darul Arqam . Oleh disebabkan pada lewat tahun 1970, majalah dianggap sebagai sebuah komunikasi yang sangat kuat, maka sebagai sebahagian daripada

---

<sup>289</sup> "The Muslim Reader Magazine", laman sesawang Darul-Arqam Singapura, dicapai pada 23 August 2016, <http://www.darul-arkam.org.sg/themuslimreader/>

pertumbuhan Darul Arqam, mereka menubuhkan surat berita. Beberapa isu pertama keluarannya merupakan sebuah surat berita yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah majalah sebagai bahan bacaan. Kini Majalah *The Muslim Reader* mempunyai lebih daripada 34 jilid dan isu yang telah diterbitkan.<sup>290</sup>

Sepanjang 36 tahun terbitannya, *The Muslim Reader* telah melalui beberapa perubahan dari sudut bentuk, cara penulisan dan pendekatan demi menyesuaikannya dengan keadaan dan keperluan masyarakat. Perubahan-perubahan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan pembaca terutama saudara baru Islam.

Pada sekitar tahun 1980-an, majalah *The Muslim Reader* mempunyai empat jilid yang dikeluarkan dalam setahun, yang mana keempat-empat jilid tersebut diterbitkan dengan empat isu yang berbeza dan tema yang berbeza. Namun dengan peredaran masa, pihak Darul Arqam Singapura memutuskan untuk menerbitkan majalah *The Muslim Reader* sebanyak tiga kali sahaja dengan isu dan tema yang berbeza dalam setahun. Namun kini, majalah *The Muslim Reader* telah bertukar menjadi sebuah majalah tahunan. Majalah *The Muslim Reader* telah diterbitkan dengan isu yang lebih padat, muka surat yang lebih tebal dan mampat dengan isi-isi dan kandungan yang lebih mantap dan maklumat yang baru kepada para pembaca dengan tema yang bebas.<sup>291</sup>

Menurut Cik Aishah Hussein, majalah *The Muslim Reader* menyasarkan sasarannya kepada golongan mualaf, saudara baru Islam yang ingin menambahkan lagi ilmu pengetahuan mereka mengenai Islam. Selain itu, *The Muslim Reader* juga disasarkan pada mereka yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai medium dan bahasa komunikasi dalam pertuturan harian mereka serta golongan warga asing dan kaum serta bangsa yang lain yang terdapat di Singapura. Oleh itu, majalah *The Muslim Reader* ini diterbitkan demi

<sup>290</sup> Menerusi temubual bersama Aishah Hussein, (2016, July 26). Pegawai Eksekutif, Komunikasi Korporat, Editor Majalah The Muslim Reader. *Sejarah The Muslim Reader*. Singapura.

<sup>291</sup> *Ibid.*

memenuhi keperluan pembaca yang datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Majalah ini dijadikan sumber bacaan dan rujukan kepada ahli keluarga saudara baru Islam yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai ajaran Islam dan cara kehidupan masyarakat Islam. Pendedahan ini secara tidak langsung dapat membantu memberi maklumat dan kefahaman yang benar dan tepat kepada ahli keluarga yang tidak mempunyai asas dan pengetahuan tentang Islam.<sup>292</sup>

Majalah *The Muslim Reader* yang mendapatkan dana melalui zakat telah mendapatkan kerjasama daripada para sukarelawan yang menyumbangkan artikel-artikel dan penulisan yang bermanfaat untuk dikeluarkan dalam majalah tersebut yang mana tulisan-tulisan tersebut akan melalui proses penapisan oleh pihak editor majalah *The Muslim Reader*.

Oleh itu, kebanyakan artikel yang terdapat dalam majalah terbitan Darul Arqam Singapura ini diperoleh melalui sumbangan para sukarelawan yang bergerak sebagai penulis secara sukarela kepada *The Muslim Reader* selain artikel-artikel sedia ada yang dirasakan bermanfaat oleh pihak editor untuk dikongsikan kepada pembaca di samping para asatizah dan ulama yang memberi kupasan mendalam terhadap isu-isu berkaitan agama dan hukum. Majalah *The Muslim Reader* ini juga secara tidak langsung memberi galakan serta peluang keemasan kepada para pewagainya serta para asatizah tempatan untuk mengetengahkan isu-isu yang dirasakan bernas dan ingin diketengahkan dalam majalah tersebut. Ini memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk berkarya dan seterusnya berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan mereka kepada pembaca. Bagi mereka yang berminat dalam dunia penulisan, peluang ini dianggap sebagai satu batu loncatan dan ruang untuk mereka perkembangkan bakat melalui bidang penulisan. Namun kesemua artikel dan penulisan yang disumbangkan para sukarelawan serta asatizah ini akan melalui proses

---

<sup>292</sup> *Ibid.*

penapisan dan suntingan oleh Cik Aishah Hussein selaku editor majalah *The Muslim Reader* yang telah berkhidmat selama lebih 10 tahun di Darul Arqam Singapura.<sup>293</sup>

Berbeza dengan sebuah majalah lain yang diterbitkan juga oleh Darul Arqam Singapura iaitu *Teens' Cross Road* yang bertujuan untuk mendekati para belia dan membawa kepada perspektif Islam, majalah *The Muslim Reader* ini lebih berbentuk umum yang mana topik-topik yang dikupas juga lebih bersifat umum serta mengikut kesesuaian dan keperluan kehidupan seharian. Setiap isu membincangkan pelbagai pengetahuan dan nilai-nilai Islam yang boleh diterapkan dalam kehidupan. Majalah *The Muslim Reader* juga turut menyentuh aspek dari sudut syariah, tauhid, aqidah dan akhlak. Namun begitu isi dan kandungan dalam majalah terbabit lebih menekankan aspek penceritaan dan perkongsian yang dikongsikan oleh saudara baru Islam mengenai pengalaman, cabaran-cabaran yang dihadapi, perjuangan yang mereka lalui dan kesemuanya ini dianggap sebagai suatu pengetahuan yang berharga yang boleh dikongsikan kepada pembaca agar dapat memberi manfaat serta motivasi kepada saudara-saudara baru Islam yang lain di samping hikmah serta iktibar yang boleh diambil. Memandangkan *The Muslim Reader* lebih menumpukan aspek kehidupan manusia dan pengalaman-pengalaman berharga saudara baru Islam, maka ini secara tidak langsung menjadikan penulisan dan artikel terbabit menarik perhatian pembaca untuk membaca.<sup>294</sup>

---

<sup>293</sup> *Ibid.*

<sup>294</sup> *Ibid.*

### **3.4 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, sejarah pernah menyaksikan Singapura sebagai pusat percetakan dan penerbitan Melayu pada suatu ketika dahulu. Ini kerana bandar Singapura yang terletak strategik, menjadi tumpuan dan pusat perdagangan. Ketika itu, segala percetakan dan penerbitan Melayu berpusat di Singapura. Terdapat banyak akhbar dan majalah Melayu diterbitkan untuk dijadikan bahan bacaan ketika ini, termasuk majalah-majalah bercorak keagamaan seperti majalah Al-Imam, Neraca, Al-Islam dan Kehidupan Dunia dan Akhirat. Kebanyakan majalah yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua lebih bercorak keagamaan dan kerohanian. Namun sebaik sahaja selepas Perang Dunia Kedua, kecenderungan pembaca mula berubah dan bertumpu pada majalah yang berbentuk hiburan. Justeru, perlahan-lahan majalah yang bercorak keagamaan kian terhakis dengan kehadiran majalah-majalah yang bercorak hiburan yang menjadi minat dan permintaan pembaca. Maka, tidak banyak majalah berunsur keagamaan diterbitkan ketika itu. Antara majalah agama yang diterbitkan dalam periode tersebut ialah majalah Tawarikh, Al-Islam, Sinaran, Qalam dan Kehidupan pada tahun 1956. Kegemilangan Singapura ini sebagai pusat percetakan dan penerbitan mula terjejas, sebaik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan pusat penerbitan Melayu mula berpindah ke Kuala Lumpur. Oleh itu, tidak banyak majalah Melayu terutama majalah bercorak keagamaan yang diterbitkan di Singapura, berbeza ketika zaman kegemilangannya dalam dunia penerbitan Melayu. Namun begitu, badan-badan Islam di Singapura telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan majalah terbitan mereka, seperti majalah Nadi terbitan MUIS, majalah Risalah terbitan PERGAS dan majalah berbayar seperti *The Muslim Reader*, yang diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura.

## BAB 4

### PENDEKATAN DAKWAH MELALUI MAJALAH *THE MUSLIM READER*

#### 4.1 PENDAHULUAN

Firman Allah SWT dalam surah Az Zumar;

وَالَّذِينَ أَجْتَنَبُوا الظَّلَفُوتَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فَبَشِّرْ عِبَادٍ  
الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ  
فَيَتَبَعُونَ أَحْسَنَهُ<sup>١٧</sup> أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمُ أُولُو الْأَلْبَابِ<sup>١٨</sup>

Az Zumar: 17-18

Terjemahan: 17. dan orang-orang yang menjauhi Thaghut<sup>295</sup> (yaitu) tidak menyembah- nya dan kembali kepada Allah, bagi mereka berita gembira; sebab itu sampaikanlah berita itu kepada hamba- hamba-Ku,

18. yang mendengarkan Perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya.<sup>296</sup> Mereka itulah orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka Itulah orang-orang yang mempunyai akal.

Mesej dakwah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* dianalisis bagi memperoleh gagasan dan pemikiran dakwah yang cuba disampaikan oleh majalah *The Muslim Reader*, selari dengan matlamat dakwah yang ingin diperjuangkan oleh majalah *The Muslim Reader* dan Darul Arqam Singapura selaku penerbit utama majalah terbitan tahunan ini.

<sup>295</sup> Thaghut ialah syaitan dan apa saja yang disembah selain Allah s.w.t.

<sup>296</sup> Maksudnya ialah mereka yang mendengarkan ajaran-ajaran Al Quran dan ajaran-ajaran yang lain, tetapi yang diikutinya ialah ajaran-ajaran Al Quran karena ia adalah yang paling baik.

Analisis yang dijalankan ke atas majalah *The Muslim Reader* ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisis kandungan secara deskriptif bertema sebagaimana teori kajian. Analisis kandungan dilakukan dengan mengalisis artikel berdasarkan teori mesej dakwah yang terbahagi kepada isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa.

#### **4.2 MESEJ DAKWAH DALAM MAJALAH THE MUSLIM READER**

Majalah *The Muslim Reader* merupakan majalah tahunan yang berbentuk keagamaan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris oleh Darul Arqam bagi tujuan dakwah dan menggalakkan sikap membaca dalam kalangan masyarakat.

Menurut editor tersebut, Cik Aishah Hussein, majalah *The Muslim Reader* diterbitkan bagi menggalakkan sikap membaca dalam kalangan masyarakat Islam, menggalakkan celik huruf serta memperkenalkan konsep baru dan maklumat-maklumat yang berguna dan bermanfaat kepada saudara baru Islam.<sup>297</sup>

Atas tuntutan dakwah ini, maka majalah *The Muslim Reader* menyediakan pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan Islam kepada pembaca. Isi kandungannya disesuaikan dengan keadaan, masa dan keperluan pembaca. Setiap penerbitannya membawa pelbagai isu seperti isu akidah, syariah, akhlak dan juga isu Semasa. Namun, persoalan akhlak adalah antara isu yang paling diberi penekanan. Persoalan akhlak ini kerap dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* dengan memberi penekanan kepada aspek nilai-nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan pembaca. Selain itu, majalah *The Muslim Reader* juga berperanan memberi sokongan, dorongan dan motivasi kepada golongan

---

<sup>297</sup> Menerusi temubual bersama Aishah Hussein, (2016, July 26). Pegawai Eksekutif, Komunikasi Korporat, Editor Majalah *The Muslim Reader*. *Sejarah The Muslim Reader*. Singapura.

mualaf untuk mengamalkan gaya hidup Islam yang lebih sempurna, dengan kisah-kisah menarik yang dikongsikan oleh saudara baru Islam. Kisah-kisah ini bukan sahaja memberikan suntikan semangat kepada golongan mualaf malah turut menjadi inspirasi kepada masyarakat Islam. Oleh itu, mesej dakwah dianalisis dalam majalah *The Muslim Reader* bagi melihat pendekatan dakwah yang digunakan dalam majalah tersebut. Analisis dilakukan dengan membahagikan empat isu utama iaitu isu akidah, syariah, akhlak dan isu semasa sebagaimana Jadual 4.2

ISU AKIDAH	ISU SYARIAH	ISU AKHLAK	ISU SEMASA
<b>Syahadah</b> Syahadah kepada Allah SWT Syahadah Kepada Rasulullah SAW  <b>Sumber</b> <b>Islam</b> Al-Quran Al-Sunnah	<b>Mu'amalah</b> Hubungan antara masyarakat Hubungan dengan alam <b>Munakahat</b> Pembinaan keluarga <b>Kewangan</b> <b>Islam</b>	<b>Peribadi Muslim</b> Sifat dan Peribadi Muslim <b>Pembangunan</b> <b>Ummah</b> Pembangunan Minda Pembangunan Rohani	Isu Kalimah Allah Isu keganasan Isu ISIS

**Jadual 4.2: Mesej Dakwah dalam majalah *The Muslim Reader*.**

Jadual 4.2 ialah pendekatan isu yang dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* edisi satu dari tahun 2010 hingga 2015. Isu akidah yang diperkatakan melengkapi syahadah kepada Allah SWT dan syahadah kepada Rasulullah SAW berbanding perkara lain yang ada dalam rukun iman. Permasalahan mu'amalah pula membincangkan tentang persoalan

berhubung hubungan antara masyarakat, hubungan dengan alam, disamping persoalan munakahat yang diambil dari sudut pembinaan keluarga. Namun, persoalan kewangan Islam lebih ditekankan dan dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* berbanding *mu'amalah* dan munakahat. Manakala isu akhlak yang diperkatakan pula melengkapi isu pembentukan peribadi muslim dan pembangunan ummah yang dilihat dari aspek pembangunan minda serta pembangunan rohani. Berbeza dengan persoalan isu semasa, isu semasa yang dibincangkan adalah berkaitan dengan isu kalimah Allah, isu keganasan dan ISIS.

#### **4.2.1 ISU AKIDAH**

Dalam Koleksi Majalah *The Muslim Reader* jilid 29 yang diterbitkan pada tahun 2011, persoalan akidah amat diberi penekanan. Ini dapat dilihat dalam setiap rencana yang terdapat di dalamnya yang mana rata-ratanya membincangkan tentang kepercayaan.

Oleh kerana tema pada keluaran tersebut berkaitan dengan keyakinan dan kepercayaan yang bertujuan untuk memberikan sokongan dan dorongan kepada mualaf yang baru mendalami Islam, maka pelbagai kisah menarik dikongsikan oleh mereka yang telah memeluk Islam.

Melalui kisah-kisah ini, secara tidak langsung dapat memberikan semangat kepada golongan mualaf untuk lebih mendalami Islam dan mengamalkan gaya hidup Islam. Bahkan, ini juga mampu mengukuhkan lagi keimanan dan kepercayaan individu terhadap Islam. Menurut Ab Aziz Mohd Zin, persembahan dalam bentuk cerita merupakan satu bentuk persembahan isi dakwah. Bentuk tersebut sangat sesuai digunakan untuk

mempengaruhi sasaran, kerana cerita disukai oleh masyarakat seluruhnya.<sup>298</sup> Oleh itu, cerita dijadikan satu *uslub* dakwah yang penting.

Persoalan akidah ini disampaikan melalui kisah-kisah menarik mengenai perjalanan saudara-saudara baru Islam dalam menemui kebenaran. Setiap saudara baru Islam mempunyai kisah yang berbeza-beza yang membawa mereka kepada Islam. Kisah pengislaman mereka ini didorong oleh keyakinan yang kuat kepada Allah SWT dan kefahaman mengenai Islam. Menurut Cik Aishah Hussein:

*Every individual is motivated by different reasons- some by a simple reason, some by "miraculous" experiences, and some by combination of reasons. The best way for me to relate to this is by imagining that their realisation of Islam is similar to those sparks that produce the reaffirmation of my faith and further understanding of Islam and Allah (SWT).*<sup>299</sup>

Persoalan akidah ini amat ditekankan dengan penegasan bahawa Islam ialah sebuah agama yang benar, penuh rahmat, keadilan, kasih sayang dan logik. Perasaan ini dikongsikan oleh seorang mualaf yang melahirkan rasa keyakinannya yang kuat kepada Islam. Akuan ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

*I saw clearly that Islam was a religion of justice, mercy, logic, and the reason. I decided at this point that if I was serious about being a muslim.*<sup>300</sup>

Petikan ini memperlihatkan keyakinan seorang mualaf mengenai agama Islam yang dianutinya. Agama Islam dilihat sebagai sebuah agama yang komprehensif dan selaras dengan fikiran dan fitrah manusia. Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Sebagaimana firman Allah SWT;

---

<sup>298</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 154.

<sup>299</sup> *Ibid.*

<sup>300</sup> Meredith cox, *Feeling Islam*, TMR, Volume 29, Isu no.1, 2011, 11

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْيَسْلَمُوا وَمَا أَحْتَافَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا  
بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرُ بِأَيْتَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٦﴾

Ali 'Imran: 19

Terjemahan: Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam.

Penekanan aspek dari sudut akidah ini merangkumi syahadah ketauhidan Allah SWT dan syahadah kerasulan Nabi Muhammad SAW

**Syahadah Ketauhidan Allah SWT:** Penyaksian kepada kekuasan Allah dan keesaan Allah SWT akan membina kekuatan akidah umat Islam dan mampu membina kekuatan iman.<sup>301</sup> Sesungguhnya Islam adalah sebuah agama yang mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT. Tiada tuhan selain Allah. Sebarang percanggahan dengan akidah ditolak dengan tiada kompromi. Justeru, adalah menjadi kewajipan seorang mukmin untuk mempunyai keyakinan yang teguh kepada Allah SWT. Persoalan akidah ini dapat dilihat dan difahami melalui perasaan dan penjelasan penulis Ismail Song mengenai agama Islam yang dianutinya;

*What struck me most about the Religion was that of the uncompromising monotheistic nature of God. One meant one, not 3-in-1 or 1-in-3. The godhead in Islam is simple. It does not teach people to believe in god incarnate.*<sup>302</sup>

Petikan tersebut menjelaskan Islam ialah sebuah agama yang membawa kepada kepercayaan pada tuhan yang satu dan ini menjadikannya berbeza daripada agama yang lain. Justeru, keyakinan terhadap Allah SWT bermakna yakin bahawa Allah SWT itu satu dan tiada dua mahupun tiga. Selaras dengan firman Allah SWT;

<sup>301</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, 102.

<sup>302</sup> Ismail Song (Joseph Song), *Embracing and Keeping The Faith*, TMR, Volume 29, Isu no.1, 2011, 17

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ إِنَّ اللَّهَ الْأَصَمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۝

Al-Ikhlas: 1-4

Terjemahan: Katakanlah: "Dia-lah Allah, yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan, dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia."

Keindahan akidah Islam ini dapat dilihat dalam komunikasi dan perhubungan seorang hamba dengan Tuhannya tanpa memerlukan perantaraan mahupun pihak ketiga. Seorang mukmin hanya perlu berkomunikasi langsung dan bermunajat kepada Allah SWT dan bukan melalui perantaraan atau pihak lain. Keyakinan akan keesaan Allah SWT dapat dilihat melalui keakraban seorang hamba dengan Tuhannya melalui komunikasi tanpa halangan. Dalam petikan berikut dijelaskan:

*"The way I understand the oneness of Allah (SWT) is that closeness when you are able to communicate with Him without any barriers. It is between you and Him. You do not need a third party, a temple or church or anybody to be the in-between. The beauty of it is awesome."<sup>303</sup>*

Justeru, Islam menolak sebarang bentuk perbuatan syirik, iaitu meminta kepada selain Allah SWT dan mempercayai kuasa lain selainNya. Islam amat menekankan ketauhidan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT;

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ ۝ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۝ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ۝

an-Nisa: 48

<sup>303</sup> Abdul Halim, *Leap of Faith*, TMR, Volume 29, Isu.no.1, 2011, 69.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang memperseketukan Allah, Maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid ke-30 keluaran 2012, persoalan akidah dibincangkan melalui perbincangan mengenai kejadian alam semula jadi. Penulis menjelaskan bahawa setiap kejadian alam merupakan bukti kekuasaan Allah. Jelas penulis:

*Things of Nature are like the glittering stars, becoming reflections of the source that supplies their presence, which is God. They are called ‘Ayat’, or ‘signs because in them, contain the meanings, messages, and wisdoms of what they mean to humanity. They also act as a bridge that leads the human intellect back to God.*<sup>304</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid ke-31 yang diterbitkan pada tahun 2013 pula, penekanan persoalan akidah dilihat dalam petikan yang membicarakan tentang hari akhirat. Sesungguhnya dunia ini hanya sementara dan tiada yang kekal di dalamnya. Apabila membicarakan soal akidah, perbincangan juga merangkumi kepercayaan pada hari akhirat dengan keimanan, kerana ciri ini merupakan salah satu daripada rukun Iman. Justeru, mentauhidkan Allah juga bererti beriman kepada hari akhiratnya. Sebgaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah;

\* لَيْسَ اللَّهُ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةَ

..... وَالْكَتَبِ وَالنَّبِيِّينَ

Al-Baqarah: 177

<sup>304</sup> Yamin Cheng, *All of nature speaks of God*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 7.

Terjemahan: "bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebijakan, akan tetapi Sesungguhnya kebijakan itu ialah beriman kepada Allah, hari Kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi ...."

Oleh itu, dalam majalah keluaran 2012 tersebut, penulis menyeru pembaca untuk melihat dengan mata dan hati dan merenungkan perkara yang dapat membawa kepada kebaikan di hari kemudian.

Menurut penulis, Waffie Mohammed, *Allah (SWT), the Creator of every single thing, says that this world is 'but goods and chattels of deception'. Inevitably, we will leave the physical world and we are all returning to Him. If we would like to have a beautiful meeting with Him, take a look at what is in the world that could make that meeting happen.*<sup>305</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid ke-33 yang diterbitkan pada tahun 2015, persoalan mengenai ketauhidan kepada Allah SWT turut ditekankan. Sesungguhnya tiada kompromi dalam persoalan akidah. Ini kerana, menjadi kewajipan bagi seorang mukmin untuk meletakkan sepenuh keyakinan dan kepercayaan bahawa tiada Tuhan yang disembah selain Allah. Bahkan tujuan kehidupan manusia di dunia juga tidak lain dan tidak bukan hanya untuk mentauhidkan Allah SWT dan mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah. Ini jelas dapat dilihat dalam petikan berikut:

*This right is a trust from Allah (SWT) and man is a trustee who should handle the trust with honesty and skill, with mindfulness to Allah (SWT) and with consciousness of the responsibility to Him, under the guidance of the Quran and the Sunnah (deeds, words and approvals) of Prophet Muhammad (SAW).*<sup>306</sup>

Maka, tujuan utama kehidupan manusia di dunia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Selaras dengan firman Allah SWT;

<sup>305</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Volume 31, Isu.no 1, 2013, 6

<sup>306</sup> *The Right to life in Islam*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2016, 28.

وَمَا حَلَقْتُ أَجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥﴾

Adh-Dhariyat: 56

Terjemahan: dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku.

Keyakinan kepada Allah SWT ini bukan sahaja mengenai pengabdian dan puji-pujian yang dilafazkan di mulut sahaja, tetapi juga menuntut manusia untuk menjalankan segala tuntutan yang disuruh oleh Allah SWT dan menjauhkan diri daripada segala yang ditegah olehNya. Persoalan akidah ini merangkumi keimanan dan kelakukan yang berpandukan al-Quran dan Sunnah. Firman Allah SWT;

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَنْجِعُوا أَلْئَلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ يَهُ لَعَلَّكُمْ تَتَفَقَّونَ ﴿١٥﴾

تَتَفَقَّونَ

Al-An'am: 153

Maksud: dan bahwa (yang Kami perintahkan ini) adalah jalanKu yang lurus, Maka ikutilah Dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain)[152], karena jalan-jalan itu mencerai beraikan kamu dari jalanNya. yang demikian itu diperintahkan Allah agar kamu bertakwa.

Dalam petikan selanjutnya, penulis menjelaskan betapa perlunya manusia berpegang teguh kepada akidah dan melaksanakan segala tanggungjawab sebagai seorang yang beriman. Penulis Meryem Chin menjelaskan dalam artikel bertajuk *The dilemma of Da'wah*;

*The key to worshipping Allah (SWT) is not limited to praises and supplications to Him that flow out of our mouths during our daily prayers; the key also include the commitment to carry out what He has ordained for us and keep ourselves distant from what He has cautioned us. We should plant the fear of doing such unwanted acts because it causes displeasure to our Creator. The Prophet (SAW) presented an analogy that a believer, when he sins, should feel fear as though a mountain was to fall on him.<sup>307</sup>*

Persoalan mengenai ketauhidan Allah SWT ini jelas dan nyata. Tiada kompromi dalam persoalan tersebut. Islam amat tegas dalam persoalan akidah. Sesungguhnya tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah. Mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah adalah dengan mempercayaiNya dan RasulNya. Ini ditekankan dalam petikan berikut:

*There is absolutely no deity worthy of worship except Allah, and Muhammed is the Messenger of Allah. That is actually the basic reason why we are following this – to submit to Allah (SWT) alone.<sup>308</sup>*

Dalam petikan tersebut, penulis menjelaskan dengan tegas bahawa sesungguhnya tiada yang layak disembahkan melainkan Allah SWT dan sesungguhnya Nabi Muhammad SAW ialah utusan Allah kepada manusia dengan berbekalkan keyakinan yang teguh dan kepercayaan terhadap kekuasaan Allah yang tiada tandingaNya. Sebagaimana Firman Allah SWT;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذْ أَنْتُمْ عَلَىٰ رَسُولِنَا وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِنَا وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ اللَّهُ أَنَّ فَقِيلٌ وَمَنْ

يَكُفُرُ بِاللَّهِ وَمَلَئِكَتِهِ وَكُبُرُهُ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعِيدًا

An-Nisaa' : 136

<sup>307</sup> Sharifah Nabil, *Hate The Sin not the sinner*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2015, 53

<sup>308</sup> Meryem Chin, *The Dilemma of Da'wah*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2016, 74.

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman, tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada Rasul-Nya serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya. Barangsiapa yang kafir kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari Kemudian, Maka Sesungguhnya orang itu telah sesat sejauh-jauhnya.

Malah para nabi dan rasul membawa mesej yang sama, iaitu mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT dan melakukan segala yang diperintahkanNya. Kesemua nabi berjuang menegakkan agama Allah di muka bumi dan membimbing manusia ke jalan yang benar, iaitu Islam yang membawa makna kedamaian. Oleh itu, hanya melalui Islam, hidup menjadi aman. Ini jelas dapat difahami melalui penjelasan penulis, Meryem Chin,

*Indeed, according to the Islamic faith, Islam is the zenith of the divine or revealed teachings (of all the prophets down the ages) that started from Prophet Adam (AS), the first prophet of God, and completed by Prophet Muhammad (SAW), the final prophet. Between these two prophets, there were hundreds of other prophets of God sent to all nations and tribes with every one of them giving the same fundamental Islamic instruction: Serve God and be righteous. With the completion of the way of life for all mankind, comes Islam, the divine name as given by God in the Quran. Islam, in its core, means peace. When a person observes Islam seriously, his life will be at peace, his actions will motivate righteousness and his environment.<sup>309</sup>*

Petikan tersebut menjelaskan kesemua rasul dan nabi membawa mesej yang sama iaitu ketauhidan Allah SWT. Mereka memikul tugas dalam menyampaikan dakwah dan mengajak manusia kepada kebenaran, iaitu Islam. Oleh itu, menjadi tanggungjawab umat Islam untuk melalui kehidupan berlandaskan ajaran Islam yang berpegang teguh pada ketauhidan Allah SWT dan melakukan kebaikan di dunia agar memperoleh kebaikan di akhirat.

---

<sup>309</sup> *Ibid.*

**Syahadah Kerasulan Nabi Muhammad SAW:** Persoalan akidah mencakupi keimanan kepada Allah SWT dan keimanan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah yang ditugaskan untuk membimbing manusia ke jalan yang benar. Firman Allah SWT;

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿١﴾

Al-Ahzab: 40

Terjemahan: Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapak dari seorang laki-laki di antara kamu, tetapi Dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi. dan adalah Allah Maha mengetahui segala sesuatu.

Oleh itu, dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2011, penulis Dr. Adam Abdullah telah menolak pandangan yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad membawa satu ajaran yang baru. Sesungguhnya Nabi Muhammad ialah seorang utusan Allah yang terakhir yang membawa mesej ketuhanan, iaitu mentauhidkan Allah SWT, sebagaimana yang telah dibawa oleh para Nabi dan Rasul sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

*The important point is that Muhammad (SAW) was simply the last in a long line of Prophets of the same monotheistic message. His prophethood was necessitated in that previous statements of the message had been (deliberately or unintentionally) misinterpreted, adultered, or lost. Muhammad (SAW) himself stressed frequently that he was not preaching a new faith. In the Quran, God tells Muhammad (SAW) to say: "I am no bringer of new-fangled doctrine..." (Al-Ahqaf, 46:09).<sup>310</sup>*

<sup>310</sup> Pascal's Wager, TMR, Vol.29, Isu.no 1, 2011, 36.

Malah, bagi kehidupan muslim, Rasulullah dilihat sebagai rujukan dalam kehidupan. Selaras dengan firman Allah SWT;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Al-Ahzab: 21

Maksud: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut Allah.

Pengakuan terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW dapat dilihat dalam petikan majalah TMR tahun 2013 :

*For Muslims, Prophet Muhammad (SAW) is a special ancestor. True, he is the Messenger of God, but more significantly, he is the role model for mankind.<sup>311</sup>*

Nabi Muhammad SAW bukan sahaja merupakan utusan terakhir Allah, malah baginda SAW juga dilihat sebagai rujukan dan mentor dalam kehidupan sehari-hari. Meskipun Rasulullah SAW telah lama meninggal dunia, namun segala apa yang diajarnya masih diteruskan dalam kehidupan sehari-hari muslim. Segala tunjuk ajar, bimbingan dan sunnahnya diamalkan dari generasi ke generasi. Ini dijelaskan dalam petikan berikut:

*Although the Prophet (SAW) has passed away from this world a long time ago, his teachings, nevertheless, have been faithfully handed down from generation to generation, to the extent that they have become the foundation of the Muslim civilisation.<sup>312</sup>*

<sup>311</sup> Yamin Cheng, *Stepping into Islam*, TMR, Vol.31, Isu no.1, 2013, 11.

<sup>312</sup> Ibid.

Oleh itu, umat Islam perlu berpegang pada dua asas utama, iaitu beriman kepada Allah yang menjadi titik tumpuan terhadap ibadah, ketaatan, berzikir, inspirasi, dan bimbingan serta yang kedua pada Rasulullah, yang mana ajarannya dijadikan rujukan dalam kehidupan seharian.

**Sumber Islam :** Umat Islam telah dibekalkan dengan dua sumber utama yang menjadi pegangan dalam kehidupan, iaitu al-Quran dan hadis. Kedua-dua sumber ini ialah khazanah yang ditinggalkan oleh Rasullah SAW kepada umat Islam agar manusia sentiasa berpegang kepadanya untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.<sup>313</sup> Malah kedua-dua sumber ini merupakan sumber yang diakui kebenarannya dan terpelihara daripada sebarang perubahan atau tokok tambah. Keistimewaan kedua-dua sumber ini terletak kepada keasliannya, teguh dan konsisten. Dalam majalah TMR 2011, penulis ada menjelaskan tentang keistimewaan yang baginya terdapat pada al-Quran dan hadis. Jelasnya:

*Two things in particular. Firstly that all the principles of Islam are set down in black-and-white in the Quran and Hadith and that the historical origins of these works are well established, they are internally consistent, they do not appear to have been altered over the centuries, etc.*<sup>314</sup>

Dalam petikan majalah *The Muslim Reader* tahun 2013 ada menjelaskan tentang keistimewaan al-Quran yang juga dilihat sebagai sebuah kitab yang sempurna yang merangkumi pelbagai ilmu pengetahuan di dalamnya, serta dijadikan sebagai rujukan dan bimbingan dalam kehidupan manusia. Keistimewaan al-Quran tiada tandingannya dan tiada siapa dapat menghasilkan kitab yang begitu kaya dengan keindahan bahasa dan kemantapan isi seperti al-Quran. Ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran terdiri dari kalimah Allah yang menjadi bimbingan dan petunjuk kepada manusia. Seorang Muslim

<sup>313</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 108.

<sup>314</sup> Pascal's Wager, *TMR*, Volume 29, Isu no.1, 2011, 36.

yang menyatakan keimanannya kepada Allah secara langsung beriman juga kepada kitab Allah iaitu Al-Quran. Justeru, kemantapan akidah juga merangkumi ketauhidan pada Allah dan kepercayaan pada kitabNya dengan penuh keimanan. Keistimewaan al-Quran sebagai sebuah kitab yang sempurna telah digambarkan dalam petikan berikut:

*The Holy Quran is a beautiful book. Indeed it is very comprehensive too. Allah (SWT) says that if all the human beings and djinns are to combine their resources to produce a book like it, they will not be able to do so; even if they strengthen their resources over and over.<sup>315</sup>*

Malah isi kandungan dalam al-Quran juga mencakupi pelbagai sudut yang membawa manfaat kepada manusia. Terdapat banyak petunjuk dari pelbagai aspek kehidupan yang boleh didapati dalam al-Quran;

*The message of the Quran has many dimensions, and it contains so many benefits for human beings that we really cannot comprehend all of it. There are many shades of meaning in every message of the Quran – such as literal, moral, spiritual, etc. – and any dimension of the meaning you take, there is a message for us to learn and explore.<sup>316</sup>*

Kedua-dua petikan tersebut menjelaskan keistimewaan Al-Quran. Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk terus mempelajari dan mengkaji isi kandungan yang terdapat dalam al-Quran agar beroleh kebaikan di dunia dan akhirat.

Umat Islam telah dibekalkan dengan dua sumber yang diakui sebagai petunjuk dalam kehidupan. Rasulullah telah sering kali memberi peringatan kepada umatnya agar berpegang teguh kepada dua sumber Islam iaitu al-Quran dan hadis agar selamat dunia akhirat. Ini dapat dilihat dalam petikan selanjutnya:

*The Prophet has, time and again, reminded the people that two things are important so that with them, harmony and peace will come to their life. These are, the ‘Word of God,’ i.e. the Quran, and the Prophet’s teachings and life practice of the Quran, called Sunnah. On this*

<sup>315</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Vol.31, Isu.no1, 2013, 4.

<sup>316</sup> *Ibid.*

*account, the Prophet (SAW) said, “I have left you two things that, if you hold onto them strongly, you will never go astray. These are the ‘Word of God’ and my Sunnah.”<sup>317</sup>*

Ini selaras dengan firman Allah SWT;

يَتَكَبَّرُ الَّذِينَ ءاْمَنُوا اَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مُنْكَرٌ فَإِن تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ حَيْثُ وَاحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٤٦﴾

An-Nisa' : 59

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. kemudian jika kamu berlainan Pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Oleh itu, penekanan persoalan akidah tidak sahaja mencakupi syahadah mentauhidkan Allah SWT, tetapi juga syahadah Kerasulan Nabi.

#### 4.2.2 ISU SYARIAH

Selain mesej akidah, mesej syariah juga disentuh dalam majalah *The Muslim Reader*. Ini selaras dengan tujuan majalah *The Muslim Reader* iaitu menyampaikan dakwah dan maklumat-maklumat berkaitan agama kepada pembaca terutama mualaf. Sepertimana yang dinyatakan editor majalah *The Muslim Reader*, Cik Aishah Hussin, bahawa majalah

<sup>317</sup> Yamin Cheng, *Stepping into Islam*, TMR, Vol.31, Isu no.1, 2013, 11.

ini diterbitkan bagi menggalakkan sikap membaca dalam kalangan masyarakat Islam, menggalakkan celik huruf serta memperkenalkan konsep baru dan maklumat-maklumat yang berguna dan bermanfaat kepada saudara baru Islam.<sup>318</sup>

Umat Islam digesa supaya melalui kehidupan berlandaskan al-Quran dan sunnah, kerana kedua-dua sumber tersebut merupakan rujukan utama dalam kehidupan. Menjadikan Islam sebagai jalan kehidupan, bermakna kita menerima segala prinsip yang telah ditetapkan dalam al-Quran selain menurut segala perintah dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah buat manusia. Firman Allah SWT;

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْحُبْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٤٦﴾

Al-Ahzab: 36

Terjemahan: dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. dan Barangsiapa mendurhakai Allah dan Rasul-Nya Maka sungguhlah Dia telah sesat, sesat yang nyata.

Oleh itu, seorang mukmin wajib mematuhi segala yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya. Selain itu, keimanan seseorang tidak hanya bergantung kepada pengabdian seorang hamba kepada TuhanNya semata-mata, malah seorang yang mengakui keimanannya kepada Allah SWT akan memastikan dirinya menjalankan segala yang

<sup>318</sup>Temubual bersama Aishah Hussein, Pegawai Eksekutif, Komunikasi Korporat, Editor Majalah *The Muslim Reader*, Darul Arqam Singapura, Bangunan Darul Arqam Singapura, 26 July 2016.

disuruh dalam Islam dan meninggalkan segala larangan demi mendapatkan keredhaan Allah SWT sekaligus mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Ini dapat difahami melalui petikan dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2015. Jelas penulis:

*The key to worshipping Allah (SWT) is not limited to praises and supplications to Him that flow out of our mouths during our daily prayers; the key also include the commitment to carry out what He has ordained for us and keep ourselves distant from what He has cautioned us. We should plant the fear of doing such unwanted acts because it causes displeasure to our Creator. The Prophet (SAW) presented an analogy that a believer, when he sins, should feel fear as though a mountain was to fall on him.*<sup>319</sup>

Justeru, persoalan syariah turut dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* selaras dengan tujuan majalah itu diterbitkan iaini bagi tujuan dakwah semata.

**Mu'amalah:** *Mu'amalah* bererti perhubungan. Namun apa yang dimaksudkan di sini ialah perhubungan manusia dengan manusia yang berjalan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Dalam erti kata lain, *mu'amalah* ialah tatacara dan peraturan dalam perhubungan manusia sama manusia dengan mengikut garis panduan dan prinsip yang telah ditetapkan dalam agama, iaitu syariah.<sup>320</sup> Segala bentuk aktiviti kehidupan seharian manusia ini berpandukan dengan syariah. Ini merangkumi hubungan antara peribadi, hubungan dengan masyarakat, hubungan dengan pemimpin, hubungan dengan ulama, hubungan antarabangsa, hubungan dengan alam sekitar dan sebagainya.<sup>321</sup>

Dalam majalah keluaran jilid 28 yang diterbitkan pada tahun 2010, antara persoalan muamalah yang diselitkan dalam rencana tersebut adalah mengenai isu hubungan manusia

<sup>319</sup> Sharifah Nabila, *Hate the sin not the sinner*, TMR, Vol.33, 2015-2015, 53.

<sup>320</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 112.

<sup>321</sup> *Ibid.*

dengan masyarakat. Dalam rencana yang bertajuk "Respect and Humility for Our Differences" ini secara tidak langsung menyentuh kepentingan hidup bermasyarakat. Allah SWT telah menjadikan manusia daripada pelbagai latar belakang yang berbeza adalah untuk saling kenal mengenal. Bahkan, Islam sendiri menganjurkan umatnya untuk menjaga perhubungan manusia sesama manusia disamping menitik beratkan soal hubungan dengan Allah SWT. Justeru, amatlah penting menjalani kehidupan majmuk ini dengan sikap saling hormat menghormati dan mewujudkan persefahaman agar perpaduan dapat terbina. Ini sekaligus menjadikan kehidupan lebih harmoni. Penulis menjelaskan:

*Islam uphold diversity. The diversity in serving various functions and the pertinence in serving the diverse needs of the society should not be undermined. Islam does not judge one merely through the function mechanism that a person occupies. Instead, the manner in which they execute the function would determine their position in the eyes of Allah. The premise for judging one's self as a Muslim is clearly stated in the Quran. "Indeed, the best amongst you in the eye of Allah is the most God-fearing among you" (Al-Hujurat, 49:13).<sup>322</sup>*

Ini selaras dengan firman Allah SWT;

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَاهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ

مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبَّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-An'am : 108

Terjemahan: dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan Setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka.

<sup>322</sup> Hafiz Kusairi, *Respect and Humility for our differences*, TMR, Vol.28, Is.no 1, 2010, 9.

kemudian kepada Tuhan mereka kalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.

Makanya, Islam melarang keras umatnya mencaci atau menghina pengikut agama lain. Malah, Islam amat menekankan kepentingan menghormati sesama sendiri dan mengamalkan keadilan. Firman Allah SWT;

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوكُمْ فِي الْأَدِينَ وَلَمْ تُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

آلْمُقْسِطِينَ

Al-Mumtahanah: 8

Maksud: Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan Berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang Berlaku adil.

Berkait dengan **sistem kewangan Islam** pula, perbincangan mengenai kewangan Islam ada dimuatkan dalam majalah keluaran tahun 2014. Dalam rencana bertajuk, '*Islamic Finance*', isu-isu kewangan Islam, masalah riba, insuran dan sebagainya dijelaskan dalam rencana tersebut.

Penulis bagi rencana tersebut, Umar Munshi menjelaskan bahawa kewangan Islam merupakan sebuah sistem yang berlandaskan syariah dan mengikut segala garis panduan yang ditetapkan di dalam al-Quran dan juga hadis. Jelasnya:

*The basics of Islamic Finance made a lot of sense to me - beyond logic, it is based on divine wisdom and prophetic tradition. Islam has given us the perfect approach to money, business and the economy. If we had kept things true to our principles, we probably would not have so much injustice and inequity in this world.*<sup>323</sup>

Malah, kewangan Islam juga tidak terlibat dengan mana-mana perkara haram dan syubhah. Sistem hanya berlandaskan apa yang digariskan dan ditetapkan dalam Islam. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*Islamic Finance does not engage in haram (prohibited) or socially undesirable business activities. Our money is an amanah (trust), as it is a blessing from Allah (SWT). It is thus our duty to use it only for good.*<sup>324</sup>

Selanjutnya penjelasan mengenai riba dikupas, dengan merujuk kepada yang pakar, iaitu seorang ulama dalam bidang kewangan Islam serta penasihat syariah, iaitu Ustaz Haron Akhtar bagi menjelaskan dengan lebih mendalam. Ustaz Haron menjelaskan bahawa riba membawa kesan yang buruk kepada kehidupan. Kesan riba ini dijelaskan dalam petikan berikut:

*“Seeking wealth and becoming rich through halal (permissible) means is encouraged in Islam, but to attain wealth by causing burden to humanity is in conflict with the spirit of brotherhood which Islam emphasises on. Riba is the major cause of inflation, which causes great trauma and depression and it also puts losses to the borrowers rather than sharing profits and losses. The list of evils of riba goes on... riba is not just evil, it is definitely the greatest evil to humanity!”.*<sup>325</sup>

Ini selaras dengan firman Allah SWT yang mengharamkan riba;

يَعِيشُهَا الظَّالِمُونَ إِمْتُنُوا لَا تَأْكُلُوا أَرْبَوًا أَضَعَفًُا مُضَعَّفًا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣﴾

Ali-Imran: 130

<sup>323</sup> Umar Munshi, *Islamic Finance from a Singaporean Perspective*, TMR, Vol.31, Isu.no 1, 2014, 12.

<sup>324</sup> *Ibid.*

<sup>325</sup> *Ibid.*,13.

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan Riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan.

Oleh itu, sebarang bentuk riba diharamkan dalam Islam. Selanjutnya sistem kewangan dan ekonomi Islam ini terus dibincangkan dalam rencana bertajuk "*Implications of Islam on the Economic Sphere*". Penulis Hyder Gulam menjelaskan Islam menekankan aspek keadilan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini juga termasuk dalam sistem kewangan dan ekonomi. Aspek dapat difahami melalui petikan berikut:

*Islam seeks to create a society where justice is paramount and there is a proper perspective and sensible restraint on unbridled wealth and the quest for greater profits. The economic sphere of Islam has two principal purposes: to combat poverty and provide for a just and equitable distribution of wealth. This sphere attempts to achieve this through a variety of voluntary and mandatory distributive mechanisms.<sup>326</sup>*

Seterusnya dalam majalah *The Muslim Reader* jilid ke-33 yang diterbitkan pada tahun 2015, persoalan mengenai kewangan dan ekonomi Islam ada dibincangkan. Terdapat rencana yang bertajuk "*Economic Inclusion Trough Islamic Microfinance*" yang ditulis oleh Syed Hassan Al-Sagoff. Rencana ini memberi ilmu pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sistem kewangan Islam. Pembaca secara tidak langsung dapat menambahkan lagi pengetahuan mereka mengenai dunia kewangan Islam melalui rencana tersebut. Dalam petikan tersebut dijelaskan dengan lebih mendalam mengenai sistem "Pembiayaan Mikro Islam" atau dikenali sebagai '*Islamic Microfinance*'. Penulis menjelaskan bahawa sistem ini bersandarkan larangan riba dalam Islam:

*Islamic Microfinance is based on the prohibition of interest which stem from the verse from the Quran, “They say “Trade is (just) like interest.” But Allah has permitted trade and has forbidden interest. (Al-Baqarah, 02:275).<sup>327</sup>*

---

<sup>326</sup> Hyder Gulam, *Implications of Islam on the Economic Sphere*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 33.

<sup>327</sup> Syed Hassan Al Sagoff, *Economic Inclusion trough Islamic Finance*, TMR, Vol.33, Isu no.1, 2015-2016, 25.

Malah, penulis menjelaskan sistem '*Islamic Microfinance*' ini sesuai untuk meningkatkan kebajikan golongan miskin. Tegasnya:

*Islamic Microfinance institutions are well-suited to improve the welfare of the poor and achieve what conventional microfinance initially set out to do - Alleviate Poverty.*<sup>328</sup>

Selain institusi kewangan mikro Islam yang dibincangkan, persoalan wakaf juga turut dibincangkan dalam rencana selanjutnya yang bertajuk '*Muslim Philanthropy In Waqf: Its attributes and Advantages*'.

'*Philanthropy*' atau dikenali sebagai derma ini terbit daripada perasaan ihsan dan kasih serta keperhatinan terhadap orang lain. Penulis menjelaskan kebaikan wakaf yang dilihat sebagai salah satu bentuk sedekah dan ini merupakan salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jelasnya:

*Waqf is an important form of sadaqah jariyah and is a way to become closer to Allah (SWT). Waqf is the act of dedicating one's property (back) to Allah (SWT) where the property is kept intact and its benefits are used according to the wishes of the donor for persons or a group of persons specified by the donor.*<sup>329</sup>

Penulis secara tidak langsung memberi galakan kepada pembaca untuk mengamalkan sikap suka menderma dalam diri, kerana sifat ini bukan sahaja untuk individu yang memberi tetapi turut memberi manfaat kepada yang menerima.

Selain daripada sistem kewangan Islam yang dibicarakan dalam majalah *The Muslim Reader*, pada tahun 2014, isu berkaitan **Fiqh Wanita** turut juga disentuh melalui rencana yang membincangkan soal hijab dan menutup aurat. Ini sekaligus memberi penjelasan dan bimbingan yang jelas kepada pembaca tentang hijab, terutama untuk golongan mualaf yang ingin memahami makna dan tujuan hijab. Penulis menjelaskan

<sup>328</sup> *Ibid*, 27.

<sup>329</sup> Sharifah Zubaidah, *Muslim Philanthropy in Waqf: Its attributes and advantages*, *TMR*, Vol.33, Isu.no1, 2015-2016, 99.

hakikat memelihara dan menjaga aurat yang dilihat sebagai salah satu cara mempraktikkan ajaran Islam . Ini dengan jelas dinyatakan :

*The hijab is part of observing the practices of Islam as Islam is a wholesome way of living that includes believing in Allah (SWT) and obeying His commands in every aspect of social life. Hijab is part of righteousness that enhances one's spiritual purity. Islam teaches people to have faith in Allah (SWT) and carry out His commands: believe and practise righteousness.*<sup>330</sup>

Justeru, setiap wanita Islam digesa untuk menjaga aurat mereka sepetimana yang dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT;

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُل لَا زَوْجُكَ وَنَسَاتُكَ وَنِسَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِيْنَ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَ فَلَا يُؤْذِنَ

وَكَاتَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Al-Ahzab: 59

Yang bermaksud: Hai Nabi, Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak di ganggu. dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Justeru, adalah menjadi satu kewajiban wanita menutup aurat kerana ia adalah merupakan satu tuntutan dan perintah Allah SWT yang termasuk di dalam al-Quran.

Berbicara mengenai *mu'alamah*, bahagian ini juga mencakupi **hubungan manusia dengan alam**. Islam adalah sebuah agama yang membawa kepada perdamaian. Oleh itu,

<sup>330</sup> Shaik Kadir, *The Hijab way of guarding modesty*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 29.

Islam amat menitik beratkan hubungan manusia dengan alam. Maka, menjadi tanggungjawab manusia untuk menjaga dan memelihara alam yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Amanah ini harus dipikul dengan baik dengan berlandaskan apa yang telah diajarkan dalam Islam. Ini dikupas dalam rencana bertajuk '*Saving One Life is Like Saving Whole Mankind*' yang diterbitkan pada tahun 2015. Dalam rencana yang ditulis oleh Shaikh Kadir, penulis menjelaskan Islam melarang keras umatnya memperlakukan perkara sewenang-wenangnya kepada binatang, ini termasuklah larangan menyiksa dan membunuh mereka. Ini dijelaskan dalam petikan berikut:

*In Islam, torturing, or killing of animals for entertainment or sport, like in cock-fights, bull-fights, and rodeos, as well as cruelty to animals in whatever way, like depriving them of food or keeping them in a small and confined place, are haram (prohibited). No animal ought to be abused for fun or killed for entertainment. In Islam, even when one kills a permitted animal for food, the animal must be killed in the Islamic way (without making the animal suffer or go through fright and pain) for the meat to be deemed halal (permitted for consumption).*<sup>331</sup>

Bukan sahaja binatang, malah Islam juga melarang keras pembunuhan dan kekerasan yang dilakukan ke atas manusia. Perbuatan ini dianggap bercanggah dengan ajaran Islam yang terkenal membawa kepada perdamaian dan keharmonian. Ini dijelaskan dalam petikan selanjutnya:

*Islam considers all life forms as sacred but the life of human beings is even more precious. Thus, the killing of any human being, except by the decision of the court of law of the country concerned, is a hideous act; it is un-Islamic and is a crime.*<sup>332</sup>

Oleh itu, sebarang bentuk keganasan ditolak dan semuanya bertentangan dengan ajaran Islam:

<sup>331</sup> Shaik Kadir, *Saving one life is like saving the whole mankind*, TMR, Vol.33, Isu.no.1,2015-2015,77.

<sup>332</sup> *Ibid.*

*Violence is against Islam - because in a violent situation, people, both the perpetrators and the innocent bystanders, would be hurt or killed. The living condition of their family members of both sides would also suffer.*<sup>333</sup>

Ini selaras dengan Firman Allah SWT yang mengharamkan pembunuhan. Malah membunuh manusia dengan tanpa alasan yang dibenarkan oleh syari'at merupakan dosa besar. Allah SWT berfirman;

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِ سُلْطَانًا فَلَا يُسْرِفْ فِي الْقَتْلِ

إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا ﴿١٣﴾

Al-Isra' : 33

Yang bermaksud: dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar dan Barangsiapa dibunuh secara zalim, Maka Sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan.

Oleh itu, seorang Muslim harus melakukan kebaikan kepada semua, tidak kira binatang, alam mahupun dalam kalangan manusia sendiri. Firman Allah SWT;

\* لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَى وَزِيَادَةً وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهُهُمْ قَتْرٌ وَلَا ذَلَّةٌ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٦﴾

Yunus: 26

---

<sup>333</sup> *Ibid.*, 78.

Terjemahan: bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik dan tambahannya. dan muka mereka tidak ditutupi debu hitam dan tidak (pula) kehinaan. mereka Itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya.

Perbincangan mengenai hubungan manusia dengan binatang turut dibincangkan dalam rencana selanjutnya yang bertajuk '*The Rights of Animals in Islam*'. Rencana tersebut memberi kesedaran kepada manusia dan mengingatkan mereka tentang pentingnya melayani binatang dengan penuh kasih dan lembut. Sebarang bentuk penyiksaan dan pembunuhan yang kejam ke atas binatang dilarang keras dalam Islam. Allah SWT telah memberikan tanggungjawab dan amanah kepada manusia untuk menjaga alam semesta, ini termasuklah binatang. Oleh itu, umat Islam dianjurkan untuk melayani binatang dengan baik tanpa sebarang kekerasan. Ini dijelaskan dalam petikan berikut:

*To kill animals to satisfy the human thirst for trophies, completely goes against Islamic tradition. To kill animals for their fur and to use those in unnecessary areas such as floor coverings, or to kill animals to keep their heads upon walls is a cruelty to animals. To undertake unnecessary experimentation for cosmetics or toiletries is against humane treatment of animals and is a disgrace. Blood sports have found the headlines within certain countries in the last few years, and are a problem within many countries. To hunt for amusement, to aim a weapon at an animal for fun, to cause injury for no other than gratification or tradition is simply prohibited in Islam.<sup>334</sup>*

Malah, Islam sendiri melarang tegas kerosakan yang dilakukan ke atas alam semula jadi.

Jelas penulis:

*Mistreatment of any part of nature, be it the animal kingdom or the destruction of the earth itself, is a major sin, and condemned in Islam. An interesting factor is that these guidelines and comprehensive principles have existed for over 1,400 years, unchanged, and an integral part of our way of life.<sup>335</sup>*

<sup>334</sup> *The rights of animals in Islam*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016,151.

<sup>335</sup> *Ibid*,152.

Firman Allah SWT;

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١٦﴾

Al-Baqarah: 11

Yang bermaksud: dan bila dikatakan kepada mereka:"Janganlah kamu membuat kerusakan di muka bumi". mereka menjawab: "Sesungguhnya Kami orang-orang yang Mengadakan perbaikan."

Justeru, umat Islam digesa untuk melayan binatang dengan baik kerana perbuatan ini merupakan ajaran Islam dan menjadi tanggungjawab dan amanah ke atas manusia untuk memelihara binatang daripada sebarang kekejaman dan kekerasan.

**Munakahat:** Islam amat menitik beratkan sistem kekeluargaan yang berpandukan syariah. Terdapat pelbagai garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT agar dapat membina perhubungan kekeluargaan yang sakinah dan *mawaddah*. Oleh itu, selain persoalan *mu'amalah* yang disentuh dalam majalah *The Muslim Reader*, persoalan munakahat juga ada diselitkan agar menjadi manfaat kepada pembaca terutama mualaf. Namun begitu, tidak banyak isu yang berkaitan dengan persoalan munakahat ditekankan dalam majalah terbitan Darul Arqam ini yang rata-ratanya memfokuskan isu akidah dan perkongsian kisah perjalanan mereka yang memeluk Islam agar dapat dijadikan motivasi dan bimbingan kepada pembaca.

Dalam majalah TMR jilid 28 yang diterbitkan pada tahun 2010, persoalan munakahat dibincangkan melalui rencana yang mengupas isu perkahwinan semula daripada aspek kesan dan kebaikannya pada kehidupan. Isu ini memberi manfaat kepada pembaca yang mempunyai perasaan dilema dan keinginan untuk berumah tangga sekali lagi. Disebabkan ini merupakan persoalan yang sering dihadapi masyarakat, maka penulis, Abu Sufian mengambil inisiatif untuk mengupas persoalan perkahwinan semula dalam majalah

tersebut. Penulis telah menggariskan beberapa panduan agar dapat digunakan oleh pasangan dalam melayari alam perkahwinan semula dengan baik. Penulis menjelaskan tentang kepentingan sebuah keikhlasan dalam perkahwinan dan ini harus dijalankan mengikut contoh yang diberikan oleh Nabi Muhammad SAW serta mengharapkan keredhaan daripada Allah SWT. Jelasnya:

*for an ibadah to be successfully accepted by Allah (SWT), it would be extremely useful if we got our intentions righfully sincere. Conduct the marriage according to the Prophet's example, and hope that Allah (SWT) will be pleased with our worship.*<sup>336</sup>

Selain itu, Islam juga amat menitik beratkan **hubungan kekeluargaan**. Islam menggariskan beberapa panduan untuk mewujudkan keluarga yang sakinah dan mawaddah yang diredhai Allah SWT. Setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab yang perlu dipatuhi, ini termasuklah tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa dan sebagainya.

Berbicara mengenai tanggungjawab soal anak terhadap kedua-dua orang tuanya, Islam amat menekankan pentingnya sikap menghormati kedua-dua ibu bapa. Malah, Islam meletakkan redhaNya Allah SWT terletak pada redha ibu bapa. Di sini dapat dilihat dengan jelas betapa pentingnya meletakkan seluruh penghormatan kepada kedua-dua ibu bapa di samping melayani mereka dengan penuh kasih dan sayang serta penuh adab dan sopan. Sebagaimana Firman Allah SWT yang memerintahkan agar menghormati dan berbakti kepada orang tua dalam surah al-Isra;

---

<sup>336</sup> Abu Sufian, *Rethinking remarriages*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 22.

\* وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَنًاٰ إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تُقْلِ

لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَشْرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿١٣﴾

Al-Isra' : 23

Terjemahan: dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. jika salah seorang di antara keduanya atau Kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya Perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka Perkataan yang mulia.

Pentingnya sikap menghormati kedua ibu bapa ini ada diselitkan dalam petikan majalah *The Muslim Reader* tahun 2013, iaitu:

*Parents are the closest people to us in the ancestral line, because we are their flesh and blood, their lookalike, their hopes and aspirations, and their pride. Islam forbids children from rubbing pain or hurt into their parents' feelings, precisely because it is their love, care, and sacrifices that make possible our existence and enjoyment of life. Prophet Muhammad (SAW) himself, on one occasion, was approached by a man who so eagerly wanted to join the battlefield. When he came to the Prophet (SAW) for the good news of joining the battlefield, the Prophet (SAW) asked him, "Do you have a mother at home?" The man said, "Yes." The Prophet (SAW) then said to him, "Then go back to her, for heaven lies at the feet of your mother."*<sup>337</sup>

Isu kekeluargaan ini terus menjadi antara persoalan yang dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* terbitan 2014 dengan mengetengahkan isu tanggungjawab

<sup>337</sup> Yamin Cheng, *Stepping into Islam*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 11.

seorang ayah kepada anak. Tanggungjawab ibu bapa merupakan tanggungjawab yang berat yang perlu digalas dengan amanah kerana anak merupakan anugerah dan amanah daripada Allah SWT. Justeru, seorang ayah perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi pendidikan yang terbaik pada anaknya, daripada sudut agama dan juga dunia seperti mana yang ditekankan dalam petikan berikut:

*Children are a heavy responsibility on the shoulders of parents. This responsibility will not be removed, be it on earth or in the hereafter. When we neglect it on earth, the punishment will come immediately before our eyes.*<sup>338</sup>

Kisah Luqman Al-Hakim bersama anaknya antara kisah yang dikongsikan bersama dalam majalah *The Muslim Reader*. Terdapat banyak nasihat yang dipesankan oleh Luqman Al-Hakim kepada anaknya dan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada mereka yang bergelar bapa. Dengan menjadikan kisah Luqman Al-Hakim sebagai pedoman, maka sistem kekeluargaan melalui tanggungjawab seorang ayah kepada anak dapat dijalankan dengan baik dan penuh amanah, berlandaskan al-Quran dan hadis. Secara tidak langsung, sebuah sistem kekeluargaan dapat dikuatkan dan dibina dengan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama. Ini membawa kepada terbinanya keluarga sakinah dan *mawaddah* yang diredhai Allah SWT. Penulis merujuk kepada buku yang dikarang oleh ulama tersohor, iaitu Syed Ahmad Semait yang bertajuk "*Wasiat Luqman Al-Hakim kepada puteranya*." Penulis menjelaskan tentang tanggungjawab seorang ayah yang dilihat penting dalam memberi pendidikan yang terbaik kepada anak, terutama ilmu agama dengan berpandukan al-Quran dan hadis. Ini demi membina sebuah ikatan kekeluargaan yang berlandaskan syariah dan diredhai Allah SWT. Penulis merungkainya dalam petikan berikut:

---

<sup>338</sup>Syed Ahmad Semait, *Advice from Luqman The wise to his son*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 55

*Parents to always take serious care of their children. To teach them Islamic knowledge from young, an education that is approved by Allah (SWT) and His Prophets. In implementing Islamic education, we sorely need guidance from the Quran and the hadith of Rasulullah (SAW). Islam is replete with its verdant and healthy principles of education, an education that protects humans to be safe in this world and the hereafter.*<sup>339</sup>

Selain daripada persoalan munakahat, persoalan mengenai ibadat, adat, muhlikat dan munjiyat turut dikongsikan dalam rencana yang bertajuk "*The Neccessary Knowledge For Everyday Living*". Penulis, Dr Yamin Cheng menjelaskannya dalam majalah *The Muslim Reader* 2015-2016:

*Deen or Religion tells us our human identity about where we came from, what we are doing in this world, and what happens after we feature die. Nafs or Life is that by which we can enjoy the pleasures of eating, drinking, seeking companionship, and to fulfil our dreams and ambitions. Ird or Dignity is what gives us our individual worth and pride about who I am that with it, I enjoy life and look forward to having a good time with living. Aql or Mind is that by which we can make sense of life and living so that we can have a direction about what to do with my existence. Nasl or Progeny is my kindred affinity, the locus of my attachment for love, belonging, and togetherness where happiness is the home and family. Mal or Property is the material supplies for the fulfilment of life, such as the home, money, and other things to enable one to continue to survive.*<sup>340</sup>

Jelasnya keempat-empat perkara ini merupakan asas penting dalam kehidupan seorang Muslim. Justeru, menjadi keperluan buat umat Islam untuk menjaga keempat-empat ciri asas ini dalam kehidupan.

#### **4.2.3 ISU AKHLAK**

Selain persoalan akidah dan *mu'amalah* yang menjadi kepentingan dalam kehidupan, persoalan akhlak juga antara persoalan yang amat dititik beratkan. Akhlak boleh

---

<sup>339</sup> *Ibid.*

<sup>340</sup> Yamin Cheng, *The necessary knowledge for everyday living*, TMR, Vol.33, Isu no.1, 2015-2016, 14.

jugak dierangkan sebagai kelakuan, tatacara, budi pekerti, maruah dan sebagainya. Persoalan ini menjadi salah satu perkara asas yang ditekankan dalam Islam ke atas umatnya.

Justeru, setiap individu dituntut supaya menjaga kelakuan dan juga akhlak di samping mempunyai kekuatan akidah. Akhlak ialah cerminan pada imej dan bayangan mengenai ajaran Islam. Oleh itu, umat Islam digesa menitik beratkan persoalan akhlak dalam kehidupan seharian mereka. Disebabkan ini, majalah *The Muslim Reader* telah mengambil inisiatif untuk mengetengahkan persoalan akhlak dalam rencana mereka.

Persoalan akhlak yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* ini mencakupi dua aspek utama iaitu pembangunan kerohanian dan pembangunan intelek.

### **Pembangunan Rohani**

Dalam majalah jilid 28 yang diterbitkan pada tahun 2010, terdapat pelbagai tajuk yang diketengahkan berkaitan dengan persoalan akhlak ini. Antaranya tentang sifat keikhlasan, kesyukuran, keharmonian, sikap berterima kasih, sikap pemaaf dan sebagainya. Kesemua sifat yang diketengahkan ini membawa kepada pembangunan rohani .

Dalam rencana bertajuk '*In Search of Sincerity*', penulis memberi penjelasan mengenai sifat ikhlas. Penulis menjelaskan tentang keikhlasan yang bermaksud tidak meletakkan harapan dan pembalasan. Ikhlas sesuatu yang hadir tanpa dipaksa. Keindahannya adalah sesuatu yang sukar diramalkan atau dijangkakan. Ini dijelaskan penulis dalam petikan berikut:

*The beauty of sincerity and its effect is something that we cannot predict or foresee. It may be something small and intangible or an impact of large proportions with groundbreaking outcome. Whether large or small, when something is done sincerely, it is without*

*expectations of any returns. Sincere parents and children make a lovely family. Sincere friends make an everlasting friendship. Sincere neighbours make a lively neighbourhood. Sincere Muslims make a successful ummah (community), Sincere communities make a beautiful world.*<sup>341</sup>

Oleh itu, umat Islam digesa supaya menanamkan sifat keikhlasan dalam diri mereka supaya dapat melalui kehidupan dengan aman dan tenang. Seterusnya, sifat saling menghormati dan rasa rendah hati adalah sesuatu yang ditekankan dalam rencana berikut. Dalam rencana yang bertajuk '*Respect and Humility For Our Differences*', penulis memberi peringatan yang lembut kepada pembaca akan kepentingan sikap hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan juga kedudukan seseorang.

Di sisi Allah SWT, semua manusia kelihatan sama kecuali yang membezakan antara mereka adalah ketaqwaan. Allah SWT tidak melihat kepada luaran dan rupa seseorang, namun apa yang dilihatnya adalah taqwa dan hati. Justeru, umat Islam digesa supaya mengamalkan sifat hormat-menghormati dan toleransi sesama manusia dalam kehidupan seharian mereka. Ini yang cuba dijelaskan penulis dalam petikan berikut:

*Islam uphold diversity. The diversity in serving various functions and the pertinence in serving the diverse needs of the society should not be undermined. Islam does not judge one merely through the function mechanism that a person occupies. Instead, the manner in which they execute the function would determine their position in the eyes of Allah. The premise for judging one's self as a Muslim is clearly stated in the Quran. "Indeed, the best amongst you in the eye of Allah is the most God-fearing among you" (Al-Hujurat, 49:13).*<sup>342</sup>

Petikan tersebut menggesa masyarakat Islam supaya mengamalkan sifat hormat-menghormati sesama manusia kerana sifat ini merupakan tuntutan dalam Islam.

<sup>341</sup> Hamid Rahmatullah, *In Search of Sincerity*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 5.

<sup>342</sup> Hafiz Kusairi, *Respect and Humility for our differences*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 9.

Selain sifat hormat-menghormati yang dibincangkan, sifat kesyukuran turut dijelaskan dalam rencana seterusnya. Dalam petikan selanjutnya, penulis, Waffie Mohammed menjelaskan, salah satu cara untuk menzahirkan rasa kesyukuran yang tinggi kepada Allah SWT adalah dengan sentiasa bersyukur kepadaNya setiap masa:

*One way for us to show gratitude to Allah (SWT) for His favours is to constantly thank Him. When we are making physical progress in this world, sometimes we may develop a sense pride and think that our progression is a result of our own doing. We may forget that it is achieved only out of the Grace and Mercy of Allah (SWT).<sup>343</sup>*

Dalam petikan tersebut, penulis cuba mengingatkan pembaca untuk sentiasa memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT pada setiap masa, kerana apa sahaja kejayaan yang dimiliki adalah dengan berkat dan izin Allah SWT. Adakalanya manusia mudah lupa dan mula merasa bangga sehingga lupa akan kekuasaan Allah SWT. Oleh itu, perasaan dan rasa syukur kepada Allah SWT harus ditanamkan dalam diri. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim;

وَإِذْ تَأَذَّتْ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَةَ لَكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Ibrahim: 7

Terjemahan: dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), Maka Sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

Seterusnya, isu keamanan dan keharmonian ada dikupas dan dijelaskan oleh Dr Abdul Hakim Quick atau dikenali dengan nama Dr Quick. Keharmonian atau keamanan ini hanya dapat dicapai melalui perhubungan yang baik dengan Allah. Allah SWT merupakan sumber utama dalam mencapai ketenangan;

<sup>343</sup> Waffie Mohammed, *Thanking Allah*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 12.

*The ultimate source of peace is Allah (SWT). Ass-Salaam (Peace) is one of the names of Allah. And through submission to the Creator, Islam itself in a sense seeking or gaining peace through surrender and submission to the will Allah (SWT). True peace for us is not just the absence of violence or the absence of movement. It is submission to the Creator of the Heaven and the Earth.*<sup>344</sup>

Oleh itu, apa yang dimaksudkan dengan sebuah ketenangan ialah menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Hanya dengan mencari keredhaan Allah SWT, sebuah ketenangan itu dapat dicapai dan dirasakan dalam diri, seperti petikan berikut:

*For us (Muslims), peace is part of a whole puzzle in the sense that it is a goal in terms of the relationships of human beings. But there has to be movement against injustice and we cannot allow injustice to continue around us. So peace and justice go hand in hand, And the ultimate source of peace is Allah (SWT). The surrender to the Creator or the submissions to the Creator- in other words, following the natural laws- give us a state of peace. We cannot have true peace unless we have submission to the will of Allah (SWT).*<sup>345</sup>

Petikan di atas menggesa umat Islam mencari ketenangan dengan mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Hanya dengan pengabdian kepada Allah, jiwa dan hidup akan berada dalam keadaan yang tenang dan damai. Malah, Islam sendiri ialah sebuah agama yang menganjurkan perdamaian. Perkataan Islam itu sendiri membawa maksud penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Bukan sahaja Islam menganjurkan umatnya untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dalam mencapai ketenangan di dunia, malah Islam turut menggalakkan umatnya untuk menanamkan perasaan kesyukuran dalam diri. Ini yang cuba disampaikan penulis, Siti Syuhada, dalam rencananya yang bertajuk '*The Value of Gratitude*'. Penulis menjelaskan, rasa syukur yang tinggi akan menghakis sikap mementingkan diri sendiri. Penulis cuba membuktikan penjelasannya dengan kajian yang telah dijalankan oleh David DeSteno dan rakannya pada tahun 2010. Ini petikan beliau:

<sup>344</sup> Carol 'Aliya Widjaya, *Talking about peace*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 14.

<sup>345</sup> *Ibid.*

*Gratitude has also been shown to improve a person's altruistic tendencies. A study conducted by David DeSteno and colleagues (2010) found that gratitude is correlated with economic generosity, showing that grateful people are more likely to sacrifice individual gains for communal profit, which is an aspect of prosocial behaviour.<sup>346</sup>*

Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah yang menekankan kepentingan bersyukur;

فَإِذْ كُرُونَ أَدْكُنْ كُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكُرُونِ  
157

Al-Baqarah: 152

Maksud: karena itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku.

Oleh itu, penulis menggesa umat Islam supaya menanamkan rasa syukur yang tinggi dalam kehidupan.

Persoalan akhlak seterusnya dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2012 menerusi rencana bertajuk “*Balancing your life? Try muhasabah the Modern Way*”. Penulis menjelaskan tentang kepentingan muhasabah dalam kehidupan dengan menilai keperibadian, emosi dan lain-lain lagi;

*Muhasabah is about noticing ourselves, noticing the aspects of our Body, Emotions and Language that we habitually and uncounsciously demonstrate on a daily basis. Changing these elements, one step at a time, will help us realise the true and hidden potential in us.*<sup>347</sup>

---

<sup>346</sup> Siti Syuhada Faizal, *The value of gratitude*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 19.

<sup>347</sup> Zainal Abidin Rahman, *Balancing Your Life, Try Muhasabah the Modern way*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 15.

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid ke-33 tahun 2015-2015 adalah mengenai sifat sabar yang perlu ditanamkan dalam setiap individu. Sesungguhnya sabar merupakan sifat yang mulia yang dituntut dalam Islam. Nabi Muhammad SAW antara contoh insan yang mempunyai kesabaran yang sangat tinggi. Sabar bererti menahan diri daripada kesusahan, menjaga lisan, diri dan anggota badan daripada melakukan dosa. Kesabaran manusia seringkali akan teruji apabila ujian dan cabaran datang bertubi-tubi. Oleh itu, sifat sabar ini perlu ditanamkan dalam setiap jiwa agar tidak tewas dengan ujian dan godaan. Disebabkan ini, Dr Musharraf Hussain cuba menegaskan tentang kepentingan sifat sabar melalui rencana yang ditulisnya, bertajuk '*The importance of being Patient*' iaitu:

*Patience in Islam is one of the best and most valuable virtues of life. Through patience, a Muslim believes that an individual can grow closer to God and thus attain true peace. It is also stressed in Islam, that God is with those who are patient, more specifically during suffering.*<sup>348</sup>

Malah kepentingan sifat sabar ini turut dinyatakan dalam surah Ali-Imran;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَصْبِرُوا وَرَابِطُوا وَأَتْقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Ali-Imran: 200

Yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu beruntung.

Persoalan mengenai kerohanian terus dibincangkan dalam rencana selanjutnya yang bertajuk '*Soothe Your Inner Spirit*'. Penulis, Siti Khairiyah menekankan betapa pentingnya menjaga soal emosi dan aspek kerohanian atau dalaman. Mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan dalaman yang juga sihat membawa kepada kesejahteraan hidup. Oleh itu, kesihatan dalaman atau emosi sangat perlu dijaga. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

---

<sup>348</sup> Muasharraf Hussain, *The importance of being patient*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2015, 63.

*Emotional health is extremely important in a person's life, and the responsibility squarely falls upon the individuals to ensure that they are in the pink of "emotional health". It has a lot to do with getting a hold of your emotions, and keeping them in check at all times.*<sup>349</sup>

Di samping sifat-sifat murni yang membawa kepada pembangunan kerohanian yang dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader*, persoalan-persoalan yang berkaitan minda dan intelek juga turut dibincangkan dalam majalah tersebut.

**Pembangunan Intelek :** Dalam rencana yang terdapat dalam majalah TMR jilid ke 31 yang diterbitkan pada tahun 2013, persoalan mengenai cabaran mental telah dikupas oleh Yohanna Abdullah dengan tajuk '*Reducing Stigma and Dispelling Misconceptions of Mental Challenges*'. Penulis telah merujuk kepada seorang pakar dalam bidang tersebut, iaitu Dr Radiah Salim, seorang pengamal perubatan yang merupakan presiden kepada sebuah persatuan, '*Club Heal*'. Penulis menjalankan wawancara bersama Dr Radiah Salim kerana dirasakan perlu untuk dikongsikan kepada masyarakat. Rencana yang memperkenalkan persatuan '*Club Heal*' ini bertujuan memberi maklumat kepada pembaca agar mereka tahu di mana perlu dirujuk tentang masalah mental.

'*Club Heal*' merupakan sebuah persatuan bukan keuntungan yang berdedikasi untuk membantu pesakit psikiatri pulih dan mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat melalui program pemulihan harian, kumpulan sokongan dan jangkauan kepada pesakit, penjaga dan orang ramai. Penulis menjelaskan pertubuhan '*Club Heal*' ini bertujuan untuk membantu pesakit yang mengalami kemurungan dan masalah mental supaya dapat melalui kehidupan seperti biasa dan normal. Ini juga bertujuan mendidik masyarakat tentang isu-isu yang berkait dengan mental. Ini sekaligus memperbetulkan salah faham masyarakat tentang

---

<sup>349</sup> Siti Khairiyah, *Soothe your inner spirit*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 135.

isu mental yang sering dikaitkan dengan gangguan roh atau syaitan. Bahkan, masyarakat sering memandang masalah kesihatan mental sebagai suatu penyakit yang tidak mempunyai penawar atau kesembuhan sekaligus dianggap sebagai penyakit yang berbahaya. Maka, '*Club Heal*' ini sangat berdedikasi dalam menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan masalah mental kepada masyarakat. Dalam petikan ini Dr Radiah Salim menjelaskan:

*The most important thing is to get empowered with knowledge about mental health issues, be supportive, look out for anybody, your neighbor or family and friends, who shows symptoms of mental illness and get them to seek treatment and spread the message that these illnesses are treatable. Also, I would like to encourage more people to volunteer for Club HEAL, Insha'Allah, they will find the experience meaningful and enriching.*<sup>350</sup>

Meskipun, masalah mental ini tidak dikupas dengan mendalam, namun amat penting untuk proses menyedarkan masyarakat akan persoalan tersebut berjalan. Ini secara tidak langsung dapat membangunkan minda masyarakat dengan memberi pendidikan kepada mereka tentang persoalan masalah mental yang mungkin melanda individu yang berada di sekeliling kita. Justeru, menjadi tanggungjawab masyarakat dalam bersama-sama menanganinya dan membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik dengan sokongan yang tidak pernah henti.

Pembangunan intelek amat ditekankan dalam Islam. Islam menggesa umatnya untuk mencari ilmu dan mengamalkannya dalam kehidupan. Kepentingan ilmu dalam Islam ini boleh dilihat dalam surah Iqra. Perkataan pertama wahyu yang diturunkan ialah "*Iqra*" iaitu bacalah. Baca di sini bermaksud menuntut ilmu. Oleh itu, setiap umat Islam digesa untuk mencari ilmu. Menuntut ilmu menjadi obligasi pada setiap manusia.

<sup>350</sup>Yohanna Abdulullah, *Reducing stigma and dispelling misconceptions of mental illness*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 21.

Kepentingan ilmu ini ditekankan dalam rencana yang bertajuk '*Seeking Islamic Knowledge*'. Penulis ada menjelaskan tentang kepentingan menuntut ilmu dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 33 tahun 2015-2016:

*"Iqra!" the first divine word revealed to Mankind through the blessed lips and the heart of the Prophet (SAW). Allah (SWT) says, "Read!" (Iqra', 96:01) and He does so in the imperative form of the verb. This intricate pondering leads me to belief in the pertinence of seeking knowledge – both secular and religious. It is beyond doubt that attaining knowledge is an important obligation for a Muslim.*<sup>351</sup>

Malah, ulama *tasawwuf* juga turut menekankan kepentingan *fikr* ( pengetahuan) dan *zikr* (Pengingatan) dalam kehidupan. Demi mencapai sepenuhnya kenikmatan dalam beribadah, ilmu amat dititik beratkan. Dengan berilmu, seseorang dapat beramal dengan penuh keyakinan. Hamid Rahmatullah menjelaskan;

*Scholars of Tasawwuf always emphasise the importance of fikr (knowledge) and zikr (remembrance) in Islam. To reap the full spiritual rewards of our 'ibadah (worship), we need to seek knowledge encircling that particular act of faith.*<sup>352</sup>

#### **4.2.4 ISU SEMASA**

Isu kemasyarakatan dan isu yang melanda dunia merupakan antara isu yang penting untuk diketengahkan dalam perbincangan berkaitan mesej dakwah. Aspek ini menyentuh mengenai isu-isu semasa yang terjadi dalam dunia daripada perspektif Islam. Majalah *The Muslim Reader* tidak ketinggalan dalam mengetengahkan isu semasa dalam majalahnya.

Dalam majalah jilid 28 yang diterbitkan pada tahun 2010, sebuah artikel bertajuk '*There is nothing wrong for non-Muslims to use the word 'Allah'*', mengupas isu penggunaan perkataan Allah oleh mereka yang bukan bergama Islam. Isu ini pernah

<sup>351</sup>Hamid Rahmatullah, *Seeking Islamic Knowledge*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 109.

<sup>352</sup> *Ibid.*

mendapat perhatian masyarakat. Oleh itu, Ridzuan Wu mengambil inisiatif untuk mengetengahkan pelbagai pandangan yang berbeza mengenainya dan merumuskannya dalam penjelasan berikut:

*The statement released by Dr Muhd Nur Manuty, for instance, showed clearly that his preferred approach would be to turn to the Qur'an to find verses that would serve to guide his thoughts. There has yet to be a rebuttal to the Quranic verses that Manuty has cited. Datuk Seri Abdul Hadi Awang, on the other hand , made it clear that the position he took on the issue is based on his understanding of Islamic Principles. For both Muhd Nuh Manuty and Abdul Hadi Awang, it is not the politics on the ground that determines their stand on this issue. It is their understanding of Islam that does.<sup>353</sup>*

Selain isu kalimah Allah, isu keganasan yang melanda dunia juga antara isu yang hangat dibincangkan. Isu *ISIS* antara yang menjadi topik hangat yang diperkatakan pada saat ini. Kekecohan yang dicetuskan oleh kumpulan militan *ISIS* ini mendapat perhatian dunia. Oleh itu, majalah *The Muslim Reader* mengambil inisiatif mengetengahkan isu tersebut dalam majalahnya. Ini dapat dilihat dalam petikan majalah *The Muslim Reader* jilid 33, 2015-2016:

*Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), an extremist militant group, has grabbed world headlines in recent months. Their brutal and violent actions, which include the mass executions of captives and ethnic minorities, sexual enslavement of women and girls as well as beheadings of soldiers and journalists, have sparked fear and outrage across the world. We have also seen a number of foreign fighters among its ranks – from teenage girls to young professionals. They have joined ISIS, believing in its goal of establishing an Islamic caliphate throughout the Levant region.<sup>354</sup>*

Kumpulan *ISIS* yang dikatakan berjuang atas nama Islam ini menyatakan matlamat utama mereka dalam membangunkan negara Islam. Namun, semua ini dianggap sebagai sesuatu yang tidak munasabah kerana mereka mencetuskan keganasan dan pembunuhan sedangkan Islam tidak menganjurkan umatnya untuk melakukan sebarang bentuk kekerasan

<sup>353</sup> Ridzuan Wu, *There is nothing wrong for non-Muslims to use the word 'Allah'*, TMR, Vol.29, Isu.no.1, 2010, 37.

<sup>354</sup> RGG, *The fallacies of ISIS Islamic Caliphate: A brief explanation*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 64.

dan keganasan. Justeru, tidak munasabah untuk masyarakat memberikan sokongan kepada kumpulan terbabit kerana mereka mencetuskan keganasan yang ternyata bercanggah dengan ajaran Islam. Ini ditegaskan dalam petikan tersebut:

*However if we delve deeper, we will discover that it is a convenient pretext to lure unsuspecting Muslims into supporting their violent cause. They are merely a militant entity fighting not for the religion but for their territorial and political ambitions.*<sup>355</sup>

Jelas, ternyata apa yang diperjuangkan *ISIS* ini bercanggah dengan ajaran Islam. Islam sendiri bahkan mengajak kepada perdamaian, kesederhanaan dan kasih sayang.

#### **4.2.5 PERBANDINGAN MESEJ DAKWAH DALAM MAJALAH TMR TERBITAN 2010 HINGGA 2015**

Majalah *The Muslim Reader* merupakan majalah tahunan yang diterbitkan Darul Arqam Singapura bagi tujuan dakwah. Menurut Cik Aishah Hussein, majalah *The Muslim Reader* diterbitkan demi memenuhi keperluan pembaca yang datang daripada pelbagai latar belakang . Majalah ini diharap dapat dijadikan sumber bacaan dan rujukan oleh saudara baru Islam dan mereka yang ingin mengenali ajaran Islam dengan lebih mendalam.<sup>356</sup> Oleh itu, kelima-lima majalah yang diterbitkan dari tahun 2010 hingga 2015 memperlihatkan gagasan tersendiri dalam mengemukakan mesej dakwah. Isi kandungan yang terdapat dalam setiap majalah memperlihatkan perjuangan penerbitan majalah dalam menyampaikan dakwah kepada sasaran mereka, yang terdiri dari golongan mualaf dan mereka yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan.

---

<sup>355</sup> *Ibid.*

<sup>356</sup> Menerusi temubual bersama Aishah Hussein, Pegawai Eksekutif, Komunikasi Korporat, Editor Majalah *The Muslim Reader*, Darul Arqam Singapura, Bangunan Darul Arqam Singapura, 26 July 2016.

Maka, isi kandungan yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* ini mencakupi pelbagai isu antaranya isu akidah, syariah, akhlak dan juga isu Semasa. Namun, isu yang paling kerap dibincangkan adalah isu akidah dan juga akhlak.

Isu akhlak adalah antara isu yang paling banyak dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 28 tahun 2010. Pelbagai persoalan berkaitan nilai-nilai murni ada dibincangkan dalam majalah tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan editor:

*In this edition of TMR, Our writer Hamid Rahmatullah explores virtue through his article, In Search Of Sincerity, by looking at his own life experiences and the stories of Prophet Muhammad (SAW). TMR also features writings, by our volunteers, that highlight some of the values influencing sincerity—namely, respect, humility, and gratitude.<sup>357</sup>*

Maka, persoalan Akhlak adalah antara persoalan yang kerap dibincangkan dan ditekankan dalam majalah *The Muslim Reader* pada tahun 2010 dengan tujuan pembangunan rohani. Ini selaras dengan tuntutan Islam yang menggesa umatnya menjaga kelakuan, tatacara, budi pekerti dan berakhhlak seperti akhlak Rasulullah SAW yang menjadi contoh terbaik buat manusia. Antara sifat-sifat yang dibincangkan adalah seperti sifat ikhlas, syukur, kasih sayang, pemaaf, dan sebagainya. Melalui perbincangan akhlak ini, pembaca diajak bersama-sama untuk menerapkannya dalam kehidupan mereka.

Selain tuntutan dakwah dengan mengetengahkan mesej-mesej dakwah kepada pembaca, majalah *The Muslim Reader* juga berperanan dalam memberikan suntikan semangat, sokongan dan dorongan kepada golongan mualaf dalam mendalamai Islam dan mengamalkan gaya hidup Islam. Dengan mengetengahkan kisah-kisah menarik perjalanan mereka yang memeluk Islam, cerita-cerita tersebut menjadi inspirasi dan dorongan buat golongan mualaf dan juga masyarakat Islam untuk menjadi mukmin yang sejati. Majalah seterusnya, iaitu jilid yang ke 29 Edisi Satu tahun 2011 banyak memuatkan tentang kisah-

<sup>357</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 3

kisah perjalanan saudara baru Islam dalam menemui kebenaran. Setiap saudara baru Islam mempunyai kisah yang berbeza yang membawa mereka kepada Islam.

Kisah pengislaman mereka ini didorong atas keyakinan yang kuat kepada Allah SWT dan pemahaman mengenai Islam. Menurut Cik Aishah Hussein:

*TMR and the writers would like to share the insight that could be gained from these Muslim's experiences, through stories about how some have been inspired to follow the path to Islam and the challenges they face as they keep moving on with a new faith*<sup>358</sup>

Kisah-kisah yang dikongsikan dalam majalah tersebut secara tidak langsung menambahkan keyakinan dan menguatkan keimanan pembaca terhadap ajaran Islam. Malah, keindahan Islam sering dibincangkan dalam perkongsian tersebut. Melalui perkongsian ini, persoalan akidah ada dibincangkan dalam aspek syahadah kepada Allah SWT.

Majalah *The Muslim Reader* jilid ke 30 tahun 2012 pula banyak menekankan persoalan akhlak dengan membincangkan kepentingan muhasabah, kehidupan yang seimbang, penjagaan masa dan alam semula jadi. Ini dinyatakan oleh editor;

*This edition, TMR focuses on nature and how aspects of nature could help us to reflect the meaning of existence in proper perspective. In addition, TMR also presents writings of self-reflection and balancing our lives, managing our time and youth, and appreciation of the father-daughter bond*<sup>359</sup>

Majalah seterusnya iaitu dalam jilid yang ke 31 Edisi Satu Tahun 2013, editor cuba mengetengahkan tentang persoalan mengenai kehidupan akhirat dan keseimbangan hidup antara dunia dan akhirat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh editor:

*TMR here features Seeing the World for Our Hereafter (by Dr Waffie Mohammed) and Stepping into Islam (by Dr Yamin Cheng) that prompt us to re-evaluate the components of*

<sup>358</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol. 29, Isu.no 1, 2011, 7.

<sup>359</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol.30, Isu.no 1, 2012.

*our daily life and draw on their significances, to understand our connection to the hereafter and find our balance in this world.*<sup>360</sup>

Majalah *The Muslim Reader* jilid 32 Edisi Satu tahun 2014 pula menghimpukan penulisan mengenai pemikiran warga cina Muslim. Dr Yamin Cheng ada menerangkan tentang isu-isu budaya dan identiti umat Islam Cina di Malaysia dan Singapura. Sim Khadijah Mohammed dan Candy Mak @ Nadia Mak pula berkongsi pengalaman mereka sebagai saudara baru Muslim Cina,

*TMR, in this edition, specially brings together writings that explore some Chinese Muslim/Convert thoughts. Chinese Muslim Convert, Dr Yamin Cheng, explains the cultural and identity issues that the Chinese Muslims in Malaysia and Singapore are facing. Sim Khadijah Mohammed, a daughter of a Chinese Muslim Convert, shares her experiences about growing up as a non-Malay-speaking born-Muslim. Candy Mak @ Nadia Mak, a Chinese Muslim Convert, expresses her thoughts about parenthood and her hopes about the future of her child, who is growing up with a mix of Malay-Chinese heritage.*<sup>361</sup>

Edisi ini juga memaparkan lebih banyak tentang kandungan dan sorotan mengenai tokoh penulisan Islam allahyarham Syed Ahmad Semait, ulasan gaya hidup yang halal, kewangan Islam dan lain lagi. Majalah *The Muslim Reader* bercita-cita menawarkan lebih banyak kandungan dan isi yang menarik,

*With more contents and regular highlights, including an honorary tribute to the late author Syed Ahmad Semait's works, Halal-lifestyle reviews, and opinions on Islamic finances, TMR also presents a fresh pictorial spread of activities and events that were happening at DA and around its people. TMR aspires to offer more variety, with improved and enriching contents.*<sup>362</sup>

Seterusnya, majalah *The Muslim Reader* jilid ke-33 Edisi Satu tahun 2015 membincangkan tentang permasalahan yang dihadapai oleh masyarakat Islam. Pembaca diajak untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam menghadapi saat sukar dan

<sup>360</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 2.

<sup>361</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol.32, Isu.no.1, 2014, 4.

<sup>362</sup> *Ibid.*

genting. Kisah perjuangan Nabi Muhammad SAW ini dijadikan iktikbar dan contoh buat Muslim.

*This edition of TMR reminds us to examine the problems Muslims inadvertently face, by looking at them in the light of knowledge, faith, and patience that Prophet Muhammad (SAW) had shown during his lifetime. These days, it feels as if wave after wave of challenges keep moving the global Muslim community in a current of negativity.<sup>363</sup>*

Selain itu, edisi majalah kali ini juga memaparkan teknik-teknik dakwah yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyebarluaskan Islam dan memperbetulkan salah tanggap mengenai Islam. Edisi ini juga membincangkan cara-cara untuk mencari ilmu, mendapatkan kesabaran dan memperkuatkan keimanan. Malah, kandungannya juga turut menjelaskan mengenai kebijaksanaan untuk mengikut jejak langkah nabi terhadap pengendalian membebankan situasi,

*Besides consistent prayers and supplications, we need to learn and embrace the techniques that Prophet (SAW) used in spreading the message of Islam and also, in correcting the misconceptions of Islam that others, either out of ignorance or malice, pin onto the religion. Within these pages of TMR, there are explorations into ways to seek knowledge, seek patience, and seek faith, which would, hopefully, shed some light on the wisdom of following the Prophet's footsteps towards handling burdening situations.<sup>364</sup>*

Seterusnya Jadual 4.2.5 menunjukkan perbandingan mesej dakwah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* edisi satu dari tahun 2010 hingga 2015.

---

<sup>363</sup> Nota Editor, *TMR*, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 6.

<sup>364</sup> *Ibid.*

MESEJ DAKWAH TMR VOL.28,ISU.01,2010	MESEJ DAKWAH TMR VOL.29,ISU.01,2011	MESEJ DAKWAH TMR VOL.30,ISU.01,2012	MESEJ DAKWAH TMR VOL.31,ISU.01,2013
<b>ISU AKIDAH</b> <b>Syahadah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syahadah kepada Allah SWT</li> </ul>	<b>ISU AKIDAH</b> <b>Syahadah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syahadah kepada Allah SWT</li> <li>• Syahadah kepada Rasulullah SAW</li> </ul> <p>Sumber Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Quran</li> <li>• Al-Sunnah</li> </ul>	<b>ISU AKIDAH</b> <b>Syahadah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syahadah kepada Allah SWT</li> </ul>	<b>ISU AKIDAH</b> <b>Syahadah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syahadah kepada Allah SWT</li> <li>• Syahadah kepada Rasulullah SAW</li> </ul> <p>Sumber Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Quran</li> <li>• Al-Sunnah</li> </ul>
<b>ISU SYARIAH</b> <i>Mu'amalah</i> Hubungan Masyarakat <b>Munakahat</b> Pembinaan Keluarga			<b>ISU SYARIAH</b> <i>Mu'amalah</i> Hubungan Kekeluargaan
<b>ISU AKHLAK</b> <b>Peribadi Muslim</b> Sifat dan Peribadi Muslim.		<b>ISU AKHLAK</b> Peribadi Muslim	<b>ISU AKHLAK</b> <b>Pembangunan Ummah</b> Pembangunan Minda
<b>ISU SEMASA</b> Isu kalimah Allah			

<b>MESEJ DAKWAH TMR VOL.32,ISU.01,2014</b>	<b>MESEJ DAKWAH TMR VOL.33,ISU.01,2015-2016</b>
	<p><b>ISU AKIDAH</b>  <b>Syahadah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syahadah kepada Allah SWT</li> </ul> Sumber Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Quran</li> <li>• Al-Sunnah</li> </ul> </p>
<p><b>ISU SYARIAH</b>  <i>Mu'amalah</i>  Hubungan Kekeluargaan   Kewangan Islam</p>	<p><b>ISU SYARIAH</b>  <i>Mu'amalah</i>  Hubungan dengan Alam  Hubungan dengan Binatang  <i>Fiqh Wanita</i>   Kewangan Islam</p>
	<p><b>ISU AKHLAK</b>  <b>Peribadi Muslim</b>  Sifat dan Peribadi Muslim   <b>Pembangunan Ummah</b>  Pembangunan Minda</p>
	<p><b>ISU SEMASA</b>  Isu Isis</p>

**Jadual 4.2.5: Perbandingan Mesej Dakwah dalam Majalah TMR 2010-2015.**

Berkaitan dengan isu akidah, Jadual 4.2.5 menunjukkan empat daripada lima majalah TMR yang dikaji, iaitu edisi satu tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2015 menekankan keyakinan kepada Allah SWT dalam segenap aktiviti dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik dalam kehidupan seharian, sesuai dengan syahadah umat Islam. Maka, secara tidak langsung, keimanan dan keyakinan pembaca yang terdiri daripada mualaf dapat diperkuatkan dengan perbincangan tersebut.

Penegasan terhadap pengambilan sumber Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah turut ditekankan dalam empat majalah tersebut kerana kedua-duanya merupakan sumber asas dan petunjuk dalam kehidupan umat Islam.

Perbicaraan isu syariah pula tidak banyak ditekankan dalam majalah *The Muslim Reader*. Jadual 4.2.5 menunjukkan empat majalah TMR, edisi satu terbitan tahun 2010, 2013, 2014 dan 2015 yang menyentuh lima isu utama dalam *mu'amalah* iaitu hubungan antara masyarakat, hubungan dengan alam, hubungan dengan binatang, hubungan kekeluargaan dan kewangan Islam. Manakala persoalan munakahat kurang dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader*. Persoalan munakahat melalui isu pembinaan keluarga hanya dibincangkan dalam majalah TMR edisi satu tahun 2010. Persoalan kewangan Islam paling ditekankan dalam majalah TMR edisi satu tahun 2014 dan tahun 2015.

Pendekatan isu akhlak pula amat ditekankan dalam majalah *The Muslim Reader* edisi satu tahun 2010, 2012, 2013, dan tahun 2015. Keempat-empat keluaran majalah ini menekankan aspek pembangunan peribadi muslim dan pembangunan ummah dalam aspek pembangunan rohani dan intelek.

Persoalan isu semasa pula hanya dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* edisi satu 2010 dan majalah keluaran 2015. Majalah *The Muslim Reader* edisi satu 2010 memperkatakan isu kalimah Allah yang hangat dibicarakan di Malaysia. Manakala majalah *The Muslim Reader* tahun 2015-2016 pula membincangkan isu keganasan dan ISIS yang hangat dibicarakan dunia.

Secara keseluruhan, kelima-lima majalah *The Muslim Reader* yang diterbitkan pada tahun 2010 hingga 2015 mempunyai gagasan, konsep dan penulisan Islam dalam menyampaikan dakwah kepada pembaca terutama golongan mualaf. Dengan mengetengahkan pelbagai maklumat menarik mengenai Islam, penerbitan majalah *The Muslim Reader* berharap dapat membantu saudara baru Islam untuk lebih meneroka dan memahami ajaran Islam. Kehadiran majalah ini juga diharap dapat membantu mereka yang

ingin mendekati Islam secara mendalam. Ini selaras dengan tujuan majalah ini diterbitkan iaitu atas tujuan dakwah semata-mata.

#### **4.3 PENDEKATAN DAKWAH *BI AL-HIKMAH* DALAM MAJALAH *THE MUSLIM READER*.**

Bahagian ini menganalisis kandungan yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* iaitu artikel yang terdapat dalam majalah pada tahun 2010 hingga 2015. Analisis dilakukan berdasarkan teori pendekatan dakwah yang diperkenalkan untuk menganalisis artikel yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*. Uslub pembujukan yang ditetapkan dalam kajian ini ialah uslub dakwah secara *al-hikmah*.

Metode kajian bahagian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif dilakukan dengan melakukan interpretasi terhadap rencana dalam majalah *The Muslim Reader* dengan mengesan pendekatan dakwah *bil-hikmah* yang terdapat dalam majalah tersebut.

Sebagai sampel kajian, data isi kandungan majalah yang dipilih ialah lima buah majalah, daripada tahun 2010 hingga 2015 dan analisis kandungan dilakukan berdasarkan teori pembujukan hikmah secara lembut dan pembujukan secara keras. Kaedah tersebut boleh dilihat berdasarkan Jadual 4.3 berikut,

<i>AL-HIKMAH</i>	PEMBUJUKAN DAKWAH
Lembut	Ajakan Galakan
Keras	Arahan Amaran

**Jadual 4.3 Kaedah Pembujukan *al-Hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*.**

#### 4.3.1 Kaedah Lembut

**Lembut:** Kaedah lembut merupakan kaedah *al-hikmah* yang amat digalakan dalam Islam kerana setiap manusia sukaan kelembutan. Kaedah lembut yang digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* ialah ajakan dan galakan.

Kaedah ajakan digunakan bagi tujuan mengajak, menjemput, mempelawa, tuntutan atau saranan terhadap seseorang untuk turut serta melakukan sesuatu perkara.<sup>365</sup> Kaedah ajakan yang digunakan dalam majalah tersebut kebiasaannya ditandakan dengan kata "*let us*" iaitu "marilah", "**"necessery"**" iaitu "harus", "**"have to"**" yang membawa maksud "hendaklah" dan "**must**" iaitu mesti.

Perkataan "harus" bermaksud, tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib, boleh jadi, mungkin, tidak mustahil (berlaku terjadi), mungkin, boleh dilakukan dan boleh juga ditinggalkan.<sup>366</sup>

Manakala perkataan "perlu" bererti keharusan, yang tidak dapat dielakkan, kemestian, menjadi kemestian untuk mendapatkan sesuatu dan sebagainya, harus, terpaksa,

<sup>365</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 20, entri "ajakan".

<sup>366</sup> *Ibid.*, 518, entri "harus".

harus ada iaitu diperoleh, berguna, mustahak, penting, sangat mengkehendaki dan berhajat.<sup>367</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 28 tahun 2010, penulis menggunakan perkataaan tanda "*need*" , "*should*" dan "*must*" yang membawa maksud perlu atau harus bagi mengajak pembaca untuk sama-sama melakukan kebaikan.

Dalam rencana yang bertajuk "*The Value of Gratitude*", penggunaan kata "*must*" digunakan dalam rencana bagi mengajak manusia untuk sentiasa ingat bahawa menanam rasa dan sifat bersyukur ini tidak hanya ditujukan mengenai perasaan seorang hamba kepada Allah, tetapi perasaan syukur ini juga perlu diterapkan dalam perhubungan sesama manusia.

*Even then, we must remember that this feeling of gratitude exclusive to Allah (SWT). We should also feel grateful to our fellow human beings for their kindness, towards us.*<sup>368</sup>

Perkataan "*need*" digunakan dalam kaedah ajakan bagi mengajak manusia menyemai nilai-nilai yang murni dalam diri setiap individu sebagai orang Islam. Jelas penulis dalam rencana "*In Search of Sincerity*" :

*No matter how absorbed we are in our pursuits, we need to inculcate in our selves a self-regulating mechanism such that we do not go against the very values that we etstify for as a Muslim.*<sup>369</sup>

Perkataan "*need*" ini turut digunakan penulis bagi mengajak manusia untuk sama-sama memohon keampunan kepada Allah SWT atas segala kesilapan yang telah dilakukan.

*We need to constantly beg Allah (SWT) for forgiveness for every chance we may have done a wrong unconsciously. For example, we may have been forsaking our solat (prayer) or our fast in order to achieve some gain. Allah (SWT) has been pleased to help you and bless you, so recognise this by thanking Him and seeking refuge in Him.*<sup>370</sup>

---

<sup>367</sup> *Ibid.*, 1191, entri "perlu".

<sup>368</sup> Siti Syuhada Faizal, *The value of gratitude*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 17.

<sup>369</sup> Hamid Rahmatullah, *In Search of sincerity*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 6.

<sup>370</sup> *Ibid*, h.12.

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 29 tahun 2011, kaedah ajakan dikemukakan penulis dalam mengajak manusia supaya lebih berdisiplin dalam menunaikan kewajipan bersolat dan berpuasa sebulan dalam bulan Ramadhan.

*In Islam, we **need** a lot of self-discipline to pray five times a day and fast for the whole month of Ramadhan.*<sup>371</sup>

Penggunaan kata "**need**" yang membawa maksud perlu terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 31 tahun 2014. Penulis menggunakan kata "**need**" bagi mengajak umat Islam supaya memberi sokongan sepenuh kepada sistem kewangan Islam yang dijalankan berlandaskan syariah dan tidak mempunyai sebarang unsur-unsur haram. Dalam memberi sokongan sepenuhnya kepada sistem kewangan Islam, terdapat dua pendekatan perlu digunakan, iaitu semua umat Islam perlu sedia menjadi pelanggan setia pembekal dan para usahawan perlu memulakan sistem kewangan Islam ini juga. Ini dijelaskan oleh penulis, Umar Munshi dalam petikan majalah *The Muslim Reader* 2014:

*We **need** to a two-pronged approach in supporting the development of Islamic Finance: 1. All Muslims **need** to become customers of existing providers 2. Our Entrepreneurs **need** to start Islamic Finance businesses.*<sup>372</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 33 tahun 2015-2016, penulis juga menggunakan kata "**need**" untuk mengajak umat Islam memahami keperluan dalam menjaga hubungan dengan Allah SWT melalui ibadah, mengaitkannya dengan aktiviti kehidupan yang dipanggil adat, memastikan diri dan manusia lain menjauhi *muhlikat* serta mengamalkan *munjiyat*. Jelas penulis:

*We **need** to be in touch with God all the time through the range of acts called Ibadat, relate them to the range of activities of everyday living called Adat, make sure we keep ourselves and others away from the Muhlikat, ensure that we are always practising*

<sup>371</sup> To be a Muslim is to be equal, TMR, Vol.29, Isu.no 1, 2011, 28.

<sup>372</sup> Umar Munshi, *Islamic Finance from a Singaporean Perspective*, TMR, Vol.31, Isu.no 1, 2014, 13.

*Munjiyat, and, at the end of our stay here on earth, we will understand that a blissful life here means a more blissful life hereafter.*<sup>373</sup>

Penggunaan kata "**need**" juga digunakan penulis dalam mengajak umat Islam mencontohi akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW. Akhlak yang baik seterusnya dapat menarik perhatian mereka yang bukan beragama Islam untuk terus mengenali Islam, mendekati Islam dan seterusnya memeluk Islam.

*Muslims, from any part of the world, **need** to follow the moral example set by our Prophet (SAW). Indeed more and more unbiased people are embracing Islam, through the efforts of Muslims who portray Islam through admirable behaviour, conduct, and speech.*<sup>374</sup>

Oleh itu, umat Islam harus memainkan peranan dengan menunjukkan sifat dan akhlak yang mulia. Keindahan Islam secara tidak lansung akan dapat dilihat melalui keperibadian yang baik. Malah, melalui dialog perbincangan agama yang diadakan, forum, penulisan dan sebagainya, keindahan Islam dapat dikongsikan.

*Muslims **need** to do their part to portray a good image of Muslims and the beauty of Islam indirectly through good behaviour, conduct and speech, and directly through inter-faith dialogues, forums, and through writings from organisations and individuals.*<sup>375</sup>

Kaedah ajakan juga ditandai dengan kata "**should**" iaitu perlu. Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 28 tahun 2010. Penulis menggunakan kata "should" dalam rencananya bertajuk "*Respect and Humility for our differences*" bagi mengalak pembaca untuk sama-sama menanam sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang seseorang,

*Perhaps, we **should** learn to accord the same amount of respect given to the people we stand up before the start of classes and functions to the very people we often walk past without batting an eyelid: the attendant outside the public washroom; the aged clerk who*

---

<sup>373</sup> Yamin Cheng, *The necessary knowledge for everyday living*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2016, 15.

<sup>374</sup> Shaik Kadir, *Saving one life is like saving the whole mankind*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 78.

<sup>375</sup> *Ibid.*

*struggles with the latest Microsoft application; or the librarian whom we expect to clear the books sprawled on the table, because we believe they are paid salaries to do that.*<sup>376</sup>

Penggunaan kata "should" juga digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 30 tahun 2012, menerusi rencana bertajuk "*Managing our time and youth*". Penulis menggunakan kata "should" bagi mengajak masyarakat Islam agar menjaga masa dengan sebaiknya dan memanfaatkan kehidupan yang sementara dengan kebaikan,

*Prophet Muhammad (SAW) is reported to have said 'health is wealth' so we **should** all manage it and use it wisely. We should strive to benefit from this short life.*<sup>377</sup>

Seterusnya dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 31 tahun 2013, penggunaan kata "should" digunakan untuk mempelawa manusia dalam melakukan kebaikan dan melakukan sesuatu perkara kerana Allah SWT.

*Towards working in righteousness, we **should** do good deeds that also mean doing whatever it may be solely for the sake of Allah (SWT), regardless of reward, thanks and recognition.*<sup>378</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* 2014 menerusi rencana "*The Hijab way of guarding modesty*", penggunaan kaedah ajakan digunakan untuk mengajak wanita Islam supaya menutup aurat dan menjaga kehormatan mereka sepertimana yang dituntut dalam Islam. Ajakan ini menggunakan kata "should" yang membawa maksud "perlu". Petikan ayat al-Quran digunakan dalam usaha mengajak wanita Islam menjaga aurat mereka.

*In the Quran, Allah (SWT) says that a believing woman **should** "guard her modesty and not display her beauty" (Al-Nur, 24:31). In the elegant expression of the Quran, this verse asks a woman to avoid displaying her body if she is a believer in Allah (SWT).*<sup>379</sup>

<sup>376</sup> Hafiz Kusairi, *Respect and humility for our differences*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 9.

<sup>377</sup> Waffie Mohammed, *Managing our time and youth*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 25.

<sup>378</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 7.

<sup>379</sup> Shaik Kadir, *The hijab way of guarding modesty*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 29.

Perkataan "**should**" juga digunakan penulis rencana "Soothe your inner spirit" dalam majalah *The Muslim Reader* 2015-2016 bagi mengajak umat Islam untuk selalu mengingati Allah SWT dengan berzikir.

*We should always seek access to the love of Allah (SWT) by doing zikr profusely.<sup>380</sup>*

Kata ajakan "**marilah**" begitu akrab di hati apabila digunakan dalam usaha mengajak sasaran untuk bersama-sama melakukan sesuatu perkara. Perkataan "mari" bermaksud, sini, perkataan untuk mengajak orang berbuat sesuatu, ayuh, silakan (Kamus Dewan 2005). Dalam bahasa Inggeris, penggunaan frasa "**Let us**" membawa maksud "**marilah**", iaitu sebuah ajakan bersama dalam melakukan sesuatu perkara.

Penggunaan frasa "**Let Us**" dalam majalah *The Muslim Reader* digunakan untuk menunjukkan penekanan dalam ajakannya.

Dalam rencana bertajuk "*In Search of Sincerity*", penulis mengajak pembaca untuk membina hubungan yang baik sesama manusia dengan memulakan senyuman, menyapa dengan baik dan menghulurkan bantuan saat diperlukan,

*The next time we meet a complete stranger in the elevator, let us break into a warm smile and simply say, "Good morning!" The next time we see a neighbour struggling with her bags, let us offer a helping hand.<sup>381</sup>*

Dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 29 tahun 2011 menerusi rencana bertajuk "*Embracing And Keeping The Faith*", penulis menggunakan kata "**Let Us**" bagi mengajak pembaca melihat pada keperluan asas dalam sesebuah perkahwinan dari sudut ajaran Islam,

<sup>380</sup> Siti Khairiyah, *Soothe your inner spirit*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2015, 137.

<sup>381</sup> Hamid Rahmatullah, *In Search of Sincerity*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010,7.

*Let us look at the requirements for a Muslim marriage. There are five essential things: 1) bride; 2) bridegroom; 3) the person who solemnises the marriage; 4) two adult male witnesses; 5) the dowry.*<sup>382</sup>

Seterusnya dalam majalah *The Muslim Reader* jilid 31 tahun 2013, penggunaan kata "**Let us**" digunakan bagi tujuan mengajak manusia untuk memikirkan dan merenungkan tentang manusia yang mempunyai mata namun tidak mampu melihat. Pembaca diajak untuk merenung kembali maksud mendalam di sebaliknya. Manusia yang mempunyai mata namun tidak mampu melihat ialah golongan yang gagal melihat secara rohani dan moral, mereka yang tidak dapat melihat tujuan hidup, atau mereka yang tidak dapat melihat keindahan dalam penciptaan. Pembaca diajak oleh penulis untuk merenungkan maksud di sebalik ayat 179 dari surah Al-Araf, yang membawa maksud "mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah)" (surah Al-Aaraf:179),

*Let us take a sample from this simple message: have you seen him who have eyes and cannot see? The literal meaning we can conceive is that there are some people with eyes, yet, they are unable to physically see.*<sup>383</sup>

Penggunaan perkataan "**Let us**" juga digunakan untuk mengajak manusia meneroka dan mengkaji kewangan Islam. Pembaca diajak penulis untuk mengenal dan memahami sistem kewangan Islam yang tidak mempunyai sebarang unsur haram atau perkara yang ditegah dalam Islam. Penggunaan kata "**Let us**" digunakan dalam petikan majalah *The Muslim Reader* keluaran 2014,

<sup>382</sup> Ismail Song (Joseph Song), *Embracing and keeping the faith*, TMR, Vol.29, Isu.no.1,2011, 23.

<sup>383</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 4.

*Let us quickly explore and analyse a few fundamentals. Firstly, and obviously, Islamic Finance does not engage in haram (prohibited) or socially undesirable business activities. Our money is an amanah (trust), as it is a blessing from Allah (SWT). It is thus our duty to use it only for good.*<sup>384</sup>

Kaedah pembujukan secara **galakan** turut digunakan untuk menggalakkan pembaca melakukan kebaikan. Dalam rencana bertajuk "*The Value of Gratitude*", penulis menjelaskan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk selalu mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT, tidak kira dalam apa jua situasi dan keadaan. Kaedah galakan yang digunakan dalam rencana tersebut menggunakan perkataan "**encourage**" yang membawa maksud galak,

*Furthermore, Islam **encourage** its followers to be grateful and express thanks to Allah SWT) in all circumstances, be they good or bad.*<sup>385</sup>

Malah, penulis menjelaskan Islam juga **menggalakkan** umatnya untuk menanam rasa kesyukuran dalam jiwa, contohnya melalui solat dan puasa yang merupakan salah satu cara manusia dapat memahami erti kesyukuran dan menunjukkan rasa kesyukuran yang mendalam kepada Allah SWT,

*Many essential practices in Islam also **encourage** gratitude. Our five daily prayers are done to thank Allah (SWT) for His goodness. Not only that, we fast during the month of Ramadhan so as to be placed in a state of gratitude.*<sup>386</sup>

Kaedah pembujukan secara galakan ini digunakan juga untuk memberi **penyamaaan taraf**, memberi penghormatan, mengemukakan contoh teladan dan berbentuk ganjaran.

---

<sup>384</sup> Umar Munshi, *Islamic Finance from a Singaporean Perspective*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 12.

<sup>385</sup> Siti Syuhada, *The value of gratitude*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 18.

<sup>386</sup> *Ibid.*

Perkataan "**We**" atau "**Kita**" memberi maksud bahawa orang yang menulis dan orang yang membaca mempunyai taraf yang sama. Ini menjadikan pembaca lebih mudah menerima segala nasihat, cadangan mahupun pandangan.

Perkataan "**We**" digunakan untuk mengajak manusia supaya menanam rasa ikhlas dalam diri dan kehidupan sehari-hari mereka serta mengamalkannya dalam setiap hubungan dengan manusia,

*If we let a little more sincerity seep through our daily activities and in our dealings with family, friends, neighbours, colleagues and strangers, our lives may take a turn for the better.<sup>387</sup>*

Dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2011, kaedah pembujukan secara galakan digunakan bagi mengajak manusia sama-sama meniti kejayaan dengan mengambil contoh mereka yang berjaya. Bahkan, setiap umat Islam boleh mempelajari sesuatu daripada satu sama lain. Penulis menggunakan perkataan "**we**" bagi mengajak pembaca bersama-sama melakukan sesuatu perkara baik,

*If we want to be successful at something, it behoves us to look at those who have succeeded before us. Each of us has something we can learn from the experience of another.<sup>388</sup>*

Penggunaan kata "we" juga digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2012 menerusi rencana bertajuk "*Managing our time and youth*". Penulis menggunakan kata "we" bagi mengajak pembaca melihat kepentingan menjaga masa dengan sebaiknya,

*We need to understand the importance of managing our time properly. Many inhabitants of hell will be of those who did not manage their youth and strength. The day will come when there will be much regret. We will have all the time and wealth in life, yet we may not be able to use it to our benefit because of ill health, weakness of the body or mind.<sup>389</sup>*

---

<sup>387</sup> Hamid Rahmatullah, *In Search of Sincerity*, TMR, Vol.29, Isu.no.1, 2010,7.

<sup>388</sup> Hina Khan-Mukhtar, *Raising children with deen and dunia*, TMR, Vol.29, Isu.no.1,2011, 61.

<sup>389</sup> Waffie Mohammed, *Managing our time and youth*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 25.

Penggunaan kata '*we*' juga digunakan penulis dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2013 dengan tujuan untuk mengajak manusia untuk sama-sama melakukan kebaikan agar dapat kembali kepada Allah SWT dalam keadaan yang baik dan direhái. Kehidupan di dunia yang sementara ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya demi mendapatkan pengakhiran yang baik,

*If we would like to have a beautiful meeting with Him, take a look at what is in the world that could make that meeting happen. Make your intention to Allah (SWT), and Insha'Allah, He would continue to guide us to see the different colours and dimensions of life and protect us in our affairs for this world and the one that is to come.*<sup>390</sup>

Dalam artikel yang bertajuk "*The Necessary Knowledge For Everyday Living*" dalam majalah keluaran 2015-2016, penulis menggunakan kata '*we*' bagi mengajak manusia merenung persoalan tentang dari mana manusia ni didatangkan, tujuan kehidupan dan hala tuju selepas kematian. Persoalan-persoalan ini sering membelenggu fikiran manusia. Persoalan ini akan membawa manusia merenung kembali apa yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari dan sekaligus membantu manusia dalam membuat keputusan yang terbaik dalam kehidupan,

*We lead our life forward but we think it backward, says a philosopher. As human beings, it is our nature that we do not consider life complete unless we take a step back, look at ourselves, and ask, 'Where do I come from?,' 'What is my purpose of life?,' and 'Where do I go after I die?.' These questions help us look at the things we do in our everyday living and guide us in our decision-making, about our priorities in life and what we should pursue and do to make life fulfilling but also having its desired meaning.*<sup>391</sup>

Penggunaan kata '*we*' juga digunakan penulis dalam rencana "*Saving one life is like saving the whole mankind*" bagi mengajak manusia menjaga dan menjadikan bumi ini sebagai tempat yang selamat untuk anak-anak dan generasi akan datang dengan mengamalkan toleransi dan persefahaman dalam kehidupan,

<sup>390</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 7.

<sup>391</sup> Yamin Cheng, *The Necessary Knowledge for Everyday Living*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 13.

*With understanding and tolerance, we can make the earth a safe place to live and dwell for our children and future generations.*<sup>392</sup>

**Galakan** juga ditujukan dalam mengemukakan contoh teladan mengenai kisah seseorang yang wajar dijadikan contoh (dakwah bil hal). Dalam rencana yang bertajuk "*Young Imam With Missionary Zeal*", penulis menceritakan kisah perjalanan seorang mualaf bernama Abdullah Chao yang menjadi imam di salah sebuah masjid di Cina. Dalam usia yang begitu muda, beliau telah menguasai ilmu pengetahuan Islam demi melayakkan beliau menjadi seorang imam, hasil usahanya mendekati Islam setelah memeluk agama Islam. Usaha beliau ini wajar dijadikan contoh. Rencana ini terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2011. Penulis menjelaskan,

*He is grateful that he was able to absorb knowledge easily and even mastered the Arabic language. He was one of the youngest Muslim to be appointed an Imam of a mosque where he led the congregation in all matters pertaining to their spiritual and social well-being, for four years. As classes grew and money poured in, mosque politics soured his desire to remain the Imam of the mosque but the calling to promote Islamic learning and oversee the welfare of the community remained and it helps him pursue his current job to the best of his ability.*<sup>393</sup>

Galakan ini juga digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2012, yang mana kisah seorang ulama yang sangat merendah hati, Al-Hadad, diceritakan agar menjadi contoh kepada masyarakat Islam.

Sharifah Huseinah menjelaskan;

*a true and humble scholar of islam doest not only disseminate knowledge through his utterances and texts but also through his actions. Al-Hadad did just that.*<sup>394</sup>

Galakan berbentuk sebegini dikemukakan dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2013 ketika menggalakkan umat Islam mencontohi tokoh tertentu agar terbina

<sup>392</sup> Shaik Kadir, *Saving one life is like saving the whole mankind*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 79.

<sup>393</sup> Yohanna Abdulllah, *Young Imam with Missionary Zeal*, TMR, Vol.29, Isu.no 1., 2011, 34.

<sup>394</sup> Sharifah Huseinah Madihid, *A humble scholar of Islam*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 19.

semangat dan kekuatan dalam meneruskan perjuangan mereka dalam menyampaikan dakwah. Kisah tokoh ini diambil bagi memberi inspirasi kepada pembaca untuk turut sama mencontohi teladan dan segala usaha yang telah dilakukan mereka.

Dalam rencana bertajuk "*Remembering Singapore's Literary Legacy*", kisah tokoh Syed Ahmad Semait ada dikongsikan agar dapat memberi inspirasi kepada pembaca,

*Author and Publisher Syed Ahmad Semait inspired the growth of Islamic Literature in Southeast Asia.<sup>395</sup>*

Dalam majalah keluaran 2015-2016 pula, galakan berbentuk ini digunakan dalam artikel bertajuk "*Freeying The Dead of Both Sides in A Cruel Afghan War*" dengan menggalakkan manusia mencontohi sifat dan keluruhan budi seorang warga Afghanistan, Malik Abdul Hakim yang berkerja mengangkat dan mengumpulkan mayat-mayat yang terkorban dalam peperangan untuk dibawa pulang ke rumah masing-masing.

Sikapnya yang suka membantu mereka yang memerlukan wajar dijadikan contoh, yang mana kita digalakkan untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan dan meringankan bebanan dan kesusahan yang ditanggung mereka,

*"All these years, I have done this for God," he says. "I call both sides my brothers because they are Afghans and Muslims. I don't want favors or position. My only aim is to help those in need."*<sup>396</sup>

Kaedah ini digunakan ketika penulis menggalakkan pembaca mencontohi sifat kesabaran yang ada pada Nabi Yusuf AS,

*The patient man called Yusuf (AS) was somehow different and had no fury for he was forgiving even when he had been abused on several occasions.*<sup>397</sup>

---

<sup>395</sup> *Remembering Singapore's literary legacy*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 15.

<sup>396</sup> Azam Ahmed, *Ferrying the dead of both sides in a cruel Afghan war*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2016,h.94.

<sup>397</sup> Shasel, *The patience of Joseph*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 140.

Galakan juga boleh diberikan dengan **kaedah ganjaran atau balasan**. **Ganjaran** ialah hadiah untuk perbuatan yang baik, membala jasa baik dengan hadiah atau kurniaan tertentu.<sup>398</sup>

Dalam rencana bertajuk "*The Value of Gratitude*", penulis mengemukakan galakan berbentuk ganjaran ini dengan mengemukakan janji Allah kepada umat Islam yang selalu bersyukur,

*Rewards for gratitude to Allah (SWT) is promised in Surah Ibrahim: "Your Lord has decreed: "The more you thank Me, the more I give you." But if you turn unappreciative, then My retribution is severe". (14:07).*<sup>399</sup>

Penggunaan galakan menerusi kaedah ganjaran ini juga digunakan ketika penulis mengemukakan ganjaran Allah SWT bagi mereka yang bersabar apabila diuji. Kaedah ini digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2015-2016.

*Even when facing hardship, we can gain rewards from Allah (SWT), by being patient.*<sup>400</sup>

Selain itu, dalam majalah *The Muslim Reader* keluaran 2014 menerusi rencananya yang bertajuk "*Advice from Luqman the Wise to His Son*", penulis mengemukakan tentang janji Allah SWT kepada mereka yang selalu bersyukur atas nikmat yang telah diberi. Sesungguhnya Allah akan menambahkannya, namun bagi mereka yang mengingkari nikmat Allah SWT, maka sesungguhnya azab Allah SWT sangat pedih,

*Then Allah (SWT) continues: 'Whoever gives thanks, he gives thanks for (the good of) himself', which means the benefit of being thankful returns to himself or herself. Because the person who is thankful for Allah's blessings, will have his blessings increased by Allah (SWT), as mentioned in another verse: "If you give thanks, I will give you more, but if you are thankless, lo! My punishment is dire." (Ibrahim, 14:07)*<sup>401</sup>

<sup>398</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 432, entri "ganjaran".

<sup>399</sup> Siti Syuhada, *The value of gratitude*, TMR, Vol.28, Isu.no 1, 2010, 18.

<sup>400</sup> Nurfarahin Mohamed, *Having faith in Allah*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 106.

<sup>401</sup> Syed Ahmad Semait, *Advice from Luqman the wise to His son*, TMR, Vol.31, Isu.no 1, 2014, 57.

Galakan juga boleh diberikan dengan **kaedah harapan**. Penggunaan kaedah harapan ini digunakan agar pembaca dapat sama-sama melaksanakan perkara yang baik atau cadangan yang dikongsikan dalam rencana yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*. Kaedah harapan ini merupakan kaedah yang cukup menyentuh apabila penulis mengajak pembaca untuk sama-sama melakukan perkara yang baik. Penulis menggunakan kaedah harapan dalam majalah *The Muslim Reader* terbitan 2010 menerusi rencananya yang bertajuk "*Are we truly professionals- As Muslims?*",

*We want Muslims to succeed and excel in whatever Halal (permissible) activity that they take up.*<sup>402</sup>

Dalam majalah *The Muslim Reader* 2011, kaedah ini digunakan penulis dengan harapan agar golongan mualaf dan masyarakat Islam dapat memahami antara satu sama lain dan dapat dilaksanakan pertimbangan yang lebih kepada mereka yang baru memeluk Islam kerana golongan tersebut memerlukan sokongan dan motivasi untuk terus kuat,

*The point in this discussion is to highlight the problems with **hopes** that the Converts and born Muslims will understand each other better. I do not claim that the opinions I gave are totally unbiased. I may have overlooked some issues. But what demands closer attention is that more consideration is needed to be given to Converts when they are absorbed into the Muslim community.*<sup>403</sup>

Kaedah ini juga digunakan penulis dengan harapan agar umat Islam mengamalkan segala hikmah yang terdapat dalam kisah Luqman Al-Hakim dan anaknya yang dijelaskan dalam rencana bertajuk "*Luqman the Wise and His Son*" untuk diterapkan dalam kehidupan, terutamanya dalam perhubungan anak dan bapa. Kaedah harapan ini digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* 2014,

*It is **hoped** that we will be able to practise them for our own benefits and safety as well as those of our children, Insha'Allah.*<sup>404</sup>

<sup>402</sup> Obaidullah, *Are we truly professionals- As Muslims?*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 38.

<sup>403</sup> Ismail Song (Joseph Song), *Embracing and keeping the faith*, TMR, Vol.29, Isu.no.1, 2011, 23.

<sup>404</sup> Syed Ahmad Semait, Advice from the Luqman the wise to His son, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 58.

### 4.3.2 Kaedah Keras

**Keras:** Kekerasan yang digunakan dalam menyampaikan pesanan digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* demi menarik perhatian pembaca agar memberi perhatian kepada mesej penting yang disampaikan. Kaedah keras ini menggunakan kaedah **amaran** dan **araham**.

**Amaran** bermaksud perintah, suruhan atau peringatan keras.<sup>405</sup> Perkataan ini digunakan untuk memberi kesedaran kepada umat Islam terhadap balasan dan kesan buruk ke atas segala kesalahan dan perbuatan yang dilarang dalam Islam.<sup>406</sup>

**Kaedah amaran** digunakan untuk memberi kesedaran kepada pembaca mengenai balasan Allah SWT ke atas perbuatan yang salah dan tidak betul di sisi Islam. Dalam rencana "*In search of Sincerity*" pada keluaran 2010, penulis menjelaskan:

*Allah warns, "The hypocrites will be in the lowest depth of the Fire; no helper will you find for them" (An-Nisa, 04:145).*<sup>407</sup>

Penggunaan kaedah amaran juga digunakan penulis dalam memberi amaran kepada pembaca agar menjauhi sifat ego dan angkuh kerana sifat tersebut hanya akan mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Penulis menggunakan kata '**be wary**' dalam memberi amaran kepada pembaca supaya berhati-hati,

*Be wary of getting carried away and becoming egoistic. It is common to see influential people who became arrogant and egoistical fall from their pedestals of power, And this can be traced back to the Quran. Mighty rulers, such as Pharaoh and Nimrod, had such unfortunate endings.*<sup>408</sup>

<sup>405</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 43, entri "amaran".

<sup>406</sup> Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 64.

<sup>407</sup> Hamid Rahmatullah, *In Search of Sincerity*, TMR, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 7.

<sup>408</sup> Waffie Mohammed, Thanking Allah, *TMR*, Vol.28, Isu.no.1, 2010, 12.

Perkataan "**jangan**" merupakan kata larangan yang menyatakan tidak boleh, usah. Perkataan ini merupakan ungkapan bagi melarang seseorang melakukan sesuatu kerja.<sup>409</sup>

Penggunaan kata "**do not**" yang membawa maksud "jangan" digunakan penulis dalam majalah *The Muslim Reader* terbitan tahun 2012, yang mana penulis memberi amaran agar umat Islam tidak terganggu atau terleka dengan gangguan dunia yang sementara,

*do not let distractions of this world divert you and take you off the course. Allah (SWT) gives us a beautiful parable of how we should live our lives in this world in Surah Ibrahim, "Have you not considered how Allah sets forth a parable of a good (being) like a good tree, whose roots is firm and whose branches are in heaven" (14:24).<sup>410</sup>*

Penggunaan larangan juga digunakan dengan menggunakan kata "**forbids**" yang bermaksud "larang". Perkataan "**forbids**" yang digunakan dalam majalah yang diterbitkan pada tahun 2013 adalah untuk memberi amaran yang tegas kepada manusia untuk tidak menyakiti hati kedua ibu bapa mereka seperti mana yang dilarang dalam Islam. Kedua-dua ibu bapa harus dilayan dengan penuh kasih sayang, hormat dan kelembutan, kerana kasih sayang, perhatian dan pengorbanan yang telah mereka taburkan kepada anak-anak,

*Islam **forbids** children from rubbing pain or hurt into their parents' feelings, precisely because it is their love, care, and sacrifices that make possible our existence and enjoyment of life.<sup>411</sup>*

Dalam majalah keluaran 2014 pula, penggunaan perkataan "**forbids**" juga digunakan ketika penulis memetik ayat daripada al-Quran yang menegah dan melarang umat Islam daripada mengamalkan riba,

<sup>409</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 606, entri "jangan".

<sup>410</sup> Waffie Mohammed, *Managing our time and youth*, TMR, Vol.30, Isu.no.1, 2012, 25.

<sup>411</sup> Yamin Cheng, *Stepping into Islam*, TMR, Vol.31, Isu.no 1, 2013, 11.

*Islam has made a clear distinction between commercial gains and interest on money-lending. The Quran states: “God permitted trading and **forbid** interest... (I) if you do not give up (interest), then be warned of war against God and His messenger; and if you repent, then you shall have your principal, (without interest); neither you wrong nor be wronged’ (AlBaqarah, 02:275 & 277).<sup>412</sup>*

Seterusnya penggunaan kaedah amaran digunakan penulis bagi memberi peringatan kepada pembaca agar sentiasa bersyukur. Ini kerana bagi siapa yang tidak mensyukuri atas segala nikmat yang diberi, maka sesungguhnya azab Allah SWT menanti mereka. Jelas penulis,

*And if you are thankless for the blessings Allah (SWT) has given, the punishment will return to you. None will lose, except yourself. In this world, His gifts for us will be lessened, and in the hereafter, we will receive a painful punishment for not being thankful to Allah (SWT).<sup>413</sup>*

Penulis menggunakan kaedah amaran bagi memberi peringatan kepada pembaca tentang azab Allah SWT ke atas mereka yang tidak bersyukur.

Dalam majalah keluaran 2015-2016, penggunaan kata ‘**must not**’ juga digunakan oleh penulis yang tegas melarang manusia daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan kemanusiaan yang mana orang lain juga akan menerima akibatnya. Setiap apa yang dilakukan, hasrat dan dan fikiran akan membawa kepada tindakan seterusnya. Oleh itu, manusia harus menjalani kehidupan dengan baik,

*Thus, we **must not** do things that are destructive to our humanity through which others too will receive the consequences, about what our tongue does, what our hands do, what our thoughts can affect, what our heart intends, and what consequences are coming out of our actions.<sup>414</sup>*

---

<sup>412</sup> Hyder Gulam, *Implications of Islam on the economic sphere*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, h.35.

<sup>413</sup> Syed Ahmad Semait, *Advice from Luqman the wise to His son*, TMR, Vol.31, Isu.no 1, 2014, 57

<sup>414</sup> Yamin Cheng, *The necessary knowledge for everyday living*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 15.

Seterusnya dalam artikel bertajuk “*Hate the sin, not the sinner*” pada keluaran 2015-2016, penggunaan kaedah amaran digunakan penulis untuk memberi peringatan kepada umat Islam akan peringatan Allah SWT yang melarang umat Islam mencemuh dan merendah-rendahkan orang lain serta membuka aib manusia. Allah menegaskan barang siapa yang tidak bertaubat daripada melakukannya, maka mereka ialah orang yang zalim,

*As Allah (SWT) has warned us in the Quran: “O you who believe, let not a people ridicule people; perhaps they may be better than them; nor let women ridicule women; perhaps they may be better than them. And do not insult one another and do not call each other by (offensive) nicknames. Wretched is the name of disobedience after faith. And whoever does not repent - then it is those who are the wrongdoers.” (Al-Hujurat, 49:11).<sup>415</sup>*

Kaedah amaran dengan memberi peringatan kepada khayalak juga boleh didapati apabila penulis menegaskan bahawa Allah telah memberi peringatan kepada hambaNya tentang kehidupan di dunia dengan merujuk kepada ayat dalam Al-Quran. Perkataan “**remind**” atau yang membawa maksud “**peringatan**” digunakan dalam majalah keluaran 2013 menerusi rencana “*Seeing the world for our hereafter*”,

*Allah (SWT) reminds us about life in this world, “Know you (all), that the life of this world is but play and amusement, pomp and mutual boasting and multiplying, (in rivalry) among yourselves, riches and children” (Al-Hadid, 57:20).<sup>416</sup>*

Malah, Islam mengingatkan umatnya untuk sedar bahawa kehidupan di dunia ini tidak selamanya kekal kerana pada satu masa mereka akan tetap kembali kepada Allah SWT,

*Islam constantly reminds us that we are not going to be here forever and that one day we would all return to our Creator.<sup>417</sup>*

Selain itu, kaedah ini juga digunakan penulis bagi memberi peringatan kepada pembaca supaya melalui kehidupan berpandukan al-Quran dan sunnah. Sesungguhnya

<sup>415</sup> Sharifah Nabila, *Hate the sin, not the sinner*, TMR, Vol.33, Isu.no.1, 2015-2016, 55.

<sup>416</sup> Waffie Mohammed, *Seeing the world for our hereafter*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 6.

<sup>417</sup> *Ibid.*

Rasulullah telah berulang kali memperingatkan umatnya untuk berpegang pada al-Quran dan sunnah agar tidak tersesat di dunia,

*The Prophet has, time and again, reminded the people that two things are important so that with them, harmony and peace will come to their life. These are, the 'Word of God,' i.e. the Quran, and the Prophet's teachings and life practice of the Quran, called Sunnah.*<sup>418</sup>

**Arahan** pula bermaksud hala, jurusan, tujuan, memberi tekanan pada sesuatu hal berat.<sup>419</sup> Kaedah ini digunakan bagi memberi arahan terhadap sesuatu perkara yang perlu dilakukan.

Penggunaan kata "**must**" juga digunakan bagi memberi penekanan kepada umat Islam supaya memberi sokongan sepenuhnya kepada sistem kewangan Islam yang tidak mempunyai unsur-unsur haram. Bahkan, galakan dan motivasi juga perlu diberikan kepada orang lain untuk turut sama menyokong sistem kewangan Islam,

*We must all strive to support the Islamic Finance industry, by using their services and becoming customers. At the same time, we need to encourage and motivate those around us to do the same.*<sup>420</sup>

Dalam majalah keluaran 2015-2016 menerusi rencana "*Seeking Islamic Knowledge*", perkataan "**must**" atau "**mesti**" juga digunakan untuk menekankan betapa pentingnya manusia menjaga disiplin jika ingin berjaya dalam menguruskan masa dengan baik.

*In entirety, for time management to be successful, an individual **must** exercise self-discipline.*<sup>421</sup>

Justeru, penting bagi umat Islam untuk mengamalkan sikap berdisiplin dalam kehidupan sehari-hari.

<sup>418</sup> Yamin Cheng, *Stepping into Islam*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2013, 11.

<sup>419</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 75, entri "arahan".

<sup>420</sup> Umar Munshi, *Islamic Finance from a Singaporean Perspective*, TMR, Vol.31, Isu.no.1, 2014, 14.

<sup>421</sup> Hamid Rahmatullah, *Seeking Islamic Knowledge*, TMR, Vol.33, Isu.no 1, 2015-2016, 112.

#### **4.3.3 PERBANDINGAN USLUB DAKWAH BI AL-HIKMAH DALAM MAJALAH THE MUSLIM READER.**

Sebanyak lima buah majalah *The Muslim Reader* dipilih sebagai sampel kajian. Majalah yang dipilih adalah daripada majalah edisi pertama yang diterbitkan pada tahun 2010 hingga 2015.

Kelima-lima sampel ini menggunakan pendekatan dakwah secara hikmah dalam majalah. Pendekatan secara hikmah ini dilihat sebagai pendekatan yang amat bersesuaian dengan sasaran pembaca yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza. Bagi pembaca yang terdiri daripada golongan mualaf yang baru hendak mendalami Islam secara mendalam, pendekatan seperti ini dilihat amat sesuai digunakan. Malah, menjadi lumrah bagi manusia untuk lebih tertarik dengan pendekatan yang penuh hikmah. Oleh itu, majalah *The Muslim Reader* menggunakan pendekatan dakwah secara hikmah dalam mendekati sasarannya.

Pembujukan secara hikmah ini dibahagikan kepada dua, iaitu kaedah secara lembut dan keras. Kaedah lembut yang digunakan dalam majalah *The Muslim Reader* ialah ajakan dan galakan. Kaedah lembut ini digunakan bagi mengajak dan menggalak pembaca untuk melakukan kebaikan. Manakala, kaedah keras pula digunakan dalam majalah untuk memberi penekanan kepada mesej yang hendak disampaikan.

Kaedah ini adalah salah satu cara menarik perhatian pembaca agar memberi perhatian kepada mesej yang terdapat dalam majalah. Kaedah keras ini menggunakan kaedah keras dan amaran. Seterusnya Jadual 4.3.3 (c) menunjukkan perbandingan uslub dakwah *bil-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010-2015.

	MESEJ DAKWAH TMR VOL.28,ISU.01,2010	MESEJ DAKWAH TMR VOL.29,ISU.01,2011	MESEJ DAKWAH TMR VOL.30,ISU.01,2012	MESEJ DAKWAH TMR VOL.31,ISU.01,2013
Kaedah Lembut	Ajakan (ditandai dengan kata "let us", "we need", "we have to", "must", "should", etc.) & Galakan (ditandai dengan kata "we", etc.)	Ajakan (dengan kata "let us", "must", etc.) & Galakan (dengan kata "we")	Ajakan (dengan kata "let us", etc.). & Galakan (dengan kata "we", etc.).	Ajakan (dengan kata "let us", "should", etc.) & Galakan (dengan kata "we", etc.)
Kaedah Keras	Amaran (hanya sekali digunakan dengan kata "be wary" )			Amaran (ditandai dengan "remind", "never", "forbids").

	MESEJ DAKWAH TMR VOL.32,ISU.01,2014	MESEJ DAKWAH TMR VOL.33,ISU.01,2015-2016
Kaedah Lembut	Ajakan (dengan kata "need", "should", "let us", etc.)	Ajakan (ditandai dengan kata "need", "have to" dan "should"). & Galakan (Ganjaran); - ganjaran Allah SWT bagi mereka yang bersabar. (Balasan); - kaedah balasan digunakan untuk memberi peringatan kepada umat Islam
Kaedah Keras	Amaran (dengan kata "forbids", "must not"). & Arahan (dengan kata "must".)	Amaran (ditandai dengan kata "must not", "should not" ). & Arahan (ditandai dengan kata "must").

**Jadual 4.3.3 (c): Perbandingan Uslub Dakwah *Bi al-Hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader* tahun 2010-2015.**

Jadual 4.3.3 (c) menunjukkan majalah *The Muslim Reader* Edisi Pertama tahun 2010 banyak mengetengahkan isu akhlak dengan memberi penekanan pada atas nilai-nilai murni yang dapat diterapkan dalam kehidupan. Perbincangan isu akhlak ini adalah untuk menggalakkan pembaca menanam sifat dan nilai-nilai murni dalam diri setiap individu. Atas tujuan ini, maka kaedah yang kerap digunakan ialah kaedah lembut dengan menggunakan kaedah ajakan dan galakan. Namun, kaedah ajakan antara kaedah yang kerap digunakan. Dalam majalah tersebut, pembaca diajak untuk sama-sama menanamkan sifat dan akhlak yang mulia.

**Kaedah ajakan** yang digunakan dalam majalah tersebut kebiasaannya ditandai dengan kata "*let us*" iaitu "marilah", "*we need*" iaitu "harus", "*we have to*" yang membawa maksud "hendaklah", "*please*" yang membawa kepada "harapan" , "seruan", dan "ajak", "*must*" yang bermaksud harus, dan kata "*should*" yang bermakna "perlu " atau "patut". Manakala kaedah pembujukan secara **galakan** pula digunakan untuk menggalakkan pembaca melakukan kebaikan. Kaedah galakan yang digunakan dalam edisi tersebut kebiasanya ditandai dengan kata "*encourage*" iaitu galakan, perkataan "*we*" iaitu kami yang membawa kepada penyamaan taraf, kaedah ganjaran dan balasan serta kaedah harapan. Penggunaan Kaedah lembut dalam *Uslub Al-Hikmah* lebih banyak digunakan dalam majalah edisi tersebut. Manakala penggunaan kaedah keras pula tidak banyak digunakan. Kadah tersebut hanya digunakan dalam rencana bertajuk "*Thanking Allah*", apabila penulis cuba memberi amaran kepada pembaca agar menjauhi sifat ego dan angkuh kerana ia hanya akan mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Penulis menggunakan kata '**be wary**' dalam memberi amaran kepada pembaca supaya berhati-hati.

Bagi majalah edisi pertama tahun 2011 pula, penggunaan kaedah lembut dalam *Uslub Al-Hikmah* juga lebih banyak digunakan. Kaedah galakan dan ajakan digunakan penulis untuk mengajak pembaca menghayati kisah-kisah perjalanan mereka yang telah memeluk Islam. Kisah-kisah menarik ini dikongsikan bagi memberi inspirasi kepada pembaca terutama golongan mualaf dan masyarakat Islam sendiri. Oleh itu, kaedah yang paling bersesuaian ialah kaedah galakan dan juga ajakan. Kaedah ajakan yang digunakan dalam edisi ini kebiasaannya ditandai dengan kata "must" yang bermaksud harus, "need" iaitu perlu dan kata "let us" iaitu marilah. Manakala kaedah galakan pula ditandai dengan kata "we" yang membawa kepada penyamaan taraf. Dakwah bil hal juga digunakan dalam rencana yang bertajuk "*Young Imam With Missionary Zeal*", yang mana penulis menceritakan tentang kisah perjalanan seorang mualaf bernama Abdullah Chao yang menjadi imam di salah sebuah masjid di China. Kisah ini menjadi inspirasi dan contoh kepada pembaca untuk sama-sama menjadi mukmin yang sejati. Kaedah harapan juga digunakan penulis yang berharap agar masyarakat Islam dan mualaf dapat saling memahami dan memberi sokongan. Penulis menggunakan kata 'hope'. Namun, dalam edisi ini, penggunaan kaedah keras tidak digunakan.

Seterusnya majalah *The Muslim Reader* Edisi Pertama tahun 2013 pula penggunaan kaedah lembut dan keras digunakan dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Majalah yang mengetengahkan persoalan mengenai akhirat ini menggunakan kaedah ajakan dalam mengajak pembaca manusia dalam melakukan kebaikan dan melakukan sesuatu perkara kerana Allah SWT. Penulis menggunakan perkataan "should" dalam ajakan tersebut. Malah, penulis juga menggunakan kata "let us" yang bermaksud marilah dalam mengajak pembaca untuk mengambil contoh yang diberi.

Kaedah galakan turut digunakan dalam majalah edisi tersebut yang mana penulis telah berkongsi kisah mengenai tokoh dalam penulisan Islam di Singapura, iaitu Syed Ahmad Semait agar pembaca dapat menjadikannya sebagai contoh dan tauladan. Selain itu, penggunaan kata "we" juga digunakan penulis dengan tujuan mengajak pembaca untuk sama-sama melakukan kebaikan agar berolah kebaikan di dunia dan akhirat. Dalam edisi ini, penggunaan kaedah keras turut digunakan bagi menyampaikan mesej penting. Penggunaan kaedah keras ini ditandai dengan kata "*remind*" yang membawa maksud peringatan, "*never*" iaitu jangan dan "*forbids*" iaitu larangan. Penggunaan kata "*never*" dan "*forbids*" ini membawa kepada amaran keras.

Dalam majalah Edisi Pertama tahun 2014, penggunaan kaedah lembut dan keras digunakan dalam penulisan. Penggunaan kaedah lembut dalam majalah tersebut menggunakan kaedah ajakan dan galakan. Kaedah ajakan lebih kerap digunakan dengan ditandai dengan kata "*need*" iaitu perlu, "*should*" iaitu harus dan kata "*let us*" yang membawa maksud sebuah ajakan. Majalah yang banyak mengetengahkan tulisan mengenai Cina Muslim ini turut menggunakan keadah ganjaran dan balasan dalam rencananya yang bertajuk "*Advice from Luqman the Wise to His Son*". Penulis mengemukakan janji Allah SWT kepada mereka yang selalu bersyukur atas nikmat yang telah diberi, maka sesungguhnya Allah akan menambahkannya. Namun bagi mereka yang mengingkari nikmat Allah SWT, maka sesungguhnya azab Allah SWT itu sangat pedih. Selain kaedah lembut, kaedah keras juga digunakan dalam majalah 2014 ini. Kaedah amaran digunakan dengan ditandai kata "*forbids*" dan "*must not*" yang membawa kepada larangan. Penulis menggunakan kaedah ini bagi memberi tekanan kepada pengharaman riba dan juga kepentingan kewangan Islam yang tidak harus diambil mudah. Kaedah arahan pula

digunakan agar masyarakat Islam dapat memberikan sepenuh sokongan kepada sistem kewangan Islam. Kaedah ini ditandai dengan kata "*must*" yang membawa erti mesti.

Majalah edisi pertama tahun 2015 pula, penggunaan kaedah lembut kerap digunakan dalam penulisan. Majalah yang membincangkan mengenai permasalahan masyarakat ini mengajak pembaca agar dapat mencontohi Rasulullah SAW dalam kehidupan mereka terutama pada saat menghadapi cabaran dan dugaan. Oleh itu, keadah ajakan kerap digunakan bagi mengajak pembaca untuk sama-sama melakukan perkara baik dengan menjadikan Rasulullah sebagai contoh terbaik. Kaedah ajakan ini ditandai dengan kata "*need*", "*have to*" dan "*should*" yang membawa maksud harus. Kaedah galakan juga digunakan dengan mengetengahkan kisah murni seorang warga Afghanistan, Malik Abdul Hakim yang wajar dicontohi akhlak dan pengorbanannya. Penulis turut menggunakan kaedah ganjaran dan balasan dalam edisi ini.

Penggunaan galakan menerusi kaedah ganjaran ini juga digunakan ketika penulis mengemukakan ganjaran Allah SWT bagi mereka yang bersabar, manakala penggunaan kaedah balasan digunakan untuk memberi peringatan kepada umat Islam akan peringatan Allah SWT yang melarang mereka mencemuh dan merendah-rendahkan orang lain. Meskipun kaedah lembut lebih kerap digunakan dalam majalah tahun 2015 ini, namun kaedah keras juga digunakan dengan penggunaan kaedah arahan dan amaran. Kaedah amaran ditandai dengan kata "*should not*" dan "*must not*" manakala kaedah arahan ditandai dengan kata "*must*".

#### **4.4 KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, majalah *The Muslim Reader* banyak menggunakan pendekatan hikmah secara lembut berbanding keras. Ini bersesuaian dengan keadaan dan situasi sasaran majalah tersebut, yang rata-ratanya merupakan golongan mualaf. Oleh sebab itu, lebih tepat untuk menggunakan kaedah lembut bagi mendekati mereka agar mereka dapat terus mendalami ajaran Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Ini secara tidak langsung dapat memberi mereka sokongan dan dorongan bagi menjadi muslim sejati.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan keseluruhan hasil kajian yang diperoleh, bab ini akan membincangkan kesimpulan dan saranan-saranan kepada pengkaji akan datang serta pihak-pihak yang berkaitan bagi memantapkan lagi majalah dakwah *The Muslim Reader* serta meneruskan kesinambungan dalam menerbitkan lebih banyak lagi majalah agama di Singapura.

#### 5.2 RUMUSAN

Berdasarkan keseluruhan hasil kajian, beberapa rumusan telah dirumuskan dan dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan objektif kajian:

- i. Memahami dengan jelas pendekatan dakwah *bil-hikmah*.
- ii. Memahami sejarah perkembangan majalah agama di Singapura.
- iii. Menganalisis mesej dakwah dan pendekatan dakwah *bil-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader*.

##### 5.2.1 Pendekatan Dakwah *Bi al-Hikmah*

Pembujukan dakwah secara *al-hikmah* merupakan antara kaedah yang penting dan berkesan dalam mengajak dan menyeru manusia kepada Islam. Ia merupakan kaedah yang bersesuaian dengan sasaran dakwah yang terdiri daripada inividu yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Pemilihan gaya dan penyampaian dakwah ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan dakwah bagi mencapai matlamatnya mendekati sasaran.

Perkataan *al-hikmah* membawa pengertian lembut, rahmat dan kasih sayang dan ada masanya membawa maksud ketegasan. Oleh itu, daripada hasil dapatan

kajian dapat dirumuskan bahawa pendekatan dakwah secara *al-hikmah* ini dapat dibahagikan kepada dua cara iaitu pendekatan dakwah secara lembut dan secara keras.

Pendekatan dakwah secara lembut merupakan pendekatan yang mampu melembutkan hati manusia dengan penuh kebijaksanaan. Kaedah secara lembut ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk ajakan dan galakan. Pembujukan melalui kaedah ajakan ini bermaksud menjemput dan mempelawa manusia untuk sama-sama melakukan kebaikan dan menuju kebenaran. Manakala pembujukan melalui kaedah galakan pula bererti memberi galakan, dorongan, sokongan dan harapan. Dalam erti kata lain, kaedah galakan ini digunakan bagi mendorong sasaran dakwah untuk melakukan kebaikan dan mencegah keburukan. Dorongan ini secara tidak langsung memberikan semangat dan motivasi kepada mereka untuk terus berusaha mencari kebenaran dan keredhaan Allah serta melalui kehidupan yang berlandaskan syariah.

Selain pembujukan dakwah *al-hikmah* secara lembut, pendekatan dakwah juga dilakukan dengan cara keras. Kaedah *al-hikmah* secara keras ini dilakukan untuk memberi ketegasan kepada sasaran dakwah yang ingkar akan suruhan dan perintah. Kaedah keras ini dilihat sebagai kaedah yang bersesuaian pada mereka yang terus degil dalam kesesatan. Hasil kajian yang diperoleh merumuskan bahawa kaedah keras ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu melalui bentuk amaran dan arahan.

Kaedah amaran digunakan untuk melahirkan rasa gerun dan takut dalam diri sasaran dakwah yang terdiri daripada mereka yang beriman agar terus berpegang teguh kepada kebenaran dan petunjuk, menjalankan segala perintah Allah SWT dan

meninggalkan segala kemungkaran. Kaedah amaran ini antara lain mengingatkan sasaran akan janji buruk serta balasan Allah SWT ke atas segala perbuatan yang dilakukan. Ini secara tidak langsung akan melahirkan rasa keinsafan dalam hati dan jiwa sasaran agar tidak melakukan perbuatan yang dilarang dan ditegah dalam Islam. Dalam erti kata lain, kaedah amaran ini ialah kaedah yang membawa kepada kesedaran kepada sasaran.

Kaedah arahan pula merupakan kaedah berbentuk arahan dan suruhan. Kaedah ini digunakan dalam memberi penekanan ke atas sesuatu yang diperintahkan dalam Islam. Sasaran dakwah dituntut untuk menjalankan kewajipan sebagai orang yang beriman. Namun begitu, kaedah berbentuk arahan ini tidak semestinya membawa kepada suruhan, tetapi juga boleh membawa maksud kepada bimbingan, permohonan, tawaran, harapan, pemilihan, *taswiyah* (menyamakan), *ta'jid*, *tahdid* (ancaman) dan *ibahah* (kebolehan).

Kedua-dua bentuk kaedah ini iaitu kaedah secara lembut dan keras digunakan bagi mendekati sasaran dakwah.

### **5.2.2 Sejarah Perkembangan Majalah Agama di Singapura**

Hasil daripada kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa suatu ketika dahulu, dunia permajalah Melayu di Singapura pernah menyaksikan perkembangan yang sangat hebat memandangkan segala aktiviti percetakan dan penerbitan berpusat di Singapura.

Maka, terdapat banyak akhbar dan majalah Melayu, termasuk majalah berbentuk keagamaan yang pada awalnya diterbitkan di Singapura. Antara majalah berbentuk keagaaman yang terawal diterbitkan ialah majalah Al-Imam yang diterbitkan pada tahun 1906. Namun begitu, penerbitannya hanya dapat bertahan selama dua tahun sahaja.

Kemudian muncul majalah keagamaan selepas itu iaitu majalah Neraca dan majalah Al-Islam. Seterusnya pada sekitar tahun 1930-an, terbit empat buah majalah agama yang diterbitkan oleh penerbit swasta. Antaranya ialah majalah Kehidupan Akhirat, Dunia Akhirat, Medan Laki-Laki dan Medan Al-Islam. Selain daripada itu, terdapat beberapa majalah agama yang telah diterbitkan oleh Madrasah, antaranya ialah Majalah Temasek oleh Madrasah Al-Junied Al-Islamiah, dan Bintang Malaya oleh Kuliah Al-Firdaus, Singapura.

Namun begitu, sebaik sahaja selepas Perang Dunia Kedua meletus, perkembangan majalah keagamaan ini dilihat semakin merosot. Tidak banyak majalah berbentuk keagamaan yang diterbitkan di Singapura meskipun ketika itu Singapura masih menjadi pusat perkembangan bahasa dan sastera. Jumlah majalah agama yang diterbitkan selepas perang mulai merosot ekoran kecenderungan pembaca terhadap dunia hiburan. Antara majalah agama yang diterbitkan di Singapura selepas perang ialah majalah Kesatuan Islam, namun hanya bertahan dalam tempoh yang singkat. Selepas itu, pada tahun 1948, majalah Tawarikh diterbitkan di Singapura oleh Royal Press. Penerbitan majalah keagamaan ini seterusnya diteruskan perjuangannya atas inisiatif dan usaha individu yang mempunyai fikrah Islam. Antara majalah agama yang diterbitkan ialah majalah Al-Islam, majalah Sinaran, majalah Qalam dan majalah Kehidupan.

Kemerosotan penerbitan majalah agama di Singapura ini semakin jelas kelihatan sebaik sahaja Singapura mencapai kemerdekaan. Sebaik sahaja Singapura berpisah dari Malaysia dan berpindahnya pusat percetakan dan penerbitan majalah Melayu ke Kuala Lumpur, penerbitan majalah agama di Singapura kian merosot. Bukan sahaja penerbitan agama dilihat kian terjejas, malahan keseluruhan penerbitan majalah Melayu di Singapura juga mengalami kemerosotan. Peranan Singapura sebagai pusat penerbitan majalah Melayu

kian terhakis. Kesan daripada itu, perkembangan majalah agama di Singapura selepas itu juga dilihat tidak rancak seperti sebelumnya. Sehingga kini, tidak banyak majalah agama yang diterbitkan bagi memenuhi keperluan pembaca.

### **5.2.3 Mesej dakwah dan Pendekatan Dakwah *Bi al-Hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader***

Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap majalah *The Muslim Reader* kerana majalah ini merupakan satu-satunya majalah keagamaan berbahasa Inggeris di Singapura yang telah diterbitkan sejak tahun 1980. Sehingga kini, majalah tersebut telah mempunyai lebih dari 34 jilid melalui isu yang telah diterbitkan dan usaha ini masih lagi diteruskan sehingga kini seterusnya menjadikannya sebagai sebuah majalah tahunan. Sepanjang 36 tahun penerbitannya, majalah *The Muslim Reader* telah melalui beberapa perubahan dari sudut tema, pendekatan dan cara penulisan. Ini demi menyesuaikan situasi, masa, keadaan serta keperluan masyarakat ketika itu. Namun begitu, tujuan dan matlamat majalah ini diterbitkan adalah demi menyampaikandan dakwah kepada sasaran menerusi penulisan dakwah yang terdapat dalam majalah tersebut. Tujuan dan matlamat ini jelas kelihatan melalui isi dan kandungan majalah *The Muslim Reader* yang mencakupi mesej-mesej dakwah itu sendiri yang terdiri dari isu akidah, isu syariah, isu akhlak dan isu semasa. Isu yang paling kerap ditekankan adalah berkenaan isu akidah dan juga Akhlak. Ini jelas kelihatan dalam terbitan tahun 2011, yang mana hampir keseluruhan rencana yang terdapat dalam majalah tahun tersebut berkaitan dengan soal akidah. Manakala hampir setiap daripada terbitan majalah *The Muslim Reader* bermula dari tahun 2011 hingga ke majalah keluaran terbaru tidak lepas membincangkan isu-isu berkaitan dengan akidah. Ini selaras dengan matlamat penerbitan majalah *The Muslim Reader* iaitu untuk menyampaikan

dakwah kepada pembaca terutama golongan mualaf. Dalam erti kata lain, penerbitan majalah ini antara lain bertujuan memberi pengetahuan yang mendalam mengenai Islam kepada golongan mualaf serta sekaligus menguatkan lagi kepercayaan, akidah, pegangan dan keimanan mereka terhadap Islam. Atas sebab itu, kebanyakan majalah yang diterbitkan membincangkan soal berkaitan akidah.

Isu akidah yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader* ini mencakupi perkara yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Allah, iaitu syahadah kepada Allah SWT dan Rasul SAW dengan bersumberkan al-Quran dan sunnah.

Selain isu akidah yang sering dibincangkan, majalah *The Muslim Reader* juga sering mengeluarkan artikel berkaitan dengan isu akhlak. Ini bagi membentuk keperibadian muslim yang sejati. Antara isu akhlak yang dibincangkan adalah seperti sikap saling hormat menghormati, sikap toleransi, sifat pemaaf, sifat bersyukur dan sebagainya. Isu berkaitan akhlak ini paling kerap dibincangkan dalam majalah terbitan 2010 dan 2015 yang mana dalam dua keluaran tersebut, isu akhlak menjadi isu yang paling ditekankan.

Manakala isu syariah dan isu semasa pula tidak kerap dibincangkan dalam majalah *The Muslim Reader* sepanjang terbitan tahun 2010 hingga 2015. Isu syariah hanya dibincangkan dalam majalah yang diterbitkan pada tahun 2010, 2014 dan 2015 sahaja yang mana antara isu syariah yang diketengahkan adalah berkenaan dengan kewangan Islam, perbankan Islam, hubungan antara masyarakat, hubungan antarabangsa dan hubungan dengan alam. Isu semasa pula hanya dibincangkan dalam majalah yang diterbitkan pada tahun 2010, 2014 dan 2015, yang mana pada tahun 2015 isu tersebut paling kerap dikupas berbanding tahun 2010 dan 2014. Isu semasa yang dibincangkan ini berkaitan dengan isu keganasan yang menjadi isu yang paling hangat waktu itu.

Majalah *The Muslim Reader* ini banyak menggunakan pendekatan dakwah *bil-hikmah*. Ini sesuai dengan sasaran pembaca majalah tersebut itu sendiri yang terdiri daripada inividu yang mempunyai pelbagai latar belakang, terutamanya golongan mualaf. Oleh itu, pendekatan dakwah *bil-hikmah* dilihat bersesuaian dengan sasaran dakwah. Pendekatan dakwah *bil-hikmah* dalam majalah *The Muslim Reader* ini dibahagikan dalam dua bentuk, iaitu pendekatan dakwah secara lembut dan juga pendekatan secara keras.

Pendekatan dakwah secara lembut ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah galakan dan kaedah ajakan. Manakala pendekatan dakwah secara keras pula menggunakan dua kaedah iaitu kaedah secara ancaman dan kaedah secara arahan. Pembujukan yang paling kerap digunakan dalam setiap terbitan majalah *The Muslim Reader* ialah pembujukan *al-hikmah* secara lembut, kerana pembujukan ini merupakan kaedah yang paling sesuai dengan keadaan sasaran pembaca terutama golongan mualaf yang baru hendak mendalami Islam secara mendalam. Pembujukan secara lembut ini dilihat dapat melembutkan hati pembaca dan menarik mereka ke arah kebaikan. Ini selaras dengan matlamat dakwah itu sendiri, iaitu mengajak dan menyeru mereka kepada Islam. Majalah yang diterbitkan pada tahun 2010 kerap menggunakan kaedah secara ajakan dalam setiap rencananya, manakala majalah pada tahun 2015 kerap menggunakan kaedah galakan. Pembujukan dakwah secara keras pula tidak banyak digunakan dalam majalah *The Muslim Reader*. Hanya majalah pada tahun 2012 kerap menggunakan kaedah ancaman bagi memberi peringatan kepada pembaca akan azab dan juga balasan Allah. Ini secara tidak langsung memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca. Manakala pada tahun 2014 dan 2015 pula, terdapat kaedah arahan dan ancaman yang digunakan dalam rencananya. Kaedah arahan menuntut pembaca untuk sama-sama melakukan tanggungjawab sebagai

orang Islam manakala kaedah ancaman bertindak memberi peringatan kepada pembaca untuk meninggalkan segala larangan.

Kesimpulannya, hasil kajian yang dijalankan ke atas majalah *The Muslim Reader* dari tahun 2010 hingga 2015, majalah tersebut lebih banyak menggunakan pendekatan dakwah secara lembut, sesuai dengan sasaran dakwah.

### **5.3 SARANAN**

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, beberapa saranan telah dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk dipertimbangkan atau dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pendekatan dakwah melalui majalah di Singapura.

#### **5.3.1 Pengkaji Akan Datang**

1. Kajian ini dilakukan terbatas kepada majalah *The Muslim Reader* yang diterbitkan dari tahun 2010 hingga tahun 2015 dengan mengambil isu pertama setiap tahun. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian dilakukan ke atas majalah yang diterbitkan pada tahun-tahun sebelumnya, iaitu majalah yang diterbitkan pada tahun 1980an, 1990an dan 2000 bagi melihat pendekatan dakwah yang digunakan.
2. Kajian yang dijalankan juga terbatas kepada pendekatan dakwah *bil-hikmah* yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*, maka disarankan agar kajian dapat dilakukan ke atas pendekatan yang lain seperti *maw'izah al-hasannah* pula yang terdapat dalam majalah *The Muslim Reader*.
3. Kajian ini hanya terbatas kepada majalah *The Muslim Reader* yang diterbitkan oleh Darul Arqam Singapura. Oleh itu dicadangkan agar kajian dapat dijalankan juga ke atas majalah-majalah lain yang diterbitkan oleh badan Islam di Singapura, seperti

majalah Risalah yang diterbitkan oleh PERGAS (Persatuan Guru-guru Agama Singapura) dan majalah Teens Crossroad oleh Darul Arqam Singapura.

### **5.3.2 Penerbit Majalah *The Muslim Reader***

1. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa majalah *The Muslim Reader* kerap membincangkan isu berkaitan dengan akidah dan akhlak dalam setiap terbitan mereka. Namun, tidak banyak isu semasa dan isu syariah yang dibincangkan di dalam majalah tersebut. Oleh itu, dicadangkan agar pihak penerbitan dan juga editor majalah *The Muslim Reader* dapat mengeluarkan lebih banyak rencana yang membincangkan isu-isu berkaitan dengan hal ehwal semasa dan juga syariah. Isu syariah pula tidak hanya tertumpu kepada soal kewangan Islam dan juga perbankan Islam, tetapi dicadangkan agar dapat dikembangkan lagi kepada persoalan *mu'amalah* dan munakahat seperti persoalan pembinaan keluarga serta perundungan Islam.
2. Kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa setiap rencana yang dikeluarkan dalam majalah *The Muslim Reader* ialah hasil daripada sumbangan idea dan penulisan daripada para sukarelawan dan masyarakat yang tampil menyumbangkan rencana dan penulisan mereka kepada pihak penerbitan majalah. Oleh itu, disarankan agar kerjasama dapat terus dijalankan antara penerbit majalah *The Muslim Reader* dan para asatizah yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza serta kemahiran dan kepakaran yang pelbagai agar dapat bekerjasama dalam menerbitkan rencana berkaitan dengan agama yang lebih padat. Kemahiran dan kepakaran setiap asatizah dan mahasiswa boleh digunakan dalam menerbitkan sebuah majalah agama yang berkualiti dan menarik dengan kepelbagaiannya isu dan mesej dakwah.

3. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa setiap terbitan majalah *The Muslim Reader* kerap membincangkan isu dari sudut isu yang sama. Adakalanya antara satu rencana dan rencana yang lain mempunyai mesej sama yang hendak disampaikan. Oleh itu, dicadangkan agar pihak penerbitan dapat menyajikan lebih banyak isu-isu menarik dan pelbagai agar lebih banyak mesej dakwah itu dapat disampaikan.

### **5.3.3 Badan-Badan Islam Singapura**

1. Untuk mengembalikan kegemilangan Singapura dalam dunia permajalah Melayu terutama majalah agama, disarankan kepada badan-badan Islam Singapura untuk mendapatkan kerjasama antara penulis, para asatizah dari pelbagai bidang, guru-guru bahasa, mahasiswa-mahasiswa universiti, para pelajar sekolah yang berbakat dalam dunia penulisan, ASAS 50, pihak jawatankuasa dan pentadbir masjid, pihak madrasah dan masyarakat awam untuk sama-sama bekerjasama dalam menerbitkan sebuah majalah agama yang mantap dan berkualiti.
2. Selain menerbitkan majalah yang merupakan proses pertama, proses seterusnya yang menjadi kepentingan ialah proses menyebarkan majalah tersebut kepada pembaca iaitu pembeli. Oleh itu, disarankan agar badan-badan Islam di Singapura dapat bekerjasama dengan pihak yang mahir dan pakar dalam bidang IT agar dapat menyebarkannya dengan lebih meluas dengan penggunaan IT. Kerjasama daripada pihak madrasah dan masjid serta para asatizah juga perlu agar dapat mewar-warkan dan menyebarkannya kepada para pelajar dan juga ibu bapa.
3. Dalam mencari penulisan yang bermutu dengan idea-idea yang segar, badan-badan Islam dicadangkan agar dapat mengadakan lebih banyak pertandingan penulisan dakwah, tidak kira daripada sudut penulisan novel dakwah, cerpen, rencana dan artikel

yang mengandungi mesej dakwah mahupun sajak dan puisi berkaitan agama agar dapat mencungkil bakat-bakat muda dalam bidang penulisan, terutama penulisan dakwah.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Sejarah pernah menyaksikan beberapa majalah agama pernah diterbitkan di Singapura, namun kesemuanya hanya dapat bertahan dalam tempoh yang singkat. Sebaik sahaja pusat penerbitan dan percetakan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, peranan Singapura sebagai pusat penerbitan majalah Melayu kian terhakis. Maka, tidak banyak majalah Melayu yang diterbitkan terutama majalah yang berbentuk keagamaan. Sehingga kini, Singapura tidak mempunyai banyak majalah agama. Oleh itu, banyak usaha yang perlu dilakukan bagi menerbitkan sebuah majalah keagamaan yang bermutu dengan isi yang mantap dan kupasan yang menarik serta kekal relevan dengan isu-isu semasa, dan tidak hanya tertumpu kepada laporan acara aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah persatuan. Demi mengembalikan kegemilangan penerbitan majalah Melayu terutama majalah bercorak keagamaan di Singapura, kerjasama dan usaha dari pelbagai pihak, seperti badan Islam, para asatizah serta masyarakat Islam itu sendiri penting. Masing-masing perlu memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sebuah bahan bacaan agama yang bermutu dan bermanfaat bagi pembaca. Ini selaras dengan tuntutan dakwah yang dilihat sebagai suatu keperluan bagi manusia seluruhnya. Diharap kajian ini dapat membantu pengkaji akan datang untuk terus menjalankan kajian mereka terhadap dunia permajalah Melayu terutama majalah agama di Singapura serta memberi informasi dan maklumat terhadap sejarah perkembangan majalah agama di Singapura kepada pembaca dan pengkaji.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quraan.

Hadis / Sunnah

Kamus Pustaka Dewan Edisi Empat (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Al-Quareeb Al-Mawrid (1991).Beirut,Lebanon:Dar El-Ilm Lilmalayin

Longman Dictionary of Contemporary English (1987). England: Longman Group UK Limited.

Oxford Mini Dictionary&Thesaurus (2008).United States:Oxford University Press.

### RUJUKAN BUKU;

Abdul Hamid Al-Ghazali (2011), *Perkara Asas dalam Agenda, Kebangkitan Ummah,Kajian Berdasarkan Gagasan Imam Al-Banna*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Percetakan Salam.

Abdul Majid Az-Zindai (2011), *Kitab Tauhid Diperakui oleh Fakta Sains*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abd.Latif Muda, Dr.Rosmawati Ali@Mat Zin (2007), *Perbahasan Akidah Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam.

Abd.Latiff Muda (2003), *Pengantar Syariah dan Teori Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdul Latiff Muda (2003), *Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Ahmad Mahmud (2002) , *Dakwah Islam;Kajian Kritis terhadap metode Dakwah*

*Rasulullah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Thariqul Izzah.

Akhmal Mohd.Zain (2007) , *Asas Pengetahuan Agama Islam (Tauhid, Fiqah &*

*Akhlaq)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.

Abdul Karim Zaidan (2002), *Usul Da'wah (Islam dan Dakwah)*. Kuala Lumpur:

Pustaka Salam.

Abdul Karem Zaidan (2001), *Usul Da'wah 2 (Dasar-Dasar Ilmu Da'wah)*. Shah Alam,

Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Ab.Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (2001). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti

Malaya.

Abdullah Muhammad Zin (1998), Che Yusoff Che Mamat, Ideris Endot , *Prinsip dan*

*Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*.Bangi : Universiti

Kebangsaan Malaysia.

Ab.Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit

Universiti Malaya.

Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (1997), *Aqidah Mukmin jilid 1*. Kuala Lumpur: Pustaka

Antara.

Jum'ah Amin Abdul Aziz (2008), *Fiqih Dakwah*. Pajang, Solo: Era Intermedia.

Khalid Muhammad (2003), *Fiqih Dakwah Ummahatul Mukminin*.Indonesia: Pustaka

Imam Asy-Syafi'i.

Muhammad Bin Sa'ad Bin Syaqir (2011), *Bimbingan Dakwah di Jalan Allah*. Johor

Bahru, Johor: Jahabersa.

Mohd Yusof Hussain (2012), *Contemporary Issues in Islamic Communication*.Batu

Caves, Selangor, Malaysia: International Islamic University Malaysia.

- Mohd.Yusof Husain (2008) , *Mass Media in selected Muslim Countries Second Edition*. Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Mohd.Yusof Hussain (2006), *Media and Muslim Society*. Malaysia: IIUM PRESS, International Islamic University Malaysia.
- M.Natsir (2008), *Fiqhud Da'wah* ,Jakarta: Yayasan Capita Selecta Jakarta dan Media Da'wah.
- Nor Raudah Siren (2013) , *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Raudah Siren , Yusmini Mohd Yusoff, Mahmudah (2006), *Dakwah Islam Semasa; Konsep dan Pelaksanaan*. Malaysia: Universiti Malaya.
- Ruzain Syukur Mansor (2011), *Dakwah Dan Teknologi Maklumat*.Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Rosmawati Ali@Mat Zin (1997), *Pengantar Ulum Al-Qura'an*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997.
- Sulaiman Noordin (2010), *Sejarah pemikiran 1, Sumber Ilmu, Perbantingan Ideologi, Dan Orde Baru Dunia*. Johor Bahru, Malaysia: Jahabersa.
- Sohirin M.Solihin (2008), *Islamic Da'wah Theory and Practice*.Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Syaikh Akram Kassab (2010), *Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*. Jakarta : Pustaka Al-kautsar.

RUJUKAN JURNAL:

Hamedi Mohd Adnan, Deddy Mulyana, "Debt and its Collection in Malay Magazine Business Before World War II," *Medwell Journals* 10 (3)(2016), 248-254.

Hamedi M.A et al, "Popularity of Literary Malay Magazine after the Second World War," *Mediterranean Journal of Social Sciences* Vol.6 (September 2015), 560-568.

A Rahman Tang Abdullah & Abdul Rashid Saleh, "Akhbar Melayu dan Isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an , " *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas* (2015).

Shahrul Nazmi Sannusi, "Cabaran dan Potensi Majalah Dakwah Berbahasa Melayu di Malaysia Terhadap Trend Perolehan Perbelanjaan Iklan (ADEX)," *Jurnal Al-Hikmah* 6(2)(2014),12-28.

Ahmad Zaini, "Dakwah Melalui Media Cetak," *AT-TABSYI STAIN Kudus*, 2(2)(Juli-Disember 2014), 59-75.

Hamedi M. Adnan, Sirkulasi dan pengedaran majalah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, *Journal of the Department of History* 23(2) (2014): 25-33.

Hamedi M.Adnan & Mohammad Saleeh Rahamad, "Circulation and distribution of Malay magazine before the second World War," *International Journal of research in Social Sciences* 3(8)(April 2014), 82-90.

Ahmad Faisal Mohd Fiah, "Role of Al-Imam in Malay Transformation until 1941," *International Conference On Social Science and Humanity IPEDR* 5 (2011), 408-412.

Hamed M. Adnan, "Penerbitan majalah agama sebelum perang Dunia Kedua: antara tanggungjawab sosial dengan perniagaan," *Jurnal Sejarah* 18 (2010) : 87-110.

Hamed M. Adnan, "*The profile of Malay magazine publishing in 1980s*," *Jurnal Pengajian Melayu* 19 (2008):37-51.

Hamed Mohd Adnan, "*The profile of Malay magazines before the Second World War, 1900-1941*," *Jurnal Sejarah* 14 (2006) :59-76.

Yazilmiwati Yaacob, "Cabaran Majalah Pengasuh Sebagai Medium Dakwah," *Sunway Academic Journal* 1 (2004), 51-64.

Azyumardi Azra, "*The Transmission of al-Manar's Reformism to the Malay-Indonesian World: The case of al-Imam dan al-Munir*," *Studia Islamika Indonesian Journal for Islamic Studies*, 6(3)(1999), 75-100.

John A.Lent, "*Malaysia's National Language Mass Media: History and Present Status*," *South East Asian Studies* 15(4) (March 1978), 598-612.

#### RUJUKAN DISERTASI:

Abdul Aziz Hussain, Penerbitan buku-buku dan majalah-majalah Melayu di Singapura diantara bulan September 1945 sehingga September 1958.Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan Kreatif dan Deskriptif), 1959.

A'bidah Yahya, Darul Arqam Singapura: Kajian Dari Aspek Pengurusan Program Dakwah Di Kalangan Saudara Baru.Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Kajian ilmiah bagi peringkat ijazah sarjana muda),2008.

Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (196-1996): Kajian Terhadap Pendekatan Dan Tema”, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Tesis untuk ijazah kedoktoran), 2012.

Mohammad Abu Bakar Abdul Rahman ,“Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W di Peringkat Permulaan di Mekah: Aplikasinya di Singapura”, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (Disertasi untuk ijazah Sarjana ), 2010.

Mohammad Abdul Halim Mohammad Nor ,“Peranan Madrasah di Singapura dalam dakwah selepas Kemerdekaan dan Masalahnya”. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Disertasi bagi peringkat sarjana), 2008.

Mohd Rusdi Mansor, "Pendekatan Dakwah Rasulullah S.A.W di Mekah: Kajian Perlaksanaannya di Institusi-institusi Dakwah Perlis". Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Disertasi bagi peringkat ijazah sarjana), 2004.

Mohammad Saari, Peranan Media Cetak dalam Dakwah di Malaysia: Kajian Khusus tentang Penerbitan Media Cetak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia". Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.( Disertasi bagi peringkat ijazah sarjana), 1998.

Norrodzoh Hj Siren, “Penulisan Dakwah: Kajian Retorik Terhadap Teks Ucapan Dasar Abim dan Pas”. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Tesis bagi peringkat kedoktoran), 2010.

#### **RUJUKAN KERTAS KERJA:**

Hamed M. Adnan, Perkembangan Majalah Melayu Selepas Merdeka Sehingga 1999,

Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada

12-13 Ogos 2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003.

Suratman Markasan (2003), Penerbitan Majalah Melayu di Singapura Selepas Perang

Dunia Kedua: Sebab Muncul, Penutupan dan Masa Depannya. Kertas kerja

dibentangkan dalam Simposium Dunia Permajalah Melayu pada 12-13 Ogos

2003, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.23-25.

#### **RUJUKAN LAMAN WEB:**

Qalam Article Database, <http://majalahqalam.kyoto.jp/eng/> , 15 March 2016.

Lam Sesawang Darul Arqam Singapura, <http://www.darul-arqam.org.sg/> , 13 March

2016.